

SIRI MENJELAJAH ALKITAB

# KISAH RASUL-RASUL

DIBERI KUASA DARI ROH KUDUS UNTUK  
MENJADI SAKSI SAMPAI KE HUJUNG BUMI



**WAWASAN  
PENABUR**

## **Siri Menjelajah Alkitab Kisah Rasul-Rasul**

Penulis : Goh Kim Guat  
Penterjemah : Veronica Moliun  
Penyunting : Randy Singkee  
Reka Letak : Randy Singkee  
Penelitian Pruf : Steffisley Mosingki & Jously Buaya  
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: September 2013

Hakcipta © 2005 Edisi Bahasa Inggeris  
Issachar Sdn Bhd

Hakcipta © 2012 Edisi Bahasa Malaysia  
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Petikan Alkitab diambil dari:  
Alkitab Berita Baik, Edisi Kedua © 2001 The Bible Society of Malaysia

Diterbitkan oleh:  
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, Selangor  
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

# Daftar Isi

---

|     |   |
|-----|---|
| 1   | <b>Prakata</b>                                  |
| 2   | <b>Sebelum Anda Bermula</b>                     |
| 3   | <b>Pengenalan</b>                               |
| 3   | Pengenalan Kepada Kisah Rasul-Rasul             |
| 6   | Tokoh-Tokoh Dalam Kisah Rasul-Rasul             |
| 13  | Perjalanan Misi Rasul Paulus                    |
| 20  | Nota-Nota Geografi                              |
| 25  | Mukjizat-Mukjizat Dalam Kisah Rasul-Rasul       |
| 27  | Khutbah-Khutbah Dalam Kisah Rasul-Rasul         |
| 28  | Kesan Penganiayaan Selepas Kematian Stefanus    |
| 29  | Latar Belakang Agama Dalam Perjanjian Baru      |
| 36  | Latar Belakang Kebudayaan Dalam Perjanjian Baru |
| 39  | <b>Kisah Rasul-Rasul</b>                        |
| 40  | Bab 1   |
| 44  | Bab 2   |
| 50  | Bab 3   |
| 52  | Bab 4   |
| 56  | Bab 5   |
| 59  | Bab 6   |
| 61  | Bab 7   |
| 64  | Bab 8   |
| 68  | Bab 9   |
| 72  | Bab 10  |
| 75  | Bab 11  |
| 77  | Bab 12  |
| 81  | Bab 13  |
| 85  | Bab 14  |
| 87  | Bab 15  |
| 90  | Bab 16  |
| 94  | Bab 17  |
| 97  | Bab 18  |
| 100 | Bab 19  |
| 104 | Bab 20  |
| 107 | Bab 21  |
| 111 | Bab 22  |
| 113 | Bab 23  |
| 117 | Bab 24  |
| 121 | Bab 25  |
| 125 | Bab 26  |
| 128 | Bab 27  |
| 133 | Bab 28  |
| 137 | <b>Senarai Rujukan</b>                          |



# Prakata

Siri Menjelajah Alkitab merintis kepada satu komentari ringkas untuk buku-buku yang terdapat dalam Alkitab, khusus untuk para remaja dan belia yang mempunyai kerinduan untuk menghayati dan mempelajari Alkitab secara berseorangan ataupun berkumpulan. Siri ini diilhamkan oleh adanya keperluan bagi para pelajar Tingkatan 4 dan 5 (khususnya dari Sabah dan Sarawak) yang memilih dan mempersiapkan diri untuk mengambil mata pelajaran pilihan Bible Knowledge bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Ramai pelajar Kristian yang tidak sedar bahawa ada mata pelajaran yang dikenali sebagai Kertas 9221 Bible Knowledge, yang ditawarkan dalam peperiksaan SPM. Dengan rahmat Tuhan, mata pelajaran ini masih lagi bertahan sejak tahun 1960-an, walaupun telah beberapa kali cuba ditiadakan oleh Kementerian Pendidikan dengan alasan tidak mendapat sambutan daripada para pelajar.

Kertas 9221 Bible Knowledge adalah dalam Bahasa Inggeris. Sukatan pelajarannya merangkumi dua bahagian:

- (1) Kehidupan dan ajaran Yesus Kristus berdasarkan Injil Lukas, dan
- (2) Pertumbuhan Gereja Awal berdasarkan Kisah Rasul-Rasul.

Siri Menjelajah Alkitab ini akan menjadi panduan kepada mereka yang berhasrat untuk mengambil Bible Knowledge sebagai mata pelajaran pilihan SPM, atau bagi individu yang mahu mendalami Firman Tuhan. Ada beberapa sebab mengapa kita harus menggalakkan para pelajar Kristian mengambil mata pelajaran pilihan Bible Knowledge, walaupun harus menjawabnya di dalam Bahasa Inggeris:

1. Pelajar-pelajar Kristian harus mengetahui Firman Tuhan sama seperti mereka memahami mata pelajaran akademik yang lain.
2. Mengambil mata pelajaran ini merupakan satu pelaburan masa untuk kekekalan.
3. Firman Tuhan adalah sauh yang diperlukan oleh para pelajar semasa melalui masa-masa sukar dalam hidup, khususnya dalam menghadapi cabaran ganggu-gugat iman yang mereka percayai.
4. Ia akan menjadi satu landasan keakhlakan dalam semua tindakan dan keputusan dalam kehidupan seharian mereka.
5. Gereja di Malaysia memerlukan para pemimpin hari esok yang benar-benar takut akan Tuhan.
6. Ia juga akan membantu meningkatkan penguasaan para pelajar terhadap Bahasa Inggeris.

Bermula dengan Injil Lukas dan Kisah Rasul-Rasul, Siri Menjelajah Alkitab ini akan dikembangkan untuk meliputi buku-buku lain yang ada di dalam Alkitab.

Semoga angkatan pelapis Gereja di Malaysia akan dikuatkan dan diteguhkan iman mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran yang mengganggu-gugat kepercayaan mereka di dalam ajaran dan keilahian Tuhan Yesus Kristus. Dan semoga para remaja dan belia kita akan lebih mengenal, mencintai dan meneladani Yesus Kristus yang adalah Jalan, Kebenaran dan Hidup. Amen!



## Sebelum Anda Bermula

Sebelum anda memulakan penjelajahan anda dalam mengenal dan menghayati Kisah Rasul-Rasul, ada beberapa petunjuk yang akan membantu anda sepanjang pengembaraan anda:

1. Baca bahagian Pengenalan Kepada Kisah Rasul-Rasul terlebih dahulu.
2. Baca Kisah Rasul-Rasul paling kurang sekali sebelum anda memulakan pembelajaran dengan mendalam untuk setiap bab.
3. Nota-nota di bahagian bawah setiap halaman (bahagian Teropong) menyediakan beberapa maklumat latar belakang untuk membantu anda memahami Firman Tuhan yang dibaca.
4. Sepanjang penjelajahan anda, anda akan berhenti untuk berfikir sejenak Firman Tuhan yang telah dibaca, mengambil prinsip dan pengajaran untuk dijadikan pegangan dalam hidup, berdoa dan menghafal Firman Tuhan

Dalam buku ini, anda akan bertemu dengan simbol-simbol berikut:



**Teropong**

**Perkara-perkara menarik untuk diketahui** - ini adalah nota-nota yang akan membantu anda memahami ayat atau petikan Alkitab tersebut



**Mari Fikir Sejenak**

**Sesuatu untuk difikirkan** - ini adalah soalan-soalan yang akan membantu anda untuk membuat refleksi dan renungan, serta bagaimana kebenaran Firman Tuhan itu dapat diterapkan di dalam hidup anda.



**Suatu Pegangan Hidup**

**Untuk pegangan hidup** - ini adalah komentar-komentar yang boleh membantu anda dalam kehidupan sehari-harian anda dengan Tuhan.



**Waktu Untuk Berdoa**

**Berhenti sejenak untuk berdoa** - ini menunjukkan bahawa anda mungkin mahu berhenti sejenak untuk berdoa kepada Tuhan tentang apa yang anda telah baca dan pelajari. Ingatlah bahawa Roh Kuduslah guru anda yang terbaik.



**Ayat Hafalan**

**Ayat Firman Tuhan yang menjadi pendorong kepada anda** - ini adalah ayat-ayat Firman Tuhan untuk anda hafal dan simpan di dalam hati anda.

## Pengenalan Kepada Kisah Rasul-Rasul

### Penulis

Secara umum, adalah dipersetujui bahawa pengarang Injil Lukas juga merupakan pengarang buku Kisah Rasul-Rasul. Kedua-dua buku tersebut ditujukan kepada individu yang sama iaitu Teofilus. Bahasa dan struktur kedua-dua buku tersebut adalah sama dan menunjukkan bahawa kedua-duanya telah ditulis oleh orang yang sama. Adalah lazim bagi penulis di zaman dahulu untuk mengatur karya mereka kepada beberapa bahagian yang lebih pendek, yang dikenali sebagai 'kitab', serta membuat pengenalan ringkas bagi setiap bahagian itu. Kisah Rasul-Rasul merupakan bahagian kedua daripada kitab dua jilid, di mana bahagian pertama jilid tersebut adalah Injil Lukas.

Asalnya kedua-dua buku tersebut diedarkan bersama-sama sebagai satu karya lengkap yang mempunyai dua bahagian. Tetapi di akhir abad pertama atau awal abad kedua, bahagian pertama daripada jilid tersebut telah disatukan dengan Injil Matius, Markus, dan Yohanes bagi membentuk 4 kitab Injil tentang kehidupan Yesus Kristus. Jilid kedua kemudiannya diedarkan secara berasingan selepas itu. Pada masa inilah, bahagian kedua daripada jilid tersebut mendapat namanya sebagai "Kisah Rasul-Rasul". Perkataan "Kisah Rasul-Rasul" memaparkan penyebaran injil dan pekerjaan para rasul.

Walaupun penulis tidak menyatakan dirinya dalam karyanya, bukti di luar Kitab Suci serta pemerhatian dalam buku tersebut menyimpulkan bahawa penulis buku tersebut adalah Lukas.

#### a. Bukti Luaran

Bukti yang paling jelas didapati dari Ireneus (sekitar 180 M), salah seorang daripada uskup gereja awal, yang menamakan Lukas sebagai penulis Injil ketiga serta Kisah Rasul-Rasul. Sejak dari itu, tradisi telah mengekalkan Lukas sebagai penulisnya.

#### b. Bukti Dalaman

- i) Dalam penerangan peristiwa-peristiwa di dalam Kisah Rasul-Rasul, kata ganti nama "kita" digunakan dalam beberapa ayat, termasuk kisah penahanan Paulus di Roma. Pada bahagian-bahagian tersebut, penulis memasukkan dirinya sebagai teman Paulus dalam pengembaraannya. Selepas mengeneipkan semua teman perjalanan Paulus yang lain, yang atas sebab-sebab tertentu tidak menepati syarat untuk menjadi penulis Kisah Rasul-Rasul, Lukas merupakan calon penulis yang paling tepat.
- ii) Walaupun penulis Kisah Rasul-Rasul tidak dapat dibuktikan sebagai seorang doktor melalui perbendaharaan kata dalam buku tersebut, perkataan-perkataan yang digunakannya serta pendidikannya banyak mencerminkan tugasnya sebagai seorang doktor. Dan Paulus menggunakan istilah "doktor" apabila menggambarkan Lukas (Kol 4: 14).

Lukas dilahirkan dalam sebuah keluarga bukan Yahudi, berpendidikan dalam budaya Yunani dan berprofesi sebagai seorang doktor (Kol 4:14). Dia mengembara bersama Paulus beberapa kali, besar kemungkinan menyertai Paulus di Troas dalam perjalanan misi keduanya. Dia tetap tinggal di Filipi apabila Paulus dan Silas berpisah. Tidak dinyatakan berapa lama Lukas tinggal di Filipi. Tetapi dia sepertinya menyertai Paulus semula dari Filipi untuk perjalanan misi Paulus yang terakhir. Dari Filipi, dia menemani Paulus ke Yerusalem. Dia ada bersama-sama dengan Paulus sewaktu Paulus ditahan di Kaisarea. Dia juga menemani Paulus sewaktu Paulus pertama kali dipenjarakan di Roma. Lukas adalah seorang sahabat yang setia yang tetap bersama dengan Paulus walaupun orang lain meninggalkannya (2 Tim 4: 11). Tradisi gereja awal mencadangkan bahawa Lukas mungkin berasal dari Antiokhia di Siria atau dari Filipi di Makedonia.

### Tempat dan Tarikh Buku Ditulis

Ada dua tarikh yang dikemukakan untuk penulisan buku ini: (i) sekitar tahun 63 M, sejeurus selepas peristiwa terakhir yang direkodkan dalam buku tersebut, dan (ii) menjelang tahun 70 M atau selepasnya.

1. Mereka yang menyokong tarikh yang lebih awal mempertikaikan bahawa buku tersebut tidak menyebut apa-apa tentang peristiwa yang berlaku selepas penahanan Paulus selama dua tahun di Roma. Contohnya pembakaran di Roma serta penganiayaan orang Kristian di Roma (64 M); kesyahidan Petrus dan Paulus (kemungkinan 70 M); dan keruntuhan kota Yerusalem (70 M). Mereka juga mengajukan soalan tentang mengapa Lukas tidak mencatat keputusan penghakiman Paulus sekiranya peristiwa itu telah berlaku ketika dia menulis Kisah Rasul-Rasul.



2. Mereka yang menyokong tarikh kedua mempertahankan bahawa salah satu tujuan Lukas untuk menulis sejarah telah dicatatkan di Kisah Rasul-Rasul 1:8 dan tujuan itu mempengaruhi bagaimana buku tersebut diakhiri. Dia ingin menunjukkan kisah bagaimana gereja berkembang dengan pesat di zamannya (Yerusalem, Yudea, Samaria dan ke hujung bumi) sehingga sampai ke Roma, pusat politik dan kebudayaan dunia. Dalam pemahaman ini, kematian Paulus (67 M) dan keruntuhan Yerusalem (70 M) adalah tidak relevan. Ini bermakna Kisah Rasul-Rasul mungkin ditulis pada 70 M atau kemudian. Beberapa orang mengusulkan bahawa Lukas bukan hanya menulis sejarah peristiwa tetapi dia juga telah mempertimbangkan kepentingan cerita yang ditulisnya. Mereka mengatakan bahawa penulis tidak dapat melakukan hal tersebut melainkan dia berada jauh daripada peristiwa yang berlaku supaya dia boleh melihatnya dengan pandangan yang berbeza. Oleh itu, mereka mempertahankan pendapat bahawa Lukas menulis pada masa di mana dia boleh mengingat kembali peristiwa yang diceritakannya.

Sekiranya tarikh penulisan tidak dapat ditetapkan, tempat buku itu ditulis lebih sukar untuk dipastikan. Tradisi mengaitkan Lukas dengan Antiokhia, walaupun terdapat saranan yang lain seperti Roma, Filipi atau Efesus.

Ketidakpastian tentang tarikh dan tempat serta situasi yang tepat ketika Kisah Rasul-Rasul ditulis tidak mengubah nilai dan kepentingan buku tersebut dan juga tujuan penulisannya. Tema utama Kisah Rasul-Rasul sangat jelas dan menonjol dalam seluruh buku tersebut.

### ***Bahasa dan Gaya Bahasa***

Lukas menulis buku ini dalam bahasa Yunani. Dia mempunyai pemahaman yang cemerlang dalam bahasa tersebut, ditambah dengan tatabahasa yang luas dan kaya. Bersama dengan penulis buku Ibrani, bahasa Yunannya adalah salah satu yang paling halus dalam Perjanjian Baru, seperti yang dilihat dalam Injil Lukas. Walau bagaimanapun, tidak seperti penulisannya dalam Injil Lukas, Lukas menggunakan bahasa Yunani yang lebih kasar di beberapa bahagian Kisah Rasul-Rasul, yang gaya bahasanya sama dengan Perjanjian Lama dalam bahasa Yunani atau Septuagint (Perjanjian Lama yang ditulis dalam bahasa Yunani untuk orang Yahudi yang tidak bertutur dalam bahasa Ibrani). Mungkin Lukas menganggap dirinya sedang mencatatkan sejarah yang suci, mempercayai bahawa peristiwa-peristiwa yang dicatatnya itu menggenapi nubuatan-nubuatan dalam Perjanjian Lama dan merupakan satu pekerjaan Allah yang sedang berjalan.

### ***Kepentingan Buku Kisah Rasul-Rasul***

Nama "Kisah Rasul-Rasul" sebenarnya agak mengelirukan kerana kebanyakan peristiwa tertumpu kepada Petrus dan Paulus serta orang-orang dan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan pelayanan mereka, bukan kesemua dua belas orang rasul. Sekiranya kita tidak mempunyai buku Kisah Rasul-Rasul, kita tidak akan mengetahui gerakan Kristian awal kecuali sedikit maklumat yang diambil dari surat-surat Paulus atau penemuan melalui perkembangan-perkembangan yang selanjutnya.

Kisah Rasul-Rasul adalah buku Perjanjian Baru yang ketiga terpanjang, iaitu sepersepuluh lebih pendek daripada Lukas (buku terpanjang di Perjanjian Baru) dan hampir sama panjangnya dengan Injil Matius. Lukas dan Kisah Rasul-Rasul merangkumi kira-kira 30 peratus tulisan di dalam Perjanjian Baru. Buku Kisah Rasul-Rasul memberikan kesinambungan kepada tulisan-tulisan lain dalam Perjanjian Baru. Sebagai bahagian kedua kepada Injil Lukas, ia menyambungkan apa yang Yesus 'telah lakukan dan ajarkan' seperti yang dicatatkan dalam Injil dengan apa yang Dia terus lakukan dan ajarkan melalui khutbah para rasul dan penubuhan gereja awal.

Selain daripada menghubungkan cerita-cerita Injil dengan surat-surat para rasul, ia juga menjadi sumber maklumat bagi kehidupan Paulus di mana kita boleh menemui latar masa dan tempat bagi surat-suratnya. Secara geografi, ceritanya menjangkau kawasan di antara Yerusalem tempat di mana gereja bermula, dan Roma, pusat politik empayar tersebut. Dari sudut sejarah, ia menggambarkan 30 tahun pertama bagi gereja Tuhan Yesus.

### ***Tema dan Tujuan***

Lukas tidak memberitahu tujuannya menulis buku Kisah Rasul-Rasul dengan jelas. Ini kerana dia telah pun menyatakan tujuannya menulis buku dua jilid tersebut dalam Injil Lukas, jilid pertamanya.

Dia mengatakan dalam Lukas 1:4 bahawa dia menulis kepada seorang individu yang bernama Teofilus, nama yang bermaksud 'seseorang yang mengasihi Allah', supaya dia mengetahui dengan pasti setiap





pengajaran yang diterimanya. Teofilus mungkin merupakan seorang pegawai Roma atau seseorang yang kaya dan berkedudukan tinggi. Kemungkinan besar dia merupakan penanggungjawab untuk memastikan supaya tulisan-tulisan Lukas dicetak dan diedarkan. Dia seperti seorang lelaki yang walaupun terbuka kepada Injil dan mungkin yakin dengan apa yang dinyatakannya, tetapi dia mempunyai banyak persoalan tentang ajaran Kristian yang diketahuinya. Melihat cara Lukas menulis kepadanya, kita dapat menyimpulkan bahawa Teofilus juga berminat tentang bagaimana injil disebarkan, diterima dan apakah keberhasilannya di pelbagai pusat pengaruh di kawasan timur empayar tersebut, dari Yerusalem ke Roma. Dalam Injil, Lukas mahu Teofilus untuk mula mengetahui apa yang Yesus telah ajarkan dan lakukan (Kis 1:1). Dalam Kisah Rasul-Rasul, dia mengaitkan apa yang diteruskan dan diajar oleh Yesus melalui pengikut-pengikut-Nya.

Beberapa tema utama yang terdapat dalam Kisah Rasul-Rasul ialah:

### 1. Satu Pengisytiharan Injil

Dalam jilid pertamanya, Lukas menunjukkan bagaimana lelaki dan wanita dihadapkan dengan Firman Allah sewaktu pelayanan Yesus di atas bumi. Dalam Kisah Rasul-Rasul, Lukas mahu menunjukkan bagaimana lelaki dan wanita terus dihadapkan dengan Firman yang sama melalui pelayanan gereja. Bagi Lukas, mesej keselamatan dalam Yesus yang dinyatakan oleh gereja merupakan kesinambungan pelayanan dan ajaran Yesus secara tidak langsung. Khutbah dalam Kisah Rasul-Rasul mengandungi mesej tentang kebangkitan dan pengangkutan Yesus.

Jalan cerita utama Kisah Rasul-Rasul adalah berkenaan dengan pengkhabaran mesej keselamatan ini. Salah satu tema utama di dalam Kisah Rasul-Rasul ialah misi. Ia merupakan misi para rasul serta jemaah awal Kristian untuk menyebarkan mesej bermula dari Yerusalem di kalangan orang Yahudi dan kemudiannya 'ke hujung bumi' untuk semua orang. Mesej tersebut akhirnya melepaskan diri dari batas di kalangan agama Yahudi dan mempengaruhi kehidupan ramai orang melalui kuasa dan pekerjaan Roh Kudus.

### 2. Permulaan Gereja

Kisah Rasul-Rasul memaparkan sejarah permulaan gereja Kristian yang terawal. Ia menceritakan penubuhan gereja, penyebaran injil, permulaan jemaah, dan usaha-usaha penginjilan dari jemaah Kristian awal.

Lukas juga bertujuan untuk menggambarkan kehidupan dan cara penyembahan gereja awal sebagai corak untuk dijadikan pedoman bagi gereja pada waktu itu serta gereja pada masa akan datang. Dia menekankan kepentingan Roh Kudus dalam kehidupan gereja.

### 3. Mempertahankan Iman

Dalam Kisah Rasul-Rasul, terdapat catatan yang menyatakan pembelaan Kristian untuk orang Yahudi (cth, 4:8-12) dan orang bukan Yahudi (cth, 17:22-31), dengan tujuan untuk mengisytiharkan iman. Lukas ingin memperlihatkan bahawa agama Kristian bukan ancaman kepada empayar tersebut, seperti yang didakwa oleh pihak Yahudi, tetapi ia lebih kepada kemuncak harapan Israel dan perlu dianggap oleh pihak berkuasa Roma sebagai satu *religio licita* (agama yang sah) sama seperti agama Yahudi. Lukas sangat berhati-hati dalam menunjukkan bahawa tidak ada seorang pun pegawai Roma dalam abad pertama yang pernah menerima dakwaan agama Kristian sebagai agama baru yang tidak sah dalam empayar tersebut.

### 4. Orang Bukan Yahudi Menerima Injil dan Menjadi Umat Allah

Kisah Rasul-Rasul mencerminkan ketegangan yang wujud pada gereja awal tentang hal pengkhabaran injil kepada dunia orang bukan Yahudi, kemudian tentang tatacara bagaimana mereka diterima masuk ke gereja. Lukas menunjukkan perkembangan injil yang pada mulanya diberitakan hanya kepada orang Yahudi di Yerusalem, dan beberapa tahun kemudian kepada orang-orang Samaria, orang-orang yang tidak bersunat yang takut akan Allah, dan akhirnya kepada orang pagan bukan Yahudi menurut pimpinan dan rancangan Allah. Kejadian-kejadian tersebut terjadi tanpa perancangan dari gereja dan gereja harus menerima kenyataan tentang fakta ini.

Sejajar dengan penerimaan orang-orang bukan Yahudi di gereja, Lukas juga menunjukkan bagaimana semakin ramai orang Yahudi yang menolak injil. Paulus juga selalu digambarkan sebagai memulakan misinya pertama-tama di kalangan orang Yahudi di rumah-rumah ibadat, dan hanya apabila mereka menolak barulah dia datang kepada orang-orang bukan Yahudi.



## 5. Kejayaan Agama Kristian Meskipun Ditentang

Salah satu tema yang ada terdapat dalam Kisah Rasul-Rasul ialah fakta tentang pengkhabaran injil yang berhadapan dengan banyak tentangan. Ia bermula apabila orang Yahudi menolak berita keselamatan dan tidak mahu menerima hakikat bahawa agama Kristian ialah pelengkap kepada agama Yahudi. Mereka juga sangat menentang pemberitaan injil kepada orang-orang bukan Yahudi. Dalam banyak kes, mereka mendapat sokongan dari orang-orang bukan Yahudi untuk bertindak dengan keganasan menentang para penganjil. Walau bagaimanapun, meskipun banyak tentangan dan penganiayaan yang dialami oleh para penganjil awal, Firman Allah terus tersebar dengan meluas. Kejayaan gereja untuk membawa injil dari Yerusalem ke Roma dan penanaman gereja tempatan di seluruh empayar Roma membuktikan bahawa agama Kristian bukan hanya sekadar perbuatan manusia. Rancangan Allah pasti akan dipenuhi tanpa mengira apa juga halangan.

| <b>Garis Kasar Kisah Rasul-Rasul</b><br>Kisah Rasul-Rasul boleh disusun kepada lapan bahagian utama: |  |
|--|--|
| I Kelahiran Gereja<br>(1:1-2:47)   | II. Gereja dan Pihak Berkuasa Yahudi<br>(3:1-5:42)             |
| III Gereja Mula Berkembang<br>(6:1-9:31)   | IV Permulaan Misi untuk Orang Bukan Yahudi<br>(9:32-12:25)     |
| V Misi Ke Asia Kecil dan Akibatnya<br>(13:1-15:35)   | VI Kempen Misi Paulus di Makedonia dan Akhaya<br>(15:36-18:17) |
| VII Kempen Misi Paulus di Asia<br>(18:18-20:38)  | VIII Paulus Ditangkap dan Dipenjarakan<br>(21:1-28:31)         |

## Tokoh-Tokoh Dalam Kisah Rasul-Rasul

### I. Kerabat Diraja Herodes Agung

#### A. Herodes Agripa I

Dalam sejarah, dia dikenali sebagai Raja Herodes Agripa I dan dalam Perjanjian Baru (Kis 12) sebagai Herodes. Agripa I merupakan putera kepada Aristobulus, abang kepada Herodias dan cucu kepada Raja Herodes Agung. Dia dibesarkan di Roma di bawah perlindungan putera kesayangan Kaisar Tiberius, Drusus. Dia menyebabkan Kaisar Tiberius murka padanya apabila dia pergi ke Roma untuk menuduh bapa saudaranya Antifas lalu dipenjarakan.


Dia memiliki sifat licik dan mempersona kerabat Herodes. Dia dibebaskan apabila Caligula menggantikan Tiberius sebagai kaisar, dan mengambil alih kawasan Iteura dan Trakonitis dari bapa saudaranya (yang baru meninggal dunia) kerana persahabatannya dengan Caligula. Dia juga dinobatkan sebagai 'raja'. Apabila bapa saudaranya Antipas dan Herodias pergi ke Roma untuk menuntut gelaran diraja, dia mengekori mereka dan berjaya menghasut kaisar untuk membuang mereka ke Sepanyol. Kawasan yang dimiliki oleh mereka berdua, Galilea dan Perea, diambil alih oleh Herodes.

Apabila Caligula dibunuh pada 41 M, Agripa kekal dalam perkenanan Raja Claudius, yang memberikan semua kawasan pemerintahan datuknya termasuk Yudea dan Samaria kepada Agripa. Dia semakin berkuasa, ditambah dengan sokongan orang-orang Yahudi. Dia memerintah kawasan gabungan milik datuknya Herodes Agung dari 40 M sehingga kematiannya pada 44 M ketika berumur 54 tahun.

Walaupun dia mendapat kedudukannya dengan bantuan Roma, dia tahu kepentingan untuk membuat hubungan yang baik dengan orang-orang Yahudi. Dia membunuh Yakobus, salah seorang daripada dua belas murid Yesus untuk mengambil hati mereka, memenjarakan Petrus dan merancang untuk mengadakan pengadilan dan hukuman terbuka selepas Paskah (Kis 12:2-4). Kematian Agripa yang mendadak berlaku selepas dia menerima pujian dan memanggil dirinya sebagai tuhan (Kis 12:20-23).



## Salasilah Keluarga Raja Herodes



### B. Herodes Agripa II

Marcus Julius Agripa II (27-100 M) adalah putera kepada Herodes Agripa I. Dalam sejarah, dia dikenali sebagai Raja Herodes Agripa II dan dalam Perjanjian Baru (Kis 25 dan 26) sebagai Raja Agripa. Dia dibesarkan di Roma dalam pemerintahan Raja Klaudius. Sama seperti bapanya, dia menjadi kesayangan raja tersebut. Dia berumur 17 tahun ketika bapanya meninggal dunia pada 44 M. Oleh kerana dia terlalu muda untuk menaiki takhta bapanya, dia digantikan oleh gabenor Roma. Kerana itulah, Yudea menjadi jajahan Roma yang diperintah oleh seorang gabenor.

Pada 50 M, Raja Klaudius melantik Agripa II sebagai Raja Khalkis, sebuah kerajaan kecil di sebelah timur laut Yudea. Pada 53 M, Klaudius memberikan kerajaan Filipus sebagai ganti kepada kerajaan Khalkis. Dan pada 56 M, Nero menambahkan Galilea dan Perea sebagai sebahagian dari kerajaannya. Dia hanya memerintah kawasan kecil dari wilayah bapanya dan tidak pernah memerintah Yudea. Perlantikan itu memberikan dia gelaran raja dan Agripa menjadi Agripa II, monarki Herodes yang terakhir.

Menjejak kebiasaan kerajaan dan monarki Timur, Agripa mengahwini adiknya Bernike. Seorang lagi saudara perempuannya ialah Drusila yang merupakan isteri kepada Antonius Feliks, gabenor Yudea, yang digantikan oleh Festus. Sebagai pemerintah kepada kerajaan di utara, Raja Agripa pergi ke Kaisarea bersama dengan Bernike untuk menjunjung hormat kepada Festus, gabenor baru Yudea dan sempat mendengar Paulus membela diri ( 25 M).

Agripa hidup di pusat pemerintahan Roma di Kaisarea dan dia menyaksikan kemusnahan negaranya dalam Pemberontakan Besar pada tahun 66 hingga 70 M. Dia menyebelahi Roma dalam pemberontakan orang Yahudi yang menyaksikan kejatuhan Yerusalem pada 70 M. Dia meninggal dunia sekitar 100 M dan merupakan monarki Herodes yang terakhir. Kerabat diraja Herodes yang berkebolehan tetapi sangat jahat kini berakhir. Sokongan mereka terhadap Roma sangat kuat sehingga mampu menanggukkan pertelingkahan di antara Roma dan Yahudi, dan tanpa disedari mereka menjadi bahagian penting dalam mempertahankan keamanan semasa tahun-tahun pembentukan gereja Kristian di Palestin.



### C. Bernike

Bernike merupakan puteri yang paling tua kepada Herodes Agripa I, dan setahun lebih muda daripada abangnya Agripa II. Dia berumur 16 tahun semasa bapanya meninggal dunia. Dia merupakan salah seorang wanita yang tidak berprinsip pada masa itu. Ketika dia baru berumur 13 tahun, dia mengahwini bapa saudaranya Herodes, Raja Khalkis, dan melahirkan dua orang putera. Apabila Herodes meninggal dunia, dia tinggal bersama dengan abangnya, Agripa II. Untuk menghentikan khabar angin tentang perbuatan sumbang mahram dengan abangnya, dia mengawini Polemon, Raja Kilikia. Tetapi dia hanya bertahan sekejap sahaja lalu kembali kepada Agripa. Dia menjadi gundik Kaisar Vespasian, kemudian Titus putera Raja Vespasian. Tetapi dia kemudian tidak dipedulikan oleh Titus lagi.

### D. Drusila

Dia merupakan puteri kepada Herodes Agripa I dan adik kepada Agripa II dan Bernike. Dia mengawini Azizus, Raja Emesa. Gabenor Feliks sangat terpesona dengan kecantikannya sehingga dia memujuk Drusila untuk meninggalkan suaminya dan tinggal bersama dengan dia. Dia melahirkan seorang putera untuk Feliks yang juga bernama Agripa. Drusila dan puteranya mati ketika letupan gunung berapi Vesuvius semasa pemerintahan Kaisar Titus.

## II. Tokoh-Tokoh Lain

### A. Agabus

Agabus merupakan seorang nabi dari Yerusalem yang berangkat ke Antiokhia dan membuat ramalan yang tepat tentang kebuluran di seluruh empayar Roma (11:27-30). Ini berlaku semasa pemerintahan Kaisar Klaudius. Beberapa tahun kemudian, dia pergi ke Kaisarea apabila Paulus tinggal bersama dengan penginjil Filipus semasa dalam perjalanannya yang terakhir ke Yerusalem. Di sana, dia memberi amaran kepada Paulus bahawa dia akan diikat sekiranya dia bertegas untuk pergi ke Yerusalem (21:10-11). Nubuatan itu digenapi apabila Paulus ditangkap oleh orang Yahudi di Yerusalem dan kemudian ditahan oleh askar Roma.

### B. Ananias

Terdapat tiga orang yang mempunyai nama ini dalam Kisah Rasul-Rasul:

1. Seorang pengikut Yesus berbangsa Yahudi dari Damsyik. Dia sangat setia dan dihormati oleh masyarakatnya. Yesus muncul kepadanya dalam satu penglihatan dan mengarahkan dia untuk mencari Saulus di rumah Yudas (9:10-19). Dia harus meletakkan tangannya ke atas Paulus untuk memulihkan penglihatannya, membaptisnya dan memberitahu Paulus tentang rancangan Tuhan untuk menghantarnya bagi memberitakan injil kepada orang-orang bukan Yahudi.
2. Dia merupakan pengikut Yesus di Yerusalem dan suami kepada Safira (5:1-11). Dia dan isterinya menyimpan sebahagian daripada wang penjualan tanah mereka tetapi memberitahu gereja bahawa mereka telah memberikan semua wang tersebut. Apabila Petrus mencela penipuannya itu, Ananias jatuh lalu meninggal dunia. Itu adalah hukumannya kerana berbohong kepada Roh Kudus. Hukuman berat terhadap ketidaktaatannya itu menjadi amaran kepada gereja. Isterinya juga terlibat dalam penipuan itu dan mengalami nasib yang sama seperti suaminya, jatuh dan mati di kaki Petrus apabila Petrus mengecamnya.
3. Dia dicalonkan sebagai Imam Agung oleh Herodes Agripa II, Raja Khalkis, pada tahun 48 M. Selepas penangkapan Paulus di Yerusalem (23:2), komandan Roma Klaudius Lisis membawanya di hadapan Ananias yang merupakan Imam Agung pada masa itu. Paulus memanggilnya seorang "dinding putih". Dia terkenal dengan kekejaman dan ketidakadilan, dan dihantar ke Roma untuk diadili di hadapan Raja Klaudius pada 52 M atas tuduhan penindasan ke atas orang Samaria. Dia kembali menjadi ahli Majlis Agama selepas kepulangannya tetapi digulingkan semula sejurus sebelum Feliks berhenti menjadi gabenor. Dia kemudian dibunuh. Dia tidak sama dengan Anas (6-15 M), bapa mentua Kaifas, Imam Agung sewaktu zaman Yesus.

### C. Apolos

Apolos ialah nama singkatan bagi Apolonius. Dia berbangsa Yahudi dari Aleksandria dan digambarkan sebagai seorang yang sangat berpengetahuan tentang Kitab Suci, fasih berkata-kata, bersungguh-sungguh dalam Roh Allah, mengikut cara pimpinan Tuhan tetapi hanya mengetahui tentang baptisan Yohanes (18:24-25). Dia datang ke Efesus dalam tempoh perjalanan misi Paulus yang kedua dan ketiga

dan dimuridkan oleh Priskila dan Akwila (18:26).

Dia kemudian menjadi penginjil di Akhaya kemudian ke Korintus. Dia menyanggah orang Yahudi di Korintus dalam satu perdebatan umum (18:27-28), dan beberapa orang di Korintus menganggap dia setara dengan Paulus. Oleh itu, satu kumpulan pengikut Apolos muncul di gereja Korintus (1 Kor 3:4). Walau bagaimanapun, tidak ada persaingan yang wujud di antara Paulus dan Apolos.

#### D. Akwila dan Priskila

Akwila dan isterinya, Priskila selalu disebut bersama-sama. Mereka ialah pasukan suami-isteri, merupakan orang Yahudi dari Pontus. Mereka melarikan diri dari Roma dan pergi ke Korintus kerana titah Kaisar Klaudius yang mengarahkan semua orang Yahudi untuk keluar dari kota itu. Mereka membuka perniagaan khemah apabila mereka tiba di Korintus. Mereka menumpangkan Paulus di rumah mereka setelah dia tiba dari Atena. Mereka menemani Paulus apabila dia berangkat ke Efesus satu setengah tahun kemudian. Di sana, mereka mendengar khabar tentang Apolos di rumah ibadat dan membawa Apolos ke rumah mereka supaya Apolos boleh dibimbing dalam pemahamannya tentang iman. Kita boleh menemukan suami isteri ini di Roma (Rom 16:3-5) yang menggunakan rumah mereka untuk menjadi tempat pertemuan orang Kristian. Kesanggupan mereka 'menggadai nyawa' untuk Paulus menyebabkan mereka mendapat penghormatan dari banyak gereja. Apolos dan ramai lagi mendapat manfaat dari pengetahuan rohani mereka.

#### E. Artemis/Diana

Diana merupakan dewi bulan orang Roma, yang juga adalah dewi Artemis orang Yunani. Beberapa terjemahan menggunakan nama Diana dan bukan Artemis. Puteri kepada Jupiter, dia merupakan adik perempuan kembar kepada Apolo yang dikaitkan dengan matahari, dan dia dikaitkan dengan bulan. Dia dikatakan sebagai perawan yang suka memburu dan dipuja oleh ramai orang. Apabila penyembahan Yunani meluas ke Italia pada kira-kira 400 SM, orang Italia memperkenalkan Diana sebagai Artemis, gelaran Yunannya. Penyembahannya dianggap lebih murni berbanding penyembahan hawa nafsu dewa-dewi dari timur.

'Artemis, dewi orang Efesus' hanya disebut sekali dalam Kisah Rasul-Rasul 19:24-35 dan mitosnya sangat berbeza jika dibandingkan dengan Artemis Yunani yang sederhana. Kuil peraknya (19:24) ialah 'kuil' kecil yang mengandungi imej Artemis, gabungan dewi perawan Yunani dengan dewi Asytoret yang mempunyai banyak payu dara. Bagi orang Efesus, Artemis merupakan pengasuh dewa, manusia, haiwan dan tumbuhan serta penaung kepada nafsu seksual di seluruh Asia. Imejnya hodoh, tidak seperti dewi-dewi Yunani yang lain. Imejnya agak lucu, sama seperti patung-patung yang terdapat di Tirus dan Sidon.

Penyembahan khususnya berpusat di kuil agung di Efesus, kemungkinan kerana penemuan batu meteor yang dikatakan jatuh dari syurga. Perayaan Artemis atau Diana dikomersialkan dan merupakan satu industri yang besar di kalangan tukang perak yang membina kuil-kuil perak serta patung berhala untuk penyembahan. Penginjilan Paulus mengganggu bisnes mereka lalu mengakibatkan tentangan yang ganas. Dewi ini dipuja di merata dunia, terutamanya di wilayah Asia.

#### F. Barnabas

Barnabas ialah nama keluarga Yusuf, orang Lewi dari Siprus. Dia merupakan di antara orang Yahudi yang terawal menukar agamanya kepada Kristian. Namanya bermaksud 'anak nubuatan' atau 'anak yang memberi semangat'. Dia menjual sebidang tanahnya dan memberikan hasilnya kepada orang percaya yang miskin di Yerusalem (4: 36). Dia merupakan 'seorang yang baik, dikuasai oleh Roh Allah dan sangat percaya kepada Tuhan' (11:24), yang menjadi wakil Paulus untuk menyampaikan pesanan kepada gereja di Yerusalem (9:27).

Gereja di Yerusalem menghantar Barnabas ke gereja Antiokhia; kemudian dia membawa Paulus untuk membantunya. Setahun kemudian, kedua-dua mereka dihantar untuk membawa sumbangan kewangan dari gereja Antiokhia kepada orang percaya di Yerusalem yang sedang dilanda kebuluran. Sekembalinya dia dari Yerusalem bersama Yohanes Markus, gereja diminta memilih khusu Paulus dan Barnabas bagi Roh Allah. Mereka ditahbis sebagai misionaris kepada orang-orang bukan Yahudi. Seperti Paulus, Barnabas juga dipanggil sebagai 'rasul' walaupun istilah itu digunakan dengan maksud yang luas bagi mereka yang dihantar untuk suatu misi.



Kepimpinan Barnabas diceritakan sehingga Kis 13:12. Selepas itu, Paulus menjadi tumpuan. Permulaan perbezaan pendapat kedua-dua mereka timbul apabila Paulus tidak membenarkan sepupu Barnabas, Markus untuk menyertai misi kedua mereka kerana dia telah meninggalkan mereka sewaktu misi yang pertama. Mereka kemudiannya berpisah: Barnabas dan Markus ke Siprus, manakala Paulus pula ke Asia Kecil. Rujukan Paulus tentang Barnabas di dalam surat-suratnya menunjukkan dia masih memandang tinggi mantan rakan sepelayanannya itu walaupun mereka berpisah haluan. Barnabas tidak lagi disebut selepas dia berpisah dengan Paulus.

#### **G. Klaudius**

Klaudius merupakan kaisar Roma yang keempat (41-54 M). Dia merupakan anak saudara kepada Tiberius, kaisar Roma yang kedua. Herodes Agripa I, cucu Herodes Agung telah banyak membantunya untuk mendapatkan takhta sehingga dia dapat memerintah seluruh Palestin. Klaudius memberi kebebasan beragama kepada orang Yahudi di seluruh empayarnya tetapi kemudian mengusir semua orang Yahudi dari Roma (18:2). Akwila dan Priskila adalah di antara orang Yahudi dari Roma yang melarikan diri ke Korintus. Kebuluran yang diramalkan oleh Agabus terjadi ketika pemerintahan Klaudius.

#### **H. Klaudius Lisias**

Dia merupakan komandan askar di Yerusalem sewaktu lawatan terakhir Paulus di kota itu. Dia mengetahui 1000 orang askar. Dia menyelamatkan Paulus dari rusuhan orang Yahudi, dan apabila mengetahui bahawa nyawa Paulus terancam melalui rancangan Yahudi, dia menghantar Paulus kepada Gabenor Feliks di Kaisarea. Dia berbangsa Yunani, seperti yang ditunjukkan oleh nama keduanya. Dia mendapat kewarganegaraan Roma dengan harga yang mahal (22:28), mungkin dengan merasuah salah seorang pegawai tinggi di Roma. Dia merupakan askar yang adil dan berkebolehan, dan berusaha untuk memastikan supaya Paulus dilayan dengan adil.

#### **I. Kornelius**

Kornelius merupakan komandan pasukan tentera yang setia dan takut akan Allah (dia memimpin 100 orang askar dalam ketenteraan Roma) dari rejimen Italia (10:1-2). Walaupun dia percaya kepada Allah orang Yahudi, dia tidak mengikut semua kewajipan Hukum Taurat; contohnya, dia takut akan Allah tetapi bukan seorang penganut baru (*lihat 'Penganut Agama Baru dan Orang Yang Takut Akan Tuhan, ms. 46*). Ketika ditugaskan di Kaisarea, dia mendapat penglihatan dari Allah. Untuk mematuhi penglihatannya itu, dia menjemput Petrus untuk belajar lebih banyak tentang penyelamatan keluarganya. Oleh kerana penglihatan Petrus (10:9-16) dan curahan Roh Kudus ke atas keluarga Kornelius (10:44-47), keraguan terhadap tindakan Petrus yang memberitahkan injil kepada orang-orang bukan Yahudi hilang. Kornelius dan keluarganya adalah di antara orang-orang bukan Yahudi yang terawal memeluk agama Kristian.

#### **J. Elimas**

Elimas atau Bar-Yesus (bermaksud 'anak Yesus' atau 'Yosua') adalah seorang Yahudi dan seorang ahli sihir yang bersahabat dengan Sergius Paulus, gabenor pulau Siprus. Paulus dan Barnabas bertemu dengannya dalam perjalanan misi mereka yang pertama. Dia menjadi buta kerana dikutuk oleh Paulus (13:6-12) dan peristiwa itu menyebabkan gabenor tersebut percaya kepada Yesus.

#### **K. Eutikhus**

Seorang pemuda dari Troas yang disebut dalam Kisah Rasul-Rasul 20:9. Dia sedang mendengar ajaran Paulus apabila dia tertidur lalu terjatuh dari tingkat ketiga dan mati. Paulus turun lalu dengan mukjizat menghidupkan pemuda tersebut.

#### **L. Feliks**

Feliks merupakan gabenor Yudea. Paulus dihantar kepada Feliks oleh komandan Roma, Klaudius Lisias. Antonius Feliks dilahirkan dari keluarga hamba dan kemudian dibebaskan oleh Antonia, ibu kepada Kaisar Klaudius. Dia mempunyai seorang abang yang bernama Palas, yang juga dibebaskan oleh Antonia dan menjadi sahabat baik kepada putera Klaudius. Dengan pengaruh Palas, Feliks dilantik menjadi gabenor Yudea pada 52 M oleh Kaisar Klaudius.

Sejarah menyatakan bahawa dia terkenal dengan kekejaman dan hawa nafsunya. Semasa pemerintahannya, pemberontakan dan kemerosotan undang-undang berlaku di seluruh Palestin. Walaupun dia cuba untuk mengekang pemberontak dan kembali berkuasa, pemerintahannya yang kejam itu akhirnya membuat orang-orang Yahudi menjauhkan diri darinya dan mengakibatkan lebih



banyak kekacauan.

Walaupun berketurunan rendah, Feliks mempunyai tiga orang isteri. Isteri ketiganya ialah Drusila, anak perempuan bongsu Agripa I. Drusila tidak gembira terhadap perkahwinannya dengan Azizus, Raja Emesa. Feliks sangat terpesona dengan kecantikan Drusila dan memujuknya supaya meninggalkan Azizus untuk menjadi isterinya. Hubungan di antara Feliks dan Drusila didasari dengan ketamakan, nafsu dan mengharapakan kekuasaan.

#### M. Festus

Porsius Festus adalah gabenor Roma yang menggantikan Feliks untuk memerintah wilayah Yudea (24:27) pada 60 M. Kehidupan awal Festus sebelum dilantik oleh Kaisar Nero sebagai gabenor Yudea hampir tidak diketahui. Festus ialah seorang yang jauh lebih baik dan berkebolehan berbanding Feliks. Dia mengadili kes Paulus pada awal pemerintahannya. Dia mengetahui bahawa Paulus ialah orang yang baik, tetapi dia tidak memahami alasan Paulus terhadap Raja Agripa. Dia menyangka bahawa Paulus menjadi gila kerana terlalu banyak belajar. Dia mati selepas memerintah selama 2 tahun.

#### N. Gamaliel

Gamaliel merupakan seorang Farisi dan guru Taurat yang paling terkenal pada abad yang pertama. Dia merupakan ketua Majlis Agama Sanhedrin di bawah pemerintahan kaisar-kaisar Tiberius, Caligula dan Kaludius. Dia dikatakan meninggal dunia 18 tahun sebelum kemusnahan Yerusalem pada 70 M.

Paulus ialah salah seorang daripada muridnya (22:3). Apabila Majlis Agama marah dan ingin membunuh para rasul, Gamaliel meminta mereka untuk berwaspada dan bertindak dengan bijak. Alasan yang diberikan adalah mereka tidak akan mampu menghentikan sekiranya doktrin baru tersebut berasal dari Allah, dan sekiranya ia berasal dari manusia ia pasti akan gagal (5:34-39). Allah menggunakan orang-orang yang bijaksana untuk memberikan ketenteraman kepada gereja yang masih muda.

#### O. Yakobus

Terdapat dua 'Yakobus' yang disebut dalam Kisah Rasul-Rasul:

1. Yakobus, anak Zebedeus. Dia adalah seorang nelayan yang berasal dari Galilea dan salah seorang daripada dua belas murid yang dipanggil, bersama-sama dengan saudaranya, Yohanes. Yakobus, Yohanes dan Simon (Petrus) merupakan murid yang paling rapat dengan Yesus dan selalu disebut dalam banyak peristiwa; contohnya, apabila anak perempuan Yairus dibangkitkan, di atas gunung apabila rupa Yesus berubah, dll. Yohanes dan Yakobus diberi nama 'Boanerges' yang bermaksud 'anak guntur' oleh Yesus. Yakobus dihukum bunuh oleh Herodes Agripa I sekitar 44 M (12:2), dan merupakan orang pertama daripada 12 murid Yesus yang keshahidan dicatat dalam Perjanjian Baru.
2. Yakobus, adik Yesus. Hanya dua catatan tentang Yakobus dalam Injil iaitu ketika bersama dengan saudaranya Yoses, Simon dan Yudas (Mat 13:55, Mark 6:3). Dia sempat melihat Yesus yang sudah bangkit (1 Kor 15:7), menjadi ketua gereja orang Yahudi Kristian di Yerusalem (Kis 12:7, 15:13, 21:18), disebut sebagai rasul (Gal 1:19), dan dia dikatakan telah menulis salah satu surat dalam Perjanjian Baru yang bertajuk namanya sendiri (Yak 1:1). Dia dipandang sebagai seorang yang sangat setia dan hidup menurut Hukum. Gaya hidupnya yang tegas menyebabkan dia digelar sebagai 'Yakobus yang Adil'. Dia dikatakan telah mati syahid. Yosefus, ahli sejarah Yahudi meletakkan tarikh kematiannya pada 61 M ketika kebangkitan Yahudi selepas kematian gabenor Festus dan sebelum penggantinya dilantik.

#### P. Yohanes Markus

Namanya disebut sepuluh kali dalam Perjanjian Baru. Yohanes ialah nama Yahudinya, Markus pula nama Romawinya. Dalam Kisah Rasul-Rasul (terjemahan lain) dia disebut dua kali (13:5,13) sebagai Yohanes sahaja, sekali (15:39) sebagai Markus dan tiga kali (12:12,25; 15:37) sebagai 'Yohanes, juga dipanggil Markus'. Dalam surat-surat Paulus, dia dikenali sebagai Markus sahaja.

Catatan jelas pertama tentang Yohanes Markus ialah dalam Kisah Rasul-Rasul 12:12. Ibunya bernama Maria dan dia mempunyai sebuah rumah di Yerusalem, yang dikunjungi oleh Petrus setelah dia melarikan diri dari penjara. Apabila Barnabas dan Saulus kembali ke Antiokhia dari Yerusalem yang sedang dilanda kebuluran, mereka membawa Yohanes Markus bersama mereka (12:25). Ini membuka ruang baginya untuk menyertai perjalanan misi pertama mereka sebagai 'seorang pembantu' (13:5).

Para misionaris mula-mula menginjil di pulau Siprus. Apabila mereka tiba di Perga di Pamfilia, Yohanes



kembali ke Yerusalem. Apa pun motifnya, Paulus tidak lagi percaya kepada Yohanes dan dia tidak mahu Yohanes menyertai perjalanan misi mereka yang kedua. Ini menyebabkan terbentuknya dua kumpulan misionaris. Barnabas membawa Markus dan melawat semula Siprus, manakala Paulus memilih rakan sepelayanan yang baru bernama Silas, dan pergi ke Asia Kecil.

Markus kemudian muncul semula di Roma, di mana dia bekerja bersama dengan Paulus (Fil 1: 24). Paulus mengusulkan dia kepada gereja di Kolose, menggelarnya sebagai 'saudara sepupu Barnabas' (Kol 4:10). Perdamaian Markus dan Paulus disebut dalam kenyataan surat 2 Timotius 4:11. Petrus menggelarnya sebagai 'anaku Markus' (1 Pet 5:13). Ini mungkin sekadar kenyataan dalam kasih, atau ia mungkin menandakan bahawa Markus menerima ajaran Kristian di bawah pelayanan Petrus. Markus dikatakan menulis Injil Markus di bawah bimbingan Petrus.

**Q. Lidia**

Lidia merupakan orang Eropah pertama yang menjadi Kristian di bawah pelayanan Paulus. Dia tinggal di Filipi sebagai seorang pedagang kain ungu yang terkenal dari Tiatira, kota asalnya. Dia merupakan orang yang berada, kerana dia mempunyai rumah dan hamba. Dia 'seorang penyembah Allah' dan mengenal injil apabila Paulus dan rakan-rakannya berkunjung ke sungai di mana dia dan orang lain sedang berkumpul untuk menyembah Allah. Dia menjadi orang percaya. Setelah dia dan seisi rumahnya dibaptis, dia menjemput kumpulan itu untuk menumpang di rumahnya dan mereka pun berbuat demikian (16:14-15). Rumahnya menjadi gereja pertama di Filipi.

**R. Filipus**

Filipus mula-mula disebut dalam Kisah Rasul-Rasul sebagai salah seorang dari tujuh deakon yang terkenal (Kis 6:5), atau yang dilantik untuk mengagihkan wang kebajikan. Dia melayani di bawah rasul-rasul itu dengan menjaga balu-balu Yahudi yang dipinggirkan dan jemaat miskin dalam gereja di Yerusalem. Dia dipilih kerana dia seorang yang bijaksana dan penuh dengan Roh Allah.

Dia juga merupakan seorang penginjil dan melakukan tanda-tanda serta mukjizat di kalangan orang (8:6). Filipus berkhotbah di Samaria dengan jayanya, menghalau roh jahat serta menyembuhkan orang lumpuh dan tempang, seperti yang dilakukan oleh para rasul. Antara orang yang bertaubat melalui Filipus ialah Simon, ahli sihir Samaria dan juga seorang pegawai tinggi dari Etiopia. Dia kemudian pergi ke Kaisarea dan menetap di sana. Paulus menumpang di rumahnya di Kaisarea dan di sanalah nabi Agabus bernubuat tentang penangkapan Paulus di Yerusalem. Filipus merupakan perintis Paulus dalam penyebaran injil kepada orang-orang bukan Yahudi. Dia mempunyai empat anak perempuan yang belum berkahwin dan mereka memberitakan perkhabaran tentang Allah (21:9).

**S. Silas**

Silas ialah seorang jemaat yang dihormati di gereja Yerusalem (15:22,32) dan merupakan seorang warganegara Roma (16:38). Dia adalah nabi dan guru di Yerusalem. Dia dan Yudas diutus oleh gereja untuk menemani Paulus dan Barnabas. Mereka juga menghantar surat yang ditulis oleh pemimpin-pemimpin agama Yerusalem kepada gereja di Antiokhia (15:22,23).

Setelah perselisihan Paulus dan Barnabas, dia dipilih oleh Paulus untuk menemaninya dalam perjalanan misi yang kedua. Dia ada bersama Paulus di Filipi dan bersama-sama dipukul serta dipenjarakan di sana. Apabila Paulus meninggalkan Berea untuk pergi ke Atena, Silas dan Timotius tidak menyertainya. Setelah itu, Silas dan Timotius menyertai Paulus semula di Korintus (18:5). Tradisi menyatakan bahawa dia menjadi uskup di Korintus.

**T. Stefanus**

Seperti Filipus, dia juga merupakan salah seorang dari tujuh deakon yang dilantik untuk mengendalikan pengagihan dana harian kepada orang miskin ketika gereja baru ditubuhkan (6:1-6). Dia dipilih kerana dia amat bijak dan penuh dengan Roh Allah. Dia juga dikatakan sebagai seorang yang sangat diberkati Tuhan serta penuh dengan kuasa dan iman. Dia melakukan mukjizat dan tanda-tanda, mengajar di tempat ibadat dan berdebat dengan Yahudi Diaspora (*rujuk 'Diaspora', ms 47*).

Kisah Rasul-Rasul 7 mencatatkan ucapan Stefanus di hadapan Imam Agung. Stefanus direjam dengan batu sampai mati dan merupakan orang Kristian mati syahid yang pertama (22:20).

**U. Tabita**

Tabita adalah panggilan dalam bahasa Aramaic bagi nama Yunani 'Dorkas' yang bermaksud seekor





rusa. Ini adalah nama kepada seorang perempuan Kristian yang tinggal di Yope. Dia melakukan banyak kebaikan dan menjahit baju untuk diberikan kepada balu miskin. Apabila dia jatuh sakit dan meninggal, Petrus telah dipanggil dan dia menghidupkan Tabita kembali (9:36-43).

## V. Timotius

Timotius mula-mula disebut dalam 16:1. Melalui ayat ini, kita boleh menyimpulkan bahawa dia berasal dari Listra. Dia merupakan zuriat daripada perkahwinan campur: bapanya orang Yunani yang tidak mengenal Tuhan dan ibunya Eunike adalah seorang Yahudi yang sangat setia. Sejak kecil, Timotius telah diajar dengan kitab suci Perjanjian Lama. Neneknya Lois dan ibunya Eunike telah mendidiknya sama seperti yang dilakukan oleh umat Israel yang salih. Ketiga-tiga mereka menjadi pengikut Kristus dalam perjalanan misi Paulus yang pertama.

Timotius adalah anak rohani Paulus dan kemudian menjadi teman perjalanan dan wakil rasmi. Dia pemalu dan tidak banyak bercakap tetapi dia setia walaupun dia terpaksa melakukan perkerjaan yang bertentangan dengan sifat pemalunya. Paulus sangat mengasihi Timotius dan memandang tinggi kepadanya. Tiada rakan perjalanan Paulus yang berulang kali disebut serta bersama-sama dengannya seperti Timotius. Dia merupakan jenis orang yang walaupun muda, pemalu dan pendiam serta selalu sakit, sanggup untuk menemani rasul dalam perjalanan yang membahayakan, dihantar untuk melakukan tugas yang berat dan terus setia sampai akhir sebagai hamba Kristus yang setia.

Menurut tradisi, Timotius merupakan uskup pertama di Efesus dan dikatakan dia juga mati syahid.



## A. Perjalanan Misi Paulus yang Pertama (13:1-14:28)

### 1. Antiokhia di Siria

- Roh Allah mengarahkan gereja di Antiokhia supaya mengkhususkan Saulus dan Barnabas untuk menyebarkan injil.
- Yohanes Markus menyertai mereka sebagai seorang pembantu.
- Mereka pergi ke Seleukia kemudian belayar ke Siprus.

### 2. Pulau Siprus

- Mereka tiba di Salamis dan berkhotbah di rumah-rumah ibadat.
- Mereka menjelajahi pulau itu sehingga tiba di Pafos. Mereka berjumpa dengan Elimas atau Bar-Yesus, seorang ahli sihir Yahudi.
- Mereka bercakap di hadapan Sergius Paulus, gabenor pulau itu.
- Saulus mula menggunakan namanya dalam versi Roma, Paulus. Dia menjadi ketua bagi rombongan itu.
- Mereka berlayar dari Pafos ke Perga di Pamfilia.

### 3. Perga di Pamfilia

- Yohanes Markus kembali ke Yerusalem dan Paulus tidak puas hati dengan alasannya (15:37ff).
- Mereka menjelajah ke Antiokhia di Pisidia

### 4. Antiokhia di Pisidia

- Mereka memasuki rumah ibadat pada hari Sabat. Khutbah Paulus direkod buat kali pertamanya.
- Ramai orang Yahudi dan orang bukan Yahudi percaya kepada Tuhan. Orang Yahudi yang lain cemburu dan membangkitkan penganiayaan terhadap Paulus dan Barnabas.
- Paulus dan Barnabas memberitahu jemaat di sana bahawa mereka akan memberitakan injil ini kepada orang-orang bukan Yahudi.
- Firman Tuhan tersebar di seluruh rantau.
- Tetapi mereka diusir dari tempat itu dan menjelajah ke Ikonium.

### 5. Ikonium di Frigia

- Mereka berkhotbah di rumah ibadat dan ramai orang Yahudi dan orang bukan Yahudi percaya.
- Mereka menghabiskan masa di sana, bercakap dengan berani dan melakukan mukjizat.



- c. Orang Yahudi dan bukan Yahudi merancang untuk merejam mereka dengan batu. Oleh itu mereka melarikan diri ke Listra.

**6. Listra di Likaonia**

- a. Paulus menyembuhkan orang yang kakinya lumpuh sejak lahir.
- b. Orang di sana menyangka Paulus dan Barnabas adalah tuhan mereka, Zeus dan Hermes. Mereka mahu mempersembahkan korban kepada rasul-rasul itu. Di sini, Lukas mencatat khutbah Paulus yang kedua dalam Kisah Rasul-Rasul.
- c. Orang Yahudi datang dari Antiokhia dan Ikonium lalu menghasut mereka. Paulus direjam dengan batu lalu ditinggalkan kerana disangka sudah mati.
- d. Paulus dan Barnabas bertolak ke Derbe keesokan harinya.

**7. Derbe di Likaonia**

- a. Mereka mengajar injil dan ramai orang percaya kepada Kristus.
- b. Mereka kembali kepada setiap kota yang telah mereka lawati ketika dalam perjalanan ke Antiokhia, Siria.

**8. Listra, Ikonium dan Antiokhia Pisidia**


- a. Mereka kembali untuk menguatkan orang percaya dan memberi galakan dalam iman mereka.
- b. Mereka melantik penatua di setiap gereja.

**9. Perga dan Atalia di Pamfilia**

- a. Mereka berkhotbah di Perga.
- b. Mereka pergi ke Atalia dan dari sana mereka belayar kembali ke Antiokhia.

**10. Antiokhia di Siria**

- a. Mereka mengumpulkan gereja bersama dan berkongsi tentang apa yang Tuhan telah lakukan dan bagaimana ramai orang bukan Yahudi percaya.
- b. Mereka tinggal lama di sana bersama-sama dengan orang percaya.



Peta Perjalanan Misi Paulus Pertama dan Kedua

**B. Perjalanan Misi Paulus yang Kedua (15:36-18:22)**

**1. Antiokhia di Siria**

- a. Paulus dan Barnabas berpisah.
- b. Barnabas membawa Yohanes Markus lalu belayar ke Siprus.
- c. Paulus memilih Silas dan bertolak ke Siria dan Kilikia.



## 2. Siria dan Kilikia

- a. Mereka menjelajah ke seluruh Siria dan Kilikia, menguatkan gereja-gereja.

## 3. Derbe dan Listra

- a. Paulus berjumpa dengan Timotius dan menyunatnya supaya dia boleh membawa Timotius bersama dalam perjalanannya.
- b. Mereka melalui kota-kota di wilayah itu dan memberikan mereka peraturan yang ditetapkan oleh pemimpin jemaah di Yerusalem.
- c. Gereja terus bertumbuh dalam iman dan semakin bertambah setiap hari.

## 4. Firgia dan Galatia

- a. Mereka menjelajahi Firgia dan Galatia kerana Roh Allah tidak membenarkan mereka memberitakan injil di Asia.
- b. Mereka sampai di perbatasan Misia.

## 5. Misia

- a. Apabila mereka sampai di perbatasan Misia, mereka cuba untuk masuk ke wilayah Bitinia tetapi Roh Kudus tidak membenarkan mereka.
- b. Mereka kemudiannya ke Troas.

## 6. Troas di Misia

- a. Mereka terus pergi ke Troas melalui Misia.
- b. Paulus mendapat penglihatan tentang seorang warga Makedonia berdiri di hadapannya dan memohon supaya dia pergi ke Makedonia untuk menolong mereka.
- c. Mereka belayar ke Samotrake dan Neapolis. Dari sana, mereka pergi ke Filipi.

## 7. Filipi di Makedonia

- a. Mereka duduk bercakap dengan wanita-wanita di tepi sungai. Lidia dari Tiatira, pedagang kain ungu menjadi orang Kristian dan dia dan seisi keluarganya dibaptis.
- b. Paulus mengusir roh jahat dari seorang hamba perempuan yang boleh meramal masa depan. Pemilik hamba itu menangkap Paulus dan Silas lalu memasukkan mereka ke dalam penjara.
- c. Gempa bumi yang sangat kuat berlaku sehingga pintu-pintu penjara dan rantai yang membelunggu tahanan terbuka. Ketua penjara menjadi Kristian dan dia serta seisi rumahnya dibaptis.
- d. Paulus dan Silas mengumumkan kewarganegaraan Roma mereka dan tidak mahu beredar selagi pegawai Roma tidak mengiring mereka keluar.
- e. Mereka meninggalkan Filipi dan menjelajah ke seluruh Amfipolis dan Apolonia sebelum datang ke Tesalonika.

## 8. Tesalonika di Makedonia

- a. Paulus pergi ke rumah ibadat dan cuba menunjukkan bukti dalam Alkitab tentang kesengsaraan dan kebangkitan Mesias.
- b. Beberapa orang Yahudi dan ramai wanita dan lelaki Yunani percaya.
- c. Orang Yahudi iri hati dan membentuk kumpulan perusuh lalu menyerang rumah Yason.
- d. Pengikut Yesus menyuruh Paulus dan Silas ke Berea secara senyap.

## 9. Berea di Makedonia

- a. Seperti biasa, Paulus pergi ke rumah ibadat untuk berkhotbah.
- b. Orang Berea lebih terbuka. Mereka sangat suka mendengar perkhabaran tentang Yesus dan setiap hari mereka mengkaji Alkitab untuk mengetahui sama ada ajaran Paulus itu benar.
- c. Ramai orang Yahudi dan wanita Yunani percaya.
- d. Orang Yahudi dari Tesalonika datang ke Berea dan menghasut orang ramai untuk merusuh bagi menentang Paulus dan Silas.
- e. Pengikut Yesus di situ menghantar Paulus ke pantai sampai ke Atena.
- f. Silas dan Timotius tetap tinggal di Berea. Kemudian mereka mendapat pesan dari Paulus untuk menyusul dia secepat mungkin.

## 10. Atena di Greece (tanah Yunani)

- a. Paulus sangat sedih melihat kota itu penuh dengan berhala.
  - b. Dia berbincang di rumah ibadat dan juga di padang kota.
-



- c. Mereka membawa Paulus ke mesyuarat Areopagus untuk mendengar tentang ajaran barunya. Di sini, Lukas mencatat khutbah Paulus yang ketiga dalam Kisah Rasul-Rasul.
- d. Beberapa orang mengikut Paulus dan percaya kepada Yesus, termasuk ahli majlis Areopagus.
- e. Paulus bertolak ke Korintus.

**11. Korintus di Akhya**

- a. Paulus berjumpa dengan Akwila dan Prisila yang baru datang dari Italia dan bersama-sama mereka menyara hidup dengan membuat khemah.
- b. Paulus mengadakan perbincangan di rumah ibadat setiap hari Sabat. Apabila orang Yahudi menolak mesejnya, dia memberitahu mereka bahawa dia akan pergi kepada orang bukan Yahudi. Ini kali yang kedua Paulus bercakap tentang menyebarkan injil kepada orang bukan Yahudi.
- c. Ramai orang bukan Yahudi percaya kepada Yesus dan dibaptis.
- d. Pada satu malam, Paulus mendapat satu penglihatan. Tuhan menampakan diri kepadanya dan memberitahu supaya Paulus jangan takut dan terus berkata-kata tentang Dia.
- e. Paulus tinggal di Korintus selama setahun setengah, dan mengajar Firman Tuhan kepada mereka.
- f. Apabila Galio menjadi gabenor Akhya, Paulus ditangkap dan dihadapkan kepada gabenor untuk diadili. Walau bagaimanapun, Galio membuang kes tersebut.
- g. Paulus belayar dari Kengkrea ke Efesus bersama-sama dengan Priskila dan Akwila.

**12. Efesus di Asia**


- a. Paulus meninggalkan Priskila dan Akwila lalu pergi ke rumah ibadat untuk mengajar orang Yahudi di sana.
- b. Paulus belayar ke Kaisarea.

**13. Kaisarea di Siria**

- a. Paulus tiba di Kaisarea dan pergi ke Yerusalem untuk berjumpa dengan gereja di sana.
- b. Dia kembali ke Antiokhia.

**14. Antiokhia di Siria**

- a. Paulus pergi ke Antiokhia dan meluangkan masa di sana.



**C. Perjalanan Misi Paulus yang Ketiga (18:23-21:6)**

**1. Antiokhia di Siria**

- a. Dari Antiochia, Paulus menjelajah di merata tempat di Galatia dan Frigia.



## 2. Galatia dan Frigia

- a. Paulus mengunjungi daerah ini dan meneguhkan iman semua pengikut Yesus.
- b. Dia ke Efesus melalui jalan darat.

## 3. Efesus di Asia

- a. Paulus berjumpa dengan orang percaya yang belum menerima Roh Allah dan berdoa bagi mereka.
- b. Dengan berani Paulus terus menerus berkata-kata kepada orang di rumah-rumah ibadat tetapi ramai orang Yahudi degil dan tidak mahu percaya. Paulus membawa beberapa orang pengikut Yesus pergi ke dewan syarahan Tiranus. Perkara ini berlaku selama dua tahun.
- c. Allah melakukan mukjizat yang luar biasa melalui Paulus. Bahkan sapu tangan dan kain yang pernah dipakai oleh Paulus pun dibawa kepada orang sakit, lalu mereka sembuh dan roh jahat keluar dari mereka.
- d. Tujuh orang anak Skewa, ketua imam Yahudi diserang oleh roh jahat apabila mereka cuba untuk mengusir roh jahat dalam nama Yesus. Semua orang Yahudi dan bukan Yahudi menjadi takut dan ramai yang percaya mengumpulkan buku sihir mereka untuk dibakar di hadapan orang ramai.
- e. Melalui peristiwa itu, firman Tuhan semakin tersebar luas dan semakin banyak orang percaya kepada Yesus.
- f. Seorang tukang perak bernama Demetrius, yang biasa membuat patung Dewi Artemis membangkitkan kekacauan di seluruh kota itu. Dia dan tukang perak yang lain marah kepada Paulus kerana mereka kehilangan perniagaan.
- g. Paulus mengumpulkan pengikut Yesus, menguatkan mereka dan meneruskan perjalanan ke Makedonia. Dia sudah menghantar Timotius dan Erastus ke sana terlebih dahulu.

## 4. Makedonia

- a. Dia mengunjungi daerah Makedonia dan menguatkan orang di sana.
- b. Kemudian dia pergi ke Akhaya.

## 5. Akhaya

- a. Dia tinggal di sana selama tiga bulan.
- b. Paulus sedang bersiap-siap untuk berangkat ke Siria apabila dia mendengar bahawa orang Yahudi berkomplot untuk membunuh dia. Paulus mengambil keputusan untuk kembali melalui Makedonia.

## 6. Makedonia

- a. Paulus ditemani oleh Sopater dari Berea, Aristarkhus dan Sekundus dari Tesalonika, Gayus dari Derbe, Tikhikus dan Trofimius dari Asia dan Timotius.
- b. Mereka pergi terlebih dahulu lalu menunggu Paulus dan yang lain di Troas.
- c. Setelah Perayaan Roti Tidak Beragi, Paulus dan yang lain belayar meninggalkan Filipi untuk berjumpa dengan mereka di Troas.

## 7. Misia

- a. Mereka tinggal di Troas selama tujuh hari.
- b. Pada malam sebelum Paulus berangkat, dia berkata-kata terus sehingga tengah malam. Seorang pemuda bernama Eutikhus tertidur dan terjatuh lalu mati. Paulus membangkitkan dia kembali dari kematian dan terus berkata-kata sehingga matahari terbit.
- c. Paulus berjalan kaki sehingga tiba di Asos manakala yang lain belayar ke Asos dan berjumpa Paulus di sana.
- d. Mereka menjemput Paulus naik ke kapal dan belajar ke Metilene.

## 8. Pulau-Pulau di Pesisiran Misia dan Asia

- a. Mereka belayar ke Metilene, kemudian ke Khios.
- b. Setelah itu, mereka belayar ke Samos dan sehari kemudian tiba di Miletus.

## 9. Miletus di Asia

- a. Paulus mengambil keputusan untuk tidak singgah di Efesus kerana ingin cepat-cepat tiba di Yerusalem sebelum hari Pentakosta.
- b. Di Miletus, Paulus mengirim berita ke Efesus, meminta supaya pemimpin-pemimpin jemaah di situ datang berjumpa dengannya.
- c. Dia mengucapkan pesanan terakhir kepada mereka, menggalakkan mereka untuk saling menjaga sesama mereka kerana dia tidak akan berjumpa dengan mereka lagi.



d. Kemudian mereka menghantar dia ke kapal untuk meneruskan pelayaran ke Kos.

**10. Pulau-Pulau di Persisiran Asia**

- a. Paulus dan yang lain berangkat ke Kos.
- b. Keesokan harinya mereka tiba di Rodes. Dari situ mereka belayar ke Patara.

**11. Patara di Likia**

- a. Mereka tiba di Patara.
- b. Mereka menjumpai kapal yang akan bertolak ke Fenisia.

**12. Tirus di Fenisia**

- a. Mereka singgah di Tirus kerana di situ kapal akan memunggah muatan.
- b. Mereka berjumpa dengan orang percaya dan tinggal bersama-sama mereka selama seminggu. Orang-orang percaya memberitahu Paulus untuk tidak pergi ke Yerusaleem.
- c. Apabila tiba masanya mereka meneruskan perjalanan, Paulus dan rakan yang lain pun berangkat ke Ptolemais.

**13. Ptolemais di Fenisia**

- a. Di Ptolemais, mereka memberikan salam kepada saudara-saudara yang percaya kepada Yesus dan tinggal dengan mereka selama sehari.
- b. Kemudian mereka berangkat ke Kaisarea.


**14. Kaisarea di Siria**

- a. Mereka tiba di Kaisarea lalu menumpang di rumah seorang penginjil bernama Filipus. Dia adalah salah seorang daripada tujuh yang terpilih untuk menolong para rasul di Yerusaleem.
- b. Setelah beberapa hari mereka di situ, seorang nabi bernama Agabus datang dari Yudea dan memberitahu mereka bahawa Roh Allah berkata Paulus akan diikat oleh orang Yahudi dan mereka akan menyerahkan dia kepada orang-orang bukan Yahudi.
- c. Semua mereka memohon supaya Paulus jangan pergi ke Yerusaleem tetapi dia menjawab supaya mereka jangan membuat dia bersedih hati kerana tangisan mereka. Paulus berkata bahawa dia bukan sahaja bersedia untuk diikat di Yerusaleem tetapi juga untuk mati di situ kerana Tuhan Yesus.
- d. Setelah beberapa waktu, beberapa orang pengikut Yesus dari Kaisarea menemani Paulus ke Yerusaleem.

**15. Yerusaleem**

- a. Pengikut Yesus dari Kaisarea menghantar mereka ke rumah Manason. Manason berasal dari Siprus dan sudah lama menjadi pengikut Yesus.

**D. Perjalanan Paulus ke Roma (27:1-28:16)**





### 1. Kaisarea di Siria

- a. Paulus dan beberapa orang tahanan lain diserahkan kepada Yulius, pegawai tentera daripada rejimen Roma yang disebut "Rejimen Kaisar". Mereka menaiki kapal yang sudah siap untuk belayar ke Asia. Lukas dan Aristarkhus juga bersama-sama menemani Paulus dalam pelayaran itu.
- b. Besar kemungkinan mereka belayar dari Kaisarea dan tiba di Sidon pada keesokan harinya.

### 2. Sidon di Fenisia

- a. Yulius membenarkan Paulus untuk melawat sahabat-sahabatnya di Sidon supaya mereka dapat memberikan apa sahaja yang diperlukan oleh Paulus.
- b. Kerana angin berlawanan dengan arah kapal, mereka belayar menyusur pulau Siprus yang agak terlindung dari angin. Mereka menyeberangi lautan yang berhadapan dengan Kilikia dan Pamfilia.
- c. Mereka tiba di Mira di negeri Likia.

### 3. Mira di Likia

- a. Di Mira, pegawai tentera itu mendapatkan kapal yang datang dari Aleksandria yang akan belayar ke Italia.
- b. Selama beberapa hari mereka belayar dengan lambat sekali, dan dengan susah payah mereka akhirnya tiba di kota Knidus.

### 4. Knidus di Asia Kecil

- a. Dari Knidus, mereka belayar ke selatan pulau Kreta supaya terlindung dari angin.
- b. Akhirnya mereka tiba di satu tempat yang bernama Pelabuhan Indah, tidak berapa jauh dari kota Lasea.

### 5. Pelabuhan Indah di Kreta

- a. Mereka tinggal lama di situ sehingga bukan masanya lagi untuk belayar dengan aman.
- b. Paulus menasihatkan mereka supaya jangan belayar kerana bukan sahaja muatan dan kapal akan mengalami kerosakan besar, bahkan nyawa pun akan hilang.
- c. Tetapi pegawai tentera itu lebih percaya kepada kapten kapal dan pemilik kapal. Mereka berharap supaya dapat sampai ke pelabuhan Feniks dengan segera. Mereka berharap dapat tinggal di Feniks pada musim sejuk dan bukan di Pelabuhan Indah.

### 6. Badai di Laut

- a. Pada waktu itu angin selatan mula bertiup dengan lembut dan anak kapal menyangka mereka boleh belayar lagi. Oleh itu mereka membongkar sauh lalu belayar menyusur pantai pulau Kreta.
- b. Tidak lama kemudian angin yang sangat kuat, yang disebut angin Timur Laut membadai dari darat. Kapal itu dibawa oleh angin dan melalui sebelah selatan pulau Kauda yang kecil. Di situ dengan susah payah mereka menyelamatkan sekoci kapal.
- c. Kapal itu terus dibawa oleh angin dan badai sehingga lenyap segala harapan mereka untuk selamat.
- d. Setelah beberapa lama mereka tidak makan, Paulus berkata kepada mereka bahawa malaikat Allah yang disembahnya datang kepadanya dan berkata semua orang akan selamat kerana dia harus menghadap Kaisar.
- e. Pada malam yang keempat belas, mereka mengagak kapal sedang mendekati darat. sebelum fajar menyingsing, Paulus memohon supaya mereka semua makan.
- f. Apabila hari sudah siang, mereka melihat pantai tetapi tidak mengenal teluk itu. Kapal hancur dipukul ombak tetapi semua selamat sampai ke darat.
- g. Setelah mereka mendarat dengan selamat, baru mereka tahu bahawa pulau itu bernama Malta.

### 7. Malta

- a. Penduduk pulau itu menyambut mereka dan menyalakan api untuk mereka.
- b. Paulus dipatuk ular ketika memungut kayu untuk meyalakan api. Apabila penduduk pulau itu melihat Paulus tidak mati, mereka berfikir bahawa dia itu dewa.
- c. Publius, gabenor pulau itu menyambut mereka dengan baik dan mereka menjadi tetamunya selama tiga hari.
- d. Pada masa itu, bapa Publius sedang demam dan menderit cirit-birit. Paulus berdoa dan meletakkan tangan pada bapa yang sakit itu maka sembuhlah dia.
- e. Semua orang sakit di pulau itu datang kepada Paulus dan mereka semua disembuhkan.
- f. Tiga bulan kemudian mereka belayar dari pulau itu dengan kapal yang dipanggil "Dewa Kembar".



Kapal itu berlabuh di sana sepanjang musim sejuk.

#### 8. Sirakusa di Sisilia

- a. Mereka tiba di kota Sirakusa dan tinggal di sana selama tiga hari.
- b. Dari situ, mereka belayar lagi dan tiba di Regium.

#### 9. Kota-Kota di Italia

- a. Mereka tiba di Regium, dan keesokan harinya mereka belayar ke kota Putioli.
- b. Di situ mereka berjumpa dengan beberapa orang yang percaya. Mereka dijemput tinggal bersama dengan orang-orang percaya itu selama seminggu.
- c. Kemudian mereka tiba di Roma, melalui Pasar Apius dan ke Penginapan Tiga. Pengikut Yesus di Roma mendengar khabar tentang mereka lalu datang jauh untuk bertemu dengan Paulus dan rombongannya.
- d. Akhirnya mereka tiba di Roma.

#### 10. Roma di Italia

- a. Apabila mereka tiba di Roma, Paulus dibenarkan tinggal seorang diri dengan dikawal oleh seorang askar.
- b. Selepas tiga hari, Paulus memanggil pemimpin-pemimpin Yahudi untuk berkumpul. Dia ingin menjelaskan kepada mereka mengapa dia berada di Roma dan dirantai.
- c. Pemimpin-pemimpin itu berkata bahawa mereka belum pernah mendengar tentang Paulus, tetapi mereka ingin mendengar pendapat Paulus kerana mereka tahu orang di serata tempat mencela kumpulan Paulus.
- d. Oleh itu, mereka menetapkan hari untuk bertemu dengan Paulus. Ramai mereka yang datang untuk mendengar Paulus. Dari pagi hingga petang Paulus menjelaskan ajarannya tentang Kerajaan Allah.
- e. Ada orang yang percaya kepada apa yang dikatakan oleh Paulus, tetapi ada juga yang tidak. Paulus berkata kepada mereka bahawa jika mereka tidak percaya kepada perkhbaran penyelamatan Allah itu, dia akan mengkhabarkan kepada orang-orang bukan Yahudi yang menerimanya.
- f. Selama dua tahun Paulus tinggal di Roma, di rumah yang disewanya sendiri. Dia menyambut sesiapa sahaja yang datang melawatnya. Dengan kebebasan dan keberanian, Paulus memberitakan ajaran tentang Tuhan Yesus Kristus.



### Nota-Nota Geografi

#### A. Wilayah-wilayah dan Daerah-daerah Penting

##### 1. Palestin

- a. Keluasan kawasan Palestin pada masa dahulu tidak dapat ditentukan. Ia pernah dirujuk pada kawasan pantai Filistia, bahagian tenggara persisiran pantai Laut Tengah.
- b. Ia merentang dari Dan (Laish) sehingga ke Bersyeba, 48 km (30 batu) ke arah timur Tirus pada sumber Sungai Yordan. Bersyeba terlentang 242 km (150 batu) ke arah selatan, di mana Palestin bertemu dengan padang pasir Negev.

##### 2. Yudea

- a. Nama 'Yudea' digunakan pada pertama kali di dalam Alkitab untuk merujuk kepada wilayah di bawah empayar Parsi. Apabila orang dari pembuangan kembali, mereka dipanggil sebagai Yahudi, kerana kebanyakan dari mereka berasal dari suku Yehuda.
- b. Di bawah empayar Parsi, Yudea adalah sebuah daerah yang diperintah oleh seorang gabenor yang biasanya berbangsa Yahudi. Di bawah Roma, setelah anak Herodes iaitu Arkelaus diusir, Yudea menjadi sebahagian dari Siria, sebuah wilayah Roma. Gabenornya adalah pegawai yang dilantik oleh kaisar Roma (cth; Pontius Pilatus).
- c. Yudea berukuran kira-kira 89 km (55 batu) dari utara ke selatan dan ukuran yang sama dari timur ke barat. Ia terbentang dari Laut Tengah hingga ke Laut Mati. Ia bersempadan dengan Yope di utara dan terletak beberapa batu dari selatan Gaza serta bahagian selatan Laut Mati di selatan. Sempadan yang rasmi tidak pernah ditetapkan.





### 3. Samaria

- a. Semasa zaman Perjanjian Baru, Samaria merujuk kepada kawasan di selatan Galilea dan utara Yudea.
- b. Berdasarkan kepada pandangan orang Yahudi, Samaria dianggap sebagai negeri bukan Yahudi.
- c. Selepas kebangkitan Yesus, pandangan itu mula berubah. Semasa pengangkatan Yesus, murid-murid-Nya diperintahkan untuk menjadi saksi di Yerusalem dan di seluruh Yudea serta Samaria.

### 4. Fenisia

- a. Ia merupakan kawasan pesisiran pantai di antara pergunungan Lebanon dan Laut Tengah.
- b. Sidon merupakan kota Fenisia yang paling berkuasa dan berpengaruh. Tirus juga merupakan kota yang penting.

### 5. Siria

- a. Kawasan Siria berubah-ubah dan tidak mempunyai sempadan yang jelas. Secara amnya, ia meliputi kawasan selatan Pergunungan Taurus, utara Galilea, bahagian barat Padang Pasir Arab dan timur Laut Tengah.
- b. Ia menjadi wilayah Roma pada 64 M. Damsyik dan Antiokhia merupakan dua kota utamanya.
- c. Pengikut Yesus mula-mula dipanggil sebagai Kristian di Antiokhia (11:26). Paulus percaya kepada Yesus di Siria ketika dalam perjalanan ke Damsyik (9:1-9) dan dia diutus bersama-sama dengan Barnabas oleh gereja di Antiokhia untuk mengkhabarkan injil kepada orang bukan Yahudi (13:2).

### 6. Kilikia

- a. Ia merupakan wilayah Roma di bahagian tenggara Asia Kecil, bersempadan dengan bahagian utara dan barat pergunungan Taurus dan bahagian selatan Laut Tengah.
- b. Ibu kotanya ialah Tarsus, tempat kelahiran Paulus.
- c. Injil sampai di tempat itu lebih awal (15:23), mungkin melalui Paulus. Dalam perjalanan misi Paulus yang kedua, dia menjelajah di sana dan menguatkan gereja yang telah ditubuhkan di tempat itu (15:41).

### 7. Pamfilia

- a. Pada zaman Paulus, Pamfilia merupakan sebuah wilayah Roma yang kecil di selatan Asia Kecil di sepanjang pesisiran Laut Tengah dan kawasan pedalamannya meliputi sampai ke pergunungan Taurus.
- b. Ia dikelilingi oleh Pisidia di selatan, Kilikia di timur dan Likia di barat daya.
- c. Paulus melawat kawasan ini dalam perjalanan misinya yang pertama. Di tempat inilah Yohanes Markus meninggalkan rombongan itu untuk kembali ke Yerusalem (13:13).
- d. Paulus berkhutbah di Perga, kota utamanya (14:25).

### 8. Pisidia

- a. Sebuah wilayah kecil Roma di selatan Asia kecil, berdekatan dengan utara Pamfilia dan terletak di sepanjang pesisiran pantai.
- b. Ia merupakan kawasan pergunungan tetapi mempunyai penduduk yang lebih padat berbanding dengan kawasan pantai yang kasar, terutamanya kerana kota Antiokhia yang penting terletak di sana.
- c. Oleh kerana perkara ini, Paulus melawat kota itu sebanyak dua kali (13:14-50, 14:21-24).

### 9. Asia Kecil

- a. Istilah 'Asia Kecil' tidak ada di dalam Alkitab, ataupun dikenali ketika zaman Alkitab.
- b. Istilah ini digunakan pada masa kini untuk merujuk kepada semenanjung yang membentuk bahagian barat negara Turki moden. Asia Kecil mesti dibezakan dengan 'Asia' di dalam Perjanjian Baru yang biasanya merujuk kepada wilayah Roma di bahagian barat.

### 10. Asia

- a. Ia merupakan wilayah Roma yang merangkumi semua bahagian barat Asia Kecil serta beberapa pulau di Samos dan Patmos.
- b. Ia juga meliputi sebahagian besar kawasan Misia, Lidia, Karia dan Frigia.
- c. Efesus adalah ibu kotanya.
- d. Paulus berharap untuk berkhutbah di kota-kota Asia dalam perjalanan misinya yang kedua tetapi Roh Allah menghalangnya (16:6).



- e. Akhirnya, dia pergi ke Efesus pada perjalanan misi yang ketiga dan mengajar di sana selama dua tahun. Hasilnya, semua penduduk Asia, Yahudi dan bukan Yahudi, telah mendengar firman Tuhan (19:10).

### 11. Galatia

- a. Secara geografi, Galatia merupakan sebuah daerah di tengah Asia Kecil.
- b. Secara politik, ia merujuk kepada wilayah Roma yang merangkumi bukan sahaja negeri Galatia, tetapi juga sebahagian dari Frigia, Pisidia, Likaonia dan Isauria.
- c. Dalam pengertian Paulus, dia sepertinya merujuk gereja-gereja di Galatia (Antiokhia, Ikonium, Derbe, Lisiria) sebagai satu.
- d. Oleh itu, gereja-gerejanya terletak di empat wilayah: Asia, Galatia, Akhaya dan Mekadonia.

### 12. Makedonia

- a. Secara geografi ia terletak di antara kawasan tinggi Balkan dan semenanjung Yunani.
- b. Mekadonia merupakan kerajaan Yunani dan juga wilayah Roma.
- c. Filipi dan Tesalonika merupakan kota utamanya.
- d. Makedonia merupakan kawasan Eropah yang paling awal menerima agama Kristian (16:9-10).

### 13. Akhaya

- a. Wilayah Roma yang terdiri daripada seluruh Greece di selatan Makedonia.
- b. Ibu kotanya ialah Korintus.
- c. Makedonia dan Akhaya selalu disebut bersama untuk menunjukkan seluruh Greece.

## B. Kota-kota dan Pekan-pekan Penting

### 1. Antiokhia di Pisidia

- a. Ia merupakan kota di bahagian paling utara wilayah Pisidia.
- b. Ia dikunjungi oleh Paulus dalam perjalanan misinya yang pertama. Di sinilah khutbah Paulus direkod pada julung kalinya (13:16-41).
- c. Ia berbeza dengan Antiokhia di Siria.

### 2. Antiokhia di Siria

- a. Ibu kota Siria dan tempat tinggal kepada pegawai-pegawai tinggi Roma di Asia.
- b. Gereja orang bukan Yahudi yang pertama ditubuhkan di Antiokhia (11:20-21). Pengikut Yesus dipanggil sebagai Kristian pada pertama kalinya di Antiokhia (11:26).
- c. Nabi Agabus bernubuat di Antiokhia tentang kebuluran dan dari Antiokhia sumbangan telah dihantar kepada orang-orang percaya di Yerusalem (11:27-30).
- d. Di Antiokhia, penganut agama Yahudi datang dan membuat kekacauan di gereja di sana tentang ajaran bersunat mereka. Ini menyebabkan terbentuknya majlis pemimpin-pemimpin Yerusalem (Kis 15).
- e. Antiokhia merupakan pusat dan tempat permulaan kepada perjalanan misi Paulus.

### 3. Atena

- a. Pada masa dahulu ia merupakan ibu kota Atika yang terkenal, salah satu daripada negeri Yunani, tetapi ia kemudian menjadi ibu kota Greece.
- b. Ia adalah tempat kesenian, sains dan falsafah Yunani. Di bawah pemerintahan Roma, ia merupakan universiti kota dunia purba yang paling penting. Walaupun dijajah secara politik, ia menjajah penjajahnya dengan pembelajaran serta kebudayaannya.
- c. Paulus melawat Atena dalam perjalanan misinya yang kedua dan mendapati ia penuh dengan berhala (17:16). Dia bercakap kepada orang-orang Atena di Areopagus yang terkenal, juga dikenali sebagai Mars Hill.
- d. Beberapa orang percaya kepada Yesus di bawah pelayanannya di sana. Tetapi tidak ada rekod yang menunjukkan jika dia telah memulakan gereja di sana atau kembali di sana pada kesempatan yang lain.

### 4. Berea

- a. Berea adalah kota di Makedonia, ke arah barat daya Tesalonika.
  - b. Oleh kerana penganiayaan orang Yahudi di Tesalonika, orang-orang percaya di sana menghantar Paulus dan Silas ke Berea (17:10). Penduduk Berea lebih terbuka berbanding penduduk Tesalonika
-



dan mereka mendengar mesej Paulus dengan penuh semangat dan mengkaji Alkitab setiap hari untuk mengetahui sama ada ajaran Paulus adalah benar.

#### 5. Damsyik

- a. Salah satu daripada kota yang paling penting dan paling tua di Siria.
- b. Saulus dari Tarsus sedang berjalan menuju ke Damsyik untuk menganiaya orang Kristian di sana apabila dia mendapat penglihatan tentang Kristus lalu bertaubat dan menerima Yesus (9:1-9).
- c. Di Damsyik, seorang pengikut Yesus yang bernama Ananias memulihkan penglihatan Paulus dan membaptisnya.
- d. Paulus berkhotbah di Damsyik dan orang Yahudi berkomplot untuk membunuhnya. Dia diturunkan dari tembok kota dalam sebuah bakul dan melarikan diri ke Yerusalem.

#### 6. Efesus

- a. Efesus merupakan ibu kota sebuah wilayah Roma di Asia. Ia merupakan kota yang megah, kaya, mempunyai pelabuhan yang sibuk, dan menjadi pesaing kepada Aleksandria dan Antiokhia di Siria.
- b. Ia terkenal dengan kuil dewi kesuburan, Artemis (dikenali sebagai Diana oleh orang Roma), salah satu daripada Tujuh Keajaiban Dunia. Banyak perniagaan berkisar tentang berhala ini. Efesus menjadi pusat penziarahan penyembah-peyembah dari tempat asing dan semuanya beria-ia untuk membawa pulang azimat dan buah tangan. Oleh itu, tukang perak seperti Demetrius (19:24) mempunyai perniagaan yang maju dengan membuat patung-patung perak dan model dari batu meteor yang dikatakan imej Artemis yang 'jatuh dari langit'.
- c. Paulus melawat Efesus dengan singkat di penghujung perjalanan misinya yang kedua. Tetapi pada perjalanan misinya yang ketiga, dia tinggal di Efesus selama tiga tahun.
- d. Di tempat ini, tujuh orang anak lelaki ketua imam Yahudi diserang oleh roh jahat apabila mereka cuba mengusirnya dari badan orang yang dirasuk.
- e. Ramai orang percaya kepada Yesus dan membawa buku-buku sihir mereka untuk dibakar. Semua kos buku-buku tersebut dianggarkan berjumlah lima puluh ribu wang perak.

#### 7. Filipi

- a. Filipi adalah kota di timur Makedonia yang dinamakan sempena Filipus II, bapa kepada Aleksander Agung. Makedonia mempunyai empat daerah, dan Filipi adalah salah satu daerah itu.
- b. Ia adalah kota di Eropah yang pertama bagi Paulus berkhotbah ketika dia menyeberangi Makedonia dalam perjalanan misinya yang kedua.
- c. Orang yang pertama menerima Yesus dibawah pelayanan Paulus ialah Lidia (16:14-15), seorang wanita yang menjual kain ungu.
- d. Paulus dan Silas dipenjarakan di Filipi kerana Paulus mengusir roh peramal dari seorang hamba perempuan. Tuhan menghantar gempa bumi untuk membebaskan Paulus dan Silas.
- e. Paulus mengaku sebagai warganegara Roma di tempat ini.

#### 8. Ikonium

- a. Ikonium terletak di daerah Frigia walaupun ia selalu dianggap terletak di Likaonia. Dalam abad yang pertama, ia merupakan salah satu daripada kota penting di selatan wilayah Roma di Galatia.
- b. Paulus dan Barnabas pergi ke Ikonium ketika dalam perjalanan misi Paulus yang pertama (13:51) selepas orang Yahudi dari Antiokhia di Pisidia mula menganiaya mereka.
- c. Paulus menyatakan bahawa dia dianiaya di kota orang Galatia seperti di Antiokhia, Ikonium dan Listra (2 Tim 3:11).

#### 9. Kaisarea

- a. Kota ini terletak di persisiran Palestin, di jalan utama menuju ke Mesir dari Tirus, kira-kira 113 km (70 batu) di utara Yerusalem.
- b. Ia dibina oleh Herodes Agung dan tempat kediaman rasmi Raja-raja Herodes dan gabenor-gabenor Roma di Yudea.
- c. Kornelius, seorang kapten tentera Roma dan orang bukan Yahudi yang pertama percaya kepada Yesus tinggal di kota ini (10:1-43).
- d. Penginjil Filipus datang ke Kaisarea setelah pertemuannya dengan pegawai tinggi Etiopia lalu menetap di sini (21:8).
- e. Paulus dihantar ke kota ini untuk menghadap Gabenor Feliks oleh Klaudius Lisis, seorang komandan Roma. Paulus dipenjarakan di sini selama dua tahun sebelum dia dihantar ke Roma.



### 10. Korintus

- a. Korintus merupakan ibu kota wilayah Roma yang bernama Akhaya dan sebuah kota yang paling penting bagi negeri itu.
- b. Pada zaman Roma, Korintus merupakan kota yang kaya dan penuh dengan perbuatan yang tidak bermoral. Kejahatan kota ini tidak ada tolok bandingnya. 'Hidup seperti orang Korintus' bermaksud menjalani kehidupan yang penuh dengan perbuatan jahat dan kemabukan.
- c. Penduduknya setia menyembah Poseidon, dewa laut, kerana sebahagian besar kekayaan mereka berasal dari sumber laut. Tetapi mereka paling setia kepada Aphrodite, dewi cinta. Kuilnya mempunyai beribu-ribu pendeta wanita yang tiada bandingannya dengan kuil-kuil Yunani yanglain. Ia mengundang penyembah dari seluruh dunia purba.
- d. Pertama kali Paulus melawat Korintus ialah dalam perjalanan misinya yang kedua (Kis 18). Dia berjumpa dengan Akwila dan Priskila, orang percaya dan juga pembuat khemah seperti dirinya. Dia menumpang di rumah mereka selama satu tahun setengah ketika dia melayani di Korintus.
- e. Apolos melawat Korintus dan pengajarannya sangat membantu gereja di sana (18:27-28).

### 11. Lida

- a. Lida terletak di antara laluan dari Yerusalem ke kawasan pantai, jaraknya kira-kira 40 km (25 batu).
- b. Di tempat inilah Petrus menyembuhkan seorang lelaki yang bernama Anas yang lumpuh selama lapan tahun.

### 12. Listra dan Derbe

- a. Kedua-dua kota ini terletak di Likaonia.
- b. Paulus melawat kedua-dua kota ini semasa dalam perjalanan misinya yang kedua.
- c. Paulus menyembuhkan seorang lelaki yang tempang dari lahir di Listra. Disebabkan hal itu, orang-orang di sana menganggap mereka tuhan dan mahu mempersembahkan korban kepada mereka (14:8-13). Beberapa orang Yahudi datang dari Antiokhia dan Ikonium untuk merejam Paulus dengan batu.
- d. Listra adalah tempat asal Timotius. Dalam perjalanan misinya yang kedua, Paulus melawat Listra dan membawa Timotius bersama dalam perjalanan misi yang seterusnya.

### 13. Roma

- a. Roma terletak di Italia dan merupakan kota yang paling besar di empayar Roma. Penduduknya mencecah satu juta menjelang akhir abad satu Masihi.
- b. Paulus membuat rayuan kepada Kaisar (25: 10-11). Sebab itulah dia dihantar oleh Gabenor Festus ke Roma.
- c. Paulus berada dalam tahanan di Roma selama dua tahun, tetapi dia tinggal di 'rumah sewa' dan dibenarkan memberitakan injil dan mengajar tentang Yesus Kristus.
- d. Orang yang percaya kepada Yesus wujud sebelum kedatangan Paulus ke Roma (28:14-15). Mungkin ada orang Yahudi dari Roma yang hadir di Yerusalem ketika Pentakosta (2:10) dan telah kembali ke kota itu lalu menubuhkan gereja. Atau mungkin ada juga yang telah dilayani oleh Paulus di Korintus dan Efesus.

### 14. Tarsus

- a. Tarsus adalah ibu kota wilayah Kilikia sejak tahun 72 M.
- b. Tarsus merupakan sebuah kota purba. Tetapi semasa abad yang pertama Sebelum Masehi, kota itu menjadi tempat sekolah dan universiti falsafah.
- c. Paulus dilahirkan dan membesar di sini (21:39).

### 15. Tesalonika

- a. Pelabuhan utama di Makedonia. Ia menjadi ibu kota wilayah Roma pada 147 M.
- b. Paulus melawat Tesalonika selepas Filipi dalam perjalanan misinya yang kedua (17:1).
- c. Paulus dan Silas terpaksa meninggalkan Tesalonika kerana orang-orang Yahudi merusuh dan melakukan keganasan sehingga mereka menangkap seorang lelaki yang bernama Yason untuk dihadapkan kepada pihak pemerintah kota (17:5-9).

### 16. Troas

- a. Troas merupakan pelabuhan di pesisir Misia.
  - b. Selepas mendapat penglihatan tentang orang Makedonia yang datang kepadanya, Paulus belayar
-



dari Troas ke Makedonia, membawa mesej injil dari Asia ke Eropah (16:8-10).

- c. Paulus singgah di Troas dalam perjalanan ke Yerusalem, di pengakhiran perjalanan misinya yang ketiga. Di sini dia menghidupkan kembali Eutikhus yang mati (20:9-12).

### 17. Tirus dan Sidon

- a. Kedua-duanya merupakan pelabuhan yang terkenal di Fenisia.
- b. Dalam perjalanannya yang terakhir ke Yerusalem, menjelang perjalanan misi yang ketiga, Paulus datang ke Tirus dan tinggal selama tujuh hari bersama dengan orang percaya di sana.

### 18. Yerusalem

- a. Yerusalem terletak 55 km (33 batu) di timur Laut Tengah dan 23 km (14 batu) di arah barat Laut Mati dengan paras ketinggian 797 meter (2,550 kaki) dari aras laut.
- b. Ia merupakan kota yang paling penting di bumi dalam hal pembebasan dari Allah kerana kematian, kebangkitan dan pengangkatan Yesus terjadi di kota ini.
- c. Yerusalem merupakan kota diraja, ibu kota tunggal bagi satu-satunya kerajaan Allah (setakat ini) di bumi. Rumah Tuhan dibina dan di tempat ini korban dipersembahkan. Roh Allah turun semasa Pentakosta ke atas sekumpulan orang di kota ini, dan melahirkan gereja orang-orang Kristian.
- d. Di tempat ini, majlis pemimpin-pemimpin gereja yang pertama ditubuhkan dan dikenali sebagai Majlis Yerusalem.

### 19. Yope

- a. Yope terletak di kawasan pantai Palestin, kira-kira 56 km (35 batu) dari Yerusalem. Ia adalah pelabuhan laut Yerusalem.
- b. Petrus membangkitkan Dorkas dari kematian di sini (9:36-43).
- c. Di atas bumbung rumah Simon, seorang penyamak kulit, Petrus menerima satu penglihatan yang mengajarnya bahawa injil adalah untuk orang-orang bukan Yahudi juga (10:9-16).

## C. Pulau-pulau Penting

### 1. Siprus

- a. Sebuah pulau yang terletak di bahagian paling timur Laut Tengah, timur Siria dan selatan Kilikia.
- b. Barnabas dilahirkan di Siprus (4:36).
- c. Orang-orang percaya dari Siprus dan Kirene memberitakan injil kepada orang bukan Yahudi di Antiokhia, Siria (11:20).
- d. Paulus dan Barnabas melawat Siprus (13:4) semasa dalam perjalanan misinya yang pertama. Di sana, mereka bertemu dengan Elimas, seorang ahli sihir Yahudi.
- e. Barnabas membawa Yohanes Markus ke Siprus setelah berpisah haluan dengan Paulus (15:39).

### 2. Malta

- a. Malta ialah sebuah pulau yang terletak secara strategik di kedudukan kira-kira 97 km (60 batu) dari arah selatan Sisilia.
- b. Ia termasuk dalam wilayah Roma di Sisilia. Pada zaman Paulus, pulau itu terkenal dengan kemakmuran dan bangunan kediaman yang unik. Penduduk asalnya bertutur dalam dialek Fenisia.
- c. Kapal yang dinaiki oleh Paulus terkandas berhampiran dengan persisiran pantai Malta (27:27-44). Mereka tinggal di Malta selama tiga bulan sebelum meneruskan perjalanan ke Roma.

## Mukjizat-Mukjizat Dalam Kisah Rasul-Rasul

### 1. Mukjizat yang Dilakukan Oleh Petrus

- a. Menyembuhkan seorang lelaki tempang di depan Gerbang Indah Rumah Tuhan di Yerusalem. (3:1-10)
- b. Ananias dan Safira mati di depan kaki Petrus. (5:1-11)
- c. Penyembuhan oleh bayang-bayangnya di Yerusalem. (5:15-16)
- d. Anas dari Lida yang lumpuh disembuhkan. (9:32-35)
- e. Menghidupkan kembali Tabita (Dorkas) dari kematian di Yope. (9:36-43)



## 2. Mukjizat yang Dilakukan oleh Paulus

- a. Mebutakan Elimas (Bar-Yesus), seorang ahli sihir di Pafos. (13: 6-12)
- b. Paulus dan Barnabas melakukan mukjizat dan keajaiban di Ikonium. (14:1-4)
- c. Menyembuhkan seorang lelaki lumpuh di Listra. (14:8-10)
- d. Mengusir roh jahat dari seorang hamba perempuan yang mampu meramal masa depan di Filipi. (16:16-18)
- e. Menyembuhkan orang dengan hanya menyentuh sapu tangan dan jubahnya di Efesus. (19:11-12)
- f. Menghidupkan kembali Eutikhus dari kematian. (20:7-12)
- g. Tidak mati walaupun dipatuk ular di Malta. (28:1-6)
- h. Menyembuhkan demam dan cirit-birit yang dialami oleh bapa Publius ketika di Malta. (28:7-8)
- i. Menyembuhkan orang-orang sakit di Malta. (28:9)

## 3. Mukjizat yang Dilakukan Oleh Pengikut Yesus yang Lain

- a. Rasul-rasul melakukan banyak mukjizat dan keajaiban. (2:43, 5:12)
- b. Pintu penjara Petrus dan Yohanes dibuka oleh malaikat. (5:19-20)
- c. Stefanus melakukan banyak mukjizat dan keajaiban. (6:8)
- d. Filipus melakukan mukjizat di Samaria – mengusir roh jahat dan menyembuhkan ramai orang lumpuh. (8:4-8)
- e. Pintu penjara Petrus dibuka oleh malaikat. (12:5-10)

## 4. Penglihatan-Penglihatan Dalam Kisah Rasul-Rasul

### a. Yesus Menampakkan Diri

- i. Kepada 12 rasul sebelum pengangkatan-Nya (1:4-9)
- ii. Stefanus melihat Yesus berdiri di sebelah kanan Allah di syurga (7:55-56)
- iii. Kepada Paulus dalam perjalanannya ke Damsyik (9:3-6)
- iv. Dalam penglihatan Ananias di Damsyik (9:10-16)
- v. Dalam penglihatan Paulus di Korintus (18:9-10)
- vi. Dalam penglihatan Paulus di Korintus di Rumah Tuhan selepas dia memeluk agama Kristian (22:17-21)
- vii. Dalam penglihatan Paulus semasa dipenjarakan di Kubu Antonia di Yerusalem (23:11)

### b. Malaikat Menampakkan Diri

- i. Kepada rasul-rasul selepas pengangkatan Yesus (1:10-11)
- ii. Membuka pintu penjara untuk Petrus dan Yohanes kemudian menyuruh mereka untuk berkhotbah di Rumah Tuhan (5:19-20)
- iii. Kepada Filipus dan menghantarnya dari Samaria ke Gaza untuk bertemu dengan pegawai tinggi Etiopia (8:26-27)
- iv. Dalam penglihatan Kornelius di Kaisarea ( 10:1-6)
- v. Memimpin Petrus keluar dari penjara di Yerusalem untuk melarikan diri dari Herodes (12:6-11)
- vi. Kepada Paulus di atas kapal dalam pelayaran ke Roma (27:23-24)

### c. Penglihatan-Penglihatan Lain

- i. Saulus mendapat penglihatan di Damsyik tentang Ananias yang akan datang kepadanya (9:12)
- ii. Petrus mendapat penglihatan di Yope tentang sehelai kain yang besar turun dari syurga (10:9-16)
- iii. Paulus mendapat penglihatan di Troas tentang seorang lelaki Makedonia yang merayu supaya dia datang ke Makedonia (16:9-10)





## Khutbah-Khutbah Dalam Kisah Rasul-Rasul

### 1. Khutbah oleh Petrus

- a. Kepada 120 orang percaya di Yerusalem tentang pemilihan rasul (1:15-22)
- b. Kepada orang Yahudi di Yerusalem ketika perayaan Pentakosta (2:14-41)
- c. Kepada orang Yahudi di Serambi Salomo dalam Rumah Tuhan selepas menyembuhkan orang yang lumpuh (3:11-26)
- d. Di hadapan Majlis Agama di Yerusalem selepas penangkapannya dan Yohanes di sana (4:8-12)
- e. Kepada Kornelius dan keluarganya serta sahabat-sahabat di Kaisarea (10:34-43)
- f. Di hadapan orang Yahudi di Yerusalem untuk menerangkan sebab mengapa dia duduk makan dengan Kornelius (11:5-7)
- g. Ucapannya di hadapan pemimpin-pemimpin agama di Yerusalem (15:7-11)

### 2. Khutbah oleh Paulus

- a. Kepada orang-orang Yahudi dan orang-orang yang takut akan Tuhan di rumah ibadat Antiokhia, Pisidia pada hari Sabat (13:16-41)
- b. Kepada orang ramai di Listra setelah menyembuhkan seorang yang lumpuh (14:14-18)
- c. Kepada Aeropagus di Atena (17:22-23)
- d. Kepada pemimpin-pemimpin gereja Efesus di Miletus (20:17-35)
- e. Dalam bahasa Ibrani kepada sekumpulan orang Yahudi di Kubu Antonia, Yerusalem (22:1-21)
- f. Di hadapan Gabenor Feliks di Kaisarea (24:10-21)
- g. Di hadapan Gabenor Festus di Kaisarea apabila Paulus membela diri kepada Kaisar (25:8-11)
- h. Di hadapan Festus, Raja Agripa dan Bernike di Kaisarea (26:1-23)
- i. Kepada pemimpin Yahudi di Roma (28:17-28)

### 3. Perbandingan di Antara Petrus dan Paulus

#### a. Petrus

- i. Sangat menonjol di bab-bab awal Kisah Rasul-Rasul sebagai seorang yang diberi mandat untuk menyebarkan injil kepada orang Yahudi (Gal 2:7-8)
- ii. Khutbah pertamanya pada hari Pentakosta amat serupa dengan khutbah pertama Paulus tentang kebangkitan. Kedua-duanya memetik ayat dari Perjanjian Lama (2:14-36).
- iii. Mukjizat pertama Petrus adalah menyembuhkan seorang lelaki yang lumpuh sejak lahir di Gerbang Indah di Yerusalem. (3:3-10)
- iv. Bayang-bayang Petrus menyembuhkan orang sakit di jalanan Yerusalem (5:15).
- v. Petrus mengecam ahli sihir Simon di Samaria (8:20-23).
- vi. Petrus membangkitkan Tabita dari kematian di Yoipe (9:40-41).
- vii. Kornelius sujud di hadapan Petrus (10:25)
- viii. Seorang malaikat melepaskan Petrus dari penjara di Yerusalem (12:7-10)

#### b. Paulus

- i. Terkenal di bab-bab seterusnya dalam Kisah Rasul-Rasul sebagai seorang yang ditugaskan untuk memberitakan injil kepada orang-orang bukan Yahudi (Gal 2:7-9).
- ii. Khutbah pertama Paulus yang direkodkan ialah ketika di Antiokhia, Pisidia. Ia hampir sama dengan khutbah pertama Petrus (13:16-47).
- iii. Mukjizat Paulus paling awal yang direkodkan adalah penyembuhan seorang lelaki yang tempang sejak lahir di Listra (14: 8-10).
- iv. Sapu tangan dan kain Paulus menyembuhkan orang sakit di Efesus (19:12)
- v. Paulus mengecam ahli sihir Elimas di Pafos (13:10-11).
- vi. Paulus membangkitkan Eutikhus dari kematian di Troas (20:9-10).
- vii. Orang ramai di Listra mahu mempersembahkan korban kepada Paulus dan Barnabas kerana menganggap mereka sebagai dewa (14:11-13).
- viii. Satu gempa bumi membuka pintu penjara Paulus di Filipi (16:25-26).



## Kesan Penganiayaan Selepas Kematian Stefanus

### A. Injil Mula Tersebar ke Luar Yerusalem

1. Kematian Stefanus menyebabkan penganiayaan yang hebat ke atas gereja di Yerusalem. Ini menyebabkan ramai orang percaya meninggalkan Yerusalem, kecuali rasul-rasul.
2. Rasul-rasul tidak dipersalahkan kerana tetap tinggal di Yerusalem. Mereka mungkin menganggapnya sebagai kewajipan untuk terus tinggal di sana kerana Yerusalem merupakan pusat komuniti Kristian baru.
3. Orang-orang Kristian yang tersebar luas mula menetap di Yudea dan Samaria serta di tempat-tempat yang jauh. Mereka tidak takut untuk memberitakan firman Allah di mana saja mereka berada. Dengan itu genaplah amanat Yesus bahawa murid-murid-Nya untuk menjadi saksi-Nya di Yerusalem, Yudea dan Samaria, sehingga ke hujung bumi (1:8).
4. Sebelum penganiayaan berlaku, hanya para rasul yang memimpin gerakan penginjilan. Apabila mereka tetap tinggal di Yerusalem, orang-orang percaya yang lain menjalankan tanggungjawab memberitakan injil di mana saja mereka berada.
5. Penganiayaan itu telah menjadi satu rahmat berkat tersembunyi yang sebenar apabila injil mula tersebar di luar Yerusalem.

### B. Penyebaran Injil Membangkitkan Persoalan Kedudukan Orang Bukan Yahudi Dalam Iman Baru Tersebut

1. Rasul-rasul dan juga jemaat Kristian awal Yahudi tidak mempunyai masalah dengan konsep orang bukan Yahudi yang percaya kerana banyak ayat-ayat di dalam Perjanjian Lama menubuat bahawa orang bukan Yahudi akan menjadi umat Allah. Mereka menyangka bahawa orang bukan Yahudi akan menjadi sebahagian daripada Israel melalui persunatan. Mereka beranggapan jika orang bukan Yahudi mematuhi Hukum, mereka juga akan dianggap sebagai umat pilihan Allah sama seperti orang Yahudi sendiri.
2. Dalam tahun-tahun awal, orang bukan Yahudi yang percaya kepada Kristus menjadi sebahagian dari jemaat melalui pembaptisan. Ia bermula sejak pertaubatan Kornelius di Antiokhia, Kaisarea (10:1-48) dan orang bukan Yahudi di Antiokhia (11:20). Kedua-dua peristiwa itu telah diteliti oleh pemimpin gereja di Yerusalem dan menerimanya sebagai perbuatan Tuhan.
3. Walau bagaimanapun, kejayaan misi Paulus dan Barnabas telah menyebabkan ramai orang bukan Yahudi menerima Yesus sebagai Tuhan dan ini menjadi masalah di Yerusalem.
4. Orang-orang bukan Yahudi yang menjadi Kristian diterima ke dalam persekutuan melalui pembaptisan tanpa disunat. Mereka menjadi Kristian tanpa perlu menjadi Yahudi. Mereka mengekalkan identiti kebangsaan mereka. Pemimpin di Yerusalem membenarkan orang bukan Yahudi menjadi Kristian tetapi mereka tidak setuju dengan iman mereka dalam Mesias tanpa berpindah masuk ke agama Yahudi. Masalah identiti dalam gereja mula timbul.
5. Pandangan tentang injil Kristus sebagai satu gerakan reformasi dalam agama Yahudi kini dicabar. Paulus merupakan contoh orang yang berani tampil dengan kenyataan bahawa berita baik ini adalah untuk seluruh dunia. Gereja Kristus bukan satu aliran dalam agama Yahudi tetapi satu keluarga besar Tuhan yang antarabangsa dan tidak lagi dibendung dengan Hukum mahupun bangsa.
6. Persoalan tentang cara hidup orang Kristian Yahudi yang tetap hidup mengikut Taurat timbul apabila mereka duduk bersama dengan orang-orang bukan Yahudi yang tidak hidup menurut Hukum Taurat, dan mereka dianggap tidak bersih. Masalah ini menjadi lebih serius ketika jemaat gereja bertemu untuk 'memecahkan roti'.
7. Oleh itu, Sidang Rasul-rasul dan pemimpin Kristian di Yerusalem yang dikenali sebagai Majlis Yerusalem (Kis 15) pun dibentuk sekitar 49 M untuk menangani kedudukan orang-orang bukan Yahudi di kalangan jemaat Yahudi dalam gereja. Perkara ini merupakan peristiwa yang paling penting bagi gereja awal.
8. Dalam sidang tersebut, masalah yang dikemukakan selesai sepenuhnya. Kejayaan pelayanan Paulus dan Barnabas serta kisah Kornelius yang dikurniakan Roh Allah menjadi bukti bahawa pelayanan ini diberkati oleh Roh Allah. Perkara tersebut tidak lagi dikendalikan oleh para rasul sahaja.
9. Sidang itu memutuskan bahawa orang-orang bukan Yahudi akan diterima sebagai umat pilihan Allah melalui iman mereka dalam Yesus, tanpa perlu disunat atau mengikut Taurat Musa. Hanya empat syarat yang diberikan supaya mereka tidak menjadi batu sandungan bagi orang Kristian Yahudi: menjauhkan diri dari dosa seksual, dan tidak memakan makanan yang dipersembahkan kepada berhala, daging haiwan yang dijerut dan darah.





## Latar Belakang Agama Dalam Perjanjian Baru

Gereja orang Kristian bermula di Palestin dengan orang Yahudi sebagai jemaat pertamanya. Oleh itu, pengetahuan tentang agama Yahudi sangat penting untuk lebih memahami latar belakang agama dalam Perjanjian Baru.

### I. Kitab Suci dan Tradisi

#### A. Perjanjian Lama

Orang Yahudi menyebut Kitab Suci mereka sebagai *Tanakh*, iaitu akronim (perkataan yang berasal dari gabungan huruf awal beberapa perkataan) kepada tiga perkataan: *Torah* (Hukum), *Neviim* (Nabi-nabi) dan *Ketuvim* (Tulisan-tulisan). Ia merupakan tiga bahagian Perjanjian Lama yang digunakan pada zaman Yesus. Kitab-kitab yang digunakan adalah sama dengan Perjanjian Lama Alkitab orang Kristian tetapi disusun secara berbeza.

Bahagian pertama dan yang paling tua ialah Taurat atau Hukum. Ia mengandungi lima buku awal dalam Alkitab (yang juga dipanggil Pentateuch) dan merupakan catatan tentang arahan dan perintah yang diberikan oleh TUHAN Allah kepada Israel untuk mengajar mereka cara hidup dalam komuniti umat Allah. Bahagian ini menjadi sumber utama kepercayaan dan adat orang Yahudi.

Bahagian yang kedua ialah *Neviim* atau Nabi-nabi. Mereka dibahagikan kepada nabi yang terawal dan nabi yang kemudian. Nabi-nabi awal termasuk Yosua, Hakim-Hakim, Samuel dan Raja-Raja. Ia menjadi garis panduan sejarah dari permulaan penempatan di Kanaan sehingga ke pembuangan. Nabi-nabi yang kemudian termasuklah Yesaya, Yeremia, Yehezkiel dan dua belas buku kecil dari Hosea sehingga Maleakhi. Mereka meringkaskan ajaran dari semua nabi-nabi mereka kecuali buku Daniel yang dimasukkan ke dalam Tulisan-tulisan.

Bahagian yang ketiga ialah *Ketuvim* atau Tulisan-tulisan. Bahagian ini mengandungi karya-karya hikmat dan berbentuk puisi seperti Mazmur, Amsal, Ayub, Pengkhotbah, Kidung Agung dan Ratapan. Kebanyakan buku-buku ini ditulis selepas nabi-nabi tersebut. Mereka juga memasukkan buku-buku seperti Rut, Ezra, Nehemiah, Ester, Daniel dan Tawarikh (buku terakhir dalam *Tanakh*).

Taurat dan Nabi-nabi selalu dibaca di hadapan orang ramai sewaktu kebaktian pada zaman Yesus. Tulisan-tulisan tidak diguna dengan kerap walaupun ia adalah sebahagian daripada Kitab Suci.

#### B. Tradisi Pemimpin Agama

##### *Dari Hukum Bertulis kepada Hukum Lisan*

Walaupun Hukum Taurat menjadi sumber kepercayaan dan amalan orang Yahudi, masih terdapat beberapa perkara yang harus dijelaskan. Contohnya, Taurat memerintahkan untuk bersuka ria semasa perayaan Pondok Daun dengan daun palma, willow, buah dan dahan berdaun. Orang Yahudi akan mempersoalkan apa jenis buah dan dahan berdaun yang dimaksudkan dan bagaimana mereka harus bersuka ria dengannya.

Untuk menjawab persoalan yang timbul, satu badan penjelasan dan tradisi lisan yang berkaitan dengan Hukum telah dihipunkan. Tidak lama selepas itu, Hukum Lisan ini menjadi sesuatu yang harus dipatuhi melebihi Hukum Bertulis. Ketika sejarah orang Israel berjalan, Hukum Lisan juga bertambah, seiring dengan sejarah bangsa tersebut. Lelaki-lelaki yang mempunyai daya ingatan kuat mengabdikan diri untuk mempelajari, menghafal dan mengajar Hukum itu.

Tradisi Lisan yang sangat banyak ini akhirnya ditulis dan disiapkan pada 200 M dan ia dikenali sebagai Mishnah. Mishnah menerangkan perkara-perkara yang selalunya timbul dalam buku Imamat, seperti persembahan korban, hukum tentang makanan, upacara penyucian, zina dan sebagainya. Ia menerangkan tradisi para pemimpin agama dan bagaimana hal agama ditangani. Ia menunjukkan dan menjelaskan banyak konteks agama dan budaya pada zaman Yesus.

#### C. Harapan Mesias

Orang Yahudi menantikan Mesias yang akan datang. Ramai tokoh-tokoh yang bercirikan mesias dalam Perjanjian Lama telah mengakar dalam kepercayaan mereka: seorang nabi yang seperti Musa, Elia yang



akan kembali; dan yang paling penting adalah Anak Daud, seorang raja dan perwira yang hebat, di mana misinya ialah untuk membawa kemenangan, damai sejahtera dan kemuliaan kepada Israel. Ini menyebabkan mereka menanti-nantikan mesias dalam pelbagai bentuk: nabi besar, imam besar dan keturunan diraja. Ada yang menjangkakan itu sebagai satu pemulihan rohani, terutamanya kemenangan ke atas Roma.

Setiap kali nama 'Mesias' (Kristus dalam bahasa Yunani) disebut, harapan untuk kemerdekaan politik tidak dapat dielakkan. Sebab itu Yesus berhati-hati apabila orang memanggil-Nya 'Kristus'. Dia datang kepada sekumpulan orang yang jika tidak bersetuju dengan yang apa yang diharapkan, sekurang-kurangnya mereka bersama-sama dengan penuh kesungguhan 'menantikan Israel untuk diselamatkan' (Luk 2:25).

Tetapi tidak seorang pun yang akan menjangkakan harapan itu datang dengan salib. Tiada yang pernah terfikir bahawa Mesias itu seorang yang ilahi dan juga manusia pada masa yang sama, yang harus menderita sengsara, mati dan bangkit dari maut untuk menyelamatkan mereka dari dosa. Mereka berfikir Allah akan menggunakan seorang manusia biasa untuk membebaskan mereka dari Roma atau Allah sendiri yang akan berbuat demikian dan kemudiannya memperkenalkan Mesias sebagai pemerintahnya.

#### **D. Nazar orang Nazir**

Nazir ialah orang Israel yang mengasingkan dirinya bagi Tuhan dan bernazar untuk menjauhkan diri dari beberapa perkara (dari 30 hari sehinggalah sepanjang hidup) untuk tujuan beberapa upacara yang istimewa. Seorang Nazir yang sedang bernazar tidak boleh:

1. Meminum minuman keras
2. Mencukur bulu atau rambut yang ada di badannya
3. Menyentuh atau mendekati mayat

Samson dan Samuel adalah Nazir seumur hidup yang terdapat dalam Alkitab. Tidak dapat dipastikan sama ada Yohanes Pembaptis adalah seorang Nazir seumur hidup kerana tidak ada rujukan tentang rambutnya.

Terdapat dua lagi contoh Nazir (dari kenyataan tentang mereka mencukur kepala di kemudian hari) dalam Kisah Rasul-Rasul:

1. Paulus dikatakan telah mencukur rambutnya di Kengkrea kerana telah bernazar (18:18)
2. Paulus menyertai empat orang lain di Yerusalem yang telah bernazar (21:24)

## **II. Beberapa Institusi Penting Agama Yahudi**

### **A. Rumah Tuhan (Bait Allah)**


Ada tiga Rumah Tuhan yang berdiri megah di Yerusalem. Rumah Tuhan pertama dibina oleh Salomo, kedua dibina oleh Zerubabel selepas pembuangan dan yang ketiga dibina oleh Herodes Agung. Rumah Tuhan yang ringkas yang dibina oleh orang Yahudi di bawah pimpinan Zerubabel telah digantikan oleh sebuah struktur yang hebat yang telah dibina oleh Herodes Agung bermula pada 19 SM. Ia belum sempat disiapkan ketika Yesus ada di dunia. Struktur itu disempurnakan pada 64 M, enam tahun sebelum ia dimusnahkan oleh orang Roma.

Ia merupakan sebuah struktur yang amat besar dan diperbuat daripada batu, marmar dan emas dan ia berjaya menarik perhatian pengikut-pengikut Yesus (Luk 21:5). Rumah Tuhan itu terletak di tengah-tengah kawasan yang mempunyai keluasan kira-kira 26 ekar. Orang bukan Yahudi boleh menjejakkan kaki di bahagian luar bangunan sahaja, tempat di mana Yesus mengusir para pedagang yang sedang menjual barang mereka di sana (Luk 19:25-46). Terdapat tulisan dalam bahasa Yunani dan Latin yang memberi amaran kepada orang-orang bukan Yahudi tentang kesakitan maut, supaya mereka tidak memasuki ruang dalam Rumah Tuhan kerana ia dikhaskan untuk orang Yahudi sahaja. Orang ramai juga berkumpul di kawasan ini untuk mendengar ajaran yang diajarkan oleh pengajar-pengajar yang berani mempertahankan pengetahuannya. Mungkin Yesus telah mendengar guru-guru agama mengajar di tempat ini ketika Dia dijumpai oleh ibu bapa-Nya (Luk 2:46) dan Dia kemudiannya mengajar di dalam Rumah Tuhan.



Di luar Rumah Tuhan ada sebuah mezbah yang didirikan untuk membakar korban, dan sebuah bejana atau kolah yang penuh dengan air yang digunakan oleh para imam untuk membasuh. Di dalam ruangan pertama yang dipisahkan dengan sebuah kain yang berat terdapat: (i) sebuah kaki lilin emas bercabang tujuh yang membakar minyak zaitun dan dicampur dengan bahan-bahan lain (ii) sebuah meja yang mengandung roti mewakili hadirat Allah (iii) satu mezbah kecil untuk membakar kemenyan.

Satu lagi kain tebal memisahkan ruang yang paling dalam. Ruang ini dipanggil Tempat Maha Suci, di mana Imam Besar akan masuk setahun sekali tanpa ditemani oleh sesiapa pun pada Hari Pengampunan Dosa, untuk menebus dosa-dosa Israel. Tabut perjanjian yang merupakan satu-satunya benda terletak di dalam Tempat Maha Suci ketika zaman Perjanjian Lama, telah lama hilang ketika zaman perang, huru-hara dan penewanan.



### (i) Pelayanan Harian di Rumah Tuhan

Di samping korban peribadi, persembahan korban harian untuk bangsa juga dipersembahkan pada lewat pagi (jam ketiga) dan tengahari (jam kesembilan). Seekor kambing biri-biri akan dikorbankan, diikuti dengan doa, pembacaan hukum-hukum dan pembakaran kemenyan di atas mezbah di dalam ruang pertama (Tempat Kudus). Setelah kemenyan dibakar, imam yang menyempurnakan korban tersebut akan keluar dari ruang itu dan memperkatakan berkat ke atas orang ramai yang berdoa di tempat itu. Daging dan minuman dari persembahan korban harian akan diberikan dan upacara itu diakhiri dengan sekumpulan orang Lewi yang menyanyikan pujian, berhenti seketika apabila sangkakala dibunyikan dan orang ramai akan menyembah.

Tugas para imam pada waktu tengahari ialah mempersembahkan korban dari orang ramai, yang mempunyai pelbagai jumlah berdasarkan keadaan dan selalunya sangat ramai sewaktu perayaan. Pada hari Sabat, mereka akan mengadakan upacara pujian tambahan.

Masa berdoa yang ditetapkan ialah: (i) pada jam ketiga, kira-kira pukul 9 pagi, selepas persembahan korban pada waktu pagi (ii) pada jam kesembilan, kira-kira pukul 3 petang, selepas persembahan korban petang (Kis 3:1) (iii) ketika matahari terbenam.

Perayaan-perayaan dan hari-hari suci yang lain akan dirayakan dengan mengadakan upacara khusus di Rumah Tuhan. Semua perkara ini dilakukan di bawah pengawasan tentera Roma di Kubu Antonia



yang menghadap tempat ibadah tersebut.

## ii) Pelayan-pelayan di Rumah Tuhan

### a. Orang-orang Lewi

- Menyebarkan ajaran moral dan agama di seluruh negara
- Mengendalikan rekod orang ramai
- Bertugas sebagai pengangkut barang, pengawal, penyanyi dan pemusik di Rumah Tuhan
- Membantu imam untuk menyembelih korban

### b. Para Imam (keturunan Harun)

- Mempersembahkan korban
- Menjaga api di atas mezbah
- Mematikan api pada kaki lilin emas
- Imam Besar akan masuk ke Tempat Maha Suci sekali setahun pada Hari Pengampunan Dosa untuk menebus dosa bangsa itu

### c. Kapten Pengawal

- Mengawasi penjaga (imam) Rumah Tuhan serta orang-orang Lewi yang bertugas.
- Bertindak seperti pasukan polis untuk memastikan Rumah Tuhan sentiasa teratur.
- Orang kedua terpenting selepas Imam Besar

## B. Perayaan-perayaan

Perayaan yang berkaitan dengan penyembahan di Rumah Tuhan merupakan perayaan keagamaan dan hari yang suci bagi orang Yahudi. Ada yang diatitkan untuk mengikut perubahan musim, mengingatkan mereka tentang berkat TUHAN yang tidak pernah berakhir, serta memberikan mereka peluang untuk mengembalikan hasil yang mereka ada kepada TUHAN. Perayaan yang lain diadakan sempena memperingati peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Israel, peristiwa di mana TUHAN campur tangan dan membebaskan umat-Nya dengan penuh keajaiban.

Perayaan-perayaan tersebut tidak dirayakan semata-mata sebagai kewajipan atau upacara kosong. Tujuan perayaan ini lebih rohani. Allah akan menemui umat-Nya dengan penuh kemuliaan pada waktu tersebut.

Ada tiga perayaan penting di mana semua kaum lelaki Yahudi yang sihat tubuh badan serta bersih wajib untuk menghadiri diri. Ia dikenali sebagai perayaan ziarah dan dirayakan di Yerusalem.

### 1. Perayaan Paskah dan Perayaan Roti Tidak Beragi

**Paskah** merupakan perayaan tahunan yang pertama, dan ia merupakan perayaan yang paling penting dalam sejarah dan agama orang Yahudi. Ia dirayakan pada hari ke-14 bulan pertama (Nisan) menurut kalendar agama dan ia memperingati pembebasan orang-orang Yahudi dari Mesir dan juga penetapan Israel sebagai satu bangsa melalui penebusan TUHAN.

**Perayaan Roti Tidak Beragi** bermula sehari selepas Paskah dan berterusan selama tujuh hari. Di zaman Yesus, kedua-dua nama perayaan ini telah digunakan berselang-seli untuk merujuk kepada satu perayaan tersebut.

### 2. Perayaan Menuai / Hasil Pertama

Perayaan ini kemudiannya dikenali sebagai **Pentakosta** (bermaksud kelima puluh) dan dirayakan 50 hari selepas Paskah bermula. Pada mulanya, ia merayakan hasil tanaman iaitu semasa buah pertama dipersembahkan kepada TUHAN.

### 3. Perayaan Pondok Daun

Perayaan ini bermula lima hari selepas Hari Pengampunan Dosa (untuk menebus dosa bangsa Israel) dan berlangsung selama tujuh hari. Ia merupakan perayaan musim luruh apabila semua buah-buahan telah dipetik. Orang ramai akan tinggal di dalam khemah yang dibuat daripada dahan pokok. Perayaan ini diraikan untuk mengucap syukur terhadap hasil tanaman dan juga memperingati hidup mereka ketika berada di padang gurun.

---



Perayaan yang lain adalah Hari Sabat, Perayaan Tahun Baru (trumpet), Hari Pengampunan Dosa, Perayaan Pentahbisan Rumah Tuhan, dan Perayaan Purim.

### C. Rumah Ibadat

Hanya terdapat satu Rumah Tuhan tetapi setiap komuniti mempunyai rumah ibadat masing-masing. Hal ini dipercayai telah bermula sejak raja Babilonia, Nebukadnezar memusnahkan Rumah Tuhan yang pertama yang dibina oleh Salomo. Raja Nebukadnezar juga telah membuang kebanyakan orang Yahudi dari Yudea. Orang Yahudi biasanya menubuhkan satu pusat ibadah tempatan yang dipanggil sebagai rumah ibadat ('persekutuan') setiap kali terdapat sepuluh orang Yahudi. Setelah ia disahkan sebagai satu institusi, rumah ibadat ini diteruskan dan bertambah banyak walaupun setelah Rumah Tuhan dibina semula oleh Zerubabel.

Di rumah ibadat, tidak ada sebarang upacara korban yang dilakukan. Ia merupakan pusat pembelajaran Hukum Taurat dan penyembahan bagi orang tempatan. Pada hari Sabat, masyarakat di tempat itu berkumpul di rumah ibadat, lelaki dan wanita duduk berasingan, untuk mendengar penjelasan firman di bahagian tertentu dari naskah yang mengandungi tulisan Hukum Taurat dan Nabi-nabi (Luk 4:16), dan untuk berdoa bersama-sama. Sesuatu yang sangat sederhana, rumah ibadat yang biasa merupakan ruang yang berbentuk empat segi, mempunyai pentas kecil untuk pembaca firman di belakang peti yang mengandungi naskah Perjanjian Lama. Orang yang datang akan duduk di atas kerusi batu yang dibina selari dengan dinding rumah ibadat tersebut, dan juga di atas tikar dan kerusi yang diletakkan di tengah-tengah ruangan itu. Duduk berhadapan dengan orang ramai adalah ketua rumah ibadat serta pemimpin-pemimpin agama.

Pembaca akan berdiri untuk membaca firman dari naskah Perjanjian Lama (Luk 4:16-21). Untuk berkhotbah, dia akan duduk. Semua orang akan berdiri ketika berdoa. Orang yang berkuasa akan mengetuai pertemuan itu, memperkenalkan orang baru, memilih beberapa orang untuk membaca Firman Allah dan berkhotbah. Pelawat yang layak akan dijemput untuk berkhotbah, satu kebiasaan yang memberi banyak kesempatan kepada Yesus dan Paulus untuk memberitakan injil di rumah ibadat.

Rumah ibadat bukan sekadar pusat penyembahan pada hari Sabat. Pada hari-hari biasa, ia akan berfungsi sebagai pusat komuniti, pusat kerajaan tempatan dan tempat pembelajaran bagi kanak-kanak Yahudi serta tempat Perjanjian Lama diajar. Pengajaran itu sedikit sebanyak mengabaikan kepentingan persembahan korban di Rumah Tuhan. Akibatnya, para guru agama menjadi lebih penting daripada para imam.

### D. Majlis Agama (Sanhedrin)

Ia merupakan sidang yang paling tinggi di Yerusalem. Mereka memegang kuasa politik dan juga keagamaan. Ia terdiri daripada orang-orang yang memegang jawatan tertinggi di kalangan masyarakat, dari kelas imam ataupun orang biasa.

Pemerintah Roma mengizinkan orang Yahudi untuk mengendalikan kebanyakan hal-hal tempatan dan keagamaan. Oleh itu, banyak sidang tempatan yang ditubuhkan. Majlis Agama, sidang Yahudi yang tertinggi berada di atas sidang-sidang tersebut. Mereka akan bertemu setiap hari kecuali pada hari Sabat dan hari suci yang lain di Yerusalem. Semasa pemerintahan Roma, pemerintahan kerajaan dalaman Palestin berada di tangan mereka. Selepas kematian Herodes Agung, kuasa mereka dihadkan kepada Yudea sahaja. Sebab itulah kemungkinan mengapa mereka tidak boleh menghukum Yesus memandangkan Yesus berasal dari Galilea. Walau bagaimanapun, Majlis Agama mempunyai kuasa mutlak dalam hal undang-undang Yahudi. Di zaman Yesus, mereka boleh mencadangkan hukuman mati tetapi mereka tidak berkuasa untuk melaksanakannya. Itulah sebabnya mengapa Yesus dipaksa untuk membela diri bukan sahaja di hadapan Majlis Agama, tetapi juga di hadapan Pilatus, seorang gabenor Roma.

Terdapat 70 ahli Majlis Agama (tidak termasuk imam besar). Mereka berasal dari tiga golongan masyarakat Yahudi: ketua-ketua imam, pemimpin agama dan guru-guru Taurat. Para 'ketua imam' adalah mereka yang dari golongan imam besar, mereka yang pernah menjadi imam besar dan ahli keluarga istimewa iaitu keluarga kepada mereka yang pernah menjadi imam besar. Pemerintah golongan imam terdiri daripada ketua-ketua masyarakat dan menjadi ahli imam dalam sidang Majlis Agama. Imam besar akan mengetuai Majlis Agama.



Guru-guru Taurat atau penulis kebanyakannya dari golongan Farisi. Walau pun begitu, tidak semua orang Farisi merupakan penulis yang profesional. Pemimpin agama berasal dari keluarga berpengaruh di Yerusalem, kebanyakannya ketua bagi suku-suku dan kerabat. Hampir semua dari mereka adalah orang Saduki, seperti ketua imam.

### III. Mahzab dan Aliran Dalam Agama Yahudi

#### A. Orang Farisi

Nama 'Farisi' bermaksud 'yang diasingkan'. Mereka merupakan sebuah mahzab atau aliran agama yang tumbuh keluar dari Hasidim semasa abad ke dua SM. Orang-orang Hasidim ('umat Allah yang setia') adalah sekumpulan orang Yahudi alim yang dengan teguh mengekalkan Taurat daripada dipengaruhi oleh Hellenisme atau kebudayaan dan pemikiran Yunani. Mereka merupakan ketua-ketua agama Yahudi dan bukan satu parti politik seperti Saduki. Kebanyakan daripada mereka berasal dari golongan kelas menengah. Orang Farisi merupakan di antara mahzab agama Yahudi yang paling besar. Walau bagaimanapun, jumlah mereka menjadi 6,000 orang sahaja semasa pemerintahan Herodes Agung dan mereka ada di setiap tempat di Palestin.

Ramai orang Farisi yang menjadi pengajar di rumah ibadat, menjadi contoh agama kepada orang ramai dan menganggap diri mereka sebagai penjaga Taurat. Mereka sangat mementingkan keaslian Taurat dan tradisi-tradisinya. Mereka menganggap tafsiran-tafsiran dan hukum-hakam yang diwarisi sejak turun-temurun mempunyai kepentingan yang sama dengan Kitab Suci. Mereka berikrar untuk mematuhi semua tradisi dan Hukum secara terperinci dan oleh itu mementingkan kesucian setiap upacara. Kesannya, mereka menjauhkan diri dari orang biasa. Mereka tidak boleh makan bersama dengan orang bukan Farisi kerana takut makanan tersebut mungkin belum dipersempuluhkan, iaitu sepersempul harus dipersembahkan kepada TUHAN. Mereka menjadi satu kelompok yang teratur, sangat setia kepada sesama mereka dan masyarakat, tetapi terasing dari satu sama lain.

Ini menyebabkan mereka mempunyai sikap "lebih suci daripada kamu" sehingga menyebabkan mereka memandang rendah terhadap orang yang tidak hidup menurut Hukum seperti mereka. Kesombongan mereka yang digabungkan dengan ketegasan dalam hal hukum yang lebih mementingkan peraturan daripada rahmat dan kasih menyebabkan mereka selalu berselisih dengan Yesus. Yesus tidak mengesam tindakan mereka yang cuba untuk mengikut Hukum tersebut, sebaliknya Dia menegur mereka kerana keangkuhan dan perilaku mereka yang tidak menunjukkan kasih dalam melaksanakan Hukum mereka. Walaupun begitu, golongan Farisi tetap dipandang tinggi oleh orang biasa Yahudi dan menjadi model kealiman dan pengabdian. Adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa tidak semua orang Farisi bersikap sedemikian. Ramai Farisi seperti Paulus, Nikodemus (Yoh 3:1) dan Gamaliel (KRR 5:34) yang setia dan ikhlas dalam melakukan Hukum tersebut.

#### B. Para Penulis/ Penyalin

Para penulis atau guru-guru Taurat bukan dari mana-mana mahzab agama atau parti politik, tetapi adalah golongan profesional. 'Hakim', 'orang bijak' dan 'guru Taurat' adalah istilah yang biasa digunakan dalam Perjanjian Baru bagi golongan mereka ini. Istilah 'rabbi' merupakan istilah kehormatan bagi seorang guru Taurat. Bermula dari Ezra, para penulis mentafsir dan mengajar Hukum Perjanjian Lama dan membuat keputusan sah bagi kes-kes yang dibawa kepada mereka.

Mereka mengkaji, mentafsir dan mengajar Taurat secara lisan dan bertulis. Mereka berperanan mentafsir Taurat dan penerapannya dalam kehidupan seharian. Murid-murid ('pelajar') golongan penulis ini mengikut di belakang mereka di mana sahaja guru mereka pergi dan belajar melalui pemerhatian dan menghafal setiap perkara dalam Perjanjian Lama dan tradisi guru Taurat.

Pada zaman Yesus, kebanyakan dari golongan penulis mungkin terdiri daripada orang Farisi, meskipun tidak semua orang Farisi mempunyai pengetahuan agama yang diperlukan oleh seorang penulis. Pekerjaan para penulis ini tidak dibayar dan mereka bergantung kepada perniagaan mereka untuk menyara kehidupan. Contohnya, Paulus telah dilatih dalam hal-hal Taurat, tetapi dia membuat khemah untuk menyara hidup. Walaupun Yesus tidak mendapat pendidikan Hukum Taurat secara rasmi, Dia tetap digelar sebagai rabbi dan mengambil murid untuk bersama-Nya. Ajaran-Nya berasal dari kewibawaan-Nya sendiri manakala para penulis hanya bergantung kepada pendapat dan pemikiran rabbi-rabbi yang lepas.



### C. Orang Saduki

Sama seperti orang Farisi, orang Saduki juga merupakan sekumpulan orang Yahudi pada masa Yesus, walaupun pengaruh mereka pada masa itu semakin berkurangan. Kebanyakan mereka terdiri daripada orang atasan dan orang kaya yang memiliki tanah, yang telah mendapat kedudukan dominan dalam masyarakat mereka. Walaupun jumlah mereka lebih sedikit berbanding orang Farisi, mereka mempunyai kuasa yang lebih besar dari segi politik dan mereka mengawal para imam. Ramai ketua imam adalah Saduki atau mempunyai kerjasama yang rapat dengan mereka. Mereka masih menguasai separuh dari sidang Majlis Agama pada zaman Yesus. Orang Farisi memperolehi kuasa mereka dari pendidikan agama mereka manakala orang Saduki mendapatnya melalui kedudukan.

Mereka tidak sealim Farisi. Tidak seperti Farisi, mereka hanya mengambil kira lima buku pertama dalam Perjanjian Lama, iaitu Hukum Taurat atau Torah. Mereka menolak sebarang pewahyuan selain dari lima buah buku Musa. Oleh itu, mereka tidak menerima Hukum Lisan dari rabbi yang bukan dari golongan imam, dan menolak kepercayaan yang baru seperti keabadian jiwa, kebangkitan, malaikat dan iblis. Meskipun sangat tegas, orang Farisi tetap bersifat progresif dalam mengaplikasikan Hukum menurut perubahan keadaan semasa. Tetapi orang Saduki pula mahu mengekalkan apa yang ada. Mereka tidak akan berganjak dari Taurat kerana mereka tidak mahu kehilangan kedudukan kuasa dan kekayaan mereka.

Mereka kurang mendapat sokongan kerana mereka adalah golongan aristokratik kecil. Apabila Rumah Tuhan yang menjadi pusat kuasa imam-imam dimusnahkan oleh orang Roma pada 70M, orang-orang Saduki mula berpecah dan berkurangan. Sebaliknya, orang Farisi terselamat dari kejadian yang menimpa orang Saduki dan menjadi asas kepada agama Yahudi pada abad-abad yang seterusnya.

### 4. Golongan Herodes

Golongan Herodes bukan sebuah parti politik ataupun mahzab agama. Mereka adalah segelintir orang Yahudi yang menyokong dinasti Herodes. Ini bermaksud, mereka juga menyokong kerajaan Roma secara tidak langsung kerana Roma yang bertanggungjawab menempatkan kerabat Herodes pada kedudukan sebagai pemerintah. Mereka mungkin berpusat di Galilea di bawah pemerintahan Herodes Antipas I. Mereka menentang Yesus bersama-sama dengan orang Farisi.

### 5. Zelot

Sementara orang Saduki dan Farisi memanfaatkan kuasa pemerintah Roma, ramai orang Yahudi lain yang tetap berjuang demi kebebasan orang Yahudi. Mereka dikenali sebagai Zelot. Mereka memperjuangkan kemerdekaan, satu revolusi untuk menumpaskan kerajaan Roma. Mereka tidak mahu membayar cukai, menganggap kesetiaan kepada Kaisar sebagai satu dosa, dan telah melakukan beberapa kekacauan, termasuk pemberontakan Yahudi yang mengakibatkan kemusnahan Yerusalem pada 70 M.

Pada zaman Yesus, mereka sudah melakukan banyak pemberontakan yang tidak berjaya (Barabas terlibat dalam salah satu pemberontakan) dan mereka sudah bersedia untuk menjatuhkan pemerintah Roma. Mempunyai semangat patriotik yang melampau, mereka berasaskan kepada kepercayaan bahawa penundukan kepada Roma adalah satu pengkhianatan terhadap TUHAN, Raja Israel yang sebenar. Simon adalah seorang murid Yesus yang datang dari golongan Zelot.

### 6. Penganut Agama Baru dan Orang yang Takut Akan Tuhan

Walaupun dengan semangat kebangsaan yang kuat, agama Yahudi menarik ramai orang bukan Yahudi. Sukar bagi seseorang yang bukan Yahudi untuk menerima ajaran agama Yahudi. Dia harus disunat jika dia seorang lelaki, dan dibaptis serta mesti berjanji untuk mengikut semua Hukum Taurat Musa. Orang itu juga harus meninggalkan identiti bangsanya. Orang ramai yang mengambil langkah ini dipanggil sebagai penganut agama baru atau orang bangsa lain yang menganut agama Yahudi (2:11).

Ramai yang tertarik dengan ajaran monoisme (satu Tuhan) serta ajaran moral Yahudi yang ketat, berbeza dengan agama Roma yang mengamalkan politisme (banyak tuhan). Mereka bersedia untuk mengenali iman dan kepercayaan orang Yahudi tetapi kurang komitmen penuh sebagai penganut yang baru. Ramai orang bukan Yahudi yang kaya dan berpengaruh menganut agama Yahudi, dan mereka dikenali sebagai 'orang yang takut akan Tuhan', 'penyembah Tuhan', atau 'penganut' dalam Perjanjian Baru.



## 7. Orang Samaria

Orang Samaria merupakan keturunan Israel dari Kerajaan Selatan. Mereka berkahwin campur dengan orang-orang dari negara asing yang dibawa masuk oleh kerajaan Asyur selepas kejatuhan Samaria yang merupakan ibu kota pada waktu itu. Hasilnya, agama mereka bercampur. Orang Samaria melandaskan kepercayaan mereka kepada lima buku pertama Perjanjian Lama sahaja. Setelah orang Yahudi di bawah pimpinan Ezra dan Nehemia kembali dari pembuangan, timbul satu kebencian di antara orang Yahudi dan orang Samaria. Keadaan ini berlanjutan sehingga zaman Yesus.

Bangunan ibadat orang Samaria di atas Gunung Gerizim yang berhadapan dengan Sikhem (Yoh 4:20) menjadi tanda penolakan orang Yahudi terhadap mazhab agama ini. Akan tetapi, orang Samaria menyembah TUHAN Allah yang sama seperti orang Yahudi. Hukum-hukum mereka diambil dari lima buku Musa, iaitu lima buku pertama Perjanjian Lama, yang lebih kurang sama dengan versi orang Yahudi. Seperti orang Yahudi, mereka juga menanti-nantikan kedatangan seorang nabi seperti Musa. Punca utama kebencian orang Yahudi dan cemuhan orang Samaria dicituskan oleh sejarah dan perbezaan bangsa dan sedikit daripada perbezaan asas agama mereka. Meskipun begitu, Yesus tidak melihat perbezaan tersebut dan Dia menjangkau mereka sama seperti orang Yahudi.

### Latar Belakang Kebudayaan Dalam Perjanjian Baru

#### A. Diaspora (Penyebaran)

Dianggarkan ada kira-kira empat juta orang Yahudi yang hidup di bawah empayar Roma semasa zaman Perjanjian Baru, iaitu tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan penduduknya. Walau bagaimanapun, kurang dari tujuh ratus ribu orang Yahudi yang tinggal di Palestin. Lebih ramai yang menetap di Aleksandria, Mesir, dan Siria berbanding di Palestin. Di bahagian-bahagian Palestin, contohnya Galilea di mana Yesus membesar, orang-orang bukan Yahudi adalah lebih ramai daripada orang Yahudi.

'Penyebaran' ialah istilah yang digunakan untuk orang-orang Yahudi yang tinggal di luar Palestin tetapi masih mengamalkan hukum-hukum agama dan adat Yahudi. 'Diaspora' adalah perkataan Yunani yang digunakan untuk istilah ini. Mereka yang tinggal di luar Palestin dikenali sebagai Yahudi Diaspora. Mereka adalah keturunan Yahudi yang tersebar di seluruh kawasan Timur Tengah dan Laut Tengah selepas dibuang oleh orang Asyur dan Babilonia pada abad keenam SM.

Pada waktu pemerintahan Aleksander Agung, beribu-ribu orang Yahudi pergi meninggalkan Palestin untuk tujuan perdagangan dan perniagaan ke negara-negara jiran, terutamanya di kota-kota utama. Menjelang zaman Yesus, penyebaran tersebut telah berkembang menjadi beberapa kali ganda dari penduduk Palestin. Rumah-rumah ibadat di setiap kawasan yang dikenali telah banyak membantu dalam penyebaran agama Kristian, dan Paulus telah melawat semua rumah ibadat di setiap kota yang dikunjunginya.

Ramai di antara mereka yang kembali ke Yerusalem untuk menyambut perayaan-perayaan. Orang-orang Yahudi ini terbahagi kepada dua kelas: (1) Hebrais, atau Hebraic atau orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Ibrani, yang bukan sahaja mengekalkan iman mereka tetapi juga adat serta bahasa Yahudi. Mereka biasanya tidak disukai oleh orang bukan Yahudi kerana keangkuhan mereka, (2) Hellenis, atau Hellenistic atau orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Yunani dan menggunakan bahasa Yunani, pakaian dan adat, sementara masih mengamalkan iman agama Yahudi dalam pelbagai tahap. Kira-kira 250 SM, ramai orang Yahudi yang tinggal di Mesir bertutur dalam bahasa Yunani sehingga bermulanya penterjemahan Perjanjian Lama. Tradisi mengatakan bahawa seramai tujuh puluh penterjemah Yahudi telah melakukannya dan mereka dikenali sebagai Septuagint (LXX atau 70).

Orang Yahudi yang tersebar di merata tempat dengan terbuka membenarkan orang bukan Yahudi untuk membaca dan menerangkan Kitab Suci Perjanjian Lama di rumah ibadat mereka. Oleh itu, terdapat beberapa orang Yahudi yang sudah lazim dengan Perjanjian Lama, terutamanya di bahagian nubuatan dan apabila Paulus menerangkan tentang penggenapan nubuatan-nubuatan tersebut, mereka menerimanya dengan fikiran yang terbuka. Salah satu contoh ialah bagaimana orang bukan Yahudi di Antiokhia, Pisidia memberi respon kepada mesej Paulus yang diambil sepenuhnya dari Perjanjian Lama.





Ramai dari orang Yahudi Diaspora yang hadir ketika perayaan Pentakosta (Kis 2:1-41) menjadi Kristian dan mungkin telah menyebarkan injil apabila mereka kembali ke tempat asal mereka. Mereka mungkin telah mempersiapkan jalan untuk Paulus dan Barnabas ketika mereka pergi untuk memberitakan injil ke kota-kota di luar Palestina yang mempunyai ramai penduduk Yahudi. Walaupun ada orang Yahudi yang menerima injil tersebut, lebih ramai lagi orang bukan Yahudi yang berbuat demikian.



### B. Bahasa

Bahasa Latin merupakan bahasa rasmi empayar Roma tetapi ia lebih banyak digunakan di bahagian Barat empayar tersebut. Di bahagian timur, bahasa yang banyak digunakan ialah Yunani. Selain daripada Yunani, orang Palestina bertutur dalam bahasa Aramaic dan Ibrani. Jadi besar kemungkinan, Yesus dan murid-murid-Nya boleh bertutur dalam tiga bahasa. Dipercayai bahawa bahasa Aramaic digunakan lebih meluas di Palestina berbanding bahasa Ibrani.

### C. Tempat Kediaman

Rumah-rumah di bahagian barat empayar Roma dibina menggunakan batu-bata atau konkrit, terutamanya di kota-kota. Di bahagian timur, rumah biasanya dibina dengan bahan-bahan seperti bata yang dikeringkan dengan matahari dan plaster. Bumbungnya diperbuat daripada genting atau jerami. Walau bagaimanapun, rumah kediaman dan pekan-pekan di Palestina berlainan dari Roma dan lebih kuno.

Orang akan masuk ke dalam kawasan pekan melalui pintu gerbang di tembok. Di dalamnya, sebuah kawasan lapang yang berbentuk segi empat disediakan bagi orang ramai untuk bersosial dan berniaga. Yesus biasanya berkhotbah di kawasan seperti ini. Rumah-rumah dibina rendah dengan atap yang rata. Tempat kediaman mereka biasanya dibina dengan bata yang diperbuat daripada tanah dan jerami yang dibakar (dikeraskan) dengan bahang matahari. Ramai penduduk hidup di dalam rumah yang hanya mempunyai satu bilik. Sebahagian dari bilik tersebut dibina agak tinggi untuk dijadikan tempat memasak dan tempat tidur. Rumah berlantaikan tanah dan sesetengah rumah beralaskan batu. Penghuni rumah biasanya tidur di atas sehelai tikar nipis dan akan digulung pada siang hari. Binatang ternakan dan binatang tempatan hidup di kawasan yang lebih rendah.

Sebuah tangga di luar rumah dibina untuk menaiki bumbung. Bumbung rumah dijadikan tempat tidur ketika cuaca panas, tempat mengeringkan sayuran, buah-buahan dan tempat berdoa. Di atas bumbung



seperti inilah Petrus berdoa apabila dia mendapat penglihatan dari syurga (10:9-16). Satu tembok rendah di sekeliling bumbung dibina untuk mengelak orang daripada terjatuh.

#### **D. Golongan Sosial**

Dalam masyarakat pagan, perbezaan sosial di antara golongan-golongan masyarakat adalah jelas. Pengaruh agama Yahudi menjadikan orang Yahudi tidak dibahagikan kepada kelas-kelas sosial. Walau bagaimanapun, ketua-ketua imam dan guru-guru Taurat masih tergolong dalam kelas yang tinggi. Petani, tukang-tukang, peniaga kecil dan keluarga mereka menjadi golongan yang selebihnya.

Jumlah hamba abdi mungkin melebihi jumlah penduduk di dalam empayar Roma. Adalah kebiasaan bagi penjenayah, orang berhutang dan tawanan perang untuk dijadikan hamba sebagai hukuman. Banyak perumpamaan dan perkataan Yesus menunjukkan bahawa perhambaan masih wujud dalam budaya Yahudi ketika itu. Ramai daripada hamba-hamba tersebut lebih terpelajar dari tuan mereka. Pada asalnya, hamba abdi yang melakukan jenayah sahaja yang akan disalibkan. Walau bagaimanapun, selepas beberapa waktu, hukuman salib ini turut dijatuhkan kepada orang bebas yang melakukan jenayah berat.

#### **E. Kewarganegaraan Roma**

Kewarganegaraan Roma dipandang tinggi pada waktu itu dan hanya diberikan kepada mereka yang berada pada kedudukan sosial yang tinggi atau pegawai kerajaan yang telah berjasa untuk pihak Roma, atau kepada orang-orang yang mampu untuk memberikan rasuah kepada pentadbir-pentadbir supaya nama mereka dimasukkan ke dalam senarai. Pada abad ke-2 dan ke-3 Masihi, rasuah semakin berleluasa meskipun pada mulanya ia hanya terjadi di kalangan penduduk tertentu sahaja. Nama warganegara yang baru itu akan dicatatkan dalam salah satu daripada 35 senarai suku di Roma dan di pejabat pendaftaran tempatan. Generasi seterusnya bagi penduduk yang telah menerima status kewarganegaraan akan diwarisi melalui kelahiran, status Roma didaftarkan dan akan didaftarkan sebagai warganegara dalam carta cukai di kota asal mereka.

Tidak ada pakaian atau hukum yang membezakan warganegara Roma daripada penduduk yang lain kecuali sejenis jubah, yang hanya dipakai oleh warganegara Roma. Akan tetapi, jubah tersebut tidak dipakai dengan kerap di wilayah-wilayah termasuk Roma kerana kerumitannya dan hanya dipakai pada perayaan atau majlis tempatan. Kertas yang mengesahkan kewarganegaraan akan disimpan di dalam peti keluarga dan tidak akan dibawa bersama secara individu. Pengakuan lisan bagi kewarganegaraan Roma diterima sebagai pengenalan. Denda bagi pemalsuan dokumen serta pengakuan palsu kewarganegaraan adalah sangat berat.

Tidak diketahui bagaimana keluarga Paulus mendapat kewarganegaraan Roma. Besar kemungkinan salah seorang dari nenek moyang Paulus mendapatkannya dengan berbakti kepada pentadbir Roma.

---

Kisah Rasul-Rasul

39



EUXINE OR BLACK S. A.



# Kisah Rasul- Rasul

MEDITERRANEAN OR GREAT SEA

ASIA MINOR  
With  
PAUL'S VOYAGE  
to  
ROME.

**I. Pengenalan (ay. 1-5)**

**1** Saudara Teofilus<sup>a</sup> yang terhormat. Di dalam kitab saya yang pertama,<sup>b</sup> saya telah menerangkan segala perkara yang dilakukan dan diajarkan oleh Yesus, sejak Dia memulakan pekerjaan-Nya,<sup>c</sup> <sup>2</sup> sehingga pada hari Dia diangkat ke syurga. Sebelum Yesus diangkat ke syurga, Dia dengan kuasa Roh Allah memberikan petunjuk kepada rasul-rasul yang telah dipilih-Nya.<sup>d</sup> <sup>3</sup> Selama empat puluh hari<sup>e</sup> setelah kematian-Nya, banyak kali Yesus menunjukkan diri dengan nyata sekali<sup>f</sup> kepada rasul-rasul itu, sehingga

tidak dapat diragukan lagi bahawa Dia benar-benar hidup. Mereka melihat Dia, dan Dia berkata-kata dengan mereka tentang Pemerintahan Allah<sup>g</sup>. <sup>4</sup>Apabila mereka berkumpul, Yesus memberikan arahan ini kepada mereka, “Janganlah tinggalkan Yerusalem,<sup>h</sup> tetapi tunggulah pemberian yang sudah dijanjikan oleh Bapa-Ku, dan yang sudah Aku beritahukan kamu dahulu.<sup>i</sup> <sup>5</sup>Yohanes membaptis kamu dengan air, tetapi beberapa hari lagi kamu akan dibaptis dengan Roh Allah.”<sup>j</sup>

**Teropong**

<sup>a</sup> Teofilus bererti “yang mengasihi Allah” atau “disayang Allah”. Besar kemungkinan dia merupakan seorang pegawai atasan Roma atau seorang yang kaya dan berkuasa kerana dalam buku pertama Lukas, iaitu Injil Lukas, dia dipanggil sebagai ‘Tuan Teofilus’ (Luk 1:3). Kedua-dua buku Kisah Rasul-Rasul dan Injil Lukas didedikasikan kepada Teofilus. Dedikasi seperti itu adalah perkara biasa dalam penulisan pada zaman tersebut.

<sup>b</sup> Lukas merujuk kepada Injil Lukas. Ia menunjukkan bahawa Lukas sengaja menulis Injil Lukas serta Kisah Rasul-Rasul sebagai sebuah buku yang mempunyai dua jilid. Pada zaman tersebut, penulis biasa menjilidkan karyanya daripada beberapa tulisan atau ‘buku’ seperti ini serta menulis pengenalan pendek bagi setiap jilid buku tersebut.

<sup>c</sup> Lukas menerangkan tujuannya menulis Injil Lukas (Luk 1:4), tetapi dia tidak berbuat demikian untuk Kisah Rasul-Rasul. Dia seakan-akan membayangkan dia akan menulis tentang apa yang terus dilakukan dan diajarkan oleh Yesus selepas pengangkatan -Nya. Hal ini dilaksanakan oleh rasul-rasul dengan kuasa Roh Allah.

<sup>d</sup> Istilah ‘rasul’ berasal dari perkataan Yunani *apostolos* yang bermaksud ‘yang diutus’. Lukas menghadkan penggunaan gelaran ini kepada dua belas murid Yesus (Luk 6:13-16) kecuali Yudas Iskariot yang telah digantikan oleh Matias (ayt. 26). Rasul-rasul adalah mereka yang bersama-sama Yesus semasa pelayanan-Nya di bumi dan yang telah menyaksikan kebangkitan-Nya.

<sup>e</sup> ‘Empat puluh’ merupakan angka genap yang kerap digunakan di dalam Alkitab. Ia lebih digunakan untuk menunjukkan angka bulat daripada jumlah sebenar. Nombor ini memberikan satu gambaran kesempurnaan atau kematangan (*lihat Bab 7, nota k*).

<sup>f</sup> Yesus menampakkan diri-Nya dengan cara berikut:

- i) Berjalan bersama dengan dua orang murid ke Emaus (Luk 24:13-32)
- ii) Bertemu dengan Petrus (Luk 24:34)
- iii) Menunjukkan tangan dan kaki-Nya serta makan di hadapan para murid (Luk 24:36-49)
- iv) Menunjukkan diri kepada Thomas (Yoh 20:26-29)

v) Bertemu dengan Petrus dan murid-murid-Nya di Laut Galilea (Yoh 21)

<sup>g</sup> Tema ‘Pemerintahan Allah’ sering muncul dalam PL dan PB. Ia merujuk kepada kedaulatan atau takhta pemerintahan Allah dalam kehidupan dan sejarah manusia. Pada zaman PL, martabat seorang raja ditunjukkan atau disingkatkan oleh Allah di bumi dalam kehidupan umat Israel. Dengan kejatuhan kerajaan Israel, orang Yahudi percaya bahawa pemerintahan Allah yang sempurna akan disingkatkan di bumi pada masa yang akan datang. Inilah harapan orang Yahudi pada zaman Yesus. Mereka menantikan kebangkitan kerajaan Israel yang baru.

Walau bagaimanapun, kerajaan Allah dalam Injil ditunjukkan dengan kedatangan dan pelayanan Yesus. Perkara ini menjadi tema utama dalam khutbah dan pengajaran Yesus. Ia terus menjadi tema kepada kesaksian rasul-Nya dan seterusnya kepada gereja awal. Tetapi kini ia melibatkan penyelamatan melalui kematian dan kebangkitan Yesus.

<sup>h</sup> Yerusalem merupakan kota yang paling penting dalam sejarah karya Allah, di mana karya penebusan-Nya digenapi. Ia merupakan kota diraja, Kota Daud. Di tempat ini Rumah Tuhan didirikan dan di sini korban bakaran menjadi penyembahan yang benar semasa pemerintahan Israel. Yerusalem adalah kota para nabi dan raja-raja dari keturunan Daud. Di tempat ini jugalah Yesus, Anak Daud yang teragung telah mati, dibangkitkan dan diangkat ke syurga. Ia terletak kira-kira 23 km (14 batu) di barat Laut Mati dengan ketinggian 797 m (2,550 kaki) dari aras laut.

<sup>i</sup> Yerusalem adalah tempat di mana Roh Kudus akan diberikan kepada seperti yang dijanjikan oleh Yesus (Luk 24:49). Kota yang tidak menerima Yesus ini akan menjadi tempat orang bersaksi tentang Dia.

<sup>j</sup> Janji Yesus dikuatkan dengan satu peringatan tentang kesaksian Yohanes Pembaptis (Luk 3:16). Baptis bermaksud membenamkan seseorang di dalam air atau membuatnya benar-benar dilitupi oleh air, biasanya membawa erti pembersihan. Apabila istilah ini digunakan untuk Roh Allah, ia merujuk kepada curahan Roh Kudus dari Allah ke atas umat-Nya.

## II. Yesus Diangkat Ke Syurga (ay. 6-11)

<sup>6</sup>Apabila rasul-rasul itu berkumpul dengan Yesus, mereka bertanya kepada-Nya, "Tuhan, adakah sekarang Tuhan mahu memulihkan Pemerintahan bangsa Israel?"<sup>k</sup>

<sup>7</sup>Yesus menjawab, "Kamu tidak perlu mengetahui masa dan waktu yang sudah ditetapkan oleh Bapa-Ku, kerana hal itu hak-Nya.<sup>l</sup> <sup>8</sup>Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea,<sup>m</sup> dan Samaria,<sup>n</sup> serta

sampai ke hujung bumi."<sup>o</sup> <sup>9</sup>Setelah Yesus berkata demikian, Dia diangkat ke syurga, sementara mereka memandang Dia. Lalu awan<sup>p</sup> menutupi Dia daripada pandangan mereka.

<sup>10</sup>Mereka masih memandang ke langit sementara Yesus diangkat, apabila dengan tiba-tiba dua orang berpakaian putih<sup>q</sup> berdiri di sisi mereka. <sup>11</sup>"Hai orang Galilea,"<sup>r</sup> kata kedua-dua orang itu, "mengapa kamu berdiri menengadahkan ke langit? Yesus, yang kamu lihat diangkat ke syurga, akan kembali lagi dengan cara yang sama seperti yang kamu lihat tadi."



### Teropong

<sup>k</sup> Para rasul masih menaruh harapan untuk melihat Pemerintahan Allah berlaku melalui pemulihan dan kemerdekaan bangsa Israel. Jadi apabila mereka mendengar Guru mereka bercakap tentang kurnia Roh yang akan datang, petanda zaman baru, mereka bertanya jika inilah masanya bagi Israel untuk menjadi pemerintah bangsanya sendiri.

<sup>l</sup> Yesus tidaklah memberikan jawapan 'Tidak' secara langsung. Walau bagaimanapun, apa pun rancangan Allah untuk bangsa Israel, itu bukan masalah bagi semua pembawa berita Kristus. Tugas mereka adalah untuk mengisytiharkan Berita Baik tentang anugerah penyelamatan Allah melalui Yesus Kristus setelah mereka menerima Roh Allah. Mereka tidak akan diberikan kuasa politik. Sebaliknya, mereka akan diberikan kuasa dari syurga.

<sup>m</sup> Yudea merujuk kepada bahagian selatan wilayah Palestin di mana terletak Yerusalem.

<sup>n</sup> Samaria merupakan sebuah kawasan di Palestin yang terletak di antara Galilea di bahagian utara dan Yudea di selatan.

<sup>o</sup> Bidang tugas mereka agak luas. Ia bermula dari kota Yerusalem, kemudian ke Yudea (Yerusalem terletak di kawasan ini) dan Samaria (kawasan di utara Yudea), and akhirnya ke seluruh dunia. Konsep 'saksi' adalah amat penting dalam buku Kisah Rasul-Rasul (perkataan ini muncul sebanyak 39 kali dalam perlbagai bentuk dalam Kisah Rasul-Rasul) sehingga ia harus diberi keutamaan berbanding hal-hal lain.

<sup>p</sup> Awan tersebut mungkin sekali melambangkan *shekinah*, suatu manifestasi atau pewahyuan yang boleh dilihat tentang kemuliaan dan hadirat Allah yang nyata (Kel 24:15-17). Awan seperti ini menyelubungi Gunung Sinai apabila Musa mendakinya untuk bertemu dengan Allah; ia juga melitupi Yesus dan tiga orang murid-Nya di atas gunung ketika wajah Yesus berubah (*transfigurasi*) sebagai tanda hadirat Allah yang nyata (Luk 9:34-35). Perkara yang sama terjadi di sini. Yesus diselubungi dengan awan *shekinah*, manifestasi kemuliaan dan hadirat Allah yang boleh dilihat dengan mata kasar.

<sup>q</sup> Lukas mahu para pembaca untuk memahami orang ini sebagai malaikat, seperti dua orang lelaki yang muncul di hadapan wanita yang berada di kubur Yesus yang kosong (Luk 24:4). Dalam kedua-dua contoh ini, dua orang tersebut mengusulkan bahawa mereka akan menjadi saksi. Ini adalah kerana dalam hukum orang Yahudi, mesti ada dua orang saksi untuk mengesahkan keterangan atau kesaksian seseorang. Dalam Injil Lukas, mereka menjadi saksi kepada kebangkitan Yesus. Di sini, mereka menjadi saksi kepada pengangkatan (diangkat ke syurga) Yesus dan *parousia*-Nya, iaitu apabila Dia kembali lagi untuk kedua kalinya dalam kuasa dan kemuliaan.

<sup>r</sup> Kesemua dua belas orang rasul berasal dari Galilea kecuali Yudas, dan dia tidak bersama dengan mereka lagi. Yudas dikatakan berasal dari Yudea.

**III. Rasul-rasul Kembali Ke Yerusalem (ay. 12-14)**

<sup>12</sup>Kemudian rasul-rasul itu kembali ke Yerusalem dari Bukit Zaitun,<sup>5</sup> yang kira-kira satu kilometer jauhnya dari bandar.<sup>1</sup> <sup>13</sup>Setibanya di Yerusalem, mereka pergi ke rumah tempat mereka menumpang, lalu naik<sup>v</sup> ke bilik di tingkat atas. Rasul-rasul itu<sup>v</sup> Petrus, Yohanes, Yakobus dan Andreas, Filipus dan Tomas, Bartolomeus dan Matus, Yakobus anak Alfeus, Simon Patriot<sup>w</sup> dan Yudas anak Yakobus. <sup>14</sup>Dengan sehati mereka sering berkumpul dan berdoa bersama-sama wanita-wanita,<sup>x</sup> termasuk Maria ibu Yesus, dan saudara-saudara Yesus.<sup>y</sup>

**Teropong**

<sup>s</sup> Bukit Zaitun merupakan rabung bukit sepanjang kira-kira 1.6 km (1 batu) yang terletak di timur Yerusalem dan mempunyai ketinggian 824 m (2,700 kaki). Pemandangan Yerusalem yang sangat indah terutamanya Rumah Tuhan dapat dilihat dari atas puncaknya. Dalam Luk 24:50, Yesus dikatakan membawa murid-murid-Nya untuk pergi ke Betania yang terletak di cerunan bahagian timur Bukit Zaitun. Pengangkatan Yesus berlaku di cerun sebelah timur bukit di antara Yerusalem dan Betania.

<sup>t</sup> Versi lain mengatakan ia adalah kira-kira 'perjalanan satu hari Sabat' dari kota. Perjalanan satu hari Sabat merupakan pepatah orang Yahudi dan dianggarkan (berdasarkan beberapa ayat PL seperti Kel 16:29 dan Bil 35:4-5) sejauh 1 km. Seorang Yahudi yang sejati tidak akan berjalan lebih dari itu pada hari Sabat.

<sup>u</sup> Bilik tingkat atas di rumah-rumah kota Palestin biasanya menjadi kegemaran penumpang kerana ia jauh dari bunyi bising kota dan sukar dilihat oleh orang yang lalu-lalang. Bagi orang berada, bilik tingkat atas dijadikan ruang tamu. Ada kalanya ianya disewakan kepada orang lain. Bilik ini juga biasa dijadikan tempat berkumpul, belajar & berdoa.

Bilik seperti ini jugalah menjadi tempat Yesus merayakan Paskah bersama para murid sebelum penyaliban-Nya. Besar kemungkinan Dia juga menampakkkan diri kepada beberapa orang pengikut selepas kebangkitan-Nya di bilik seperti ini.

<sup>v</sup> Lukas telah menyenaraikan Dua Belas rasul dalam Injil yang dituliskannya (Luk 6:14-16). Dalam Kisah Rasul-Rasul, dia mengulang senarai ini tetapi tanpa nama Yudas Iskariot, menunjukkan kumpulan rasul yang tidak lengkap dan akhirnya menyebabkan mereka untuk mencari pengganti Yudas. Adalah penting untuk melengkapkan jumlah 12 kerana ia mewakili 12 suku Israel. Hal ini penting bagi Kristian awal sekiranya mereka mahu orang Yahudi melihatnya sebagai kemuncak harapan Israel dan umat sebenar Penyelamat orang Israel.

**IV. Pengganti Yudas (ay. 15-26)**

<sup>15</sup>Beberapa hari kemudian, pengikut-pengikut<sup>z</sup> Kristus berkumpul. Kira-kira seratus dua puluh<sup>a</sup> orang pengikut hadir dan Petrus berdiri untuk berkata-kata. <sup>16</sup>Dia berkata, "Saudara-saudara! Apa yang tertulis di dalam Alkitab harus berlaku. Dahulu Roh Allah melalui Daud<sup>b</sup> bernubuat tentang Yudas, yang memimpin kumpulan orang yang menangkap Yesus. <sup>17</sup>Yudas salah seorang daripada kita, kerana dia pun dipilih supaya bekerja bersama-sama kita."

<sup>18</sup>(Yudas membeli sebidang tanah dengan upah yang diterimanya kerana melakukan perbuatan jahat. Di situ dia jatuh lalu mati; perutnya terbelah dan isi

Dari semua rasul yang telah disenaraikan, hanya Petrus, Yakobus dan Yohanes yang disebut semula dalam Kisah Rasul-Rasul.

<sup>w</sup> Versi yang lain menuliskannya sebagai 'Simon orang Zelot'. Golongan Zelot (patriot) adalah pejuang kemerdekaan, kumpulan revolusi yang bertekad untuk menggulingkan kerajaan Roma.

<sup>x</sup> Wanita-wanita ini merupakan pengikut-pengikut Yesus. Beberapa orang dari mereka telah dilayani oleh Yesus (Luk 8:2-3) dan yang lain telah mengikut-Nya dari Galilea (Luk 23:49). Besar kemungkinan ramai di antara mereka merupakan orang Galilea yang telah dilayani oleh Yesus.

<sup>y</sup> Saudara-saudara Yesus tidak percaya kepada-Nya semasa Dia masih giat melayani (lihat Yoh 7:5). Walau bagaimanapun, selepas kebangkitan-Nya, mereka menjadi penggerak utama bersama dengan pengikut-pengikut Yesus, terutamanya Yakobus. Nama adik-adik-Nya adalah Yakobus, Yusuf, Simon dan Yudas (Mar 6:3, Mat 13:55).

<sup>z</sup> Istilah untuk 'pengikut-pengikut' di sini adalah perkataan untuk 'saudara'. Lukas selalu menggunakan perkataan 'saudara' untuk merujuk kepada orang Kristian dalam bukunya.

<sup>a</sup> Hukum Yahudi menetapkan sekurang-kurangnya 120 orang lelaki perlu ada untuk membentuk satu komuniti dengan majlis tersendiri. Lukas ingin menekankan bahawa mereka mempunyai jumlah yang cukup untuk membentuk satu komuniti baru.

<sup>b</sup> Oleh kerana Yesus ialah Penyelamat dari keturunan Daud, banyak pengalaman Daud seperti yang dicatatkan dalam mazmur boleh dikatakan sebagai nubuatan yang berkaitan dengan Yesus. Oleh sebab itu, setiap orang yang menjadi musuh kepada Daud yang diurapi Allah ditafsirkan sebagai musuh Yesus juga. Sebab itu tidak sukar untuk mendapatkan petikan dari PL terutamanya dalam Mazmur, untuk ditujukan kepada Yudas. Petrus mengesahkan bahawa penulis sebenar ialah Roh Allah yang berkata-kata melalui Daud dalam mazmurnya.



perutnya terburai. <sup>19</sup>Semua orang yang tinggal di Yerusalem mendengar kejadian itu. Itulah sebabnya dalam bahasa mereka sendiri, mereka menamakan tanah itu Akeldama,<sup>c</sup> yang bererti “Tanah Darah.”<sup>d</sup>

<sup>20</sup>Petrus berkata lagi, “Hal itu berlaku, kerana di dalam kitab Mazmur tertulis, ‘Biarlah rumahnya menjadi kosong, janganlah tempat itu didiami orang.’<sup>e</sup> Ada tertulis juga, ‘Hendaklah orang lain mengambil alih tugasnya.’<sup>f</sup>

<sup>21</sup>Oleh itu seseorang harus menyertai kita untuk menjadi saksi bahawa Tuhan Yesus sudah bangkit daripada kematian.<sup>g</sup> Orang itu haruslah salah seorang daripada orang yang sentiasa bersama-sama kita, pada masa kita mengikut Tuhan Yesus ke serata

tempat. <sup>22</sup>Dia harus sudah menyertai kita sejak Yohanes membaptis orang sehingga pada hari Yesus diangkat ke syurga.”

<sup>23</sup>Orang yang hadir di situ mencadangkan dua orang: Yusuf yang disebut Barsabas<sup>h</sup> (dia juga dipanggil Yustus), dan Matias. <sup>24-25</sup>Lalu mereka berdoa, “Ya Tuhan, Engkau mengetahui hati semua orang. Yudas sudah meninggalkan tugasnya sebagai rasul dan sudah menerima ganjarannya. Tunjukkanlah yang mana antara dua orang ini yang akan Engkau pilih untuk menjalankan tugas itu bagi menggantikan Yudas.” <sup>26</sup>Kemudian mereka menentukan pilihan dengan undi<sup>i</sup> dan Matias terpilih menjadi rasul untuk menyertai sebelas orang rasul yang lain.



### Mari Fikir Sejenak

Doa bersama merupakan perkara lazim dalam kehidupan pengikut-pengikut Yesus. Ketika mereka terus berdoa dalam kesatuan, Allah bekerja di dalam dan melalui kehidupan mereka.

Adakah anda kerap bertemu dengan orang Kristian lain untuk berdoa?

Jika tidak, mahukah anda mengajak satu atau dua orang teman Kristian anda untuk berdoa bersama selalu?



### Teropong

<sup>c</sup> Ini adalah satu istilah dalam bahasa Aramaik. Besar kemungkinan ia digunakan oleh orang-orang yang tahu akan kejadian tersebut dan bahawa tanah itu dibeli dengan ‘wang darah’, wang yang diterima oleh Yudas setelah mengkhianati Yesus, kerana dia membunuh seorang lelaki yang tidak bersalah (Mat 27:4).

<sup>d</sup> Dua kata ini menunjukkan bahawa ia bukan sebahagian daripada ucapan Petrus. Lukas menyimpang seketika untuk memaklumkan kepada pembacanya tentang perkara yang terjadi kepada Yudas. Kenyataan di sini berbeza dengan apa yang dinyatakan di Mat 27:3-10. Beberapa kemungkinan telah dikemukakan untuk mengaitkan kedua-dua kenyataan tersebut:

i) Tanah tersebut telah dibeli oleh ketua imam dengan menggunakan nama Yudas dengan harga 30 keping wang perak.

ii) Yudas menggantung dirinya dan apabila tubuhnya mula reput dan jatuh, ataupun seseorang telah memotong talinya, mayatnya yang reput itu putus di bahagian tengah dan mengeluarkan semua isi perutnya.

iii) Lukas cuba membayangkan dengan terperinci kengerian keadaan semasa Yudas membunuh dirinya.

<sup>e</sup> Ini dipetik dari Maz 69:25. Ia merupakan sebuah doa supaya kediaman musuh si pemazmur akan ditinggalkan. Mazmur 69 diaplikasikan oleh penganut Kristian awal dalam pelbagai keadaan kepada Yesus Kristus sebagai Orang Benar Yang Menderita dan Hamba Allah.

<sup>f</sup> Ayat ini dipetik dari Maz 109:8. Di sini, pemazmur sedang berdoa supaya musuh-musuh tertentu akan mati sebelum masanya dan tanggungjawabnya akan digantikan oleh orang lain.

Kedua-dua ayat ini diletakkan bersama-sama untuk mengusulkan bahawa Yudas telah meninggalkan satu kedudukan dan kekosongan itu kini harus diisi.

<sup>g</sup> Terdapat dua syarat kelayakan yang ditetapkan untuk memilih pengganti Yudas. (i) Dia harus pernah bersama dengan Yesus serta murid-murid yang lain sejak dari pelayanan Yohanes Pembaptis sehingga pengangkatan Yesus; (ii) Dia harus adalah salah seorang yang telah menyaksikan kebangkitan Yesus sama seperti rasul-rasul yang lain.

<sup>h</sup> Barsabas bererti ‘anak Sabat’. Nama ini mungkin diberi kepadanya kerana dia dilahirkan pada hari Sabat. Seperti ramai orang Yahudi yang lain, dia juga mempunyai nama bukan Yahudi iaitu ‘Yustus’.

<sup>i</sup> Pengundian ini menjadi satu alat untuk membolehkan Allah membuat pilihan-Nya (Ams 16:33). Ia merupakan satu kebiasaan di Israel (lihat Taw 26:13-16, Neh 11:1, Luk 1:9) dan dunia purba. Ia dilakukan dengan objek seperti batu atau kayu yang telah ditandakan.

**I. Kedatangan Roh Allah (ay. 1-13)**

**2** Apabila hari Pentakosta<sup>a</sup> tiba, semua orang yang percaya kepada Kristus berkumpul di satu tempat. <sup>2</sup>Tiba-tiba terdengar bunyi dari langit seperti tiupan angin yang kuat<sup>b</sup>. Bunyi itu memenuhi rumah tempat mereka sedang duduk.<sup>c</sup> <sup>3</sup>Lalu mereka nampak sesuatu yang menyerupai lidah api<sup>d</sup> yang menjalar dan menghinggapi setiap orang<sup>e</sup> di situ. <sup>4</sup>Mereka semua dikuasai oleh Roh Allah.<sup>f</sup> Mereka mula berkata-kata dalam pelbagai bahasa lain,<sup>g</sup> menurut apa yang diberikan oleh Roh Allah kepada mereka.

<sup>5</sup>Pada waktu itu banyak orang Yahudi dari pelbagai negeri<sup>h</sup> di seluruh dunia, tinggal di

Yerusalem. Mereka orang yang menyembah Allah. <sup>6</sup>Apabila mendengar suara itu, banyak orang datang berkumpul di situ. Mereka terkejut mendengar pengikut-pengikut Kristus itu berkata-kata dalam bahasa yang digunakan oleh mereka masing-masing. <sup>7</sup>Orang ramai itu tercengang dan hairan lalu berkata, "Orang yang bertutur ini semuanya orang Galilea!<sup>i</sup> <sup>8</sup>Tetapi mengapa kita mendengar mereka berkata-kata dalam bahasa negeri kita masing-masing? <sup>9</sup>Kita orang dari Partia, Media, Elam; dari Mesopotamia, Yudea, dan Kapadokia; dari Pontus dan Asia, <sup>10</sup>dari Frigia dan Pamfilia, dari Mesir dan daerah-daerah Libia dekat Kirene. Ada antara kita yang datang dari Roma,

**Teropong**

<sup>a</sup> Perayaan ini disambut pada hari ke-50 selepas Paskah (Im 23:15-16) (*pentekostos* ialah perkataan Yunani bagi '50'). Ia juga dikenali sebagai Perayaan Menuai (Ul 16:10, Kel 23:16, Bil 28:26) atau 'hari bagi buah pertama' oleh kalangan orang Yahudi yang berbahasa Ibrani dan Aramaik kerana pada hari tersebut, tuaian gandum yang pertama dipersembahkan kepada TUHAN.

Ia juga dikenali sebagai Perayaan Minggu kerana ia dirayakan tujuh minggu selepas waktu penuaian yang dimulai dengan mempersembahkan tuaian barli yang pertama semasa perayaan Paskah.

Pentakosta merupakan salah satu daripada tiga perayaan yang paling besar di mana setiap lelaki Yahudi wajib untuk pulang menziarahi Yerusalem untuk merayakannya. Dua perayaan yang lain ialah Paskah dan Perayaan Pondok Daun.

Menjelang abad 1 M, ia juga dilihat sebagai ulang tahun pemberian Hukum Taurat di Gunung Sinai dan masa untuk memperbaharui perjanjian Musa.

<sup>b</sup> Hembusan nafas atau angin adalah simbol bagi Roh Allah (Yeh 37:4-10, Yoh 3:68). Yehezkiel telah bernubuat melalui penglihatannya tentang angin sebagai hembusan nafas Allah ke atas tulang-tulang kering dan memenuhi tulang-tulang itu dengan kehidupan baru. Orang Yahudi menantikan angin Roh Allah di saat-saat kedatangan Penyelamat. Sebab itu, salah satu tanda Roh Allah yang datang ialah bunyi seperti deruan angin.

Perayaan Pentakosta merupakan hari yang sesuai bagi kedatangan Roh Allah kerana:

- i) Ramai orang Yahudi serta orang lain hadir di Yerusalem untuk merayakan pesta ini dibandingkan dengan Perayaan Paskah dan Pondok Daun.
- ii) Perayaan ini meraikan tuaian yang telah dikumpul. Jadi melalui Roh Allah, akan ada penuaian jiwa untuk melahirkan Gereja Allah.

iii) Ia juga dianggap sebagai peringatan terhadap pemberian Hukum Taurat di Gunung Sinai. Kini, Hukum Allah akan terpahat di hati melalui Roh Allah.

<sup>c</sup> Roh Allah turun ke atas mereka secara peribadi dan penuh kuasa, sesuatu yang tidak pernah dialami oleh mereka. Hadirat Tuhan memenuhi seluruh tempat mereka berkumpul.

<sup>d</sup> Api yang menjadi simbol bagi Roh Allah memang terkenal di kalangan orang Yahudi. PL mencatatkan hadirat Allah yang ditunjukkan melalui semak terbakar (Kel 3:2-5), tiang api yang memimpin jalan orang Israel pada waktu malam di padang gurun (Kel 13:21), serta api yang menyala-nyala di puncak Gunung Sinai (Kel 24:16-17). Yohanes Pembaptis mengaitkan kedatangan Roh Allah dengan api (Luk 3:16). Manifestasi hadirat Roh Allah bukan saja boleh didengar, tetapi juga boleh dilihat. Apa yang kelihatan seperti lidah api itu adalah kehebatan hadirat Roh Allah yang tidak dapat dibendung sehingga ia dapat dilihat dengan mata kasar.

<sup>e</sup> Walaupun di bawah perjanjian yang lama ia hanya ada pada orang Israel secara keseluruhan, atau pemimpin atau nabi untuk tujuan yang tertentu, kini Roh Allah sudah ada dalam setiap individu orang percaya.

<sup>f</sup> Ini merupakan penggenapan kepada apa yang dikatakan oleh Yesus kepada mereka sebelum Dia diangkat ke syurga (1:4-5). Kurnia Roh Allah telah diberikan kepada mereka seperti yang dijanjikan oleh Allah Bapa.

<sup>g</sup> Roh Allah yang datang bukan sahaja jelas kelihatan seperti angin dan api tetapi ia juga jelas kelihatan melalui perubahan hidup pengikut-pengikut Yesus. Pada zaman PL, apabila Roh Allah memenuhi seseorang wanita atau lelaki, mereka akan bernubuat. Di sini, mereka mula berkata-kata dalam bahasa yang lain atau juga dipanggil sebagai bahasa 'lidah' (*glossolia* dalam bahasa Yunani) dalam terjemahan lain. Ayat 6, 8 dan 11 menunjukkan bahawa bahasa yang dimaksudkan ialah bahasa manusia.



<sup>11</sup>baik orang Yahudi mahupun orang bangsa lain yang menganut agama Yahudi;<sup>j</sup> ada juga yang datang dari Kreta dan Arab. Tetapi kita semua mendengar mereka berkata-kata dalam bahasa kita masing-masing tentang hal-hal luar biasa yang dilakukan oleh Allah!”

<sup>12</sup>Mereka semua hairan dan bingung, lalu bertanya sesama sendiri, “Apakah maknanya semua ini?”

<sup>13</sup>Tetapi ada juga orang yang mengolok-olokkan para pengikut Kristus dan berkata, “Semua orang ini mabuk!”

Pengikut-pengikut Yesus boleh berkata-kata dalam bahasa yang difahami oleh orang-orang yang menetap di Yerusalem, yang telah datang dari pelbagai tempat dan mereka pasti bahawa bahasa yang dituturkan itu adalah bahasa ibunda mereka.

<sup>h</sup> Dunia Lukas ialah dunia Yunani-Roma yang terletak di sekitar Laut Tengah, dan bukan seperti dunia yang kita fikirkan. Perkataan ‘pelbagai negeri’ merujuk kepada negeri yang didiami oleh orang Yahudi. Ia merupakan satu perhimpunan antarabangsa orang Yahudi yang bertutur dalam banyak bahasa, di mana mereka berkumpul di kalangan orang percaya.

Lukas tidak mahu mengajukan perhatian kepada perbuatannya, tetapi dengan caranya tersendiri, dia mengatakan bahawa pada hari Pentakosta tersebut, ‘seluruh dunia’ ada di situ dengan dilambangkan oleh orang Yahudi yang datang dari pelbagai negeri.

<sup>i</sup> Orang Galilea mempunyai reputasi tidak beradab. Mereka juga mempunyai kesukaran menghasilkan bunyi tertentu dan cenderung untuk menelan bunyi suku kata apabila bercakap. Oleh itu, mereka dipandang rendah oleh orang di Yerusalem dan digelar sebagai orang kasar.

<sup>j</sup> Istilah ‘penganut baru’ (*proselyte*) digunakan dalam terjemahan lain. Seorang penganut baru berasal dari keluarga bukan Yahudi tetapi kemudian memeluk agama Yahudi. Penganut baru harus mengikut semua adat orang Yahudi termasuk disunat. Disebabkan oleh hal sunat tersebut, lebih ramai wanita yang menjadi penganut baru berbanding lelaki. Ramai lelaki yang sekadar mengikut agama Yahudi secara ala kadar dan mereka digelar sebagai ‘orang yang takut akan Tuhan’.

## II. Khutbah Petrus (ay. 14-42)

<sup>14</sup>Lalu Petrus berdiri bersama-sama sebelas orang rasul yang lain. Dengan suara lantang dia mula berkata kepada mereka, “Saudara-saudara orang Yahudi dan semua yang tinggal di Yerusalem! Dengarlah baik-baik dan benarkan saya menjelaskan hal ini. <sup>15</sup>Semua orang ini tidak mabuk seperti yang saudara-saudara sangka, kerana kini baru pukul sembilan pagi.<sup>k</sup> <sup>16</sup>Tetapi hal ini sudah diberitahukan oleh Allah melalui Nabi Yoel!<sup>l</sup> <sup>17</sup>Allah berfirman, ‘Inilah



### **Teropong**

<sup>k</sup> Pada hari perayaan seperti Pentakosta, seorang Yahudi tidak akan berbuka puasa sehingga pukul 10 pagi. Oleh itu, adalah tidak munasabah bagi sekumpulan lelaki untuk menjadi begitu mabuk pada awal pagi.

<sup>l</sup> Ayat ini diambil dari Yoel 2: 28-32. Dengan memetik ayat ini, Petrus ingin menjelaskan bahawa hari penggenapan rancangan Allah seperti yang dinubuatkan oleh Yoel telah tiba.

<sup>m</sup> Petrus mentafsir ayat ini khusus untuk waktu selepas perjanjian yang baru, bertentangan dengan zaman perjanjian lama. Zaman kedatangan Mesias (Penyelamat) yang dinubuatkan telah tiba dengan turunnya Roh Allah.

<sup>n</sup> Perkataan yang digunakan ialah ‘ke atas semua orang’, yang bermakna kepada semua umat manusia. Ini bererti semua orang tanpa mengira umur, jantina dan kedudukan; bukan hanya untuk nabi, imam dan raja sahaja seperti di zaman Perjanjian Lama.

<sup>o</sup> Versi yang lain menterjemahkannya sebagai ‘akan bernubuat’. Bukti curahan Roh Allah akan dilihat melalui nubuatan, penglihatan dan mimpi.

Pada masa PL, nubuat (mesej perkataan yang diberikan oleh Allah secara langsung) selalu dikaitkan dengan seseorang yang dihinggapi oleh Roh Allah untuk tujuan yang tertentu. Walau bagaimanapun, ucapan nubuatan tidak ada lagi setelah kematian nabi yang terakhir selepas pembuangan orang Israel. Kini, orang Yahudi percaya bahawa Allah berkata-kata melalui Taurat atau Hukum (iaitu lima buku pertama dalam PL) seperti yang ditafsirkan oleh guru-guru Taurat (*rujuk kepada ‘Perjanjian Lama’, ms. 29*). Tetapi mereka menjangkakan bahawa dengan ketibaan Zaman Mesias, akan ada curahan Roh Allah yang berlaku. Inilah yang dikatakan oleh Petrus tentang apa yang terjadi kepada pengikut-pengikut Yesus (*Lihat Bab 11 nota q untuk penerangan lanjut*).



yang akan berlaku pada akhir zaman,<sup>m</sup> Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua orang.<sup>n</sup> Anak-anak lelaki dan perempuan kamu akan memberitahu hal-hal<sup>o</sup> yang Aku beritahukan mereka; orang muda kamu akan melihat hal-hal yang Aku perlihatkan kepada mereka, orang tua kamu akan mendapat mimpi yang Aku berikan kepada mereka.

<sup>18</sup>Bahkan ke atas hamba-hamba-Ku baik lelaki mahupun perempuan, akan Aku curahkan Roh-Ku pada masa itu, dan mereka akan memberitahu hal-hal yang Aku beritahukan mereka.

<sup>19</sup>Aku akan melakukan mukjizat di atas sana, di langit, dan keajaiban di bawah sini, di bumi.<sup>p</sup> Kelak akan ada darah, api, dan asap tebal; <sup>20</sup>matahari akan menjadi gelap, dan bulan menjadi merah seperti darah, sebelum Hari Tuhan,<sup>q</sup> hari yang besar dan mulia

itu datang. <sup>21</sup>Pada masa itu, sesiapa yang berseru kepada Tuhan akan diselamatkan.<sup>r</sup>

<sup>22</sup>Saudara-saudara orang Israel! Dengarlah kata-kata saya ini: Yesus orang Nasaret itu sudah diberikan tugas oleh Allah. Hal ini dinyatakan kepada saudara semua dengan mukjizat dan keajaiban<sup>s</sup> yang dilakukan oleh Allah melalui Dia. Saudara-saudara mengetahui hal itu, kerana semua peristiwa itu berlaku di kalangan saudara. <sup>23</sup>Sesuai dengan rancangan-Nya sendiri, Allah sudah menentukan bahawa Yesus akan diserahkan kepada saudara-saudara. Saudara semua membunuh Dia ketika menyebabkan orang berdosa menyalibkan Dia.<sup>s</sup> <sup>24</sup>Tetapi Allah sudah membangkitkan Dia daripada kematian.<sup>t</sup> Allah membebaskan Dia daripada derita kematian, kerana tidak mungkin Dia dikuasai terus oleh kematian.

<sup>p</sup> Salah satu tafsiran ayat ini mengatakan bahawa Petrus merujuk kepada tanda-tanda pada masa akan datang yang akan menjadi petunjuk kepada akhir zaman semasa kedatangan Yesus yang kedua kali.

<sup>q</sup> Hal ini merujuk kepada Hari Penghakiman, apabila Yesus datang kembali dengan penuh kemuliaan. Sebelum itu, akan ada satu peluang dalam tempoh yang lama bagi pengikut-pengikut Yesus untuk memberitahu injil keselamatan supaya sesiapa yang percaya dan mengaku nama-Nya akan diselamatkan.

<sup>r</sup> Pekerjaan Yesus yang luar biasa menandakan Penyelamat sudah tiba.

<sup>s</sup> Kematian Yesus dikaitkan dengan rancangan Allah dan kejahatan manusia. Walaupun Allah telah merancang bahawa Yesus akan mati bagi dosa dunia, orang-orang yang melakukan hal tersebut bertanggungjawab terhadap pilihan mereka sendiri atas pembunuhan Yesus.

<sup>t</sup> Ini menjadi kunci utama yang kerap ditekankan oleh para penginjil yang terawal. Mereka tidak cuba untuk membuktikan kesahihan kebangkitan Yesus. Mereka terus mengisytiharkannya dan menjadi saksi bagi hal itu.

<sup>u</sup> Ayat ini diambil dari Maz 16:8-11 yang dikatakan telah ditulis oleh Daud. Petrus menggunakan mazmur ini untuk mengesahkan kebenaran tentang kebangkitan Yesus kerana dia berkata bahawa perkara tersebut sudah diramalkan dalam Mazmur. Apa yang ingin ditekankan oleh Petrus ialah tidak mungkin mazmur itu ditujukan untuk Daud kerana dia telah mati dan dikuburkan. Daud telah diilhamkan oleh Roh Allah untuk bernubuat bagi Penyelamat, yang akan datang melalui keturunannya. Petrus mengatakan bahawa nubuatan ini dipenuhi oleh Yesus dari Nasaret.

<sup>v</sup> Kematian dan pengebumian Daud merupakan pengetahuan umum bagi orang-orang di sekitar Yerusalem. Mereka juga mengetahui bahawa Daud tidak pernah bangkit dari kuburnya yang terletak di selatan kota itu, berdekatan dengan Silom. Kubur Daud disebut dalam Neh 3:16.

<sup>w</sup> 'Penyelamat' (Mesias) adalah bahasa Ibrani bagi perkataan 'Kristus' yang diambil dari bahasa Yunani *Christos*, bermaksud 'Yang Diurapi'. Pada zaman Israel purba, semua objek dan manusia, contohnya imam dan raja, yang dihaskan untuk pelayanan khusus akan diurapi dengan minyak. Orang Yahudi berharap supaya Allah akan menghantar seorang penyelamat yang sangat istimewa pada suatu hari nanti untuk membebaskan mereka dari penakluk dan membangun kembali kerajaan seperti kerajaan Daud. Orang tersebut bukan sekadar sesiapa saja yang diurapi tetapi satu-satunya 'yang diurapi'- iaitu Kristus ataupun Penyelamat.

<sup>x</sup> Ayat ini dipetik dari Maz 16:10, seperti dalam ayat 27.

<sup>y</sup> Yesus kini telah ditinggikan pada kedudukan kekuasaan, kemuliaan dan wibawa yang tertinggi oleh Allah, Bapa-Nya. Dia telah menerima Roh yang sama seperti yang telah menguatkan-Nya dalam pelayanan dan kini Dia mencurahkan Roh Allah ke atas para pengikut-Nya.

<sup>z</sup> Dipetik dari Maz 110:1. Petrus terus menekankan bahawa mazmur Daud bukan ditujukan kepada Daud sendiri tetapi kepada Penyelamat. Daud sangat menghormati keturunannya kerana melalui ilham Roh Allah, dia mengetahui betapa hebat dan istimewa keturunannya nanti. Bukan sahaja Dia akan dibangkitkan (ayat 31-32) tetapi juga akan ditinggikan di sisi kanan Allah (ayat 33-35). Undangan untuk berkongsi takhta Allah dan berkuasa atas seluruh semesta tidak ditujukan kepada Daud tetapi kepada anak Daud. Sekarang, nubuatan ini telah dipenuhi oleh peribadi yang bernama Yesus.

<sup>25</sup>Daud pernah berkata tentang Yesus,<sup>u</sup> 'Aku sentiasa melihat Engkau Tuhan di hadapanku; Engkau mendampingi aku, sehingga tiada apa pun dapat menyusahkan aku. <sup>26</sup>Oleh itu aku bersukacita dan bergembira ketika berkata-kata; walaupun aku hanya manusia, tetapi aku tetap berharap kepada-Mu, <sup>27</sup> kerana Engkau tidak akan meninggalkan aku di dunia orang mati. Engkau tidak akan membiarkan tubuh hamba-Mu yang setia itu hancur. <sup>28</sup>Engkau sudah menunjukkan jalan yang menuju ke hidup sejati, dan aku bersukacita kerana Engkau menyertai aku.'

<sup>29</sup>Saudara-saudara, saya harus berkata dengan jelas tentang nenek moyang kita Daud. Dia sudah meninggal dan dikuburkan,<sup>v</sup> dan kuburnya masih ada antara kita sehingga sekarang. <sup>30</sup>Allah bersumpah bahawa Dia akan melantik salah seorang keturunan

Daud menjadi raja, seperti Daud sendiri. Daud tahu akan janji Allah itu, kerana Daud pun seorang nabi. <sup>31</sup>Daud mengetahui apa yang akan dilakukan oleh Allah. Oleh itu Daud bernubuat tentang kebangkitan Penyelamat<sup>w</sup> yang diutus oleh Allah. Daud berkata,<sup>x</sup> 'Dia tidak akan ditinggalkan di dunia orang mati; tubuh-Nya tidak akan hancur di kubur.'

<sup>32</sup>Yesus inilah yang dibangkitkan oleh Allah daripada kematian. Kami semua sudah menyaksikan hal itu. <sup>33</sup>Allah mengangkat Yesus ke tempat yang berkuasa di sebelah kanan<sup>y</sup> Allah, dan Yesus menerima Roh Allah yang sudah dijanjikan oleh Bapa. Apa yang kamu lihat dan dengar sekarang ini adalah Roh itu yang sudah dicurahkan oleh Yesus ke atas kami. <sup>34</sup>Daud sendiri tidak naik ke syurga, tetapi dia

<sup>a</sup> Semasa pelayanan awal-Nya, Yesus tidak mahu menerima penghormatan sebagai Penyelamat dan Tuhan. Kini setelah Dia melaksanakan misi keselamatan dalam kehidupan dan kematian, Dia telah ditinggikan oleh Allah. Kedua-dua gelaran Penyelamat dan Tuhan kini benar-benar menjadi milik-Nya.

Sebagai tanda hormat kepada Allah, orang Yahudi tidak menyebut nama-Nya. Apabila membaca Kitab Suci, mereka akan menggantikan nama YHWH (Yahweh) kepada 'TUHAN'. Nama 'TUHAN' bukan sekadar gelaran pada nama sahaja. Ia menjelaskan pemilik nama sebagai 'nama di atas segala nama' (Fil 2:9). Bagi orang Yahudi, hanya satu sahaja 'nama di atas segala nama', nama yang suci dan tidak dapat diterangkan iaitu nama TUHAN Allah. Petrus mengakui Yesus sebagai Penyelamat dan Tuhan.

<sup>b</sup> Beberapa terjemahan lain menerangkan hal ini sebagai 'luka di hati'. Ideanya adalah perasaan patah hati yang benar-benar berasa bersalah terhadap dosa dan percaya kepada Yesus.



Walaupun kita sudah bertaubat dari dosa dan berpaling kepada Yesus sebagai Penyelamat kita, kita masih perlu menahan diri dari dosa setiap hari.

Apakah bahagian dalam hidup anda yang masih belum anda tinggalkan walaupun ia tidak menyenangkan hati Tuhan?



**Adakah anda benar-benar serius untuk berubah dalam bahagian hidup tersebut? Jika ya, mahukah anda berdoa dan minta Tuhan untuk memberikan anda keupayaan untuk mengawal diri, dan minta kekuatan untuk menangani pergumulan di bahagian hidup ini?**

<sup>c</sup> Pertaubatan diertikan sebagai: hati yang benar-benar berubah dan berpaling sepenuhnya dari kehidupan lama mereka.

<sup>d</sup> Secara umumnya orang Yahudi menganggap bahawa baptisan hanya boleh dilakukan kepada orang bukan Yahudi yang baru memeluk agama Yahudi. Ia menandakan hubungan yang putus dari kehidupan lalu mereka dan membersihkan 'kekotoran' yang sebelumnya. Bagi mereka yang biasa dengan khutbah Yohanes Pembaptis, baptisan adalah susulan daripada pertaubatan.

Walau bagaimanapun, terdapat dua perkara tambahan kepada baptisan bagi mereka yang percaya kepada Yesus: ia dilakukan dalam nama Yesus Kristus dan dikaitkan dengan penerimaan kurnia Roh Allah.

<sup>e</sup> Janji-janji injil (berita baik) bukan sahaja dinikmati oleh orang yang hadir di sana ketika itu tetapi oleh keturunan mereka juga. Ia juga tidak terhad kepada orang di Yerusalem tetapi juga kepada orang di tempat-tempat yang jauh. Bagi Lukas, seperti yang akan dilihat kemudian, ia juga melibatkan orang bukan Yahudi.



berkata,<sup>z</sup> ‘Tuhan berfirman kepada Tuhanku: Duduklah di sebelah kanan-Ku, <sup>35</sup>sehingga Aku menaklukkan musuh-Mu ke bawah kaki-Mu.’

<sup>36</sup>Oleh itu semua orang Israel harus tahu bahawa Yesus yang saudara-saudara salibkan itu, ialah Dia yang sudah diangkat oleh Allah menjadi Tuhan dan Penyelamat!”<sup>a</sup>

<sup>37</sup>Apabila orang ramai mendengar hal itu, mereka sangat gelisah.<sup>b</sup> Lalu mereka bertanya kepada Petrus dan rasul-rasul yang lain, “Saudara-saudara, apakah yang harus kami lakukan?”

<sup>38</sup>Petrus menjawab, “Hendaklah setiap orang di kalangan saudara bertaubat daripada dosa,<sup>c</sup> lalu dibaptis demi nama Yesus Kristus,<sup>d</sup> supaya dosa saudara-saudara diampunkan lalu saudara semua akan menerima pemberian Allah, iaitu Roh Allah.

<sup>39</sup>Allah menjanjikan hal itu untuk saudara-saudara dan keturunan saudara semua, serta untuk semua orang di tempat-tempat yang jauh<sup>e</sup> -- iaitu sesiapa sahaja yang dipanggil oleh Tuhan Allah kita supaya datang kepada-Nya.”

<sup>40</sup>Demikianlah Petrus memberikan penjelasan kepada mereka. Dengan kata-kata lain, dia juga mendesak mereka supaya menyelamatkan diri daripada hukuman yang akan datang kepada orang jahat<sup>f</sup> di negeri ini. <sup>41</sup>Banyak orang percaya kepada apa yang dikatakan oleh Petrus, lalu mereka dibaptis. Jumlah orang yang percaya kepada Kristus pada hari itu bertambah lagi dengan tiga ribu orang. <sup>42</sup>Dengan tekun mereka menerima ajaran daripada rasul-rasul.<sup>g</sup> Mereka hidup bersaudara,<sup>h</sup> makan bersama-sama,<sup>i</sup> dan berdoa bersama-sama.<sup>j</sup>

<sup>f</sup> Beberapa versi menterjemahkan perkara ini kepada ‘generasi penipu atau pemberontak’. ‘Generasi pemberontak’ adalah frasa PL bagi orang Israel yang menentang TUHAN Allah di padang Gurun. Yesus menggunakannya bagi orang-orang yang tidak percaya kepada-Nya (Luk 9:41, 11:29).

<sup>g</sup> Terjemahan awal ialah ‘ajaran para rasul’. Ia merujuk kepada bahan yang dikumpul dan dianggap berwibawa kerana ia merupakan mesej tentang Yesus yang dinyatakan oleh rasul-rasul yang pernah bersama dengan-Nya. Bahan ini mungkin mengandungi catatan perkataan yang diucapkan oleh Yesus, beberapa peristiwa semasa pelayanan awal-Nya, kesengsaraan dan kebangkitan serta satu pernyataan tentang erti bahan ini bagi keselamatan umat manusia.

<sup>h</sup> Perkataan Yunaninya ialah *koinonia* (dari perkataan yang bermaksud ‘perhubungan, penyertaan bersama’). Ia bermaksud ‘berkongsi kehidupan bersama-sama’. Hal ini ditunjukkan oleh orang-orang percaya dalam beberapa cara, dua daripadanya disebut dalam ayat 42 – makan dan berdoa bersama. Terdapat juga ekspresi tentang bagaimana mereka begitu saling mengasihi dan berkongsi barang milik mereka dan memberikan wang mereka kepada sesiapa yang memerlukan (ayat 44-47).

<sup>i</sup> Versi yang lain menterjemahkan perkataan ini sebagai ‘memecahkan roti’. Ia merujuk kepada perbuatan dalam permulaan jamuan orang Yahudi. Hal ini menjadi sesuatu yang penting bagi pengikut-pengikut Yesus susulan dari peristiwa makan malam terakhir bersama Yesus. Ramai ahli sarjana menerangkan bahawa mungkin ia lebih dari sekadar berkongsi makanan sahaja. Perjamuan Suci atau Perjamuan Tuhan sepertinya dinyatakan di sini juga.

<sup>j</sup> Ini merujuk kepada doa yang formal, sama ada menurut cara orang Yahudi atau persekutuan doa mereka sendiri atau kedua-duanya.



**Paulus berkata bahawa kita tidak lagi dikuasai oleh sifat berdosa kita, tetapi kita kini dikuasai oleh Roh Allah yang tinggal di dalam kita. Jika kita bertekad untuk hidup mengikut jalan-Nya, kita boleh meminta dari-Nya dan Dia akan menolong kita.**





### III. Cara Hidup Pengikut Kristus (ay. 43-47)

<sup>43</sup>Banyak mukjizat dan keajaiban<sup>k</sup> yang dilakukan oleh rasul-rasul itu, sehingga semua orang kagum dan takut. <sup>44</sup>Semua pengikut Kristus berkumpul dengan penuh keakraban, dan mereka berkongsi milik. <sup>45</sup>Mereka menjual harta milik dan membahagikan wang itu di kalangan mereka menurut

keperluan masing-masing.<sup>l</sup> <sup>46</sup>Tiap-tiap hari mereka berkumpul di Rumah Tuhan,<sup>m</sup> dan mereka makan bersama di rumah mereka<sup>n</sup> dengan sukacita dan rendah hati. <sup>47</sup>Mereka memuji Allah dan mereka dihormati oleh semua orang. Tiap-tiap hari Tuhan<sup>o</sup> menambah bilangan mereka dengan orang yang diselamatkan oleh Allah.



#### Teropong

<sup>k</sup> Dua perkataan ini, 'mukjizat dan keajaiban' juga digunakan untuk menerangkan perkara yang dilakukan oleh Yesus. Rasul-rasul itu sedang melakukan apa yang dilakukan oleh Yesus sendiri.

<sup>l</sup> Di dalam komuniti orang Kristian di Yerusalem, pengertian rohani orang-orang percaya diperlihatkan dalam keeratan hubungan dan perkongsian harta milikan sesama mereka. Penjualan barangan milik mereka dilakukan atas kerelaan hati sendiri (lihat 4:32-37).

<sup>m</sup> Ini adalah Rumah Tuhan (Bait Allah) di Yerusalem, tempat orang Israel menyembah Allah dan mempersembahkan korban mereka. Rumah Tuhan ini dibina oleh Herodes Agung (*rujuk kepada 'Rumah Tuhan', ms. 30*).

Pengabdian mereka kepada Tuhan dapat dilihat melalui kehidupan seharian mereka bersama. Pertemuan bersama dalam kesatuan mungkin bermaksud mereka menggunakan serambi Rumah Tuhan sebagai tempat pertemuan atau mereka turut serta dalam penyembahan harian di Rumah Tuhan.

<sup>n</sup> Pada masa yang sama, mereka juga berkumpul di rumah sesama mereka, makan bersama dan mungkin merayakan Perjamuan Tuhan bersama. Roh mereka penuh dengan sukacita.

<sup>o</sup> Perhatikan bagaimana Tuhan sendiri yang menambah orang-orang ke dalam gereja-Nya.



Apakah aspek kehidupan orang-orang percaya awal yang anda fikir tidak terdapat dalam gereja atau pelayanan muda-mudi atau persekutuan Kristian sekolah anda?

Apakah cadangan anda untuk memperbaiki kehidupan komuniti dalam persekutuan atau gereja anda?

Apakah bahagian yang anda boleh lakukan?

**I. Orang Lumpuh Disembuhkan (ay. 1-10)**

**3** Pada suatu hari,<sup>a</sup> Petrus dan Yohanes pergi ke Rumah Tuhan<sup>b</sup> pada pukul tiga petang, iaitu masa berdoa.<sup>c</sup> <sup>2</sup>Di situ, di pintu yang disebut Pintu Indah,<sup>d</sup> ada seorang lelaki yang kakinya lumpuh sejak dia dilahirkan. Tiap-tiap hari dia dibawa ke situ untuk meminta sedekah<sup>e</sup> daripada orang yang masuk ke Rumah Tuhan. <sup>3</sup>Apabila dia nampak Petrus dan Yohanes sedang masuk ke Rumah Tuhan, dia meminta sedekah daripada mereka. <sup>4</sup>Mereka memandang dia, lalu Petrus berkata, "Pandanglah kami!" <sup>5</sup>Kemudian orang itu memandang mereka dan berharap akan mendapat sesuatu daripada mereka.

<sup>6</sup>Tetapi Petrus berkata kepadanya, "Aku sama sekali tidak mempunyai wang, tetapi apa yang ada

padaku akan aku berikan kepadamu: dengan kuasa Yesus Kristus orang Nasaret<sup>f</sup> itu, berjalanlah!" <sup>7</sup>Lalu Petrus memegang tangan kanan orang lumpuh itu dan menolong dia bangun. Seketika itu juga kaki dan pergelangan kaki orang lumpuh itu menjadi kuat. <sup>8</sup>Lalu dia melompat bangun, dan mula berjalan ke sana ke mari. Kemudian dia masuk ke Rumah Tuhan bersama-sama Petrus dan Yohanes, sambil berjalan dan melompat-lompat serta memuji Allah. <sup>9</sup>Semua orang melihat dia berjalan dan memuji Allah. <sup>10</sup>Apabila mereka mengenali dia sebagai peminta sedekah yang biasa duduk di hadapan Pintu Indah di Rumah Tuhan, mereka hairan dan kagum melihat apa yang berlaku kepadanya.

**Teropong**

<sup>a</sup> Selepas perayaan Pentakosta, Lukas menyatakan bahawa banyak 'mukjizat dan keajaiban' yang terjadi melalui rasul-rasul. Dia kini menceritakan kisah yang sebenarnya di sini. Petrus dan Yohanes merupakan individu-individu yang terpenting di kalangan rasul-rasul (Gal 2:9). Bersama dengan saudara Yohanes iaitu Yakobus, mereka bertiga merupakan rasul yang paling rapat dengan Yesus.

<sup>b</sup> Para rasul terus mengamalkan cara hidup orang Yahudi, menghadiri ibadah yang telah ditetapkan di Rumah Tuhan.

<sup>c</sup> Waktu yang telah ditetapkan untuk berdoa dalam agama Yahudi ialah (i) pada jam yang ketiga (kira-kira pada pukul 9 pagi) semasa upacara korban pagi, (ii) pada jam yang kesembilan (kira-kira pada pukul tiga petang) semasa upacara korban pada waktu petang, dan (iii) sewaktu matahari terbenam.

Walaupun orang Yahudi memulakan hari mereka dari matahari terbenam, hari orang Ibrani bermula pada waktu matahari terbit sehingga ia terbenam, kira-kira dari pukul 6 pagi sehingga 6 petang. Tempoh satu jam merupakan satu per dua belas dari waktu siang. Akan tetapi, oleh kerana matahari tebit dan terbenam pada masa yang berlainan menurut peredaran musim sepanjang tahun, tempoh masa dalam Alkitab tidak boleh diterjemah secara langsung kepada kiraan masa moden.

<sup>d</sup> Ini merupakan pintu masuk utama di bahagian timur serambi Rumah Tuhan. Pintu gerbang ini sangat indah, setinggi kira-kira 23m (75 kaki) dengan sebuah pintu berkembar yang sangat besar. Jarak keluasaannya bermula dari Halaman Orang Bukan Yahudi sehingga ke Halaman untuk Para Wanita (*rujuk kepada 'Rumah Tuhan', ms. 30*). Ia juga dikenali sebagai Gerbang Nikanor.

<sup>e</sup> Oleh kerana memberi sedekah menjadi salah satu cara untuk mendapat berkat Tuhan, lelaki tersebut ditempatkan di kawasan laluan orang-orang yang taat agama ke tempat ibadah mereka.

<sup>f</sup> Lelaki itu bukan disembuhkan dengan kuasa mereka tetapi mereka memerintahkan hal penyembuhan itu dalam nama Yesus Kristus.

**Mari Fikir Sejenak**

- Apakah 'mukjizat-mukjizat' yang telah dilakukan oleh Tuhan dalam hidup anda? Perkara itu tidak semestinya besar... tetapi apa sahaja yang Tuhan lakukan untuk anda.

**Waktu Untuk Berdoa**

**Mari kita meluangkan masa untuk bersyukur dan memuji Tuhan atas kasih dan kebaikan-Nya.**





## II. Khutbah Petrus Di Rumah Tuhan (ay. 11-26)

<sup>11</sup>Orang itu masih mengikuti Petrus dan Yohanes. Apabila mereka tiba di serambi yang disebut Serambi Salomo,<sup>9</sup> semua orang berlari mengerumuni mereka kerana kagum. <sup>12</sup>Apabila Petrus melihat orang ramai itu, dia berkata kepada mereka, "Saudara-saudara orang Israel, mengapa saudara semua hairan akan perkara ini? Mengapa saudara-saudara merenung kami? Adakah saudara-saudara menyangka bahawa orang ini boleh berjalan kerana kuasa kami atau kerana kami taat kepada Allah?<sup>h</sup> <sup>13</sup>Allah yang disembah oleh Abraham, Ishak, Yakub, dan nenek moyang kita, sudah memperlakukan Hamba-Nya,<sup>i</sup> Yesus. Yesus itulah yang saudara-saudara serahkan kepada pihak berkuasa, dan yang saudara-saudara tolak di hadapan Pilatus<sup>j</sup>, meskipun Pilatus hendak membebaskan Dia. <sup>14</sup>Dia suci dan baik, tetapi saudara-saudara menolak Dia dan meminta Pilatus melepaskan seorang pembunuh.<sup>k</sup> <sup>15</sup>Saudara-saudara membunuh Dia yang memberikan hidup sejati kepada semua orang! Tetapi Allah sudah membangkitkan Dia daripada kematian, dan kami menyaksikan perkara itu. <sup>16</sup>Dengan kuasa Yesus<sup>l</sup> orang lumpuh ini dikuatkan. Apa yang saudara-saudara lihat dan saksikan ini berlaku kerana dia percaya kepada Yesus dan kuasa-

Nya. Kerana orang itu percaya kepada Yesus,<sup>m</sup> dia sembuh, seperti yang sudah saudara-saudara lihat sendiri.

<sup>17</sup>Saudara-saudara, sekarang saya tahu, bahawa apa yang saudara-saudara dan para pemimpin saudara lakukan terhadap Yesus, tidak saudara-saudara fahami maknanya. <sup>18</sup>Dahulu kala melalui nabi-nabi, Allah memberitahu bahawa Penyelamat yang diutus-Nya harus menderita. Demikianlah perkara itu berlaku seperti yang dikehendaki-Nya. <sup>19</sup>Oleh itu, bertaubatlah daripada dosa dan kembalilah kepada Allah, supaya Dia menghapus dosa saudara-saudara. <sup>20</sup>Jika saudara-saudara bertaubat, saudara sekalian akan mengalami kesegaran rohani. Tuhan akan menyuruh Yesus datang kepada saudara-saudara, kerana Dia sudah ditetapkan oleh Tuhan untuk menjadi Penyelamat saudara-saudara. <sup>21</sup>Dia harus tinggal di syurga sehingga tiba masanya bagi Allah menjadikan semuanya baru, seperti yang difirmankan oleh Allah melalui nabi-nabi-Nya yang suci pada zaman dahulu. <sup>22</sup>Musa pernah berkata,<sup>n</sup> "Tuhan, Allah kamu akan mengutus seorang nabi kepada kamu seperti Dia mengutus aku. Nabi itu akan datang daripada bangsa kamu sendiri. Kamu harus mendengar semua yang dikatakan-Nya. <sup>23</sup>Sesiapa yang tidak mahu mentaati



### Teropong

<sup>8</sup> Ini adalah serambi berbumbung yang terletak di sepanjang bahagian timur di luar Rumah Tuhan. Ia berhampiran dengan tembok dalaman Rumah Tuhan dengan tiang-tiang batu yang berukuran 8 meter (27 kaki).

<sup>h</sup> Orang ramai mungkin menganggap mereka sebagai orang yang mempunyai kuasa hebat atau orang yang sangat setia kepada Allah sehingga Allah menjawab doa mereka dengan tanda-tanda yang ajaib. Apapun anggapan mereka, Petrus bertujuan untuk mengalihkan perhatian mereka dari Yohanes dan dirinya kepada sumber mukjizat yang sebenar iaitu Yesus.

<sup>i</sup> Ayat ini dipetik dari Yes 52:13, ayat pertama dari fasal yang terakhir dan terpenting yang memperkatakan tentang Hamba Yahweh. Petrus menjelaskan bahawa nubuatan ini telah digenapi dalam Yesus. Allah telah memuliakan Yesus dan Yesuslah yang menyembuhkan lelaki itu.

<sup>j</sup> Pontius Pilatus adalah gabenor Roma di Yudea dari 26-36 Masehi. Majlis Agama (Sanhedrin), iaitu sidang kehakiman Yahudi yang tertinggi pada masa itu mengadili Yesus dan menjatuhkan hukuman ke atas-Nya sebagai bersalah. Walau bagaimanapun, mereka tidak berkuasa untuk menjatuhkan hukuman mati. Oleh sebab itu mereka menghantar Yesus untuk diadili oleh Pilatus, gabenor Roma (Luk 23:1-25).

<sup>k</sup> Dia adalah Barabas yang telah dipenjarakan kerana terlibat dalam pembunuhan serta rusuhan di kota (Luk 23:18-19).

<sup>l</sup> Petrus ingin menekankan bahawa mukjizat yang terjadi bergantung kepada kuasa yang diberikan oleh nama Yesus yang telah dibunuh oleh mereka. Bagi orang Yahudi, sebuah 'nama' bukan sekadar pengenalan diri seseorang. Ia menggambarkan sifat semulajadi orang tersebut. Oleh itu, kewibawaan seseorang sentiasa ada bersama dengan namanya.

<sup>m</sup> Seterusnya, kuasa atau wibawa tersebut menjadi lebih efektif melalui iman percaya terhadap nama Yesus. Tidak jelas sama ada Petrus bercakap tentang imannya sendiri atau iman orang secara umum. Dalam erti kata lain, Petrus menolak sebarang andaian yang mengatakan bahawa mukjizat itu terjadi melalui amalan sihir.

<sup>n</sup> Petrus memetik ayat dari PL yang mengatakan bahawa kepercayaan terhadap Musa akan membimbing orang untuk percaya kepada Yesus kerana Musa sendiri, nabi Israel pertama dan paling agung telah berkata-kata tentang kedatangan Yesus sebagai seorang nabi sepertinya.

<sup>o</sup> Ini merupakan janji Allah kepada Abraham dalam Kej 22:17-18 dan 26:4. Petrus menyatakan bahawa janji kepada Abraham, nenek moyang mereka, juga telah digenapi melalui Yesus.



kata-kata nabi itu, akan disingkirkan daripada umat Allah dan dibinasakan.’<sup>24</sup> Semua nabi yang menyampaikan berita daripada Allah, termasuk Nabi Samuel dan nabi-nabi yang kemudian daripadanya, memberitakan apa yang berlaku pada zaman ini.<sup>25</sup> Janji-janji Allah yang disampaikan oleh nabi-nabi itu untuk saudara-saudara juga. Dalam perjanjian yang dibuat oleh Allah dengan nenek moyang saudara-saudara, Allah berfirman kepada Abraham,<sup>o</sup> ‘Melalui keturunanmu Aku akan memberkati semua bangsa di bumi.’ Perjanjian itu untuk saudara-saudara juga.<sup>26</sup> Demikianlah Allah memilih dan mengutus Hamba-Nya kepada saudara-saudara terlebih dahulu untuk memberkati saudara sekalian. Dia berbuat demikian dengan menyebabkan saudara sekalian bertaubat daripada cara hidup yang jahat.”

### I. Petrus dan Yohanes di Hadapan Majlis Agama (ay. 1-22)

**4** Petrus dan Yohanes masih berkata-kata kepada orang ramai, apabila imam-imam,<sup>a</sup> ketua pengawal Rumah Tuhan,<sup>b</sup> dan beberapa orang Saduki<sup>c</sup> datang. <sup>2</sup>Mereka marah<sup>d</sup> kerana Petrus dan Yohanes mengajar orang ramai bahawa Yesus sudah dibangkitkan daripada kematian. Hal itu membuktikan bahawa orang mati akan dibangkitkan. <sup>3</sup>Oleh itu mereka menangkap kedua-dua orang rasul itu. Mereka ditahan di dalam penjara sehingga esok, kerana hari sudah petang.<sup>e</sup> <sup>4</sup>Tetapi banyak orang yang mendengar perkhabaran itu percaya kepada Yesus. Bilangan mereka bertambah sehingga kira-kira lima ribu orang.

<sup>5</sup>Pada hari berikutnya, para pemimpin bangsa Yahudi,<sup>f</sup> pemimpin masyarakat Yahudi,<sup>g</sup> dan guru



- Adakah anda mempunyai perkara atau kejadian yang menyukarkan anda untuk percaya kepada Yesus?
- Apakah pengajaran yang anda boleh dapati dari Petrus dan orang lumpuh itu?



Tanpa iman, tidak seorang pun dapat menyenangkan hati Allah. Orang yang datang kepada Allah mesti percaya bahawa Allah wujud, dan bahawa Allah menganugerahi orang yang mencari-Nya.  
(Ibrani 11:6)



- <sup>a</sup> Besar kemungkinan mereka adalah imam-imam yang bertugas di Rumah Tuhan pada minggu tersebut. Semenjak zaman Raja Daud, imam yang berasal dari keturunan Harun di bahagikan kepada 24 bahagian atau set. Jumlah imam dan orang Lewi dianggarkan sebanyak 18, 000 orang dan setiap dari mereka akan melayani di Rumah Tuhan dua kali setahun. Mereka akan bertugas selama seminggu ketika giliran mereka tiba, menurut jadual yang telah disediakan.
- <sup>b</sup> Tentera Roma tidak dibenarkan berada di Rumah Tuhan kecuali atas sebab-sebab tertentu. Rumah Tuhan mempunyai tentera Yahudi yang dikhaskan, kebanyakannya dipilih dari kalangan orang Lewi. Mereka digelar sebagai pengawal Rumah Tuhan. Tugas mereka sama seperti tugas pasukan polis, iaitu menjaga keamanan di Rumah Tuhan.
- <sup>c</sup> Orang Saduki merupakan kumpulan parti politik agama yang berasal dari golongan kehormat dan tuan tanah yang kaya (*rujuk kepada 'Orang Saduki', ms. 35*). Mereka menguasai hampir kesemua kedudukan tinggi dalam kepimpinan para imam. Ramai orang Saduki yang bukan imam mempunyai kedudukan sebagai pemimpin masyarakat dalam Majlis Agama. Ketua pengawal Rumah Tuhan mestilah seorang Saduki yang berkedudukan tinggi, begitu juga dengan imam besar.
- <sup>d</sup> Lukas menunjukkan bahawa halangan awal terhadap penyebaran Injil datang dari kalangan imam dan orang atasan Saduki. Mereka termasuklah para imam, ketua pengawal Rumah Tuhan dan orang Saduki. Walaupun orang Farisi adalah penentang utama kepada ajaran Yesus ketika Dia masih hidup, tetapi orang Saduki jugalah yang menentang penentangan setelah kematian Yesus.



Taurat<sup>h</sup> berkumpul di Yerusalem. <sup>6</sup>Mereka menjumpai Imam Agung Hanasi<sup>i</sup> dan Kayafas,<sup>j</sup> Yohanes,<sup>k</sup> Aleksander,<sup>l</sup> dan semua orang lain yang tergolong dalam keluarga Imam Agung itu. <sup>7</sup>Mereka menyuruh rasul-rasul itu berdiri di hadapan mereka, lalu bertanya, “Bagaimanakah kamu menyembuhkan orang lumpuh itu? Dengan kuasa apa atau dengan kuasa siapa kamu melakukan hal itu?”

<sup>8</sup>Petrus, yang dikuasai oleh Roh Allah, menjawab, “Tuan-tuan pemimpin bangsa Yahudi dan pemimpin masyarakat Yahudi! <sup>9</sup>Agaknya hari ini kami disoal kerana kami telah berbuat baik kepada orang lumpuh itu dan kerana tuan-tuan mahu tahu bagaimana dia disembuhkan. <sup>10</sup>Tuan-tuan dan semua orang Israel harus tahu bahawa orang ini yang berdiri di hadapan tuan-tuan sudah sembuh kerana kuasa Yesus Kristus orang Nasaret itu. Tuan-tuan sudah menyalibkan Dia, tetapi Allah sudah membangkitkan Dia daripada kematian. <sup>11</sup>Yesuslah yang dimaksudkan oleh ayat ini di dalam Alkitab,<sup>m</sup> ‘Batu yang kamu, pembina bangunan buang, ternyata menjadi batu yang paling utama.’ <sup>12</sup>Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk

menyelamatkan kita.”

<sup>13</sup>Anggota-anggota Majlis Agama<sup>n</sup> hairan melihat keberanian Petrus dan Yohanes, apabila mereka tahu bahawa kedua-dua orang rasul itu orang biasa yang tidak berpendidikan.<sup>o</sup> Lalu mereka sedar bahawa kedua-dua orang itu sahabat karib Yesus. <sup>14</sup>Tetapi mereka tidak dapat berkata apa-apa, kerana mereka melihat orang yang disembuhkan itu, berdiri di situ bersama-sama Petrus dan Yohanes. <sup>15</sup>Oleh itu mereka menyuruh kedua-dua orang rasul itu keluar dari bilik Majlis Agama, lalu mula berunding. <sup>16</sup>Mereka bertanya, “Apa yang harus kita lakukan terhadap kedua-dua orang ini? Semua orang yang tinggal di Yerusalem tahu bahawa mukjizat yang luar biasa itu dilakukan oleh mereka. Kita tidak dapat menafikannya. <sup>17</sup>Tetapi supaya perkara ini tidak tersebar lebih luas lagi di kalangan orang ramai, baiklah kita berikan amaran kepada mereka supaya jangan berkata-kata lagi kepada sesiapa pun dengan nama Yesus.”

<sup>18</sup>Lalu mereka memanggil kedua-dua orang rasul itu masuk kembali, dan melarang mereka menyebut nama Yesus atau mengajar dengan nama-Nya.

<sup>19</sup>Tetapi Petrus dan Yohanes menjawab,

Orang Saduki menolak doktrin kebangkitan. Mereka mengatakan bahawa hal itu hanya diambil dari kepercayaan orang Farisi. Oleh sebab itu, mereka marah apabila rasul-rasul mengemukakan bukti yang kukuh tentang kebangkitan Yesus.

<sup>e</sup> Persembahan korban pada waktu petang berakhir pada kira-kira jam 4.00 petang dan pintu Rumah Tuhan akan ditutup ketika itu. Sebarang pengadilan yang berkaitan dengan hidup dan mati harus dilakukan dan diputuskan pada siang hari.

<sup>f</sup> Ini merupakan pertemuan para ahli Majlis Agama, sidang kehakiman Yahudi yang tertinggi di Yerusalem (*rujuk kepada ‘Majlis Agama’, ms. 33*). Mereka mengendalikan perkara yang berkaitan dengan keagamaan serta kuasa kehakiman. Ia terdiri dari tiga golongan orang: pemimpin-pemimpin masyarakat, guru-guru Taurat dan ketua-ketua imam.

Istilah ‘pemimpin’ dan ‘pemerintah (dalam terjemahan lain) merujuk kepada kumpulan imam-imam dalam Majlis Agama. Ada kalanya mereka digelar sebagai ketua imam, iaitu mereka yang memegang beberapa jawatan pentadbiran di Rumah Tuhan. Mereka merupakan ahli keluarga kepada imam yang pernah dipilih sebagai imam besar.

<sup>g</sup> Pemimpin-pemimpin masyarakat merupakan pemimpin yang tidak terlibat dalam hal keagamaan. Mereka biasanya dipilih dari keluarga yang berpengaruh. Ramai dari mereka adalah orang Saduki.

<sup>h</sup> Guru Taurat yang juga digelar sebagai penulis atau peguam adalah mereka yang telah mempelajari, mentafsir dan mengajar Taurat (*rujuk kepada ‘Penulis/ Penyalin’, ms. 34*). Mereka bukan dari golongan keagamaan tetapi merupakan kumpulan orang yang profesional. Ramai dari mereka yang datang dari kalangan orang Farisi.

<sup>i</sup> Anas merupakan imam besar pada 6-15 M tetapi telah dilucutkan dari jawatan tersebut oleh penguasa Roma dan digantikan oleh beberapa orang dari keluarganya sendiri termasuk menantunya, Kayafas. Walaupun tidak lagi memegang jawatan itu, dia masih mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan orang-orang Yahudi dan mengekalkan gelarannya (Luk 3:2).

<sup>j</sup> Kayafas adalah Imam Agung dari 18-36 M. Pada masa itu, dia merupakan Imam Agung yang sah.

<sup>k</sup> Ini mungkin merujuk kepada Yonatan, anak lelaki Anas yang menggantikan Kayafas dari kedudukan Imam Agung pada 36 M.

<sup>l</sup> Tiada siapa yang mengetahui identiti Aleksander yang sebenar.

<sup>m</sup> Ayat ini dipetik dari Maz 118:22. Yesus juga telah menggunakannya untuk merujuk kepada diri-Nya sendiri (Luk 20:17-18). Dalam konteks asal PL, batu yang dibuang itu merupakan Israel, dibenci oleh bangsa-bangsa lain tetapi dipilih oleh Allah untuk melaksanakan tujuan-Nya. Dalam konteks ini, berserta dengan



“Pertimbangkan sendiri mana yang benar di sisi Allah: Taat kepada tuan-tuan atau taat kepada Allah? <sup>20</sup>Kami tidak dapat berhenti berkata-kata tentang apa yang sudah kami lihat dan dengar.” <sup>21</sup>Anggota-anggota Majlis Agama memberikan amaran yang lebih keras lagi, lalu membebaskan kedua-duanya. Mereka tidak dapat mencari alasan untuk menghukum Petrus dan Yohanes, kerana semua orang memuji-muji Allah bagi peristiwa itu. <sup>22</sup>Orang yang mengalami kesembuhan yang menghairankan itu berumur lebih daripada empat puluh tahun.

## II. Pengikut Yesus Berdoa Minta Keberanian (ay. 23-31)

<sup>23</sup>Setelah Petrus dan Yohanes dibebaskan, mereka kembali kepada sahabat-sahabat mereka dan menceritakan segala yang dikatakan oleh ketua-ketua imam dan para pemimpin masyarakat Yahudi. <sup>24</sup>Apabila pengikut-pengikut Yesus mendengar hal itu, dengan sehati mereka berdoa kepada Allah, “Ya Tuhan, Engkau sudah menjadikan langit, bumi, dan laut dengan segala isinya. <sup>25</sup>Dengan Roh-Mu, Engkau pernah berfirman melalui nenek moyang kami, Daud hamba-Mu,<sup>p</sup> ‘Mengapa orang bukan Yahudi marah?

Mengapa bangsa-bangsa lain membuat pakatan yang sia-sia? <sup>26</sup>Raja-raja dunia bersiap sedia untuk berperang, dan para penguasa berkumpul untuk melawan Tuhan dan Penyelamat yang diutus oleh Allah.’

<sup>27</sup>Memang benar Herodes<sup>q</sup> dan Pontius Pilatus mengadakan pertemuan dengan orang bukan Yahudi dan orang Israel di kota ini untuk melawan Yesus Hamba-Mu yang suci, yang Engkau jadikan Penyelamat. <sup>28</sup>Mereka bersatu untuk melakukan segala yang telah Engkau tetapkan terlebih dahulu akan berlaku. Engkau dapat menetapkan demikian kerana kekuasaan dan kehendak-Mu. <sup>29</sup>Tetapi sekarang, ya Tuhan, lihatlah bagaimana mereka mengancam kami. Tolonglah kami, hamba-hamba-Mu, memberitakan perkhabaran-Mu dengan penuh keberanian. <sup>30</sup>Tunjukkanlah kuasa-Mu supaya orang sakit disembuhkan. Hendaklah mukjizat dan keajaiban berlaku dengan kuasa Yesus, Hamba-Mu yang suci.”

<sup>31</sup>Setelah mereka selesai berdoa, tempat mereka berkumpul itu bergoncang.<sup>r</sup> Mereka semua dikuasai oleh Roh Allah, dan mula menyampaikan perkhabaran daripada Allah dengan penuh keberanian.

kesaksian orang Kristian seterusnya, pembina ditafsirkan sebagai pemerintah Yahudi yang gagal untuk menerima Yesus sebagai Penyelamat Ilahi. Walau bagaimanapun, ‘batu’ yang dibuang oleh mereka kini telah menerima kedudukan yang paling tinggi dari Allah – duduk di sebelah kanan-Nya.

<sup>n</sup> Merujuk kepada Majlis Agama.

<sup>o</sup> Ini mungkin merujuk kepada fakta bahawa mereka tidak dilatih dalam pendidikan formal dari sekolah Taurat. Mereka tidak ada latihan dalam teologi atau retorik, seni berkata-kata di hadapan orang ramai.



Pada pendapat anda, mengapakah Petrus dan Yohanes berani untuk mempertahankan kepercayaan mereka terhadap Yesus?

Dalam cara apakah anda boleh bertumbuh dan menjadi lebih seperti mereka?



### Teropong

<sup>p</sup> Petikan ini diambil dari Maz 2:1-2. Mereka tidak menganggap serangan itu ditujukan kepada mereka secara peribadi. Sebaliknya, mereka melihat kepada ayat Kitab Suci yang mencatatkan tentang serangan yang dilakukan oleh pemimpin duniawi kepada Tuhan dan Penyelamat. Mereka melihat hal tersebut digenapi melalui konspirasi Herodes dan Pilatus, orang Yahudi dan Roma yang menentang Yesus.

<sup>q</sup> Herodes ini adalah Herodes Antipas, putera kepada Herodes Agung (*rujuk kepada ‘Keluarga Herodes Agung’, ms. 6*). Dia menjadi pemerintah Galilea dan Perea selepas kematian bapanya pada 4 SM sehingga 39 M. Dia memerintah Galilea ketika Yesus tinggal di sana.

<sup>r</sup> Satu petanda yang menunjukkan bahawa doa mereka telah didengar oleh Tuhan dan mereka mendapat jawapan Tuhan ialah ketika tempat pertemuan mereka bergoncang dan mereka semua dipenuhi dengan Roh Allah.

### III. Pengikut Yesus Berkongsi Milik (ay. 32-37)

<sup>32</sup>Semua pengikut Kristus hidup sehati dan sefikiran. Tidak seorang pun menganggap apa yang dimilikinya kepunyaannya sendiri. Mereka saling berkongsi milik. <sup>33</sup>Dengan kuasa yang besar,<sup>s</sup> rasul-rasul itu memberikan kesaksian tentang kebangkitan Tuhan Yesus. Oleh itu Allah sangat memberkati mereka. <sup>34</sup>Tidak seorang pun di kalangan mereka kekurangan apa-apa. Mereka yang memiliki tanah atau rumah, menjual harta mereka. Lalu mereka menyerahkan hasil

penjualan itu kepada rasul-rasul. <sup>35</sup>Kemudian wang itu dibahagi-bahagikan kepada setiap orang yang memerlukannya.

<sup>36</sup>Begitu juga halnya dengan Yusuf.<sup>t</sup> Dia seorang keturunan Lewi<sup>u</sup> yang lahir di Siprus.<sup>v</sup> Rasul-rasul juga menyebut dia Barnabas (yang bererti Penggalak). <sup>37</sup>Dia menjual sebidang tanah yang dimilikinya, lalu membawa dan menyerahkan wangnya kepada rasul-rasul itu.



#### Teropong

<sup>s</sup> Kuasa besar yang menyertai kesaksian para rasul Yesus merujuk bukan sahaja kepada pengisytiharan Berita Baik tetapi juga kuasa bagi hidup baru di kalangan orang percaya. Hidup baru dalam persekutuan ini ditunjukkan melalui perkongsian milik untuk memenuhi keperluan antara satu sama lain. Kuasa seperti inilah yang diinginkan oleh Yesus apabila Dia memberitahu para murid-Nya bahawa semua orang akan tahu mereka adalah pengikut-pengikut-Nya sekiranya mereka saling mengasihi (Yoh 13:35).

<sup>t</sup> Yusuf ialah nama Ibrani bagi lelaki ini, sebuah nama yang biasa digunakan di rumah, di tempat ibadah dan secara umumnya di kalangan orang-orang Yahudi. Para rasul memberinya nama baru mungkin kerana ingin membezakannya daripada orang lain yang mempunyai nama yang sama (1:23) dan juga menggambarkan sikap peribadinya. Barnabas kemudiannya menjadi seorang teman Paulus yang penting.

<sup>u</sup> Walaupun orang Lewi tidak seharusnya memiliki tanah di Palestin, hukum ini mungkin tidak boleh digunakan ke atas orang Lewi yang berada di negara lain. Jadi, Barnabas mungkin menjual tanah yang dimilikinya di Siprus dan membawa hasilnya kepada para rasul (ay. 37). Atau dia mungkin telah berkahwin dan tanah yang dijualnya itu mungkin milik isterinya. Atau mungkin juga hukum orang Lewi tidak boleh memiliki tanah di Palestin mungkin tidak berkuatkuasa lagi.

<sup>v</sup> Siprus merupakan sebuah pulau di bahagian timur laut Laut Tengah.



#### Mari Fikir Sejenak

Apakah pengajaran hidup yang anda boleh dapati melalui contoh yang ditunjukkan oleh Barnabas?



#### Ayat Hafalan

*Masing-masing harus memberi  
sebanyak yang telah ditentukannya.  
Orang harus memberi dengan rela  
dan sukacita, kerana Allah  
mengasihi orang yang memberi  
dengan senang hati.  
(2 Korintus 9:7)*

**I. Ananias dan Safira (ay. 1-11)**

**5** Ada seorang lelaki bernama Ananias.<sup>a</sup> Dia dengan isterinya, Safira<sup>b</sup> menjual sebidang tanah yang dimiliki oleh mereka. <sup>2</sup>Dengan persetujuan isterinya, Ananias menyimpan<sup>c</sup> sebahagian wang itu untuk dirinya sendiri. Yang selebihnya diserahkan kepada rasul-rasul. <sup>3</sup>Oleh itu Petrus berkata kepadanya, "Ananias, mengapa kamu membiarkan Iblis menguasai hatimu,<sup>d</sup> sehingga kamu berdusta terhadap Roh Allah<sup>e</sup> dengan menyimpan sebahagian daripada wang penjualan tanahmu itu? <sup>4</sup>Bukankah tanah itu milikmu, sebelum kamu menjualnya? Setelah kamu menjualnya, wangnya milikmu juga. Mengapa kamu berniat berbuat demikian? Kamu tidak berdusta terhadap manusia, tetapi terhadap Allah!"<sup>f</sup> <sup>5</sup>Sebaik sahaja Ananias mendengar kata-kata itu, dia jatuh lalu mati.<sup>g</sup> Semua orang yang mendengar peristiwa itu menjadi takut. <sup>6</sup>Kemudian beberapa orang muda

datang membalut mayat Ananias, lalu membawanya ke luar dan menguburkannya.

<sup>7</sup>Kira-kira tiga jam kemudian isteri Ananias masuk. Dia tidak mengetahui apa yang telah berlaku. <sup>8</sup>Petrus berkata kepadanya, "Katakanlah, adakah wang ini seluruh hasil penjualan tanah yang kamu terima bersama-sama suamimu?" "Ya," jawabnya, "memang itu semuanya."

<sup>9</sup>Lalu Petrus berkata kepadanya, "Mengapa kamu dan suamimu berpakat untuk mencubai Roh Tuhan? Lihatlah, beberapa orang muda yang menguburkan suamimu ada di depan pintu. Mereka pun akan mengusungmu ke luar." <sup>10</sup>Seketika itu juga isteri Ananias jatuh dan mati di hadapan Petrus. Orang muda di situ masuk dan mendapati Safira sudah mati. Oleh itu mereka membawa mayatnya ke luar dan menguburnya di sebelah suaminya. <sup>11</sup>Dengan demikian jemaah<sup>h</sup> dan semua orang lain yang mendengar peristiwa itu menjadi sangat takut.

**Teropong**

<sup>a</sup> 'Ananias' bermaksud 'Allah pemurah' dalam bahasa Ibrani.

<sup>b</sup> 'Safira' bermaksud 'indah' dalam bahasa Aramaik.

<sup>c</sup> Gaya bahasa Lukas di sini seperti selari dengan dosa Akhan (Yos 7), yang telah mengambil barang-barang dari kota Yeriko sama seperti orang Israel di permulaan peperangan dengan Kanaan. Begitu juga dengan dosa Ananias dan Safira di saat pelayanan jemaah awal bermula. Kedua-dua kejadian menerima hukuman yang mendadak dari Allah dan memberi pengajaran kepada orang ramai. Inilah yang mungkin dilihat oleh jemaah awal pada masa itu. Ia menjadi amaran kepada mereka bahawa Allah tidak dapat dibohongi (Gal 6:7), tidak seorang pun yang dapat menyorokkan sesuatu daripada-Nya.

<sup>d</sup> Roh Allah memberi Petrus penglihatan rohani yang membolehkannya melihat isi hati manusia dan mengetahui perbuatan Ananias. Dia melihat bahawa iblis telah memainkan peranan ke atas perbuatan Ananias.

<sup>e</sup> Petrus menegaskan bahawa Ananias berhak untuk menyimpan atau menjual harta miliknya menurut keinginannya sendiri. Ia bukan satu dosa. Dosanya terletak pada pembohongan kepada Roh Allah. Bukan kerana dia hanya memberikan separuh dari hasil penjualannya, tetapi penipuannya untuk membuatkan orang percaya bahawa dia telah memberikan semuanya. Menipu pengikut Tuhan bererti menipu Tuhan.

<sup>f</sup> Satu perbandingan dengan ayat 4 menunjukkan bahawa Roh Allah dianggap sebagai hadirat Allah yang ada bersama dengan umat-Nya.

<sup>g</sup> Sama seperti perbuatan Akhan, perbuatan ini sangat di-kritik dalam kehidupan dan misi umat Allah. Sekiranya tiada akibat yang drastik menyusul tindakan ini, kesan terhadap pengikut awal akan menjadi serius apabila perbuatan jahat itu didedahkan. Orang ramai akan menganggap bahawa

perbuatan tidak jujur adalah menguntungkan dan Roh Allah boleh ditipu. Adalah penting bagi Allah untuk menunjukkan dengan jelas dari awal bahawa Dia tidak akan bertolak ansur terhadap hipokrisi dan kejahatan.

<sup>h</sup> Lukas menggunakan perkataan 'jemaah' untuk pertama kali bagi menggelar komuniti Kristian. Perkataan ini digunakan dalam PL untuk merujuk kepada perkumpulan atau jemaah umat Allah. Orang Kristian menggunakan perkataan ini untuk menggambarkan mereka sebagai umat Allah atau Kristus. Dalam bahagian yang seterusnya, perkataan ini akan digunakan untuk gereja umum dan jemaah tempatan.

**Mari Fikir Sejenak**

Walaupun Allah tidak menghakimi kita dalam sekelip mata atau secara drastik untuk dosa-dosa kita sekarang, kita tidak harus memandang ringan dosa-dosa tersebut.

Fikirkan satu dosa dalam bahagian hidup anda yang anda tidak mahu hadapi. Apakah yang anda harus lakukan terhadapnya?

**Ayat Hafalan**

*Jika kita berkata bahawa kita tidak berdosa, kita menipu diri sendiri dan Allah tidak ada di dalam hati. Tetapi jika kita mengaku dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah.  
(1 Yohanes 1:8-9)*



## II. Mukjizat dan Keajaiban (ay. 12-16)

<sup>12</sup>Banyak mukjizat dan keajaiban dilakukan oleh rasul-rasul di kalangan orang ramai.<sup>1</sup> Semua pengikut Yesus berkumpul di Serambi Salomo. <sup>13</sup>Tidak ada orang di luar kelompok itu berani berkumpul dengan pengikut-pengikut Yesus,<sup>j</sup> walaupun masyarakat sangat menghormati mereka. <sup>14</sup>Tetapi bilangan mereka semakin bertambah, kerana banyak orang lelaki dan perempuan<sup>k</sup> percaya kepada Tuhan. <sup>15</sup>Oleh sebab mukjizat yang dilakukan oleh para rasul, orang sakit dibaringkan di atas tilam atau tikar, lalu dibawa ke jalan supaya setidak-tidaknya mereka terkena bayang Petrus,<sup>1</sup> apabila dia lalu di situ. <sup>16</sup>Banyak orang datang dari bandar-bandar di sekitar Yerusalem. Mereka membawa orang sakit dan orang yang dirasuk roh jahat, dan semua orang itu disembuhkan.

## III. Rasul-Rasul Dianiaya (ay. 17-42)

<sup>17</sup>Kemudian Imam Agung dan semua pengikutnya, yang termasuk golongan orang Saduki tempatan mula bertindak terhadap para rasul, kerana iri hati. <sup>18</sup>Mereka menangkap rasul-rasul itu lalu memasukkan mereka ke dalam penjara awam. <sup>19</sup>Tetapi pada malam itu, malaikat Tuhan<sup>m</sup> membuka pintu-pintu penjara<sup>n</sup> itu lalu memimpin rasul-rasul itu ke luar. Malaikat itu berkata kepada mereka, <sup>20</sup>"Pergilah berdiri di Rumah Tuhan dan beritahu orang ramai tentang hidup yang baru ini."<sup>o</sup> <sup>21</sup>Rasul-rasul itu menurut perintah malaikat itu. Pada waktu fajar mereka pergi ke Rumah Tuhan dan mula mengajar.

Imam Agung dan para pengikutnya memanggil semua pemimpin masyarakat Yahudi untuk mengadakan mesyuarat<sup>p</sup> Majlis Agama. Kemudian mereka memberikan perintah supaya rasul-rasul itu diambil dari penjara untuk dibawa menghadap mereka. <sup>22</sup>Tetapi apabila pegawai-pegawai itu tiba di penjara, mereka tidak mendapati rasul-rasul itu. Lalu mereka kembali dan melaporkan hal itu kepada Majlis Agama. <sup>23</sup>Mereka berkata, "Apabila kami tiba di penjara, kami mendapati pintu penjara masih terkunci baik-baik, dan pengawal-pengawal sedang berjaga di pintu. Tetapi apabila kami membuka pintu itu, kami tidak mendapati seorang pun di dalamnya." <sup>24</sup>Apabila ketua-ketua imam dan ketua pengawal Rumah Tuhan mendengar laporan itu, mereka bingung tentang apa yang mungkin berlaku terhadap rasul-rasul itu. <sup>25</sup>Kemudian seorang lelaki masuk dan memberitahu mereka, "Beberapa orang yang tuantuan tahan di penjara sedang mengajar orang ramai di Rumah Tuhan!" <sup>26</sup>Oleh itu ketua pengawal Rumah Tuhan pergi dengan anak buahnya dan membawa rasul-rasul itu kembali. Tetapi mereka tidak menggunakan kekerasan, kerana mereka takut kalau-kalau orang ramai merejam mereka.

<sup>27</sup>Mereka membawa rasul-rasul itu ke hadapan Majlis Agama. Lalu Imam Agung berkata, <sup>28</sup>"Dengan tegas kami melarang kamu mengajar berdasarkan ajaran orang itu. Tetapi sekarang lihatlah apa yang sudah kamu lakukan! Kamu menyebarkan ajaran kamu ke seluruh Yerusalem, dan kamu mahu mendakwa kami bertanggungjawab atas kematiannya."



### Teropong

<sup>i</sup> Lukas ingin menegaskan di sini bahawa mukjizat yang dilakukan oleh rasul-rasul itu terjadi berulang kali sehingga menarik ramai orang untuk berkunjung ke Yerusalem. Hal ini membangkitkan rasa cemburu dalam hati orang Saduki seperti yang dilihat dalam ayat 17.

<sup>j</sup> Disebabkan oleh hal yang terjadi ke atas Ananias dan Safira, tidak ada orang yang masih mendua hati mahu bergaul dengan orang-orang percaya tersebut. Tidak mungkin Lukas bermaksud tidak ada orang langsung yang menyertai komuniti Kristian di situ kerana ayat 14 mengatakan ramai yang datang dan percaya kepada Yesus.

<sup>k</sup> Ini kali pertama para wanita yang percaya disebut dengan terperinci.

<sup>l</sup> Anggapan tentang bayang-bayang yang berkuasa adalah biasa pada zaman dahulu kala. Kepercayaan yang sama tentang kuasa Paulus boleh dilihat dalam Kis 19:12. Reputasi Petrus yang berkaitan dengan kuasa penyembuhannya tersebar di kalangan masyarakat. Kini, reputasi rasul-rasul tersebar sehingga ke luar Yerusalem.

<sup>m</sup> Frasa 'malaikat Tuhan' digunakan empat kali dalam Kisah Rasul-Rasul: (i) Stefanus bekata-kata tentangnya (7:30-38) (ii) ia memimpin Filipus (8:26) (iii) ia membebaskan Petrus dari penjara (12:7-10) (iv) ia membunuh Herodes dengan serta-merta (12:23).

<sup>n</sup> Ini merupakan salah satu daripada tiga kisah 'membuka pintu penjara' dalam buku Kisah Rasul-Rasul (12:6-11, 16:26-29).

<sup>o</sup> Kehidupan dan keselamatan membawa maksud yang sama dalam PB. Sebab itulah malaikat tersebut meminta mereka untuk menyatakan berita keselamatan.

<sup>p</sup> Pada masa ini, orang Farisi turut hadir, seperti Gamaliel yang berkata-kata untuk menentang keputusan Majlis Agama (ay. 35-39).

<sup>q</sup> Petrus menjadi jurucakap bagi kumpulan mereka seperti pada hari Pentakosta.

<sup>r</sup> Beberapa versi mencatatkan 'Putera'. Allah telah meninggikan Yesus sebagai Putera dan Penyelamat. Ini kali pertama perkataan 'Penyelamat' digunakan untuk menggambarkan Yesus di luar konteks Injil.



<sup>29</sup>Petrus<sup>9</sup> dan rasul-rasul yang lain menjawab, "Kami harus taat kepada Allah dan bukan kepada manusia. <sup>30</sup>Yesus yang tuan-tuan salibkan, sudah dibangkitkan daripada kematian oleh Allah yang disembah nenek moyang kita. <sup>31</sup>Allah mengangkat Dia ke tempat yang berkuasa di sebelah kanan-Nya, untuk menjadi Pemimpin<sup>r</sup> dan Penyelamat, supaya umat Israel mendapat peluang untuk bertaubat dan beroleh pengampunan dosa. <sup>32</sup>Kami menjadi saksi dalam semua perkara ini -- kami dan juga Roh Allah, yang dikurniakan oleh Allah kepada orang yang mentaati perintah-Nya."

<sup>33</sup>Apabila anggota-anggota Majlis Agama mendengar kata-kata itu, mereka marah sekali sehingga mereka mahu menghukum mati rasul-rasul itu. <sup>34</sup>Tetapi di kalangan anggota Majlis Agama itu ada seorang Farisi<sup>s</sup> bernama Gamaliel.<sup>t</sup> Dia seorang guru Taurat yang sangat dihormati oleh semua orang. Dia berdiri lalu menyuruh orang membawa rasul-rasul itu ke luar sebentar. <sup>35</sup>Lalu dia berkata kepada Majlis Agama itu, "Saudara-saudara orang Israel! Fikirkan baik-baik apa yang hendak saudara-saudara lakukan terhadap semua orang itu. <sup>36</sup>Beberapa waktu dahulu, Teudas<sup>u</sup> muncul dan menganggap dirinya seorang pemimpin yang besar. Kira-kira empat ratus orang mengikut dia. Tetapi dia terbunuh, lalu semua

pengikutnya bercerai-cerai, dan pergerakannya lenyap. <sup>37</sup>Setelah itu Yudas,<sup>y</sup> orang dari Galilea pun muncul pada masa pembancian.<sup>w</sup> Dia mempengaruhi banyak orang, tetapi dia juga terbunuh, lalu semua pengikutnya bercerai-cerai. <sup>38</sup>Oleh itu tentang perkara ini sekarang, saya cadangkan supaya jangan ambil tindakan apa-apa terhadap semua orang itu. Biarkan mereka pergi. Jika apa yang dicadangkan dan dilakukan mereka itu daripada manusia, maka semuanya akan lenyap. <sup>39</sup>Tetapi jika semua itu datang daripada Allah, saudara-saudara tidak akan dapat mengalahkan mereka. Malah mungkin akan ternyata bahawa saudara-saudara melawan Allah."

Nasihat Gamaliel diterima oleh Majlis Agama. <sup>40</sup>Rasul-rasul itu dipanggil, lalu dicambuk,<sup>x</sup> kemudian dilarang mengajar lagi berdasarkan ajaran Yesus. Setelah itu mereka dibebaskan. <sup>41</sup>Apabila rasul-rasul itu meninggalkan Majlis Agama, mereka bersukacita kerana Allah menganggap mereka layak menanggung hukuman bagi Yesus. <sup>42</sup>Setiap hari, baik di Rumah Tuhan mahupun di rumah orang, mereka tidak berhenti mengajarkan dan mengkhabarkan Berita Baik bahawa Yesus itulah Penyelamat yang diutus oleh Allah.

<sup>s</sup> Nama 'Farisi' mungkin berasal dari bahasa Aramaik yang bermaksud 'mengasingkan'. Oleh itu, mereka adalah 'golongan yang diasingkan', orang-orang yang beribadah sepenuhnya untuk Allah sahaja. Orang Farisi merupakan golongan agamawi, bukan kumpulan politik seperti Saduki yang didedikasikan untuk mengekalkan kesucian Tradisi Lisan dan Taurat (*rujuk kepada 'Orang Farisi', ms. 34*).

<sup>t</sup> Gamaliel merupakan salah seorang pengajar Yahudi yang terkenal pada zamannya. Dia juga merupakan seorang yang sangat dipandang tinggi oleh orang Farisi. Paulus merupakan salah seorang daripada anak muridnya (22:3).

<sup>u</sup> Tidak banyak hal yang diketahui tentang Teudas. Terdapat banyak kekacauan yang terjadi setelah kematian Herodes Agung. Dikatakan Teudas merupakan salah seorang daripada ketua pemberontak yang muncul selepas kematian Herodes Agung pada 4 SM.

<sup>y</sup> Yudas adalah ketua pemberontak yang menentang pemungutan cukai baru yang dilakukan oleh Roma ke atas orang Yahudi apabila mereka mengambil alih pemerintahan di Yudea pada 6 M.

<sup>w</sup> Ini bukan banci yang pertama oleh Quirinius, Gabenor Siria seperti yang dinyatakan oleh Lukas dalam Injilnya (2:2) tetapi banci kedua yang dilakukan pada 6 SM.

<sup>x</sup> Ini merujuk kepada hukuman Yahudi 'dicambuk empat puluh kali ditolak satu' (*lihat 2 Kor 11:24*).



## I. Tujuh Orang Penolong Rasul (ay. 1-7)

6 Tidak berapa lama kemudian, apabila bilangan pengikut Yesus semakin bertambah,<sup>a</sup> berlakulah pertengkaran antara orang Yahudi yang berbahasa Yunani<sup>b</sup> dengan orang Yahudi yang berbahasa Ibrani.<sup>c</sup> Orang Yahudi yang berbahasa Yunani berkata bahawa balu di kalangan mereka tidak menerima bantuan<sup>d</sup> wang<sup>e</sup> sehari-hari. <sup>2</sup>Oleh itu, dua belas orang

rasul<sup>f</sup> itu mengumpulkan semua pengikut Yesus dan berkata kepada mereka, “Tidak patut kami abaikan tugas mengkhabarkan firman Allah untuk mengurus masalah kewangan.<sup>g</sup> <sup>3</sup>Oleh itu, pilihlah tujuh orang<sup>h</sup> di kalangan saudara yang dikuasai oleh Roh Allah dan juga bijaksana. Lalu kami akan menugaskan mereka mengurus hal itu. <sup>4</sup>Kami sendiri akan menggunakan masa kami untuk berdoa dan memberitakan



### Teropong

<sup>a</sup> Beberapa waktu mungkin sudah berlalu setelah Bab 5 berakhir. Gereja semakin bertumbuh tetapi hal ini menimbulkan lebih banyak kerumitan yang tidak dapat dielakkan dalam gereja (6:17) dan juga di luar gereja (6:8-7:60). Pada peringkat ini, keseluruhan jemaah gereja adalah orang Yahudi. Akan tetapi, terdapat dua puak Yahudi dalam masyarakat tersebut – Yahudi yang berbahasa Yunani dan Yahudi yang berbahasa Ibrani (lihat nota b dan c di bawah).

<sup>b</sup> Beberapa terjemahan mencatatkan perkataan ‘orang Helenis’. Mereka merupakan Yahudi Helenis atau orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Yunani dan berpengetahuan sedikit atau tiada langsung tentang bahasa Aramaik atau Ibrani. (Aramaik merupakan bahasa rasmi yang digunakan semasa pemerintahan Asyur, Babilonia dan Parsi. Bahasa ini semakin kurang digunakan kerana penggunaan bahasa Yunani yang semakin meluas. Walaupun begitu, bahasa ini masih dituturkan di kalangan orang Yahudi di tiga kawasan, dan salah satunya ialah Palestin. Mereka dilahirkan di luar Palestin dan dipanggil sebagai Yahudi Diaspora (*rujuk kepada ‘Diaspora’, ms. 36*); tetapi telah kembali menetap di Yerusalem.

Walaupun mereka lebih berkelakuan dan berpakaian seperti Yunani berbanding Ibrani, mereka masih kuat dalam amalan kebudayaan Yahudi mereka. Mereka menghadiri ibadah yang dijalankan dalam bahasa Yunani.

<sup>c</sup> Mereka adalah orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Ibrani atau Yahudi Palestin yang bertutur dalam bahasa Aramaik atau bahasa Ibrani di Palestin dan mengekalkan adat budaya Yahudi. Oleh sebab itu, terdapat sedikit perbezaan budaya dan sosial di antara dua puak Yahudi tersebut, menyebabkan ketegangan di antara mereka.

<sup>d</sup> Terjemahan lain mencatatkan ‘makanan’ manakala yang lain sekadar mencatatkan ‘bantuan’. Agama Yahudi mempunyai sistem pengedaran makanan dan keperluan kepada orang miskin dan hal ini diteruskan oleh masyarakat Kristian awal. Ramai Yahudi Diaspora yang alim kembali ke Yerusalem dalam usia lanjut mereka untuk dikebumikan di Yerusalem. Oleh itu, balu-balu

mereka tidak mempunyai saudara-mara untuk menjaga mereka seperti balu yang telah lama menetap di Yerusalem. Seiring dengan masa yang berlalu dan orang percaya semakin bertambah, jumlah balu Helenis semakin meningkat.

<sup>e</sup> Besar kemungkinan pengedaran itu dilakukan oleh orang Yahudi yang berbahasa Ibrani.

<sup>f</sup> Pada peringkat awal ini, 12 orang rasul bertanggungjawab ke atas kehidupan setiap jemaah gereja secara umum, termasuk pelayanan firman Tuhan dan kebajikan bagi mereka yang memerlukan.

<sup>g</sup> Versi lain menterjemahkan frasa sebagai ‘melayani di meja’, dimana ‘meja’ mungkin digunakan untuk mengagihkan makanan atau wang untuk membeli makanan.

Dua belas rasul itu sedar bahawa tugas mengajar dan mengatur bantuan kewangan untuk orang miskin adalah terlalu berat untuk mereka.

<sup>h</sup> Pemilihan tujuh orang berkaitan dengan kebiasaan Yahudi yang selalu menubuhkan jawatankuasa yang mempunyai tujuh ahli dengan tugas tertentu. Walaupun tujuh orang ini digelar ‘deakon’ secara tradisi, Lukas tidak menggelar mereka sebagai deakon. Tugas pelayanan mereka tidak mempunyai nama jawatan yang rasmi. Mereka hanya dipanggil sebagai Penolong Para Rasul (lihat 21:8), sama seperti murid Yesus yang dipanggil Dua Belas Rasul.

<sup>i</sup> Semua ketujuh nama yang dicatatkan adalah nama Yunani, menandakan mereka dari kalangan Yahudi Helenistik atau Yahudi yang bertutur dalam bahasa Yunani. Besar kemungkinan mereka adalah pemimpin-pemimpin Yahudi Helenistik.

<sup>j</sup> Nama Stefanus dan Filipus disebut terlebih dahulu kerana mereka adalah individu penting dalam cerita yang seterusnya.

<sup>k</sup> Antiokhia merupakan kota penting yang terletak dalam wilayah Roma di Siria (lihat Bab 11, nota 1 untuk maklumat lanjut). Adalah penting untuk melibatkan seorang penganut baru (*rujuk kepada ‘Penganut Agama Baru’, ms. 35*) dalam senarai tersebut, dan Lukas



perkhabaran daripada Allah.”

<sup>5</sup>Semua orang itu bersetuju dengan cadangan rasul-rasul. Oleh itu mereka memilih Stefanus,<sup>i</sup> seorang yang sangat percaya kepada Yesus dan dikuasai oleh Roh Allah. Mereka juga memilih Filipus,<sup>j</sup> Prokhorus, Nikanor, Timon, Parmenas, dan Nikolaus dari Antiokhia.<sup>k</sup> Nikolaus seorang bukan Yahudi yang sudah memeluk agama Yahudi. <sup>6</sup>Tujuh orang itu dihadapkan kepada rasul-rasul. Lalu rasul-rasul berdoa dan meletakkan tangan<sup>l</sup> ke atas kepala mereka untuk melantik mereka melakukan tugas itu.

<sup>7</sup>Dengan demikian perkhabaran daripada Allah semakin tersebar luas dan bilangan pengikut Yesus di Yerusalem pun bertambah-tambah. Banyak imam<sup>m</sup> juga percaya kepada Yesus.

menerangkan yang dia berasal dari Antiokhia. Injil akan disebarkan di kota ini tidak lama kemudian dan tempat ini juga menjadi ‘pusat’ penginjilan Paulus kepada orang bukan Yahudi.

<sup>l</sup> Tangan yang diletakkan mengingatkan perbuatan Musa semasa pelantikan Yoshua sebagai penggantinya (Bil 27:18-23). Perbuatan ini menggambarkan penyerahan kuasa, dan di sini ia menggambarkan pembahagian kuasa kepada tujuh orang pembantu kepada dua belas rasul.

<sup>m</sup> Mereka mungkin merupakan imam-imam yang bertugas untuk Rumah Tuhan di Yerusalem.



Pada pendapat anda, mengapakah para rasul menyuruh orang-orang percaya untuk memilih orang di kalangan mereka yang penuh dengan Roh Allah dan bijaksana unntuk melakukan tugas yang kelihatannya tidak ‘rohani’?

Dengan cara apakah anda dapat bertumbuh menjadi seorang yang penuh dengan Roh Allah dan kebijaksanaan supaya anda boleh melayani Dia dengan segenap hidup anda?



**Dalam hal melayani Tuhan, Alkitab tidak membezakan apa yang ‘rohani’ dan ‘bukan rohani’. Kita harus memberikan yang terbaik dalam setiap perkara yang kita lakukan untuk-Nya.**

## II. Stefanus Ditangkap (ay. 8-15)

<sup>8</sup>Stefanus sangat diberkati oleh Allah dan diberikan-Nya kuasa untuk melakukan mukjizat. Banyak mukjizat dan keajaiban<sup>n</sup> yang dilakukannya di kalangan orang ramai. <sup>9</sup>Tetapi beberapa orang menentang dia. Mereka anggota rumah ibadat yang disebut Rumah Ibadat Orang Bebas.<sup>o</sup> Anggota rumah ibadat itu terdiri daripada orang Yahudi dari Kirene<sup>p</sup> dan Aleksandria.<sup>q</sup> Mereka dengan beberapa orang Yahudi dari Kilikia<sup>r</sup> dan Asia<sup>s</sup> berdebat dengan Stefanus. <sup>10</sup>Tetapi Roh Allah memberi Stefanus kebijaksanaan<sup>t</sup> untuk berkata-kata, sehingga mereka tidak dapat menyangkal kata-katanya. <sup>11</sup>Oleh itu mereka memberikan rasuah kepada beberapa orang supaya berkata, “Kami mendengar dia menghina Musa



<sup>n</sup> Sebelum bahagian ini, Lukas hanya menceritakan mukjizat dan keajaiban yang dilakukan oleh rasul-rasul. Kini, Stefanus juga dikatakan telah melakukan tanda-tanda mukjizat dan keajaiban. Filipus akan melakukan hal yang sama (8:6).

<sup>o</sup> Terdapat beberapa rumah ibadat di Yerusalem dan beberapa darinya dianggotai oleh orang Yahudi Helenistik yang bertutur dalam bahasa Yunani. ‘Orang Bebas’ merupakan orang Yahudi yang pernah dipenjarakan oleh pihak Roma (atau keturunan bekas tahanan) atau hamba abdi yang telah dimerdekakan. Dalam cerita ini, Orang Bebas yang dimaksudkan berasal dari Kirene dan Aleksandria.

<sup>p</sup> Kirene merupakan kota utama di Libia dan utara Afrika. Salah satu daripada golongan penduduknya ialah orang Yahudi.

<sup>q</sup> Aleksandria merupakan ibu kota Mesir dan kedua termasyur selepas Roma di empayar tersebut. Dua daripada lima daerah di Aleksandria didiami oleh orang Yahudi.

<sup>r</sup> Kilikia merupakan sebuah wilayah Roma di tenggara Asia Kecil bersebelahan dengan wilayah Siria. Siria adalah salah sebuah daripada wilayah di utara Galilea, di mana Antiokhia menjadi ibu kotanya. Tarsus, tempat kelahiran Paulus merupakan pekan utama di Kilikia.

<sup>s</sup> Asia merupakan wilayah Roma di bahagian barat Asia Kecil. Efesus, tempat pelayanan Paulus selama beberapa tahun adalah ibu kotanya.

<sup>t</sup> Yesus telah berjanji untuk mengurniakan Roh Allah (Luk 12:12) dan kebijaksanaan (Luk 21:15) kepada murid-murid-Nya apabila mereka dipanggil untuk membela diri. Kita melihat janji itu digenapi apabila Stefanus berdebat dengan orang-orang Yahudi.



dan mengkufuri Allah!<sup>u</sup> <sup>12</sup>Demikianlah mereka menghasut orang ramai, para pemimpin masyarakat Yahudi, dan guru-guru Taurat. Lalu mereka pergi menangkap Stefanus, dan membawa dia menghadap Majlis Agama. <sup>13</sup>Kemudian mereka menghadapkan beberapa orang yang memberikan kesaksian palsu tentang Stefanus. Mereka berkata, “Orang ini sentiasa menghina Rumah Tuhan yang suci dan Taurat Musa.<sup>v</sup> <sup>14</sup>Kami mendengar dia berkata bahawa Yesus dari Nasaret itu akan meruntuhkan Rumah Tuhan dan mengubah semua adat istiadat<sup>w</sup> yang sudah kita terima daripada Musa!” <sup>15</sup>Mata semua orang yang duduk di Majlis Agama menumpu kepada Stefanus dan mereka nampak muka Stefanus kelihatan seperti muka malaikat.<sup>x</sup>

### I. Ucapan Stefanus (ay. 1-53)

**7** Kemudian Imam Agung<sup>a</sup> bertanya kepada Stefanus, “Betulkah semua tuduhan itu?”<sup>b</sup> <sup>2</sup>Stefanus menjawab, “Saudara-saudara dan bapa-bapa! Dengarkan saya! Sebelum nenek moyang kita Abraham berpindah ke Haran,<sup>c</sup> Allah yang mulia menampakkan diri kepada dia di Mesopotamia.<sup>d</sup> <sup>3</sup>Allah berfirman kepadanya, ‘Tinggalkanlah negerimu dan keluargamu. Pergilah ke negeri yang akan Aku tunjukkan kepadamu.’ <sup>4</sup>Oleh itu Abraham meninggalkan negeri Kasdim lalu pergi tinggal di Haran. Setelah bapa Abraham meninggal, Allah memimpin Abraham berpindah ke negeri yang sekarang saudara-saudara dan bapa-bapa diami. <sup>5</sup>Pada masa itu Allah tidak memberikan sedikit bahagian pun daripada negeri ini kepada Abraham

<sup>u</sup> Banyak terjemahan lain menggunakan frasa ‘kata-kata menghujat’. Dalam abad yang pertama, mengkhufur atau menghujat mempunyai erti yang meluas dan bukan sekadar memburuk-burukkan nama Allah. Oleh kerana Stefanus telah menyatakan bahawa penyembahan kepada Allah tidak terhad di Rumah Tuhan sahaja (lihat 7:48-49), mereka memutar-belitkan perkataannya dan menuduh dia menghujat dan memburukkan Rumah Tuhan, Taurat Musa dan ini bermaksud dia menghujat Allah.

<sup>v</sup> Tuduhan-tuduhan ini sama seperti tuduhan ke atas Yesus (Mat 26:61). Stefanus mungkin merujuk kepada perkataan Yesus (seperti yang dicatatkan dalam Yoh 2:19) dan orang Yahudi mungkin salah faham atau sengaja menyalah tafsir perkataan tersebut.

<sup>w</sup> Ini mungkin merujuk kepada tradisi lisan (lihat ‘Tradisi Pemimpin Agama’, ms. 29).

<sup>x</sup> Ini adalah gambaran seseorang yang dekat dengan Allah dan seseorang yang memancarkan kemuliaan-Nya akibat selalu berada dalam hadirat-Nya. Walaupun Lukas tidak mengatakan bahawa Stefanus penuh dengan Roh Allah pada masa itu, penerangan ini mungkin menunjukkan bahawa dia sememangnya penuh dengan Roh Allah.



### Teropong

<sup>a</sup> Jawatan Imam Agung itu mungkin masih disandang oleh Kayafas, seperti semasa Yesus diadili. Dia memegang jawatan itu sehingga 36 M. Sebagai presiden kepada Majlis Agama, dia merupakan ketua hakim di Israel.

<sup>b</sup> Dalam tatacara mahkamah Yahudi, adalah penting bagi yang tertuduh untuk mengetahui tuduhan yang dikenakan ke atas mereka dan mereka berpeluang untuk menjawab tuduhan tersebut.

<sup>c</sup> Haran, yang bermaksud ‘Jalan Simping’ atau ‘Jalan Besar’ merupakan kota penting yang terletak di salah sebuah cabang dari Sungai Efrat. Ia terletak di tempat yang sangat strategik di antara Mesopotamia dan Barat.

<sup>d</sup> Mesopotamia merupakan nama bagi ‘tanah di perantaraan sungai-sungai’, seperti Tigris dan Efratas. Dalam penggunaan Yunani, ia menjadi nama bagi kawasan yang lebih besar seperti Babilonia dan mungkin melibatkan wilayah di mana letaknya Ur (tempat kelahiran Abraham).

<sup>e</sup> Kel 12:40 meletakkan 430 bagi jumlah tahun. Angka bulat 400 tahun yang disebut oleh Stefanus (diambil dari perkataan Allah dalam Kej 15:130) biasa digunakan oleh agama Yahudi pada abad yang pertama.

<sup>f</sup> Sunat adalah tanda yang diberi kepada Abraham sebagai simbol luaran terhadap perjanjian yang dibuat oleh Allah bersamanya. Tanda perjanjian ini telah diturunkan dari generasi ke generasi: dari Ishak kepada Yakub dan dari Yakub kepada 12 orang anaknya iaitu nenek moyang kepada 12 suku Israel.

<sup>g</sup> Perkataan ‘perjanjian’ mempunyai makna kontrak yang mengikat dua pihak bersama, di mana kedua-duanya bertanggungjawab untuk melakukan perkara seperti yang terkandung dalam perjanjian. Dalam perjanjian di antara Allah dan Abraham, Dia berjanji untuk menjadi Tuhan



untuk menjadi miliknya. Tetapi Allah berjanji bahawa Dia akan memberikan tanah itu kepada Abraham untuk menjadi miliknya dan milik keturunannya. Pada masa itu, Abraham tidak mempunyai anak. <sup>6</sup>Tetapi Allah berfirman kepadanya, 'Keturunanmu akan tinggal di negeri orang, dan mereka akan diperhamba serta ditindas selama empat ratus tahun.' <sup>7</sup>Tetapi Aku akan menghukum bangsa yang memperhamba mereka. Mereka akan keluar dari negeri itu dan akan menyembah Aku di tempat ini.' <sup>8</sup>Allah membuat perjanjian itu dengan Abraham. Lalu Allah menyuruh Abraham bersunat<sup>f</sup> sebagai tanda dia menerima perjanjian itu.<sup>9</sup> Demikianlah Abraham menyunat Ishak, seminggu setelah Ishak dilahirkan; Ishak menyunat Yakub, anaknya dan Yakub menyunat dua belas orang anak lelakinya. Anak-anak Yakub menjadi bapa-bapa bangsa kita.

<sup>9</sup>Bapa-bapa bangsa kita iri hati terhadap Yusuf. Mereka menjual dia<sup>h</sup> sebagai hamba di Mesir. Tetapi Allah menyertai dia, <sup>10</sup>dan menyelamatkan dia daripada segala kesusahan. Apabila Yusuf menghadap Firaun raja Mesir, Allah mengurniakan dia budi dan kebijaksanaan, sehingga raja Mesir menjadikan dia gabenor negeri itu dan penguasa istananya. <sup>11</sup>Lalu berlakulah kebuluran di seluruh negeri Mesir dan Kanaan, sehingga mengakibatkan penderitaan yang berat. Nenek moyang kita tidak dapat memperoleh makanan. <sup>12</sup>Apabila Yakub mendengar berita bahawa ada gandum di Mesir, dia menyuruh anak-anaknya, nenek moyang kita, pergi ke sana untuk kali pertama. <sup>13</sup>Pada lawatan mereka yang kedua, Yusuf memberitahu saudara-saudaranya bahawa dia Yusuf. Barulah raja Mesir tahu akan keluarga Yusuf. <sup>14</sup>Yusuf mengirim berita kepada Yakub, dan meminta bapanya bersama dengan semua anggota keluarganya berpindah ke Mesir. Semuanya berjumlah tujuh puluh lima<sup>i</sup> orang. <sup>15</sup>Yakub berpindah ke Mesir dan di situ dia serta nenek moyang kita meninggal. <sup>16</sup>Jenazah mereka dibawa ke Sikhem dan dikuburkan di kuburan yang dibeli oleh Abraham dengan sejumlah wang daripada suku Hamor.

<sup>17</sup>Apabila sudah dekat masanya Allah memenuhkan janji-Nya kepada Abraham, bilangan bangsa kita di

Mesir semakin besar. <sup>18</sup>Akhirnya seorang raja lain yang tidak mengenal Yusuf mula memerintah di Mesir. <sup>19</sup>Raja itu memperdaya bangsa kita dan berlaku kejam terhadap nenek moyang kita. Raja itu memaksa mereka membuang bayi yang baru lahir supaya terlantar dan mati. <sup>20</sup>Pada masa itulah Musa lahir; dia bayi yang sangat comel. Dia dipelihara di rumah bapanya selama tiga bulan. <sup>21</sup>Apabila dia terpaksa dibuang, puteri raja Mesir mengambil dia dan memelihara dia sebagai anaknya sendiri. <sup>22</sup>Segala ilmu bangsa Mesir diajarkan kepada Musa dan dia menjadi seorang yang sangat berkuasa, baik dengan kata-kata mahupun perbuatannya.

<sup>23</sup>Apabila Musa berumur empat puluh tahun,<sup>k</sup> hatinya tergerak untuk pergi melawat bangsanya orang Israel. <sup>24</sup>Dia melihat seorang antara mereka sedang dianiaya oleh seorang Mesir. Dia menolong orang yang dianiaya itu dengan membunuh orang Mesir itu. <sup>25</sup>(Musa menyangka bangsanya faham bahawa Allah akan menggunakan dia untuk membebaskan mereka, tetapi mereka tidak faham.) <sup>26</sup>Keesokan harinya dia melihat dua orang Israel berkelahi, dan dia cuba mendamaikan mereka. Dia berkata, 'Kamu bersaudara. Mengapa kamu berkelahi?' <sup>27</sup>Tetapi orang yang memukul sahabatnya menolak Musa ke tepi, lalu bertanya, 'Siapa yang menjadikan kamu pemimpin dan hakim kami?' <sup>28</sup>Adakah kamu mahu membunuh aku seperti kamu membunuh orang Mesir itu kelmarin?' <sup>29</sup>Apabila Musa mendengar kata-kata itu, dia lari dari Mesir lalu tinggal di negeri Midian. Di sana dia beroleh dua orang anak lelaki.

<sup>30</sup>Empat puluh tahun kemudian, satu malaikat menampakkannya kepada Musa di dalam belukar yang beryala, di padang gurun dekat Gunung Sinai. <sup>31</sup>Musa hairan melihat hal itu. Lalu dia menghampiri belukar itu supaya dapat melihat dengan lebih jelas. Tetapi dia mendengar suara Tuhan berfirman, <sup>32</sup>'Akulah Allah yang disembah nenek moyangmu; Akulah Allah Abraham, Ishak, dan Yakub.' Musa gemetar kerana takut dan tidak berani melihat belukar itu lagi. <sup>33</sup>Lalu Tuhan berfirman pula, 'Tanggalkan kasutmu, kerana tanah tempat engkau

kepada Abraham serta keturunannya. Allah juga menjanjikan sebidang tanah kepada Abraham dan keturunannya yang akan menjadi sebuah bangsa yang besar. Sebagai balasan, Abraham serta keturunannya harus mentaati Allah dan berpegang kepada perjanjian tersebut. (*Lihat Kej 12-50 untuk mengetahui cerita Abraham dan keluarganya.*)

<sup>h</sup> Stefanus mengaitkan kesnya dengan penolakan Yesus oleh bangsa-Nya sendiri dengan menyebut tentang penolakan Yusuf oleh abang-abangnya sendiri. Israel terus-menerus menolak orang yang diutus Allah untuk menolong mereka.

<sup>i</sup> Walaupun Alkitab Ibrani menggunakan nombor 70 (Kej 46:27; Kel 1:5), Terjemahan Yunani bagi PL (Septuagint) memasukkan lima lagi nama keturunan Yusuf, menjadikannya 75 seperti yang digunakan oleh Stefanus.

<sup>j</sup> Walaupun PL tidak menjelaskan hal ini secara terperinci, hal ini dijangka akan berlaku sekiranya Musa terus membesar di rumah puteri Firaun. Kedua-dua Philo (ahli falsafah Yahudi) dan Josephus (ahli sejarah Yahudi) ada menceritakan pembelajaran Musa yang cemerlang.

<sup>k</sup> 'Empat Puluh' merupakan nombor genap yang paling kerap digunakan dalam Alkitab. Penggunaan berulang menunjukkan bahawa ia digunakan sebagai nombor bundaran dan bukan sebagai jumlah tepat. Kematangan dan kesempurnaan dikaitkan dengan nombor tersebut. Seorang lelaki dikatakan sudah mencapai kedewasaan penuh pada umur 40 tahun. Ishak dan Esau berkahwin ketika berumur 40 tahun; Saul, Daud dan Salomo memerintah selama 40 tahun; dll.

Stefanus membahagikan kehidupan Musa kepada tiga



berdiri itu suci. <sup>34</sup>Aku sudah melihat dan memperhatikan betapa pahitnya penderitaan umat-Ku di Mesir. Aku sudah mendengar keluhan mereka, dan Aku sudah turun untuk membebaskan mereka. Sekarang marilah, Aku akan mengutus engkau ke Mesir.'

<sup>35</sup>Musa inilah yang tidak diterima oleh kaum Israel. Mereka bertanya, 'Siapa yang menjadikan kamu pemimpin dan hakim kami?' Tetapi dialah yang diutus oleh Allah untuk menjadi pemimpin dan pembebas, dengan pertolongan malaikat yang datang kepadanya di belukar yang bernyala itu. <sup>36</sup>Musa memimpin bangsa Israel keluar dari Mesir dengan melakukan berbagai-bagai mukjizat dan keajaiban di Mesir, di Laut Merah, dan kemudian di padang gurun selama empat puluh tahun. <sup>37</sup>Musa inilah yang berkata kepada bangsa Israel, 'Allah akan mengutus seorang nabi kepada kamu, seperti Dia sudah mengutus aku. Nabi itu dipilih-Nya daripada bangsa kamu sendiri.'<sup>38</sup>Musa inilah yang menyertai bangsa Israel berhimpun di padang gurun. Dia di situ dengan nenek moyang kita dan dengan malaikat<sup>1</sup> yang berkata-kata kepadanya di Gunung Sinai. Di situlah Allah mengurniakan dia perkhabarannya yang memberikan hidup, untuk disampaikan kepada kita. <sup>39</sup>Tetapi nenek moyang kita tidak mahu taat kepadanya. Mereka menolak dia dan ingin kembali ke Mesir. <sup>40</sup>Oleh itu mereka berkata kepada Harun, 'Buatkan kita patung dewa yang boleh memimpin kita. Kita tidak tahu apa yang sudah berlaku terhadap Si Musa yang membawa kita keluar dari Mesir.'<sup>41</sup>Lalu mereka membuat berhala yang berupa lembu jantan, dan mereka mempersembahkan korban kepada berhala itu. Mereka mengadakan perjamuan bagi menghormati buatan mereka sendiri. <sup>42</sup>Oleh itu Allah meninggalkan mereka, dan sengaja membiarkan mereka menyembah bintang-bintang di langit. Hal itu seperti yang tertulis di dalam Kitab Nabi-Nabi,<sup>m</sup> 'Hai orang Israel! Bukannya untuk Aku kamu menyembelih dan mengorbankan binatang selama empat puluh tahun di

padang gurun. <sup>43</sup>Khemah berhala Molokh<sup>n</sup> itulah yang kamu usung, dengan patung Refan,<sup>o</sup> bintang berhala kamu; itulah berhala yang kamu buat untuk disembah. Oleh itu Aku akan membuang kamu jauh ke seberang Babel.'

<sup>44</sup>Nenek moyang kita mempunyai Khemah Tuhan yang bersama-sama mereka di padang gurun. Khemah itu dibuat seperti yang diperintahkan oleh Allah kepada Musa, dan menurut contoh yang ditunjukkan oleh Allah kepada Musa. <sup>45</sup>Kemudian, nenek moyang kita menerima khemah itu daripada bapa mereka. Khemah itu dibawa oleh mereka ketika mengikut Yosua merebut negeri kita ini daripada kekuasaan bangsa-bangsa yang diusir oleh Allah di hadapan mereka. Khemah itu di situ sehingga zaman Daud. <sup>46</sup>Daud menyenangkan hati Allah dan memohon izin daripada Allah untuk membina sebuah rumah bagi Allah yang disembah oleh Yakub. <sup>47</sup>Tetapi Salomo itulah yang membina rumah itu untuk Allah.

<sup>48</sup>Tetapi Allah Yang Maha Tinggi tidak tinggal di dalam rumah buatan manusia, kerana di dalam kitab nabi tertulis,<sup>q</sup> <sup>49</sup>'Langit takhta-Ku, dan bumi alas kaki-Ku. Rumah apakah yang mahu kamu bina untuk-Ku? Di manakah tempat kediaman-Ku? <sup>50</sup>Bukankah Aku sendiri yang menjadikan segala sesuatu?' begitulah firman Allah. <sup>51</sup>Alangkah kerasnya kepala saudara-saudara! Alangkah degilnya<sup>r</sup> saudara semua, sehingga tidak mahu taat kepada Allah dan tidak mahu mendengar firman Allah! Saudara-saudara seperti nenek moyang saudara semua; saudara semua selalu melawan Roh Allah! <sup>52</sup>Adakah seorang nabi yang tidak dianiaya oleh nenek moyang saudara semua? Mereka membunuh pesuruh-pesuruh Allah yang dahulu kala mengumumkan kedatangan Hamba Allah yang melakukan kehendak-Nya. Sekarang saudara-saudara sudah mengkhianati dan membunuh Dia. <sup>53</sup>Saudara-saudara sudah menerima Taurat Allah yang disampaikan oleh malaikat-malaikat, tetapi saudara-saudara tidak mentaati Taurat itu!"

bagian, sesuai dengan tiga waktu dalam tempoh 40 tahun yang telah menjadikan kehidupannya. Musa berumur 40 tahun apabila dia melarikan diri dari Mesir. Dia berusia 80 tahun ketika dia menghadap Firaun (ay. 30) dan meninggal ketika berumur 120 tahun (ay. 36) setelah berada di padang gurun selama 40 tahun.

<sup>1</sup> Berdasarkan tafsiran orang Yahudi pada masa itu, Hukum Taurat telah diberikan oleh Allah kepada Musa melalui seorang malaikat. Ini juga merupakan tradisi yang dipercayai oleh Kristian awal (Gal 3:19; Ib 2:2) walaupun tiada dicatatkan malaikat dalam buku Keluaran yang asal.

<sup>m</sup> Ini merujuk kepada skrol Yahudi yang mengandungi 12 tulisan oleh nabi-nabi kecil. Di sini, Stefanus merujuk kepada Amos 5:25-27.

<sup>n</sup> Molokh merupakan dewa yang memerlukan korban kanak-kanak.

<sup>o</sup> Refan adalah dewa orang Mesir yang dikaitkan dengan planet Zuhal.

<sup>p</sup> Ini adalah khemah yang menjadi tempat penyembahan bergerak yang dibawa oleh orang Israel ketika mereka ada di padang gurun. Ia dipanggil sebagai Khemah Tuhan oleh Stefanus kerana barang utama bagi khemah tersebut ialah tabut perjanjian dan dua batu tulis yang dipanggil 'kesaksian' diletakkan dalam tabut (Kel 25:16, 21).

<sup>q</sup> Ayat ini dipetik dari Yes 66:1-2. Yesaya mengingatkan Israel bahawa semua ciptaan merupakan rumah Tuhan yang dibina oleh-Nya. Stefanus memetik ayat ini untuk mengingatkan mereka bahawa Allah sendiri yang membina rumah-Nya.

<sup>r</sup> Beberapa terjemahan lain mencatatkan perkataan 'tidak bersunat'. Walaupun mereka disunat secara fizikal, mereka berkelakuan seperti orang pagan yang tidak bersunat atau bangsa lain yang degil, tidak menumpukan perhatian mereka sepenuhnya kepada Allah.

**III. Stefanus Direjam (ay. 53-8:1a)**

<sup>54</sup>Sementara anggota-anggota Majlis Agama mendengar semua yang dikatakan oleh Stefanus, mereka meradang dan marah sekali<sup>s</sup> terhadapnya. <sup>55</sup>Tetapi Stefanus yang dikuasai oleh Roh Allah, menengadahkan ke langit. Dia melihat kemuliaan Allah, serta Yesus yang berdiri di tempat berkuasa di sebelah kanan Allah. <sup>56</sup>“Lihatlah,” katanya, “saya melihat syurga terbuka<sup>t</sup> dan Anak Manusia<sup>u</sup> berdiri<sup>v</sup> di sebelah kanan Allah!” <sup>57</sup>Lalu anggota-anggota Majlis Agama berteriak-teriak sambil menutup telinga. Dengan serentak mereka menyerang Stefanus.

<sup>58</sup>Mereka mengheret dia ke luar bandar<sup>w</sup> lalu merejam dia. Orang yang menyaksikan<sup>x</sup> peristiwa itu meletakkan pakaian mereka dekat kaki seorang muda bernama Saulus.<sup>y</sup> <sup>59</sup>Sementara mereka melempari Stefanus dengan batu, Stefanus berseru kepada Tuhan, “Tuhan Yesus, terimalah diriku!”<sup>z</sup> <sup>60</sup>Lalu dia berlutut dan berseru dengan suara keras, “Ya Tuhan, ampunkanlah dosa mereka!”<sup>a</sup> Setelah berkata demikian, dia pun meninggal.

**8** Saulus<sup>b</sup> menyetujui pembunuhan itu.

**Teropong**

<sup>s</sup> Versi lain mengatakan ‘mengertakkan gigi’ sebagai tanda marah. Naluri mereka disentuh tetapi mereka enggan untuk bertaubat dan mengaku kebenaran kata-kata Stefanus.

<sup>t</sup> Walaupun Stefanus adalah orang yang penuh dengan Roh Allah, dia menerima kepenuhan Roh Allah yang istimewa sehingga dia dapat melihat syurga. Gambaran itu mengingatkan kita sewaktu Yesus dibaptis, apabila syurga terbuka sebagai tanda pewahyuan dari Allah.

<sup>u</sup> Yesus menggunakan gelaran ini bagi diri-Nya sendiri untuk menekankan hubungan-Nya dengan nubuatan Penyelamat. Nama ini tidak biasa digunakan untuk menggelar Yesus Kristus.

<sup>v</sup> Walaupun terdapat pandangan yang berbeza tentang posisi berdiri atau duduk Yesus (2:34) di sebelah kanan Allah, satu pendapat yang harus ditekankan ialah ‘saksi’ tersebut. Postur yang sesuai bagi seorang saksi di mahkamah ialah berdiri. Stefanus telah mengakui Yesus di hadapan Majlis Agama, kini dia melihat Yesus mengakuinya di hadapan Allah, dan menyambut dia di dalam hadirat Allah.

Ini merupakan kata-kata khufur di telinga orang Yahudi. Oleh sebab itu, ahli Majlis menjerit untuk menenggelami perkataan khufur itu dan menutup telinga mereka dengan jari supaya mereka tidak mendengar lebih banyak.

<sup>w</sup> Tatacara pengadilan tidak dijalankan dengan betul kerana tidak ada penjatuhan hukuman yang rasmi. Stefanus terus ditangkap dan diheret ke luar kota kemudian direjam sehingga mati.

<sup>x</sup> Para saksi membuka jubah mereka supaya boleh melakukan perbuatan kejam mereka dengan senang. Catatan dalam Taurat menyatakan bahawa saksi-saksi pengadilan akan menjadi ketua untuk menjalankan hukuman. Dalam kes ini, mereka merejam batu yang pertama.

<sup>y</sup> Pemuda yang bernama Saulus ini akan memainkan peranan penting dalam bahagian Kisah Rasul-Rasul yang

seterusnya sebagai orang yang paling berjaya melakukan perkara yang ditentangnya sekarang. Saulus adalah nama Ibraninya tetapi dia lebih dikenali dengan nama Romanya iaitu Paulus. Dia dilahirkan di Tarsus (*lihat Bab 9, nota o*) dalam wilayah Roma di Kilikia (*lihat Bab 13, nota p untuk maklumat lanjut tentang Saulus*).

<sup>z</sup> Perkataan ini mengingatkan kita kepada perkataan Yesus semasa berada di kayu salib (Luk 23:46). Bezanya, Yesus menyerahkan roh-Nya kepada Allah Bapa, manakala Stefanus menyerahkan rohnya kepada Yesus.

<sup>a</sup> Stefanus sekali lagi meniru kata-kata Yesus di kayu salib (Luk 23:34).

<sup>b</sup> Lukas menegaskan sekali lagi bahawa Saulus hadir semasa Stefanus direjam sampai mati dan bersetuju dengan tindakan itu. Dia menyediakan masa peralihan di antara kematian Stefanus dan bermulanya penganiayaan jemaah di Yerusalem.



Apakah tindak balas anda apabila orang berkata-kata atau melakukan sesuatu yang tidak baik kepada anda?

Fikirkan satu kejadian lepas di mana anda memberikan tindak balas buruk kepada seseorang yang tidak begitu menyenangkan anda. Apakah reaksi yang harus anda lakukan sekiranya anda ingin menjadi seperti Stefanus?



## I. Saulus Menganiaya Jemaah (ay. 1b-3)

<sup>1b</sup>Pada hari itu juga, jemaah<sup>a</sup> di Yerusalem mula menderita penganiayaan yang kejam. Semua pengikut Yesus, kecuali rasul-rasul,<sup>b</sup> terpaksa melarikan diri ke seluruh daerah Yudea dan Samaria. <sup>2</sup>Beberapa orang yang takut akan Allah<sup>c</sup> mengebumikan Stefanus. Mereka menangi dia dengan sangat sedih. <sup>3</sup>Tetapi Saulus berusaha untuk membinasakan<sup>d</sup> jemaah itu. Dia pergi dari rumah ke rumah, dan mengheret pengikut Yesus ke luar, baik lelaki mahupun perempuan, lalu memasukkan mereka ke dalam penjara.

## II. Filipus Berkhotbah di Samaria (ay. 4-25)

<sup>4</sup>Pengikut Yesus yang tercerai-cerai itu mengkhabarkan Berita Baik<sup>e</sup> daripada Allah ke serata tempat. <sup>5</sup>Filipus<sup>f</sup> pergi ke kota yang terpenting di Samaria dan memberitahu orang di sana tentang

Penyelamat yang diutus oleh Allah. <sup>6</sup>Apabila orang di situ mendengar Filipus berkata-kata dan melihat mukjizat yang dilakukannya, mereka memperhatikan baik-baik<sup>g</sup> apa yang dikatakan oleh Filipus. <sup>7</sup>Sambil menjerit-jerit roh jahat keluar daripada banyak orang yang kerasukan. Banyak orang lumpuh dan tempang pun disembuhkan. <sup>8</sup>Oleh itu orang di Samaria sangat bersukacita.

<sup>9</sup>Seorang lelaki bernama Simon tinggal di kota itu. Sudah beberapa lama dia mempesonakan orang Samaria dengan ilmu sihirnya. Dia mengaku dirinya seorang yang luar biasa. <sup>10</sup>Semua lapisan masyarakat di kota itu mendengarkan dia dengan penuh minat. Mereka berkata, "Tuhan<sup>h</sup> yang disebut 'Kekuasaan Besar' sudah menjelma dalam orang ini." <sup>11</sup>Mereka mendengarkan dia dengan penuh minat, kerana sudah lama sekali dia mempesonakan mereka dengan ilmu



### Teropong

<sup>a</sup> Berdasarkan konteks catatan Lukas, penganiayaan itu ditujukan khas kepada orang Kristian Helenistik di Yerusalem dan bukan kepada keseluruhan jemaah. Akibat penganiayaan tersebut, injil disebarkan ke luar Yerusalem, seperti yang diamanatkan oleh Yesus dalam 1:8 – walaupun ia bukan dirancang oleh gereja tetapi kerana peristiwa yang terjadi di luar kawalan orang percaya. Bermula dari saat itu, jemaah di Yerusalem lebih banyak dianggotai oleh orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Ibrani kerana kebanyakan Yahudi yang berbahasa Yunani telah meninggalkan kota itu.

<sup>b</sup> Rasul-rasul tetap tinggal di Yerusalem untuk menguatkan jemaah yang telah dipenjarakan. Jemaah pada masa itu berkumpul secara rahsia.

<sup>c</sup> Lukas telah menggunakan perkataan 'pengabd' atau 'penyembah Allah' untuk menggambarkan orang Yahudi di Pentakosta yang mahu menerima Roh Allah (2:5). Mereka adalah orang Yahudi yang terbuka untuk menerima ajaran Kristian. Perkabungan mereka mungkin disebabkan oleh pertaubatan kepada Allah atas dosa-dosa mereka dan juga atas kematian Stefanus.

<sup>d</sup> Perkataan ini kadang-kadang digunakan untuk menerangkan kerosakan yang diakibatkan oleh serangan binatang buas.

<sup>e</sup> Jumlah orang percaya meningkat berlipat kali ganda kerana orang-orang percaya ini memberitahkan injil di mana saja mereka pergi dan kawasan yang telah dijangkau menjadi semakin meluas (lihat 11:19-20).

<sup>f</sup> Filipus adalah nama kedua yang dipilih daripada tujuh orang Yahudi berbahasa Yunani untuk menjadi pemimpin dalam 6:5. Dia merupakan salah seorang Yahudi yang

dibuang keluar dari Yerusalem ketika jemaah di Yerusalem dianiaya. Dia menjadi penginjil, berkhotbah di mana sahaja dia pergi.

<sup>g</sup> Orang Samaria tidak dianggap sebagai 'orang bukan Yahudi' tetapi sebagai sebahagian daripada 'domba Israel yang hilang'. Mereka menanti-nantikan penyelamat di masa akan datang kerana kepercayaan mereka berdasarkan Kitab Taurat. Oleh itu, mereka mendengar perkataan Filipus dengan begitu berhati-hati. Tambahan lagi, Tuhan membantu pelayanan Filipus dengan mukjizat dan keajaiban.

<sup>h</sup> Orang ramai menganggap Simon sebagai Tuhan atau wakil Tuhan kerana perbuatan-perbuatan ajaib yang dilakukannya.

<sup>i</sup> Tidak dapat dipastikan sama ada iman Simon adalah ikhlas atau tidak. Walaupun dia percaya dan telah dibaptis, hatinya tidak benar di hadapan Allah (ay.21) dan Petrus mengarahkannya supaya bertaubat dari fikiran-fikiran yang jahat (ay.22-23).

<sup>j</sup> Penerangan yang paling mungkin tentang mengapa orang Samaria belum menerima Roh Allah walaupun mereka sudah percaya adalah kerana Tuhan sendiri yang menahan Roh itu sehingga kedatangan Petrus dan Yohanes.

Injil diberitakan buat pertama kali bukan sahaja di luar Yerusalem, tetapi di dalam Samaria. Perbalahan di antara orang Yahudi dan Samaria telah berlanjutan beribu tahun lamanya dan untuk mengelak masalah terjadi seperti membentuk dua jemaah yang berbeza, satu untuk orang Samaria dan satu untuk orang Yahudi, Tuhan menahan Roh-Nya dari orang percaya di Samaria sehingga rasul-rasul datang untuk menyiasat dan untuk meletakkan tangan mendoakan mereka sebagai tanda persekutuan dan kesatuan. Orang-orang percaya di Samaria kemudiannya menerima Roh Allah sebagai sebuah tanda bahawa



sihirnya. <sup>12</sup>Tetapi apabila mereka percaya kepada perkhabaran Filipus, iaitu Berita Baik tentang Pemerintahan Allah dan tentang Yesus Kristus, mereka dibaptis -- baik lelaki mahupun perempuan. <sup>13</sup>Simon sendiri pun percaya kepada perkhabaran Filipus, dan setelah dia dibaptis,<sup>1</sup> dia mengikuti Filipus. Simon hairan melihat keajaiban dan mukjizat yang dilakukan oleh Filipus.

<sup>14</sup>Rasul-rasul di Yerusalem mendengar berita bahawa orang Samaria sudah menerima firman Allah. Oleh itu mereka mengutus Petrus dan Yohanes ke sana. <sup>15</sup>Apabila Petrus dan Yohanes tiba, mereka berdoa bagi pengikut Yesus di situ supaya menerima Roh Allah,<sup>j</sup> <sup>16</sup>kerana tidak seorang pun di kalangan mereka dikuasai oleh Roh Allah. Mereka baru dibaptis demi nama Tuhan Yesus sahaja. <sup>17</sup>Lalu Petrus dan Yohanes meletakkan tangan mereka ke atas kepala orang Samaria di situ, dan mereka pun menerima Roh Allah.

<sup>18</sup>Simon melihat bahawa Roh Allah diberikan kepada orang apabila rasul-rasul meletakkan tangan ke atas kepala orang. Oleh itu, Simon menawarkan wang kepada Petrus dan Yohanes, <sup>19</sup>dan berkata, "Berikan kuasa itu kepada saya supaya orang menerima Roh Allah apabila saya meletakkan tangan saya ke atas kepala mereka."

<sup>20</sup>Tetapi Petrus menjawab, "Terkutuklah kamu dan wangmu,<sup>k</sup> kerana menyangka kurnia Allah dapat dibeli dengan wang! <sup>21</sup>Kamu tidak mempunyai bahagian dalam pekerjaan kami, kerana hatimu tidak tulus di sisi Allah. <sup>22</sup>Bertaubatlah daripada niatmu yang jahat itu, dan berdoalah supaya Tuhan mengampuni kamu daripada fikiran yang sesat itu!

<sup>23</sup>Aku tahu bahawa kamu sungguh iri hati dan diperhamba oleh dosa."

<sup>24</sup>Lalu Simon berkata kepada Petrus dan Yohanes, "Berdoalah kepada Tuhan bagi saya, supaya saya tidak ditimpa perkara-perkara yang saudara-saudara katakan itu."<sup>1</sup>

<sup>25</sup>Setelah Petrus dan Yohanes memberikan kesaksian tentang Yesus serta menyampaikan perkhabaran Tuhan, mereka kembali ke Yerusalem. Dalam perjalanan, mereka mengkhabarkan Berita Baik itu di banyak pekan di daerah Samaria.

<sup>26</sup>Malaikat<sup>m</sup> Tuhan berkata kepada Filipus, "Bersiap-siaplah dan pergilah ke arah selatan, ke jalan yang menghubungkan Yerusalem dengan Gaza."<sup>n</sup>

### III. Filipus dengan Seorang Pegawai Etiopia (ay. 26-40)

(Jalan itu tidak digunakan lagi.) <sup>27-28</sup>Lalu Filipus pun berangkat. Seorang sida-sida dari Etiopia<sup>o</sup> sedang dalam perjalanan pulang ke negerinya. Dia seorang pegawai tinggi yang bertanggungjawab atas kekayaan Kandake, ratu negeri Etiopia.<sup>p</sup> Pegawai itu pergi ke Yerusalem untuk menyembah Allah<sup>q</sup> dan sekarang dia dalam perjalanan pulang. Dia duduk di dalam kereta kudanya, sambil membaca kitab<sup>r</sup> Nabi Yesaya. <sup>29</sup>Roh Allah berkata kepada Filipus, "Pergi dekati kereta kuda itu."<sup>s</sup> <sup>30</sup>Filipus segera pergi menghampiri kereta kuda itu, lalu mendengar pegawai tinggi itu sedang membaca kitab<sup>r</sup> Nabi Yesaya. Filipus bertanya kepadanya, "Adakah tuan memahami apa yang tuan baca?"

<sup>31</sup>Pegawai tinggi itu menjawab, "Bagaimana saya boleh faham jika tidak ada orang yang

mereka kini tergolong dalam komuniti Tuhan yang telah ditebus, sama seperti orang Yahudi yang percaya. Hanya ada satu tubuh kerana hanya ada satu Roh.

Pengalaman orang Samaria bukan pengalaman yang biasa bagi orang Kristian yang telah bertaubat dan menerima Yesus. Menjadi Kristian adalah seperti satu pakej yang lengkap: harus bertaubat dan beriman, menerima baptisan air dan Roh, atau menerima anugerah Roh Allah.

<sup>k</sup> Ini merupakan ungkapan kutuk, satu amaran kepada Simon tentang apa yang akan terjadi kepadanya sekiranya dia tidak mengubah sikapnya. Simon menganggap penerimaan Roh sebagai kuasa magik dan oleh itu dia ingin membeli kuasa magik yang dilihatnya. Dia tidak menyedari isu rohani yang terlibat.

<sup>1</sup> Apapun akibat yang terjadi disebabkan kejadian itu, cerita ini menunjukkan bahawa akan ada pengampunan meskipun untuk dosa berat yang dilakukan oleh orang percaya yang sudah dibaptis.



### Teropong

<sup>m</sup> Perjalanan dan tindakan Filipus yang seterusnya berpunca dari perintah Allah sendiri melalui seorang malaikat yang dihantar-Nya. Jemaah tidak mengilhamkan sendiri pemberitaan injil kepada orang bukan Yahudi. Ia berlaku atas kehendak dan rancangan Allah. Di sini, Filipus diarahkan oleh malaikat dengan terperinci untuk pergi ke arah selatan.

<sup>n</sup> Gaza adalah kota yang terletak di bahagian paling selatan di antara lima kota Palestin di kawasan barat daya. Ia terletak kira-kira 81 km (50 batu) dari Yerusalem dan merupakan kawasan berpenduduk terakhir sebelum padang pasir yang menjarang hingga ke Mesir.

<sup>o</sup> Istilah ini biasanya menandakan seseorang yang telah dikembiri. Walau bagaimanapun, istilah itu juga digunakan bagi pegawai tinggi yang normal. Oleh itu, orang ini mungkin seorang pegawai tinggi, memegang jawatan yang setaraf dengan menteri kewangan negara.

<sup>p</sup> Kerajaan kuno Etiopia terletak di antara Aswan dan Khartoum, di kawasan hulu Sungai Nil di Mesir. Ia diperintah oleh seorang ratu (nama tradisinya ialah Kandake) sebagai wakil puteranya yang menjadi raja kerajaan itu. Raja dianggap sebagai anak matahari dan

menerangkannya?” Lalu dia mengajak Filipus<sup>u</sup> menaiki kereta kudanya dan duduk dengan dia. <sup>32</sup>Inilah ayat-ayat yang dibacanya,<sup>y</sup> “Dia seperti domba yang digiring untuk disembelih; seperti anak domba yang tidak mengembik ketika bulunya digunting; demikianlah Dia tidak berkata sepele pun. <sup>33</sup>Dia dihina dan diperlakukan dengan tidak adil. Nyawanya dicabut dari muka bumi, sehingga tiada seorang pun dapat menceritakan keturunannya.”

<sup>34</sup>Pegawai tinggi itu berkata kepada Filipus, “Tolong beritahu, siapakah yang dimaksudkan oleh nabi itu? Dirinya sendiri atau orang lain?” <sup>35</sup>Lalu Filipus mula berkata-kata. Melalui ayat-ayat itu Filipus memberitahu dia Berita Baik tentang Yesus. <sup>36</sup>Dalam perjalanan, mereka sampai ke suatu tempat yang

berair. Pegawai itu berkata, “Lihatlah, di sini ada air. Adakah sebab yang menghalang saya dibaptis?”<sup>w</sup>

<sup>37</sup>[Filipus berkata “Tuan boleh dibaptis, asal sahaja tuan percaya kepada Yesus dengan sepenuh hati”. Pegawai tinggi itu menjawab, “Saya percaya bahawa Yesus Kristus Anak Allah”. ] <sup>38</sup>Lalu pegawai itu memberikan perintah supaya kereta kudanya dihentikan. Kemudian Filipus dan pegawai itu turun ke dalam air dan Filipus membaptis dia. <sup>39</sup>Apabila mereka keluar dari air, Roh Tuhan mengambil<sup>x</sup> Filipus dari situ. Pegawai tinggi itu tidak nampak dia lagi, lalu meneruskan perjalanan dengan sukacita.<sup>y</sup> <sup>40</sup>Filipus mendapati dirinya di Asdod. Dia meneruskan perjalanan sambil mengkhabarkan Berita Baik tentang Yesus di semua bandar sehingga dia tiba di Kaisarea.<sup>z</sup>

kerana itu dia terlalu suci untuk mengendalikan hal-hal sekular kerajaan.

<sup>q</sup> Pegawai tinggi tersebut mungkin seorang yang takut akan Allah (*rujuk kepada 'Orang yang Takut Akan Tuhan', ms. 35*) yang telah pergi ke Yerusalem untuk menyembah semasa perayaan Yahudi.

<sup>r</sup> Membaca dengan kuat adalah satu kebiasaan pada masa itu.

<sup>s</sup> Tunggangan itu ditarik oleh lembu dan mungkin bergerak sama seperti kelajuan pejalan kaki. Oleh itu, tidak sukar untuk Filipus untuk berjalan bersama dengannya dan mendengar percakapan penunggangnya.

<sup>t</sup> Ia seperti skrol, bukan seperti buku zaman moden.

<sup>u</sup> Orang Etiopia tersebut mungkin meneka Filipus sebagai orang Yahudi melalui bahasa dan pakaiannya, sebab itu dia meminta bantuan untuk memahami tulisan tersebut.

<sup>v</sup> Ayat-ayat ini dipetik dari Yes 53:7-8. Ia membuka peluang yang baik untuk Filipus untuk bersaksi tentang Yesus. Kita boleh melihat pimpinan tangan Tuhan sepanjang kejadian ini apabila Filipus dipimpin ke tempat tertentu lalu bertemu dengan seorang lelaki yang juga telah dipersiapkan oleh Tuhan untuk pertemuan ini. Pembacaan pegawai tinggi Etiopia yang merujuk kepada Yesus sebagai Hamba Allah yang Menderita telah didengar oleh Filipus bukan secara kebetulan tetapi ditentukan oleh Tuhan.

<sup>w</sup> Pegawai Etiopia bertindak balas terhadap mesej yang disampaikan oleh Filipus dengan meminta dirinya dibaptis.

<sup>x</sup> Kata kerja ini menunjukkan perbuatan pantas dan mendadak oleh Roh Allah (cth. 1Raja 18:12; Ez 3:4 tentang Roh Allah yang menghantar seseorang) dan kepatuhan di pihak Filipus. Dia dibawa ke Asdod yang merupakan pekan kedua terbesar di utara Gaza dan dia berada di laluan persisiran pantai. Dari tempat ini, Filipus melalui kawasan-kawasan berpenduduk dan dia berkhotbah kepada mereka sehingga dia tiba di Kaisarea. Filipus muncul kembali dalam Kis 21:8, dan dikatakan sudah berada di Kaisarea pada waktu itu.

<sup>y</sup> Dalam Kisah Rasul-Rasul, sukacita dikaitkan dengan keselamatan. Lukas tidak mengulas dengan lebih lanjut tentang pegawai Etiopia itu. Apa yang ingin ditekankannya ialah pertaubatan dan penerimaan injil oleh pegawai tersebut menjadi satu peristiwa yang penting dalam penyebaran injil di luar Yerusalem.

<sup>z</sup> Kaisarea merupakan pusat pentadbiran para gabenor Roma yang memerintah Yudea. Ia terletak di kawasan persisiran Palestina kira-kira 106 km (65 batu) di arah barat laut Yerusalem dan sebuah pelabuhan yang penting. Penduduknya berbilang bangsa sama seperti kebanyakan masyarakat pinggir laut dalam PB.



Adakah anda berani untuk berkongsi tentang injil kepada orang lain? Mengapakah anda berasa demikian?



**Roh Allah diberikan kepada kita supaya kita menjadi lebih berani untuk bersaksi tentang Yesus. Dia memberikan kita kuasa dan kebijaksanaan untuk berkata-kata tentang Yesus. Minta Roh Allah untuk menguatkan anda setiap kali anda berasa takut untuk bercakap tentang iman anda.**



**Mahukah anda meluangkan masa untuk berdoa kepada Tuhan untuk meminta kepenuhan Roh Allah setiap hari dari-Nya, supaya anda sentiasa berani berkata-kata tentang perbuatan-Nya dalam hidup anda?**

**I. Saulus Percaya kepada Yesus (ay. 1-19a)**

**9** Sementara itu Saulus<sup>a</sup> meneruskan ancamannya untuk membunuh pengikut-pengikut Tuhan. Saulus pergi kepada Imam Agung,<sup>b</sup> dan meminta surat kuasa untuk ditunjukkan kepada pemimpin rumah-rumah ibadat orang Yahudi di Damsyik.<sup>c</sup> Dengan demikian, jika di situ dia menjumpai pengikut-pengikut<sup>d</sup> Yesus, dia boleh menangkap mereka, baik lelaki mahupun perempuan, dan membawa mereka ke Yerusalem.<sup>e</sup>

<sup>3</sup>Dalam perjalanannya ke Damsyik, apabila dia sudah dekat kota itu, tiba-tiba cahaya<sup>f</sup> dari langit memancar di sekeliling Saulus. <sup>4</sup>Dia jatuh ke tanah lalu mendengar suara<sup>g</sup> berkata kepadanya, “Saulus, Saulus!<sup>h</sup> Mengapa engkau menganiaya Aku?”

<sup>5</sup>Saulus bertanya, “Siapakah tuan?”<sup>i</sup> Suara itu menjawab, “Aku Yesus, yang engkau aniaya.<sup>l</sup>

<sup>6</sup>Bangunlah dan masuklah ke bandar. Di situ engkau akan diberitahu apa yang harus engkau lakukan.”

<sup>7</sup>Orang yang seperjalanan dengan Saulus berhenti dan terdiam. Mereka mendengar suara<sup>k</sup> itu tetapi tidak melihat sesiapa pun. <sup>8</sup>Saulus berdiri lalu membuka matanya, tetapi dia tidak dapat melihat apa-apa.<sup>l</sup> Oleh itu mereka memegang tangannya dan memimpin dia masuk ke Damsyik. <sup>9</sup>Tiga hari lamanya dia tidak dapat melihat, dan selama itu dia tidak makan atau minum.

<sup>10</sup>Seorang pengikut Yesus<sup>m</sup> bernama Ananias<sup>n</sup> tinggal di Damsyik. Dalam penglihatan, dia melihat Tuhan berkata kepadanya, “Ananias!” “Ya Tuhan,” jawab Ananias. <sup>11</sup>Tuhan berkata kepadanya, “Bersiap-siaplah dan pergilah ke rumah Yudas di Jalan Lurus. Bertanyalah tentang seorang bernama Saulus dari

**Teropong**

<sup>a</sup> Ini adalah Saulus yang telah diperkenalkan oleh Lukas ketika Stefanus direjam (7:58).

<sup>b</sup> Ini mungkin imam Kayafas (lihat Bab 4, nota j) dan ahli kepada Majlis Agama yang berkuasa ke atas orang Yahudi di Yudea dan tempat lain.

<sup>c</sup> Damsyik merupakan kota yang besar dan maju di Siria yang di bawah pemerintahan Roma. Ia terletak kira-kira 242 km (150 batu) dari Yerusalem dan mempunyai komuniti Yahudi yang besar. Ia merupakan kota penting di luar Palestin yang paling hampir, menjadi pusat perdagangan yang mencapai sehingga ke utara Siria, Mesopotamia, Anatolia, Parsi dan Arabia.

Saulus berangkat dengan restu Majlis Agama, untuk memburu dan menangkap orang Kristian Helenistik yang telah lari dari Yerusalem. Pada pandangan mereka, ajaran baru tersebut harus dihentikan dari tersebar di Damsyik. Jika ia berkembang di sana, injil akan tersebar dengan mudah ke tempat-tempat lain yang telah disebutkan di atas.

<sup>d</sup> Pada awal kewujudan gereja, sebelum istilah ‘Kristian’ digunakan, orang-orang yang menerima dan mengaku Yesus sebagai Mesias memanggil diri mereka sebagai ‘pengikut-pengikut Jalan Tuhan’ (lihat 19:9, 23; 22:4; 24:14). Tidak diketahui asal usul panggilan ini, tetapi mungkin ia dimengertikan oleh pengikut-pengikut Yesus sebagai jalan keselamatan, di mana Allah telah mengutus Yesus sebagai satu-satunya jalan untuk mendapatkan keselamatan.

<sup>e</sup> Di Yerusalem, Majlis Agama boleh menggunakan kuasa mutlak mereka untuk membebaskan atau menjatuhkan hukuman mati dalam pengadilan.

<sup>f</sup> Cahaya terang itu merupakan satu manifestasi kemuliaan ilahi.

<sup>g</sup> Dalam tradisi guru-guru Taurat, suara dari langit ditafsirkan sebagai suara Tuhan, sama ada untuk mengutuk atau memberi arahan.

<sup>h</sup> Pada zaman dahulu, nama seseorang biasanya disebut berulang kali dalam situasi yang rasmi.

<sup>i</sup> Pada zaman itu, istilah ‘Tuan’ digunakan dalam penyembahan atau sebagai tanda hormat apabila memanggil seseorang. Saulus tidak tahu dia bercakap dengan siapa. Dia hanya mengetahui yang dia telah disinari oleh cahaya dari langit dan dipanggil oleh suara dari langit, di mana kedua-duanya menunjukkan suatu kehadiran ilahi. Jadi, dia mungkin menggunakannya dalam sikap menyembah walaupun dia keliru mengapa dia ditegur oleh Tuhan ketika dia melakukan rancangan dan kehendak Allah.

<sup>j</sup> Yesus menerangkan kepada Saulus bahawa walaupun dia menyangka dia hanya menyerang sebilangan orang dengan cara penyembahan sesat mereka, hakikatnya dia menyerang orang yang dibela oleh syurga. Menganiaya jemaah bererti menganiaya Yesus sendiri kerana jemaah merupakan tubuh Kristus (lihat 1 Kor 12:27). Saulus mungkin sangat keliru kerana dia berfikir dia bukan menganiaya Tuhan tetapi mempertahankan Dia dan Taurat-Nya.

<sup>k</sup> Wahyu itu ditujukan kepada Saulus seorang sahaja dan bukan kepada teman seperjalanannya. Walaupun begitu, mereka telah menyaksikan sesuatu yang jarang berlaku. Kis 26:14 mengatakan bahawa semua mereka jatuh tersungkur ke tanah seperti Saulus.





kota Tarsus.<sup>o</sup> Dia sedang berdoa, <sup>12</sup>dan dalam penglihatan,<sup>p</sup> dia melihat seorang lelaki bernama Ananias datang meletakkan tangan padanya supaya dia boleh melihat semula.”

<sup>13</sup>Ananias menjawab, “Ya Tuhan, banyak orang sudah memberitahu aku tentang orang ini. Dia sudah melakukan banyak perkara yang kejam terhadap umat-Mu<sup>a</sup> di Yerusalem. <sup>14</sup>Sekarang dia datang ke Damsyik dengan kuasa daripada ketua-ketua imam untuk menangkap semua orang yang menyembah Engkau.”

<sup>15</sup>Tetapi Tuhan berkata kepadanya, “Pergilah, kerana Aku sudah memilih dia untuk mengabdikan diri kepada-Ku, supaya dia memberitakannya.

kepada bangsa-bangsa bukan Yahudi, raja-raja, dan umat Israel.<sup>r</sup> <sup>16</sup>Semua penderitaan yang harus dialaminya kerana Aku, akan Aku tunjukkan kepadanya.”

<sup>17</sup>Oleh itu Ananias pergi dan masuk ke rumah itu lalu meletakkan tangannya pada Saulus. “Saudara Saulus,” katanya, “Tuhan sudah mengutus saya -- Yesus yang menampakkan diri<sup>s</sup> kepada saudara dalam perjalanan ke mari, sudah mengutus saya ke sini supaya saudara boleh melihat semula dan dikuasai oleh Roh Allah.” <sup>18</sup>Pada saat itu juga sesuatu seperti sisik ikan<sup>t</sup> jatuh daripada mata Saulus dan dia dapat melihat semula. Lalu dia bangkit dan dibaptis. <sup>19</sup>Setelah dia makan, pulihlah kekuatannya.

<sup>1</sup> Mata Saulus yang buta telah disembuhkan (ay.18) menunjukkan bahawa dia buta kerana sebab yang luar biasa, bukan disebabkan oleh cahaya terang tersebut. Ketika keadaannya lemah, dia terpaksa dipimpin oleh temannya sehingga ke Damsyik di mana dia berpuasa selama tiga hari. Dia kemungkinan masih terkejut dan sangat berduka serta menyesal dengan perbuatannya sebelum itu.

<sup>m</sup> Terjemahan lain mempunyai perkataan ‘murid’. Istilah ‘Kristian’ digunakan pertama kali untuk menggelar orang percaya di Antiokhia dalam Kis 11:26.

<sup>n</sup> Ananias merupakan orang Yahudi di Damsyik dan seorang yang percaya kepada Yesus. Dalam Kis 22:12, dia digambarkan sebagai seorang yang alim dan sangat dihormati oleh semua orang Yahudi.

<sup>o</sup> Tarsus adalah tempat kelahiran Paulus. Ia merupakan ibu kota wilayah Kilikia bermula dari 72 M dan terkenal sebagai pusat untuk menimba ilmu.

<sup>p</sup> Lawatan Ananias sudah dijangka kerana Saulus sendiri telah mendapat penglihatan tentang Ananias yang akan meletakkan tangannya ke atas Saulus. Pertemuan ini diteguhkan melalui dua penglihatan (cth. Cerita Kornelius dan Petrus, 10:1-23).

<sup>q</sup> Perkataan yang digunakan dalam terjemahan lain adalah ‘orang-orang alim’. Ini merupakan istilah yang digunakan dalam tulisan Paulus. Maksud awal perkataan ini ialah ‘kekudusan’. Semua orang Kristian adalah orang alim kerana mereka adalah umat yang ‘diasingkan’ oleh Allah sebagai milik-Nya dan menjadi suci kerana Roh Allah dalam hidup mereka.

<sup>r</sup> Mereka mewakili tiga golongan orang yang akan dilayani oleh Paulus dalam bahagian seterusnya buku Kisah Rasul-Rasul. Arahan yang luar biasa itu memberikan penekanan panggilan Paulus untuk melayani orang-orang bukan Yahudi.

<sup>s</sup> Pengalaman Paulus dalam perjalanan ke Damsyik bukan sekadar satu penglihatan. Yesus telah muncul di hadapannya. Kerana hal ini, Saulus layak dipanggil sebagai rasul.

<sup>t</sup> Benda ini dikatakan seperti selaput yang terjatuh dari matanya.

**II. Saulus Mengajar di Damsyik dan Yerusalem (ay. 19b-31)**

Saulus tinggal beberapa hari dengan pengikut-pengikut Yesus di Damsyik. <sup>20</sup>Dia terus pergi ke rumah-rumah ibadat dan mula mengisytiharkan berita bahawa Yesus Anak Allah.<sup>u</sup>

<sup>21</sup>Semua orang yang mendengar kata-kata Saulus menjadi hairan. Mereka berkata sesama sendiri, "Dialah orang di Yerusalem yang membunuh semua orang yang menyembah Yesus. Dia datang ke sini untuk menangkap dan membawa pengikut Yesus kepada ketua-ketua imam."

<sup>22</sup>Tetapi Saulus semakin kuat pengaruhnya. Bukti-bukti yang dikemukakannya bahawa Yesus Penyelamat yang diutus oleh Allah begitu meyakinkan,<sup>v</sup> sehingga orang Yahudi yang tinggal di Damsyik tidak dapat membantah lagi.

<sup>23</sup>Beberapa hari<sup>w</sup> kemudian, orang Yahudi bersepakat hendak membunuh Saulus. <sup>24</sup>Tetapi rancangan mereka diketahui oleh Saulus. Siang malam mereka menunggu di pintu gerbang kota untuk membunuh dia. <sup>25</sup>Tetapi pada suatu malam, pengikut-pengikut Saulus menurunkan dia dengan sebuah keranjang ke kaki tembok kota melalui tingkap.

<sup>26</sup>Saulus pergi ke Yerusalem<sup>x</sup> dan berusaha bergabung dengan pengikut-pengikut Yesus di situ. Tetapi mereka takut akan dia, kerana mereka tidak percaya bahawa dia benar-benar sudah menjadi pengikut Yesus. <sup>27</sup>Kemudian Barnabas menyambut dia dan membawa dia kepada rasul-rasul. Barnabas memberitahu mereka bahawa Saulus sudah melihat Tuhan dalam perjalanan ke Damsyik, dan bahawa Tuhan sudah berkata-kata kepadanya. Dia juga memberitahu mereka bahawa dengan berani Saulus mengajar di Damsyik demi nama Yesus. <sup>28</sup>Oleh itu Saulus tinggal bersama-sama mereka, dan mengajar dengan berani di seluruh Yerusalem dengan nama Tuhan. <sup>29</sup>Dia juga berbincang dan berdebat dengan orang Yahudi yang berbahasa Yunani, dan mereka cuba membunuh dia. <sup>30</sup>Apabila saudara-saudara seiman mengetahui hal itu, mereka membawa Saulus ke Kaisarea dan kemudian menghantar dia ke Tarsus.<sup>y</sup>

<sup>31</sup>Dengan demikian tenteramlah jemaah di seluruh Yudea, Galilea, dan Samaria. Jemaah itu menghormati Allah dan dengan pertolongan Roh Allah,<sup>z</sup> jemaah itu bertambah kuat dan bertambah banyak.

**Teropong**

<sup>u</sup> Kemunculan Yesus di hadapan Saulus meyakinkannya bahawa Yesus adalah Anak Allah dan perkara itulah yang diajarnya di rumah-rumah ibadat di Damsyik. Sejak itu, ia menjadi kebiasaan Saulus untuk mengajar tentang Yesus di rumah ibadat setiap kali ada kesempatan.

<sup>v</sup> Ini menunjukkan Paulus semakin memahami penggenapan Yesus ke atas ajaran PL yang menunjukkan Yesus sebagai Mesias dan Anak Allah, dan kebolehan-Nya menunjukkan kebenaran dalam perkataan-Nya.

<sup>w</sup> Kenyataan Lukas tentang perkataan 'beberapa hari' berpadanan dengan garis masa selama tiga tahun seperti yang dinyatakan oleh Paulus dalam suratnya untuk jemaah Galatia (Gal 1:17-18). Besar kemungkinan Paulus menghabiskan masa ini di Arabia. Apabila dia kembali ke Damsyik, orang-orang Yahudi segera merancang untuk membunuhnya.

<sup>x</sup> Paulus datang ke Yerusalem setelah menjadi Kristian selama tiga tahun. Melalui Gal 1:19, kita dapat tahu bahawa dia hanya bertemu dengan Petrus dan Yakobus, adik Yesus, di Yerusalem.

<sup>y</sup> Mereka menghantar Paulus kembali ke kampungnya.

<sup>z</sup> Pekerjaan Roh Allah berulang kali dinyatakan oleh Lukas di sepanjang Kisah Rasul-Rasul. Sebab itu, ia kadang-kadang digelar sebagai Kisah Pekerjaan Roh Kudus.

**Mari Fikir Sejenak**

Lihat apa yang dilakukan oleh Barnabas kepada Saulus apabila tidak ada seorang pun yang mahu mendekati Saulus kerana perbuatannya yang dahulu. Ingatlah bahawa nama Barnabas bermaksud 'Penggalak/Pemberi Semangat'.

- Apakah pengajaran dari contoh Barnabas yang boleh anda lakukan dalam kehidupan anda?



### III. Petrus di Lida dan Yope (ay. 32-34)

<sup>32</sup>Petrus berkunjung ke serata tempat. Pada suatu hari dia melawat umat Tuhan yang tinggal di Lida.<sup>a</sup> <sup>33</sup>Di situ dia berjumpa dengan seorang lelaki bernama Eneas,<sup>b</sup> yang lumpuh dan tidak dapat bangun dari katilnya selama lapan tahun. <sup>34</sup>Petrus berkata kepadanya, “Hai Eneas, Yesus Kristus menyembuhkan kamu. Bangunlah dan kemaskan katilmu.”<sup>c</sup> Pada saat itu juga Eneas bangun. <sup>35</sup>Semua penduduk di Lida dan Dataran Saron<sup>d</sup> melihat Eneas, lalu mereka semua percaya kepada Tuhan.

<sup>36</sup>Di Yope<sup>e</sup> ada seorang wanita bernama Tabita. Dia percaya kepada Yesus. (Dalam bahasa Yunani namanya Dorkas, yang bererti ‘rusa.’) Dia menggunakan masanya untuk melakukan hal-hal baik dan menolong orang miskin. <sup>37</sup>Pada waktu itu dia jatuh sakit lalu meninggal dunia. Setelah dimandikan,<sup>f</sup> jenazahnya diletakkan di bilik di tingkat atas. <sup>38</sup>Yope tidak berapa jauh dari Lida. Apabila pengikut-pengikut Yesus di Yope mendengar bahawa Petrus di

Lida, mereka mengutus dua orang kepadanya dengan berita, “Cepatlah<sup>g</sup> datang ke mari.” <sup>39</sup>Petrus bersiap lalu mengikut mereka. Apabila dia tiba di situ, dia dibawa ke bilik di tingkat atas. Sambil menangis semua balu di situ mengerumuni Petrus dan menunjukkan pakaian dan jubah yang telah dijahit oleh Dorkas bagi mereka, semasa dia masih hidup. <sup>40</sup>Petrus menyuruh mereka semua keluar.<sup>h</sup> Lalu dia berlutut dan berdoa. Kemudian dia menghampiri jenazah itu dan berkata, “Tabita, bangunlah!” Tabita membuka matanya dan apabila dia nampak Petrus, dia pun duduk. <sup>41</sup>Petrus memegang tangannya dan menolong dia berdiri. Kemudian Petrus memanggil semua pengikut Yesus di situ termasuk balu-balul, lalu menyerahkan Tabita yang sudah hidup itu kepada mereka. <sup>42</sup>Berita itu tersebar ke seluruh Yope, dan banyak orang percaya kepada Tuhan. <sup>43</sup>Petrus tinggal di Yope dengan seorang penyamak<sup>i</sup> kulit bernama Simon untuk beberapa hari lamanya.



#### Teropong

<sup>a</sup> Lida berada di pertengahan perjalanan dari Yerusalem ke tepi pantai, dengan jarak kira-kira 40 km (25 batu) jauhnya. Petrus mungkin sedang melawat jemaah-jemaah di luar Yerusalem untuk mengajar mereka. Dia juga menginjil pada masa yang sama.

<sup>b</sup> Oleh kerana Petrus berada di sana untuk berjumpa dengan orang-orang yang percaya, besar kemungkinan Eneas merupakan salah seorang daripadanya.

<sup>c</sup> Perkataan Petrus di sini tentang ‘bangunlah dan kemaskan katilmu’ memberi maksud pada ‘sekarang Yesus telah menyembuhkan engkau’ dalam pemahaman Yunani.

<sup>d</sup> Saron merupakan nama bagi kawasan rata yang terlentang dari utara Yope sehingga ke Kaisarea.

<sup>e</sup> Yope terletak 19 km (12 batu) dari Lida di bahagian pantai. Ia merupakan pelabuhan utama di Yudea. Lida berada beberapa km dari jalan yang menghubungkan Yope dengan Yerusalem.

<sup>f</sup> Adat ini biasa dilakukan oleh orang Yahudi dan Yunani sebagai persediaan pengebumian. Jika upacara pengebumian ditangguhkan, mayat itu harus diletakkan di bilik paling atas. Di Yerusalem, mayat harus dikuburkan pada hari kematian. Di luar Yerusalem, mereka dibenarkan untuk menunggu selama tiga hari sebelum ia dikedubur.

<sup>g</sup> Tidak diketahui sama ada arahan supaya Petrus segera datang adalah untuk ketenangan atau mereka sekadar ingin menyaksikan mukjizat. Walau apa pun, mereka mahu Petrus cepat sampai di tempat itu sebelum upacara pengebumian.

<sup>h</sup> Petrus ada ketika Yesus membangkitkan orang mati dalam tiga peristiwa (Mat 9:25, Luk 7:11-17, Yoh 11:1-44). Dia mencontohi perbuatan Yesus ketika membangkitkan anak perempuan Yarius dengan mengarahkan semua orang untuk keluar dari bilik.

<sup>i</sup> Jenis pekerjaan biasanya digunakan bersama dengan nama untuk mengenal pasti seseorang dengan lebih terperinci. Penyamak terlibat dalam menguruskan kulit haiwan mati, dengan itu dianggap tidak kudus berdasarkan hukum Yahudi. Oleh itu, seorang penyamak tidak disenangi oleh ramai orang. Kesanggupan Petrus untuk tinggal bersama dengan Simon si penyamak menunjukkan bahawa dia sudah bersedia untuk mengenyepikan tanggapan salah orang Yahudi. Hal ini telah mempersiapkan dia dalam misi dan visinya untuk melayani orang-orang bukan Yahudi melalui Kornelius (Kis 10).



Lihat bagaimana hidup Dorkas dan Petrus mempengaruhi kehidupan orang di sekeliling mereka.

- Bagaimanakah anda harus menjalani hidup anda supaya ia boleh mempengaruhi kehidupan dan menjadi berkat kepada orang lain?

**I. Petrus dan Kornelius (ay. 1-33)**

**10** Seorang lelaki bernama Kornelius tinggal di Kaisarea.<sup>a</sup> Dia kapten<sup>b</sup> pasukan tentera Roma yang disebut Pasukan Italia. <sup>2</sup>Dia takut akan Allah; dia dan keluarganya menyembah Allah.<sup>c</sup> Dia sering menolong orang Yahudi yang miskin, dan dia sentiasa berdoa kepada Allah. <sup>3</sup>Pada suatu hari kira-kira pukul tiga petang,<sup>d</sup> dalam suatu penglihatan, dengan jelas dia melihat malaikat Tuhan datang kepadanya dan berkata, "Kornelius!"

<sup>4</sup>Kornelius memandang malaikat itu dengan ketakutan lalu bertanya, "Ada apa, tuan?"

Malaikat itu menjawab, "Doamu dan kemurahan hatimu sudah diterima oleh Allah dan Allah mengabulkan doamu. <sup>5</sup>Sekarang suruhlah beberapa orang ke Yope untuk memanggil seorang bernama Simon Petrus. <sup>6</sup>Dia sedang menumpang di rumah seorang penyamak kulit bernama Simon, yang tinggal di tepi pantai." <sup>7</sup>Setelah malaikat itu pergi, Kornelius memanggil dua orang hamba yang bekerja di rumahnya dan salah seorang pengawal peribadinya, yang juga takut akan Allah. <sup>8</sup>Dia memberitahu mereka apa yang sudah berlaku, lalu menyuruh mereka pergi ke Yope.

<sup>9</sup>Keesokan harinya, semasa mereka masih dalam perjalanan dan hampir tiba di Yope, Petrus naik ke atas bumbung<sup>e</sup> rumah pada tengah hari<sup>f</sup> untuk berdoa.

<sup>10</sup>Dia lapar dan hendak makan.<sup>g</sup> Sementara makanan disediakan, dia mendapat suatu penglihatan. <sup>11</sup>Dia melihat langit terbuka dan sesuatu seperti kain lebar diturunkan ke bumi, tergantung pada keempat-empat sudutnya. <sup>12</sup>Di dalamnya terdapat segala macam binatang berkaki empat, binatang menjalar dan burung-burung liar. <sup>13</sup>Lalu ada suara berkata kepadanya, "Petrus, bangunlah! Sembelihlah binatang itu dan makanlah!"

<sup>14</sup>Petrus menjawab, "Tidak, Tuhan! Aku belum pernah makan apa-apa yang haram atau najis."<sup>h</sup>

<sup>15</sup>Tetapi suara itu berkata lagi, "Jangan anggap haram apa yang sudah dinyatakan halal oleh Allah."<sup>i</sup>

<sup>16</sup>Perkara itu berulang sehingga tiga kali,<sup>j</sup> lalu kain itu terangkat kembali ke langit.

<sup>17</sup>Petrus termenung memikirkan makna penglihatan itu. Pada masa itu orang yang disuruh oleh Kornelius sudah menjumpai rumah Simon, dan mereka sedang berdiri di muka pintu. <sup>18</sup>Mereka memanggil dan bertanya sama ada seorang tamu bernama Simon Petrus menumpang di situ.

<sup>19</sup>Petrus masih berusaha untuk memahami makna penglihatan itu, apabila Roh Allah berkata kepadanya, "Dengarlah! Tiga orang sedang mencari kamu. <sup>20</sup>Cepatlah turun ke bawah dan jangan ragu-ragu mengikut mereka,<sup>k</sup> kerana Aku yang menyuruh mereka datang." <sup>21</sup>Petrus turun ke bawah dan berkata


**Teropong**

<sup>a</sup> Kaisarea berada 48 km (30 batu) di utara Yope dan diberi nama sempena raja Roma yang bernama Kaisar Agustus. Ia dibangunkan kembali oleh Herodes Agung yang menjadikan tempat itu sebagai pusat kerajaan untuk Roma dan pusat pentadbiran Yudea. Ia juga merupakan markas utama bagi tentera Roma di Yudea (*lihat Bab 8, nota z untuk maklumat lanjut*).

<sup>b</sup> Terjemahan lain menggunakan perkataan 'perwira pasukan'. Seorang perwira pasukan mengetuai unit ketenteraan yang mempunyai sekurang-kurangnya seratus orang. Perwira pasukan dipilih dengan cermat dan semua yang disebut dalam PB mempunyai ciri-ciri yang mulia. Seorang perwira pasukan akan mengarahkan sekumpulan tentera di dalam pasukan Roma (kira-kira satu per enam daripada jumlah satu rejimen).

Pasukan Roma (kira-kira 6000 orang) dibahagikan kepada 10 rejimen, setiap satunya mempunyai gelaran tersendiri. Ini merupakan Rejimen Italia yang direkrut di Italia.

<sup>c</sup> Perkataan 'takut akan Allah' menunjukkan bahawa Kornelius bukan penganut baru agama Yahudi sepenuhnya. Tetapi dia percaya kepada TUHAN orang Yahudi dan menghormati serta mengikut ajaran agama Yahudi.

<sup>d</sup> Pukul tiga petang merupakan masa untuk orang Yahudi

sembahyang, masa untuk membakar kemenyan di Rumah Tuhan. Ini merupakan petunjuk lain yang menandakan bahawa Kornelius mengikut amalan orang Yahudi.

<sup>e</sup> Adalah menjadi perkara biasa bagi sebuah rumah di sana untuk mempunyai bumbung yang rata dan tangga di luar rumah. Bumbung itu biasanya digunakan untuk beristirahat dan untuk melakukan hal-hal peribadi.

<sup>f</sup> Ini merupakan waktu berdoa yang kedua kali bagi seorang Yahudi yang benar-benar mengikut aturan waktu sembahyang.

<sup>g</sup> Ini bukan masa makan orang Yahudi. Pada hari-hari biasa, orang Yahudi mengalas perut dengan makanan ringan pada waktu pagi dan makanan yang lebih berat pada waktu petang.

<sup>h</sup> Semua perkara ini salah seperti yang dikatakan oleh hati nurani Petrus. Mengikut hukum makanan dalam kitab Imamat 11, haiwan yang tidak bersih langsung tidak boleh dimakan. Haiwan 'bersih' juga harus disembelih mengikut aturan yang betul sebelum dagingnya dimakan.

<sup>i</sup> Kesan dari penglihatan itu adalah untuk memberitahu Petrus bahawa pembezaan makanan yang dilakukan dalam PL yang 'bersih' (misalnya, yang sesuai dimakan), dan yang 'tidak bersih' kini telah dibatalkan oleh Allah. Petrus kemudiannya sedar bahawa 'pembersihan' itu bukan



kepada mereka, “Sayalah yang saudara-saudara cari. Mengapa saudara-saudara datang?”

<sup>22</sup>Mereka menjawab, “Kapten Kornelius menyuruh kami ke mari. Dia orang baik dan dia takut akan Allah. Dia sangat dihormati oleh semua orang Yahudi. Malaikat Allah menyuruh dia menjemput tuan ke rumahnya supaya dia boleh mendengar apa yang akan tuan katakan.” <sup>23</sup>Lalu Petrus menjemput<sup>l</sup> mereka menginap di situ.

Keesokan harinya Petrus bersiap-siap dan pergi dengan mereka. Beberapa orang pengikut Yesus dari Yope pun pergi dengan dia. <sup>24</sup>Sehari sesudah itu, mereka tiba di Kaisarea. Kornelius bersama-sama sanak saudara dan sahabat-sahabat karib yang telah dijempunya, sedang menunggu mereka. <sup>25</sup>Apabila Petrus tiba, Kornelius menyambut dia dan sujud di hadapannya.<sup>m</sup> <sup>26</sup>Tetapi Petrus menyuruh dia bangun, “Bangunlah,” katanya, “saya sendiri pun manusia.” <sup>27</sup>Sementara bercakap dengan Kornelius, Petrus masuk ke dalam rumah dan mendapati banyak orang sudah berkumpul di situ. <sup>28</sup>Petrus berkata kepada mereka, “Saudara-saudara sendiri tahu bahawa orang Yahudi dilarang oleh agama mereka untuk melawat atau berhubungan dengan orang bukan Yahudi. Tetapi Allah sudah menunjukkan bahawa saya<sup>n</sup> tidak boleh menganggap seseorang pun najis atau haram. <sup>29</sup>Itulah sebabnya apabila saya dijemput, saya tidak berkeberatan datang. Katakanlah, mengapa tuan meminta saya datang?”

<sup>30</sup>Kornelius menjawab, “Tiga hari yang lalu, kira-

kira pada pukul tiga petang saya sedang berdoa di rumah. Tiba-tiba seorang lelaki yang pakaiannya berbinar-binar berdiri di hadapan saya. <sup>31</sup>Dia berkata, ‘Kornelius! Allah sudah mendengar doamu, dan ingat akan kemurahan hatimu. <sup>32</sup>Suruhlah orang pergi ke Yope untuk memanggil seorang bernama Simon Petrus. Dia menumpang di rumah seorang penyamak kulit bernama Simon, yang tinggal di tepi pantai.’ <sup>33</sup>Itulah sebabnya saya segera menyuruh orang memanggil tuan, dan tuan sungguh baik hati kerana sudi ke mari. Sekarang kami berkumpul di sini di hadapan Allah, untuk mendengar apa sahaja yang akan tuan katakan seperti yang diperintahkan oleh Tuhan.”

## II. Ucapan Petrus (ay. 34-48)

<sup>34</sup>Lalu Petrus berkata, “Sekarang barulah saya sedar bahawa Allah memperlakukan semua orang dengan sama rata. <sup>35</sup>Sesiapa yang menghormati Allah dan berbuat apa yang benar, diterima oleh Allah, walau apa pun bangsanya. <sup>36</sup>Saudara-saudara tahu akan perkhabaran yang disampaikan oleh Allah kepada bangsa Israel. Khabar itu Berita Baik tentang kedamaian<sup>o</sup> melalui Yesus Kristus, Tuhan semua orang. <sup>37</sup>Saudara-saudara mengetahui apa yang telah berlaku di seluruh Yudea, mulai dari Galilea, setelah baptisan yang diberitakan oleh Yohanes. <sup>38</sup>Saudara-saudara tahu bahawa Allah telah memilih Yesus orang Nasaret itu dan memberi Dia Roh Allah dan kekuasaan. Yesus pergi ke serata tempat untuk berbuat baik dan

hanya boleh diaplikasikan kepada makanan tetapi juga kepada semua kaum lelaki dan wanita, termasuk orang-orang bukan Yahudi (lihat ay.19).

<sup>j</sup> Pengulangan tersebut dibuat untuk mendapatkan perhatian Petrus.

<sup>k</sup> Mimpi ini mempersiapkan Petrus untuk situasi di mana dia harus melayani orang-orang bukan Yahudi dan tidak menganggap sesiapa pun sebagai tidak bersih jika Tuhan telah menyatakan sebaliknya.

<sup>l</sup> Dengan menjemput orang-orang untuk menginap di situ, Petrus telah memulakan langkah untuk menerima orang bukan Yahudi.

<sup>m</sup> Perbuatan pertama Kornelius apabila bertemu dengan Petrus ialah sujud di hadapannya sebagai satu tanda penghormatan. Tetapi Petrus menolak penghormatan sedemikian kerana ia harus diberikan kepada Allah sahaja.

<sup>n</sup> Petrus sedar bahawa penglihatannya mempunyai makna yang lebih besar daripada sekadar membatalkan makanan yang ‘bersih’ dan ‘tidak bersih’. Allah memaklumkan kepadanya bahawa tembok penghalang di antara orang Yahudi dan bukan Yahudi telah dihapuskan.



### Teropong

<sup>o</sup> Ini merujuk kepada perdamaian di antara Allah dan manusia melalui karya penyelamatan Yesus.

<sup>p</sup> Mereka yang pernah makan dan minum bersama Yesus setelah Dia dibangkitkan telah menyaksikan bukti kukuh bahawa Dia sememangnya telah bangkit dari kematian. Mereka dipilih oleh Allah untuk menyaksikan hal ini supaya mereka boleh keluar bersaksi tentang semua perkara yang berkaitan dengan Yesus.

<sup>q</sup> Orang Yahudi Kristian yang awal gagal untuk menyedari bahawa injil bukan hanya untuk orang Yahudi sahaja, tetapi juga untuk orang bukan Yahudi, dan mereka akan berkongsi anugerah keselamatan, termasuk anugerah Roh Allah.

<sup>r</sup> Allah menunjukkan penerimaan-Nya terhadap orang bukan Yahudi dengan memberikan mereka anugerah yang sama seperti yang diterima oleh orang Yahudi dan memastikannya dengan memberikan anugerah bahasa ajaib seperti yang terjadi di Pentakosta. Bahasa-bahasa ajaib itu jelas diperlihatkan untuk meyakinkan orang Yahudi di rumah Kornelius.



menyembuhkan semua orang yang dikuasai oleh Iblis, kerana Allah menyertai Yesus. <sup>39</sup>Kami saksi yang sudah melihat segala sesuatu yang dilakukan-Nya di negeri Yudea mahupun di Yerusalem. Kemudian mereka menyalibkan Dia dan membunuh Dia. <sup>40</sup>Tetapi pada hari ketiga Allah membangkitkan Dia daripada kematian, dan memperlihatkan Dia. <sup>41</sup>Dia tidak dilihat oleh semua orang; tetapi hanya oleh kami yang sudah dipilih oleh Allah untuk menjadi saksi-saksi-Nya. Kami makan dan minum dengan Dia,<sup>p</sup> sesudah Dia bangkit daripada kematian. <sup>42</sup>Dia menyuruh kami mengkhabarkan Berita Baik itu kepada semua orang, dan memberikan kesaksian bahawa Dialah yang diutus oleh Allah untuk menjadi hakim orang yang masih hidup dan yang sudah mati. <sup>43</sup>Semua nabi berkata-kata tentang Dia. Mereka berkata bahawa setiap

orang yang percaya kepada Yesus, dosanya akan diampunkan dengan kekuasaan Yesus.<sup>q</sup>

<sup>44</sup>Sementara Petrus berkata-kata, Roh Allah turun dan menguasai semua orang yang mendengar perkhabaran itu. <sup>45</sup>Beberapa orang Yahudi yang percaya kepada Yesus dan menyertai Petrus dari Yope, hairan<sup>a</sup> melihat Allah mengurniakan Roh-Nya kepada orang bukan Yahudi juga. <sup>46</sup>Mereka mendengar semua orang itu bertutur dalam bahasa-bahasa yang ajaib<sup>r</sup> serta memuji-muji kebesaran Allah. Lalu Petrus berkata, <sup>47</sup>"Lihatlah, semua orang ini sudah menerima Roh Allah seperti kita. Bolehkah sesiapa menghalangi mereka dibaptis dengan air?"<sup>s</sup> <sup>48</sup>Oleh itu Petrus menyuruh mereka dibaptis demi nama Yesus Kristus. Kemudian mereka meminta supaya Petrus tinggal dengan mereka<sup>t</sup> untuk beberapa hari.

Akan tetapi, ia juga diberikan kepada orang percaya dari Yerusalem, yang akan mendengar tentang kejadian itu beberapa waktu kemudian, supaya semua orang boleh melihat bahawa orang bukan Yahudi menerima Yesus atas kehendak Allah. Dengan itu, mereka tidak lagi mengamalkan sikap prejudis mereka yang melihat penganut baru ini sebagai orang Kristian kelas kedua.

<sup>8</sup> Setelah dia yakin bahawa pemberian anugerah Roh Allah kepada orang bukan Yahudi sebagai tanda pengampunan dari Allah, Petrus mengambil langkah yang seterusnya – mereka harus dibaptis dalam nama Yesus. Dengan membaptis mereka, Petrus mengaku bahawa Allah dengan penuh kekuasaan-Nya menjemput orang Yahudi dan bukan Yahudi ke dalam kerajaan-Nya.

<sup>t</sup> Setelah Allah memecahkan benteng pemisah tradisi di antara orang Yahudi dan bukan Yahudi, Petrus membenarkan dirinya untuk tinggal bersama-sama dengan mereka selama beberapa hari.



- Sekiranya seseorang bertanya mengapa anda percaya kepada Yesus, apakah yang anda akan jawab?
- Ceritakan satu pengalaman peribadi bersama Tuhan dalam hidup anda kepada orang tersebut.



## I. Laporan Petru kepada Jemaah di Yerusalem (ay. 1-18)

**11** Rasul-rasul dan pengikut-pengikut Yesus<sup>a</sup> di seluruh Yudea mendengar bahawa orang bukan Yahudi pun sudah menerima firman Allah. <sup>2</sup>Apabila Petrus pergi ke Yerusalem, orang Yahudi yang percaya kepada Yesus dan masih berpegang kepada upacara bersunat,<sup>b</sup> mencela Petrus. Mereka berkata, <sup>3</sup>"Kamu menumpang di rumah orang bukan Yahudi yang tidak bersunat.<sup>c</sup> Bahkan kamu makan bersama-sama mereka!" <sup>4</sup>Oleh itu Petrus memberikan laporan lengkap tentang apa yang sudah berlaku. Dia melaporkan hal itu mulai dari permulaan,

<sup>5</sup>"Aku sedang berdoa di kota Yope, lalu melihat suatu penglihatan. Aku melihat sesuatu seperti kain lebar diturunkan dari langit, tergantung pada keempat-empat sudutnya, lalu berhenti di sisiku. <sup>6</sup>Semasa aku memperhatikan bahagian dalamnya, aku nampak binatang berkaki empat, binatang liar, binatang menjalar, dan burung-burung liar. <sup>7</sup>Lalu aku mendengar suara berkata kepadaku, 'Bangunlah Petrus! Sembelihlah binatang itu dan makanlah!' <sup>8</sup>Tetapi aku menjawab, 'Tidak, Tuhan! Aku belum pernah makan apa-apa yang haram atau najis.' <sup>9</sup>Suara itu berkata lagi dari langit, 'Janganlah anggap haram apa yang sudah dinyatakan halal oleh Allah!' <sup>10</sup>Peristiwa itu berulang tiga kali dan akhirnya

semuanya terangkat kembali ke langit. <sup>11</sup>Pada saat itu juga, tiga orang dari Kaisarea yang diutus kepadaku, tiba di rumah tempat aku menginap. <sup>12</sup>Roh Allah menyuruh aku mengikut mereka dengan tidak ragu-ragu. Enam<sup>d</sup> orang saudara seiman dari Yope, menyertai aku ke Kaisarea, dan kami semua masuk ke rumah Kornelius. <sup>13</sup>Kornelius memberitahu kami bahawa dia melihat satu malaikat berdiri di rumahnya dan berkata, 'Suruhlah orang pergi ke Yope untuk memanggil seorang lelaki bernama Simon Petrus. <sup>14</sup>Dia akan menyampaikan berita<sup>e</sup> yang boleh menyelamatkan engkau dan keluargamu.<sup>f</sup> <sup>15</sup>Apabila aku mula bercakap, Roh Allah datang kepada mereka, seperti yang berlaku kepada kita pada mulanya. <sup>16</sup>Kemudian aku teringat bahawa Tuhan pernah berkata, 'Yohanes membaptis dengan air, tetapi kamu akan dibaptis dengan Roh Allah.' <sup>17</sup>Nyatalah bahawa Allah mengurniai orang bukan Yahudi itu, pemberian yang seperti kita terima pada masa kita percaya kepada Tuhan Yesus Kristus. Siapakah aku ini sehingga cuba menghalang<sup>g</sup> Allah?"

<sup>18</sup>Apabila mereka mendengar hal itu, mereka tidak mencela Petrus lagi. Lalu mereka memuji Allah dan berkata, "Jika demikian, Allah juga memberikan peluang kepada orang bukan Yahudi untuk bertaubat dan beroleh hidup sejati!"<sup>h</sup>



### Teropong

<sup>a</sup> Lukas bukan sahaja menyebut tentang rasul-rasul tetapi juga semua orang Kristian di Yerusalem dan yang tersebar di sekitar kawasan Yudea. Reaksi orang Yahudi Kristian terhadap penerimaan injil oleh orang bukan Yahudi sangat penting untuk masa depan jemaah di sana.

<sup>b</sup> Beberapa versi lain menterjemahkan sebagai 'golongan bersunat'. Mereka merujuk kepada orang Yahudi Kristian.

<sup>c</sup> Kebiasaan orang Yahudi yang sudah berabad-abad lamanya membuatkan mereka mengkritik perbuatan Petrus, terutamanya hal makan bersama dengan orang bukan Yahudi. Orang Yahudi Kristian masih terikat dengan hukum-hukum pemakanan Yahudi dan merasakan bahawa seandainya orang bukan Yahudi tidak disunat dan belum mengikut adat budaya orang Yahudi, mereka tidak boleh bersekutu dengan orang bukan Yahudi yang menganut agama Kristian.

<sup>d</sup> Kita dimaklumkan jumlah orang yang datang bersama dengan Petrus ke rumah Kornelius.

<sup>e</sup> Di sini barulah kita mengetahui tentang berita dari malaikat bahawa Kornelius akan mendengar mesej yang menerangkan bagaimana dia boleh diselamatkan bersama dengan keluarganya.

<sup>f</sup> Terjemahan lain menggunakan perkataan 'isi rumah' yang merujuk bukan hanya kepada keluarga dekat Kornelius tetapi semua hamba abdi dan orang-orang yang bekerja di rumah Kornelius.

<sup>g</sup> Petrus tidak boleh menolak untuk membaptis orang bukan Yahudi kerana dia tahu bahawa Tuhan juga menyelamatkan mereka sama seperti orang Yahudi diselamatkan. Dia memberikan mereka anugerah Roh Allah yang sama. Pintu keselamatan orang bukan Yahudi telah dibuka oleh Allah sendiri, bukan kerana pilihan manusia.

<sup>h</sup> Orang bukan Yahudi juga dipanggil untuk bertaubat dan menerima janji-Nya tentang hidup kekal.

**II. Jemaah di Antiokhia (ay. 19-30)**

<sup>19</sup>Pada masa Stefanus dibunuh, orang yang percaya kepada Yesus<sup>i</sup> tercerai-cerai kerana dianiaya. Ada yang lari sampai ke Fenisia,<sup>j</sup> Siprus,<sup>k</sup> dan Antiokhia.<sup>l</sup> Mereka memberitakan perkhabaran daripada Allah kepada orang Yahudi sahaja. <sup>20</sup>Tetapi beberapa orang pengikut Yesus yang berasal dari Siprus dan Kirene,<sup>m</sup> pergi ke Antiokhia. Mereka mengkhabarkan Berita Baik tentang Tuhan Yesus kepada orang bukan Yahudi. <sup>21</sup>Kuasa Tuhan menyertai mereka sehingga banyak orang percaya kepada Tuhan dan mengikut Dia.

<sup>22</sup>Jemaah di Yerusalem mendengar peristiwa itu. Oleh itu mereka mengutus Barnabas<sup>n</sup> ke Antiokhia.

<sup>23</sup>Apabila dia tiba di Antiokhia dan melihat Allah memberkati orang di situ, dia bersukacita. Lalu dia menggalakkan mereka semua supaya tetap setia kepada Tuhan dengan sepenuh hati. <sup>24</sup>Barnabas seorang yang baik, dikuasai oleh Roh Allah dan sangat percaya kepada Tuhan, dan banyak orang mengikut Tuhan.

<sup>25</sup>Kemudian Barnabas pergi ke Tarsus<sup>o</sup> untuk mencari Saulus. <sup>26</sup>Apabila dia menjumpai Saulus, Barnabas membawa Saulus ke Antiokhia, dan selama setahun mereka berkumpul dengan jemaah di situ sambil mengajar banyak orang. Di Antiokhia, untuk kali pertama pengikut-pengikut Yesus disebut orang Kristian.<sup>p</sup>

**Teropong**

<sup>i</sup> Mereka adalah orang Yahudi Helenistik yang beragama Kristian.

<sup>j</sup> Fenisia adalah sebuah negara yang terletak di sepanjang persisiran Laut Tengah di bahagian timur laut, di mana letaknya Lebanon pada hari ini. Antara kota yang utama bagi negara ini ialah Tira dan Sidon.

<sup>k</sup> Siprus merupakan sebuah pulau di sebelah timur laut Laut Tengah. Barnabas berasal dari pulau ini (*Lihat Bab 13, nota h untuk keterangan lanjut*).

<sup>l</sup> Antiokhia merupakan kota ketiga terpenting dalam empayar Roma selepas Rom dan Aleksandria. Kota Antiokhia ini terletak di Siria. Fenisia, Siprus dan Antiokhia mempunyai penduduk orang Yahudi yang besar. Jemaah bukan Yahudi yang pertama dilahirkan di sini. Dan dari gereja inilah Paulus berangkat ke ketiga-tiga perjalanan misinya.

<sup>m</sup> Kirene merupakan pusat bagi sebuah daerah di Libia yang bernama Kirenaika.

<sup>n</sup> Untuk mengekalkan polisi menghantar pemimpin bagi memantau pelayanan baru yang menjadi perhatian mereka (Petrus dan Yohanes telah pergi ke Samaria sebelum ini untuk menyelidik penginjilan Filipus di sana, 8:14), jemaah Yerusalem menghantar Barnabas ke Antiokhia untuk memerhati apa yang berlaku di sana. Dengan kebijaksanaan dari Tuhan, mereka telah memilih Barnabas yang merupakan pilihan terbaik bagi tugas tersebut. Seperti namanya yang memberi maksud ‘penggalak’, dia menguatkan orang-orang percaya di sana dan membolehkan pekerjaan Tuhan terjadi di kota itu. Pada masa yang sama, Tuhan juga memakai dia untuk membuat lebih ramai orang untuk percaya kepada-Nya.

<sup>o</sup> Tidak ada rekod tentang Saulus setelah dia dihantar keluar dari Yerusalem (lihat 9:30) sehingga pertemuannya dengan Barnabas di Tarsus. Besar kemungkinan Barnabas mencari Saulus kerana dia tidak mampu untuk memimpin jemaah seorang diri dan berfikir bahawa Saulus adalah penolong

yang paling tepat untuknya.

<sup>p</sup> Kemungkinan besar orang-orang pagan yang menggelar orang Yahudi dan bukan Yahudi yang percaya kepada Yesus Kristus sebagai ‘Kristian’. Kristian bermakna ‘pengikut Kristus’ atau ‘dalam keluarga Kristus’ atau ‘kepunyaan Kristus’. Bagi orang pagan di Antiokhia, mereka adalah kumpulan orang yang selalu bercakap tentang peribadi yang bernama Kristus, sebab itulah mereka dikenali sebagai orang Kristus, iaitu Kristian. Seperti di Palestina, orang yang menjadi pengikut dinasti Herodes dipanggil Herodian. Jadi, seperti yang dikatakan oleh Lukas, pengikut Yesus Kristus mula-mula dikenali sebagai orang Kristian di Antiokhia.

<sup>q</sup> Orang Yahudi percaya bahawa roh nubuatan di Israel telah hilang setelah kematian nabi PL yang terakhir. Tetapi kedatangan zaman Penyelamat akan membawa pencerahan Roh Allah, dan nubuatan-nubuatan akan muncul kembali. Orang Kristian awal bukan sahaja mengaku Yesus sebagai nabi yang diramalkan oleh Musa tetapi mereka juga menganggap nubuatan sebagai anugerah Allah kepada umat-Nya.

Satu ciri penting bagi jemaah awal ialah aktiviti nabi yang terlibat dalam pelayanan jemaah tempatan mahupun pelayanan bergerak. Dalam Kisah Rasul-Rasul, nabi-nabi berfungsi untuk ‘meramal’ dan ‘menyampaikan’. ‘Meramal’ merujuk kepada perbuatan memberitahu perkara yang akan berlaku pada masa hadapan (ay. 28, 21:10-11). ‘Menyampaikan’ merujuk kepada penyampaian kata-kata semangat atau dorongan yang diilhamkan oleh Tuhan (15:32). Nabi-nabi juga mengajar, mendorong dan memberi penjelasan tentang Firman Tuhan.

<sup>r</sup> Agabus kemudian akan meramal penangkapan Paulus (21:10).

<sup>s</sup> Yudea benar-benar dilanda kebuluran dalam tahun di antara 45 dan 48M.

<sup>t</sup> ‘Seluruh dunia’ merujuk kepada empayar Roma.





<sup>27</sup>Pada waktu itu, beberapa orang nabi<sup>a</sup> dari Yerusalem datang ke Antiokhia. <sup>28</sup>Seorang daripada mereka bernama Agabus.<sup>c</sup> Dia berdiri dan dengan kuasa Roh Allah, Agabus bernubuat bahawa kebuluran yang teruk<sup>d</sup> akan berlaku di seluruh dunia.<sup>e</sup> (Kebuluran itu berlaku pada masa pemerintahan Kaisar Klaudius.) <sup>29</sup>Semua pengikut Yesus di situ bersetuju untuk mengirim bantuan kepada saudara-saudara seiman yang tinggal di Yudea; masing-masing akan memberikan bantuan menurut kemampuannya. <sup>30</sup>Mereka melakukan hal itu, lalu mengutus Barnabas dan Saulus<sup>u</sup> untuk membawa wang itu kepada pemimpin-pemimpin jemaah.

<sup>u</sup> Versi lain menyebutnya sebagai penatua. Inilah pertama kali penatua-penatua disebut dalam Kisah Rasul-Rasul.

<sup>v</sup> Ini kali kedua Lukas menyebut tentang lawatan Saulus ke Yerusalem selepas dia menerima Yesus.



- Apakah kurnia Roh yang telah anda terima dari Tuhan? Jika anda tidak pasti, berdoalah dan minta Tuhan untuk menunjukkan apa yang telah diberikan-Nya.

Anda boleh merujuk kepada 1Kor 12:7-11, 27-30; 1 Pet 4:10-11; Rom 12:6-8; dan Efe 4:11 untuk senarai kurnia-kurnia Roh Allah. Anda harus ingat bahawa senarai ini tidak menyeluruh dan Tuhan mungkin akan memberikan anda kurnia yang tidak disebut dalam ayat-ayat tersebut.

- Dengan cara apakah anda boleh menggunakan kurnia anda untuk memberkati orang-orang dalam kelompok muda-mudi di sekolah atau gereja anda?



### Suatu Pegangan Hidup

Alkitab memberitahu kita bahawa setiap daripada kita telah diberikan sekurang-kurangnya satu kurnia oleh Roh Allah yang tinggal di dalam kita. Jadi jangan pandang rendah terhadap diri sendiri dan berfikir bahawa anda tidak mempunyai sebarang kurnia Roh. Anda hanya perlu menyedarinya dan belajar untuk menggunakannya demi kebaikan kumpulan muda-mudi di sekolah atau gereja anda.



## I. Petrus Dipenjarakan (ay. 1-5)

**12** Pada masa itu Raja Herodes<sup>a</sup> mula menganiaya beberapa orang daripada jemaah. <sup>2</sup>Dengan perintah Raja Herodes, Yakobus, saudara Yohanes<sup>b</sup> dipenggal kepalanya.<sup>c</sup> <sup>3</sup>Apabila Raja Herodes melihat bahawa perkara itu menyenangkan hati orang Yahudi, Raja Herodes melanjutkan perbuatannya yang jahat dengan menangkap Petrus. (Hal ini berlaku pada waktu Perayaan Roti Tidak Beragi.)<sup>d</sup> <sup>4</sup>Setelah Petrus ditangkap, dia dimasukkan ke dalam penjara. Di situ dia dijaga oleh empat kumpulan askar, dan setiap kumpulan terdiri daripada empat orang askar.<sup>e</sup> Raja



### Teropong

<sup>a</sup> Ini adalah Agripa I, cucu kepada Herodes Agung (*rujuk kepada 'Keluarga Herodes Agung', ms. 6*) dan putera Aristobulus. Dia merupakan anak buah Herodes Antipas, yang telah memenggal kepala Yohanes Pembaptis (Mat 14:3-12) dan mengadili Yesus (Luk 23:8-12). Dia berusaha untuk mendapat sokongan orang Yahudi terutamanya dari golongan Farisi.

<sup>b</sup> Yakobus dan Yohanes adalah anak kepada Zebedus (Luk 5:10) dan merupakan antara 12 rasul yang menjadi murid Yesus. Kejadian ini berlaku kira-kira sepuluh tahun selepas kematian dan kebangkitan Yesus. Yesus telah memberi amaran tentang penganiayaan kepada mereka (Mat 20:23).

<sup>c</sup> Kepalanya dipenggal, sama seperti Yohanes Pembaptis.

<sup>d</sup> Perayaan Roti Tidak Beragi bermula sehari selepas Paskah. Paskah merupakan perayaan yang pertama di antara semua perayaan, dan merupakan yang terpenting dari sudut sejarah dan agama (*rujuk kepada 'Perayaan-perayaan', ms. 32*). Ia dirayakan pada hari ke-14 bulan yang pertama (Nisan) dalam kalendar Yahudi. Perayaan Roti Tidak Beragi bermula pada hari yang ke-15 dan mereka memakan roti tanpa yis atau penaik selama satu minggu. Di zaman Yesus, nama bagi kedua-dua perayaan ini digunakan untuk merujuk kepada mana-mana di antara dua. Perayaan ini disambut untuk memperingati bangsa Israel yang memakan roti tidak beragi pada malam sehari sebelum mereka dibebaskan.

<sup>e</sup> Ini merujuk kepada satu pasukan seramai empat orang tentera. Setiap pasukan akan mengawal satu daripada empat tempoh pengawalan dalam semalam. Orang Roma membahagikan masa gelap dari matahari terbenam sehingga ia terbit sebanyak empat pengawasan manakala orang Yahudi melakukannya sebanyak tiga kali sahaja.

<sup>f</sup> Tempat ini mungkin berada di menara Antonia, terletak di timur laut Rumah Tuhan (*lihat pelan Rumah Tuhan di ms. 31*).



Herodes bercadang mengadili Petrus di hadapan umum apabila perayaan Paska berakhir. <sup>5</sup>Oleh itu Petrus ditahan di penjara,<sup>f</sup> tetapi jemaah tekun berdoa kepada Allah bagi Petrus.

## II. Petrus Dibebaskan dari Penjara (ay. 6-19)

<sup>6</sup>Pada malam sebelum Raja Herodes menghadapkan Petrus kepada orang ramai, Petrus tidur terbelenggu dengan dua rantai<sup>g</sup> yang diikatkan kepada dua orang askar; seorang askar pada setiap sisinya. Di pintu penjara, askar-askar pengawal juga sedang bertugas. <sup>7</sup>Tiba-tiba malaikat Tuhan berdiri di situ dan cahaya bersinar di dalam bilik penjara itu. Malaikat itu menggoyang-goyang Petrus dan membangunkan dia, lalu berkata, “Cepat bangun!” Pada saat itu juga jatuhlah rantai dari tangan Petrus.

<sup>8</sup>Malaikat itu berkata lagi, “Ikut tali pinggangmu dan pakailah kasut.” Petrus pun berbuat demikian. Kemudian malaikat itu berkata pula, “Pakailah jubahmu dan ikutlah aku.” <sup>9</sup>Petrus mengikut malaikat itu keluar dari penjara. Tetapi Petrus tidak tahu sama ada perbuatan malaikat itu benar-benar berlaku atau tidak. Petrus menyangka semua itu hanya suatu penglihatan. <sup>10</sup>Mereka melalui tempat penjagaan yang pertama, kemudian yang kedua dan akhirnya tiba di pintu besi yang menuju ke bandar. Pintu itu terbuka dengan sendirinya, lalu mereka keluar. Mereka berjalan melalui suatu lorong, lalu tiba-tiba malaikat itu meninggalkan Petrus.

<sup>11</sup>Barulah Petrus menyedari apa yang sudah berlaku kepada dirinya. Dia berkata, “Sekarang aku tahu bahawa semuanya benar-benar berlaku. Tuhan



### Mari Fikir Sejenak

Siapakah orang yang boleh menjadi tempat bergantung untuk mendoakan anda ketika anda memerlukannya?

Apakah pengajaran yang anda boleh dapat melalui reaksi jemaah di Yerusalem ketika Petrus ditangkap?



### Teropong

<sup>g</sup> Herodes Agripa I telah merancang untuk membicarakan Petrus kemudian menjatuhkan hukuman bunuh ke atasnya sebagai satu amaran kepada para pengikut Yesus supaya menghentikan kegiatan mereka. Biasanya seorang tahanan akan dirantai kepada hanya seorang pengawal. Tetapi atas rancangan Agripa, bilangan pengawal itu digandakan.

<sup>h</sup> Pengenalan yang dibuat oleh Lukas ke atas Maria melalui anaknya menunjukkan bahawa nama anaknya lebih dikenali oleh pembaca berbanding ibunya. Ada pendapat yang mengatakan bahawa Yohanes Markus yang disebut di sini merupakan orang yang sama dalam perjalanan misi pertama Paulus dan Barnabas (Kol 4:10). Oleh itu, ini merupakan rumah ibu saudara Barnabas, tempat persekutuan orang Kristian.

<sup>i</sup> Orang Yahudi percaya bahawa setiap orang mempunyai malaikat penjaga yang melayani (*lihat Mat 18:10 untuk contoh lain kepada kepercayaan ini*). Malaikat-malaikat ini dikatakan muncul sekali-sekala dan juga kelihatan seperti muka orang yang dilindunginya. Petikan yang digunakan oleh Lukas ini tidak lebih daripada sekadar kepercayaan karut orang Yahudi kerana dia tidak mengulas lebih lanjut untuk membuktikan kepercayaan ini.

<sup>j</sup> Walaupun mereka telah berdoa bersungguh-sungguh bagi Petrus, mereka seperti tidak percaya apabila doa mereka dijawab.

<sup>k</sup> Ini bukanlah masa untuk bersukacita kerana tentera Herodes akan segera berlegar-legar di jalan-jalan untuk mencari Petrus. Dia harus melarikan diri sejauh yang mungkin supaya tidak ditangkap lagi. Jadi dia mengulas secara ringkas ‘bagaimana Tuhan membebaskan dia dari penjara’ dan mengarahkan mereka untuk memberitahu Yakobus dan yang lain tentang hal tersebut.

<sup>l</sup> Yakobus yang disebut di sini ialah adik kepada Yesus, bukan Yakobus saudara Yohanes anak kepada Zebedus. Kepala Yakobus anak Zebedus telah dipanggil oleh Herodes Agripa I (ay. 2). Tidak ragu lagi bahawa Petrus merupakan pemimpin bagi jemaah Kristian yang pertama di Yerusalem, seperti yang dilihat dalam bab-bab awal Kisah Rasul-Rasul. Tetapi kemudiannya, Yakobus juga dilihat menjalankan kepimpinan dalam pentadbiran bersama dengan Petrus dan rasul yang lain (Gal 1:19; 2:9). Kemudian dia menjadi pengerusi untuk Majlis Yerusalem pada 49 M (15:13-21). Lukas masih menggelar Yakobus sebagai ketua kepada jemaah di Yerusalem (21:18). Dia mungkin mati syahid pada 62 M.



telah mengirim malaikat-Nya untuk melepaskan aku daripada kuasa Raja Herodes dan daripada segala sesuatu yang akan dilakukan orang Yahudi kepadaku.”

<sup>12</sup>Apabila Petrus menyedari keadaannya, dia pergi ke rumah Maria, ibu Yohanes Markus.<sup>h</sup> Banyak orang berkumpul di situ dan sedang berdoa. <sup>13</sup>Petrus mengetuk pintu luar, dan seorang hamba perempuan bernama Rode datang untuk membuka pintu. <sup>14</sup>Dia mengenali suara Petrus, tetapi kerana terlalu gembira dia cepat-cepat masuk kembali tanpa membuka pintu. Dia memberitahu bahawa Petrus berdiri di luar. <sup>15</sup>“Kamu gila!” kata mereka. Tetapi Rode berkeras mengatakan orang itu Petrus. Oleh itu mereka berkata, “Dia itu malaikatnya!”<sup>i</sup>

<sup>16</sup>Sementara itu Petrus terus-menerus mengetuk pintu. Akhirnya mereka membuka pintu, dan apabila

mereka melihat Petrus, mereka hairan sekali.<sup>j</sup> <sup>17</sup>Petrus memberikan isyarat dengan tangan supaya mereka tenang.<sup>k</sup> Lalu dia menceritakan bagaimana Tuhan sudah membawa dia keluar dari penjara. Kemudian Petrus berkata, “Beritahukan hal ini kepada Yakobus<sup>l</sup> dan saudara-saudara yang lain.” Kemudian dia meninggalkan tempat itu dan pergi ke tempat lain.

<sup>18</sup>Pagi berikutnya berlakulah kegemparan di kalangan askar-askar itu. Apakah yang sudah berlaku terhadap Petrus?

<sup>19</sup>Raja Herodes menyuruh orang mencari Petrus, tetapi mereka tidak dapat menjumpai dia. Lalu Raja Herodes memberikan perintah supaya askar-askar pengawal itu disoal siasat lalu dihukum mati.<sup>m</sup> Setelah itu Raja Herodes meninggalkan Yudea lalu tinggal di Kaisarea<sup>n</sup> untuk beberapa waktu.

<sup>m</sup> Dalam undang-undang Roma, pengawal penjara yang melepaskan tahanan akan menerima hukuman seperti hukuman yang dijatuhkan ke atas tahanan yang dikawalnya. Apabila Herodes menerima berita tentang Petrus melarikan diri, dia mengarahkan orang untuk mencarinya dan memeriksa kembali setiap pengawal. Setelah kecewa dengan usahanya yang gagal, Herodes mengarahkan supaya semua pengawal penjara tersebut dibunuh.

<sup>n</sup> Kaisarea bukan sahaja pusat pentadbiran bagi gabenor Roma, ia juga dijadikan oleh Raja Agripa sebagai ibu kotanya apabila tiada gabenor yang ditugaskan di Yudea.



Fikirkan perkara yang telah anda doakan tetapi Tuhan masih belum memberikan jawapan-Nya.

- Mungkinkah Tuhan sudahpun menjawab doa anda tetapi anda tidak menyedarinya kerana anda mengharapkan jawapan yang lain?



Mahukah anda datang kepada Tuhan dalam doa dan meminta supaya Dia menunjukkan sama ada doa anda sudah dijawab atau belum? Mintalah dari-Nya supaya anda terbuka untuk menerima rancangan yang diberikan-Nya dan bukan kehendak anda sendiri.



### III. Kemangkatan Raja Herodes (ay. 20-25)

<sup>20</sup>Raja Herodes sangat murka terhadap orang Tirus dan Sidon.<sup>o</sup> Oleh itu mereka datang bersama untuk menghadap Raja Herodes. Mula-mula mereka meyakinkan Blastus, orang yang mengepalai istana Raja Herodes, supaya memihak mereka. Kemudian mereka pergi menghadap Raja Herodes dan minta berdamai, kerana bekalan makanan negeri mereka bergantung kepada negeri Raja Herodes.

<sup>21</sup>Pada hari yang sudah ditetapkan,<sup>p</sup> Raja Herodes mengenakan pakaian kebesaran lalu bersemayam di takhta dan menyampaikan ucapan

kepada rakyat. <sup>22</sup>Orang ramai yang mendengar ucapan Raja Herodes berseru, “Dewalah yang berkata-kata, bukan manusia.” <sup>23</sup>Pada saat itu juga malaikat Tuhan memukul Raja Herodes,<sup>q</sup> kerana raja tidak menghormati Allah. Raja Herodes dimakan cacing<sup>r</sup> lalu mangkat.

<sup>24</sup>Sementara itu firman Allah semakin tersebar luas dan banyak orang percaya kepada Yesus.

<sup>25</sup>Setelah Barnabas dan Saulus menyelesaikan tugas,<sup>s</sup> mereka kembali dari Yerusalem dan membawa serta Yohanes Markus.<sup>t</sup>



#### Teropong

<sup>o</sup> Tirus dan Sidon merupakan kota yang terkenal di Fenisia (lihat Bab 11, nota j). Mereka bergantung kepada ladang bijirin di Galilea untuk mendapatkan bekalan makanan mereka.

<sup>p</sup> Ahli sejarah Yahudi, Josephus mencatatkan bahawa Herodes meraikan sukan permainan di Kaisarea sebagai penghormatan kepada kaisar. Majlis ini turut dihadiri oleh pemimpin-pemimpin kerajaan yang penting. Dia juga merekodkan peristiwa di mana penyokong Herodes menggelarnya sebagai seorang tuhan. Ketika Herodes sedang menikmati pujian yang diberikan kepadanya, dia mendongak ke atas dan ternampak seekor burung pungguk sedang bertenggek di atas tali dan menganggap hal itu sebagai petanda nasib malang. Pada masa yang sama, dia diserang oleh kesakitan dalaman dan dia dibawa ke istananya dan mangkat lima hari kemudian. Kisah ini sama seperti yang ditulis oleh Lukas dalam Kisah Rasul-Rasul.

<sup>q</sup> Lukas tidak memikirkan tentang susuk tubuh syurgawi yang dapat dilihat tetapi lebih kepada penyakit itu datang dari Allah untuk menghukum Herodes.

<sup>r</sup> Ini mungkin merujuk kepada Herodes yang benar-benar mempunyai cacing usus atau sebagai satu frasa yang digunakan untuk menggambarkan kematian seorang pemerintah kejam.

<sup>s</sup> Ayat ini merujuk kepada peristiwa yang terjadi dalam Bab 12 untuk menyambungkannya kepada Bab 13:1-13 dengan penyertaan jemaah Antiokhia dalam 11:19-30. Lukas menggunakannya sebagai ayat penyambung sebelum meneruskan penulisannya tentang perjalanan misi itu. Oleh itu, dia mengalihkan perhatian pembacanya dari Yerusalem ke Antiokhia di Siria dan memberitahu tentang kepulangan Yohanes Markus bersama dengan sepupunya Barnabas (Kol 4:10 serta ketibaan Saulus dari Yerusalem ke Antiokhia).

<sup>t</sup> Ada pendapat yang mengatakan Yohanes Markus ialah pemuda yang melarikan diri pada malam penangkapan Yesus (Mark 14:51-52). Dia juga mungkin penulis kepada Injil Markus dan merupakan sepupu kepada Barnabas.



### I. Barnabas dan Saulus Dipilih dan Diutus (ay. 1-3)

**13** Di kalangan jemaah di Antiokhia terdapat beberapa orang nabi dan guru: Barnabas, Simeon yang digelar Si Hitam,<sup>a</sup> Lukius dari Kirene, Menahem yang dibesarkan bersama-sama Gabenor Herodes,<sup>b</sup> dan Saulus. <sup>2</sup>Sementara mereka beribadat kepada Tuhan<sup>c</sup> dan berpuasa, Roh Allah berkata kepada mereka,<sup>d</sup> “Pilihlah Barnabas dan Saulus khas untuk-Ku, supaya mereka menjalankan tugas yang sudah Aku tetapkan bagi mereka.”

<sup>3</sup>Setelah berpuasa dan berdoa, mereka meletakkan tangan<sup>e</sup> ke atas kepala Barnabas dan Saulus, lalu mengutus mereka berdua.



#### **Teropong**

<sup>a</sup> Nama ‘Simeon’ menunjukkan seorang berlatar-belakang Yahudi. Terjemahan lain mencatatkan ‘Niger’ yang bermaksud ‘hitam’ dalam bahasa Latin, menggambarkan paras rupanya yang gelap.

<sup>b</sup> Ada kemungkinan Lukas mendapatkan maklumat tentang Herodes Antipas dari Menahem iaitu abang angkat Herodes. Sebab itu maklumat Herodes dalam tulisan Lukas tidak terdapat dalam injil lain.

<sup>c</sup> Beberapa versi lain menterjemahkan perkataan ini kepada ‘menyembah’ Tuhan. Kata kerja ‘menyembah’ bermaksud melayani Tuhan. Ia adalah perkataan Yunani yang pada asalnya digunakan untuk menggambarkan perbuatan membantu orang awam dengan kerelaan sendiri dan istilah ini digunakan oleh imam-imam di Rumah Tuhan. Pengertian di sini ialah: persekutuan jemaah merupakan satu penyembahan kepada Tuhan dan oleh kerana puasa biasa dikaitkan dengan doa, besar kemungkinan mereka berdoa dan menanti Tuhan, menumpukan perhatian dalam melayani Dia dan menerima pimpinan-Nya.

<sup>d</sup> Bagi jemaah yang menantikan Dia, Firman-Nya turun melalui Roh. Roh Allah yang bertanggungjawab memilih pemimpin di dalam jemaah (20:28) dan memimpin jemaah pada masa-masa yang penting. Besar kemungkinan, Roh Allah berkata-kata melalui nabi di kalangan jemaat itu.

Perhatikan bahawa misi perjalanan Paulus yang pertama bukan hasil dari sebarang perancangan yang dibuat. Ia diilhamkan oleh Roh Allah ketika para pemimpin menyembah Tuhan.

<sup>e</sup> Sebelum mereka berangkat pergi, jemaah mengambil masa untuk berpuasa dan berdoa bagi mereka, untuk bersyafaat bagi tugas pelayanan mereka yang akan datang. Kemudian pemimpin jemaah meletakkan tangan lalu mengutus mereka sebelum mereka bertolak.

### I. Barnabas dan Saulus di Pafos (ay. 4-12)

<sup>4</sup>Barnabas dan Saulus pergi ke Seleukia,<sup>f</sup> kerana diutus oleh Roh Allah.<sup>g</sup> Dari sana mereka belayar ke pulau Siprus.<sup>h</sup> <sup>5</sup>Apabila mereka tiba di Salamis,<sup>i</sup> mereka menyampaikan firman Allah di rumah ibadat orang Yahudi.<sup>j</sup> Yohanes Markus menolong mereka dalam tugas itu.

<sup>6</sup>Mereka menjelajah seluruh pulau itu, sehingga tiba di Pafos.<sup>k</sup> Di situ mereka berjumpa dengan seorang ahli sihir<sup>l</sup> bernama Bar-Yesus,<sup>m</sup> seorang Yahudi yang menganggap dirinya sebagai nabi. <sup>7</sup>Dia sahabat Sergius Paulus, gabenor<sup>n</sup> pulau itu, seorang yang cerdik dan bijaksana. Gabenor itu menjemput Barnabas dan



#### **Mari Fikir Sejenak**


Perhatikan hal doa dan puasa yang menjadi kebiasaan hidup bagi jemaah Kristian di Antiokhia.

- Pernahkah anda berpuasa sebelum ini? Ini merupakan salah satu disiplin rohani yang anda harus pertimbangkan agar ia menjadi kebiasaan hidup supaya iman Kristian anda semakin bertumbuh. Puasa yang Alkitabiah biasanya tidak mengambil makanan kerana ingin mencari wajah Tuhan.



#### **Suatu Pegangan Hidup**

**Anda boleh bermula dengan tidak mengambil satu hidangan dan mengambil masa tersebut untuk berdoa dan mencari wajah Tuhan. Kemudian anda boleh mencuba puasa yang lebih lama. Walaupun anda ingin berpuasa atas sebab yang berlainan, anda harus ingat bahawa perbuatan berpuasa itu mesti berpaksikan Tuhan.**



#### **Teropong**

<sup>f</sup> Seleukia merupakan pelabuhan di Antiokhia, Siria. Ia terletak kira-kira 26 km (16 batu) di arah barat Antiokhia dan 8 km (4-5 batu) ke arah hulu muara Sungai Orontes.

<sup>g</sup> Lukas menegaskan sekali lagi bahawa Roh Allah yang mengutus mereka untuk melakukan misi penginjilan.

<sup>h</sup> Siprus merupakan sebuah pulau yang penting sejak dari zaman yang awal kerana lokasinya yang terletak di laluan perairan di antara Siria, Asia Kecil dan Greece. Pada tahun 57 SM, ia dijajah oleh Roma daripada Mesir dan pada 55 SM, ia menjadi sebahagian dari wilayah Kilikia.



Saulus, kerana dia ingin mendengar firman Allah.<sup>8</sup> Tetapi Barnabas dan Saulus ditentang oleh Elimas<sup>o</sup> ahli sihir itu (itulah namanya dalam bahasa Yunani), kerana Elimas cuba menghalang gabenor itu percaya kepada Yesus.<sup>9</sup> Tetapi Saulus -- yang juga disebut Paulus<sup>p</sup> -- dikuasai oleh Roh Allah, dan menatap ahli sihir itu.<sup>10</sup> Lalu Paulus berkata, "Kamu anak Iblis! Kamu musuh segala apa yang baik. Kamu penuh dengan tipu muslihat. Kamu berdusta mengenai ajaran tentang Tuhan!<sup>11</sup> Tuhan akan menghukum kamu sekarang juga. Kamu akan menjadi buta, dan tidak dapat melihat cahaya matahari untuk sementara waktu."

Pada saat itu juga Elimas merasa kabus gelap menutupi matanya, sehingga dia berjalan sambil meraba-raba mencari orang yang dapat menuntunnya.<sup>12</sup> Apabila gabenor itu melihat apa yang sudah berlaku, dia percaya kepada Yesus, kerana sangat mengagumi ajaran Tuhan.

Ramai orang Yahudi yang menetap di sana dan injil juga telah diberitakan di sana (lihat 11:19-20).

<sup>i</sup> Salamis terletak di sebelah timur persisiran Siprus, kira-kira 209km (130 batu) dari Seleukia. Salamis merupakan kota yang paling penting di pulau tersebut dan tempat pusat pentadbiran bagi seluruh kawasan timur. Ibu kotanya ialah Pafos yang terletak di bahagian barat.

<sup>j</sup> Penduduk Siprus banyak didominasi oleh orang Yunani, tetapi terdapat ramai orang Yahudi yang juga tinggal di sana. Oleh itu, Barnabas dan Saulus memulakan misi mereka dengan mengajar di rumah-rumah ibadat di kota itu, dan Yohanes Markus bersama-sama membantu mereka.

<sup>k</sup> Pafos terletak di hujung bahagian barat Siprus, hampir 160 km (100 batu) dari Salamis. Ia merupakan ibu pejabat bagi pemerintah Roma.

<sup>l</sup> Walaupun ilmu sihir dan amalan magik diharamkan oleh agama Yahudi, masih terdapat orang Yahudi yang mengamalkannya.

<sup>m</sup> 'Bar' bermaksud 'anak kepada' dalam bahasa Aramaik, 'Jesus' diambil dari nama 'Joshua' dalam bahasa Yunani.

<sup>n</sup> Oleh kerana Siprus berada di bawah pemerintahan Roma, seorang gabenor dilantik untuk memerintah di sana.

<sup>o</sup> 'Elimas' bererti ahli sihir, pengamal magik atau orang bijak.

<sup>p</sup> Nama 'Saulus' atau 'Paulus' bererti 'dipanggil Tuhan' atau 'kecil'. Saulus adalah nama Ibraninya. Sebagai warganegara Roma, Saulus diberikan nama yang lain iaitu Paulus (nama Roma).

Dia menerangkan dirinya sebagai 'orang Ibrani sejati' (Fil 3:5). Ini menunjukkan bahawa, walaupun ibu

### III. Di Antiokhia di Daerah Pisidia (ay. 13-52)

<sup>13</sup>Paulus dan rakan-rakannya belayar dari Pafos ke kota Perga<sup>a</sup> di daerah Pamfilia.<sup>r</sup> Di situ Yohanes Markus meninggalkan mereka<sup>s</sup> lalu kembali ke Yerusalem. <sup>14</sup>Mereka melanjutkan perjalanan dari Perga ke kota Antiokhia<sup>t</sup> di Pisidia.<sup>u</sup> Pada hari Sabat mereka masuk ke rumah ibadat lalu duduk di situ. <sup>15</sup>Setelah Taurat Musa dan Kitab Nabi-Nabi dibacakan, para pemimpin<sup>v</sup> rumah ibadat itu menyuruh orang berkata kepada Paulus dan rakannya, "Saudara-saudara, jika ada nasihat untuk menggalakkan orang<sup>w</sup> di sini, silalah katakan." <sup>16</sup>Paulus berdiri lalu memberikan isyarat dengan tangan, dan mula berkata,

"Saudara-saudara bangsa Israel dan semua saudara lain di sini yang taat kepada Allah, dengarlah! <sup>17</sup>Allah orang Israel telah memilih nenek moyang kita dan menjadikan mereka bangsa yang

bapanya tidak menetap di Yerusalem (mereka adalah orang Yahudi Diaspora), mereka masih mengamalkan adat dan budaya orang Yahudi. Oleh kerana dia berasal dari keturunan Benjamin, ibu bapanya mungkin menamakan dia Saulus, sempena nama raja Israel yang pertama dan juga orang yang paling penting bagi suku tersebut.

Pada peringkat penceritaannya di sini, Lukas memperkenalkan nama bukan Yahudi Saulus kerana dari sini, dia akan melayani di tempat-tempat yang didiami oleh orang-orang bukan Yahudi. Setelah ini, Lukas menggelarnya sebagai Paulus sahaja.

Urutan sebutan nama mereka kini berubah dari 'Barnabas dan Saulus' kepada 'Paulus dan Barnabas'. Adalah penting bagi Lukas untuk menekankan kepimpinan Paulus dengan menulis namanya dahulu apabila menyebut tentang misi perjalanan mereka. Hanya beberapa pengecualian di mana nama Barnabas lebih di tetankan, contohnya apabila mereka kembali ke Yerusalem (lihat 15:12).



#### Teropong

<sup>q</sup> Perga merupakan ibu kota Pamfilia, sebuah wilayah di persisiran Asia Kecil di antara wilayah Likia dan Kilikia. Asia Kecil merupakan semenanjung yang menjadi bahagian barat negara Turki pada hari ini. Ia berbeza dengan 'Asia' dalam PB yang biasanya merujuk kepada wilayah Roma di bahagian barat.

<sup>r</sup> Wilayah Pamfilia yang terletak di selatan persisiran Asia Kecil mempunyai kawasan geografi yang kecil dan ekonomi yang miskin. Ia diduduki oleh penduduk yang berbilang bangsa dan terbuka kepada injil, sama seperti di wilayah-wilayah yang lain. Walau bagaimanapun,



besar, semasa mereka tinggal di Mesir sebagai orang asing. Allah membawa mereka keluar dari Mesir dengan kuasa-Nya yang besar. <sup>18</sup>Dia bersabar terhadap mereka selama empat puluh tahun di padang gurun. <sup>19</sup>Dia memusnahkan tujuh bangsa di tanah Kanaan dan menjadikan negeri itu milik umat-Nya. <sup>20</sup>Semua itu berlangsung selama 450 tahun.<sup>x</sup>

Setelah itu Allah mengurniakan mereka hakim-hakim sehingga masa Nabi Samuel. <sup>21</sup>Apabila mereka meminta seorang raja, Allah memberi mereka Saul anak Kis daripada suku Benyamin untuk menjadi raja selama empat puluh tahun. <sup>22</sup>Setelah Allah menyingkirkan dia daripada kedudukannya, Allah menjadikan Daud raja mereka. Inilah yang dikatakan oleh Allah tentang Daud, 'Aku mendapati Daud anak Isai seorang yang menyenangkan hati-Ku. Dia orang yang akan melakukan segala kehendak-Ku.' <sup>23</sup>Yesuslah keturunan Daud, dan Allah menjadikan Dia Penyelamat bangsa Israel, seperti yang dijanjikan-Nya. <sup>24</sup>Sebelum Yesus memulakan tugas-Nya, Yohanes menyeru supaya semua orang Israel bertaubat daripada dosa lalu dibaptis. <sup>25</sup>Apabila Yohanes hampir menyelesaikan tugasnya, dia berkata kepada orang ramai, 'Siapakah aku ini menurut pendapat kamu? Aku bukan orang yang kamu tunggu-tunggu. Dengarlah baik-baik! Dia akan datang kemudian, dan aku tidak layak membuka kasut-Nya.'

<sup>26</sup>Saudara-saudara keturunan Abraham, dan semua saudara lain di sini yang taat kepada Allah! Allah sudah mengirimi berita penyelamatan itu kepada kita. <sup>27</sup>Orang yang tinggal di Yerusalem dan pemimpin-pemimpin mereka tidak sedar bahawa Dialah Penyelamat itu. Mereka tidak memahami ajaran nabi-nabi yang dibacakan setiap hari Sabat, sehingga mereka menghukum Yesus. Tetapi melalui perbuatan mereka itu berlakulah apa yang sudah dikatakan oleh

nabi-nabi. <sup>28</sup>Meskipun mereka tidak mempunyai alasan apa-apa untuk menjatuhkan hukuman mati kepada Yesus, namun mereka meminta Pilatus menjatuhkan hukuman mati kepada-Nya. <sup>29</sup>Setelah mereka melakukan semua yang tertulis di dalam Alkitab tentang Dia, mereka menurunkan jenazah-Nya dari salib dan meletakkannya di dalam kubur. <sup>30</sup>Tetapi Allah membangkitkan Dia daripada kematian. <sup>31</sup>Kemudian selama beberapa hari Dia menampakkan diri kepada mereka yang dahulu berjalan bersama-sama Dia dari Galilea ke Yerusalem. Sekarang mereka menjadi saksi bagi-Nya kepada bangsa Israel. <sup>32</sup>Oleh itu kami di sini untuk menyampaikan Berita Baik ini kepada kamu. Apa yang dijanjikan oleh Allah kepada nenek moyang kita, <sup>33</sup>sudah dilakukan-Nya bagi kita, iaitu keturunan mereka, dengan membangkitkan Yesus daripada kematian. Seperti yang tertulis di dalam Kitab Mazmur fasal dua,<sup>y</sup>

'Engkaulah Anak-Ku,  
pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu.'

<sup>34</sup>Allah sudah membangkitkan Dia daripada kematian; Dia tidak akan mengalami kematian lagi.<sup>z</sup> Tentang hal ini Allah berfirman,

'Aku akan memberkati kamu dengan berkat yang suci, seperti yang Aku janjikan kepada Daud.'

<sup>35</sup>Begitu juga dalam ayat lain<sup>a</sup> Dia berfirman, 'Engkau tidak akan membiarkan Hamba-Mu yang setia itu reput di dalam kubur.'

<sup>36</sup>Pada masa hidupnya, Daud melakukan kehendak Allah, lalu Daud meninggal, dikuburkan dengan nenek moyangnya dan jenazahnya reput. <sup>37</sup>Tetapi hal ini tidak berlaku terhadap Dia yang dibangkitkan oleh Allah daripada kematian. <sup>38-39</sup>Oleh itu, saudara-saudara, ketahuilah bahawa melalui Yesus berita tentang pengampunan dosa sudah disampaikan kepada saudara semua. Setiap orang yang percaya

Lukas tidak menceritakan kerja-kerja penginjilan di Perga atau kawasan sekitarnya pada masa ini.

<sup>s</sup> Tidak diketahui mengapa Yohanes Markus meninggalkan mereka dan kembali ke Yerusalem. Paulus tidak senang dengan hal itu dan perasaan tidak puas hatinya itu akan ditunjukkan kemudian (15: 37-39).

<sup>t</sup> Antiokhia di Pisidia terletak 177 km (110 batu) dari Perga dan merupakan kota utama di daerah tersebut. Ia terletak di tengah-tengah jalan perhubungan darat dan perdagangan. Ia merupakan koloni Roma yang mempunyai penduduk orang Yahudi yang besar. Seperti kebiasaannya, Paulus mengajar di rumah-rumah ibadat asalkan orang Yahudi sudi untuk menerimanya. Dia mengerti sekali janji penebusan Allah yang ada dalam PL adalah untuk orang Yahudi dahulu (lihat ay. 46). Tambahan lagi, rumah ibadat menyediakan situasi yang sesuai untuk mengajar kerana struktur bangunannya, jadual persekutuan yang tetap dan orang-orang yang tahu akan isi kandungan PL.

<sup>u</sup> Pisidia merupakan sebuah daerah di utara Pamfilia yang terletak di selatan persisiran Asia Kecil.

<sup>v</sup> Mereka juga digelar sebagai pemerintah dan merupakan pemimpin yang bertanggungjawab untuk melantik pembaca dan pengajar, menyusun kebaktian dan juga menjaga aturan.

<sup>w</sup> Menjemput pelawat, teutamanya guru Kitab Suci seperti Paulus untuk berucap kepada orang ramai adalah satu kebiasaan pada masa itu.

<sup>x</sup> Ini merujuk kepada 400 tahun di Mesir, diikuti dengan padang gurun (40 tahun) dan penempatan di tanah perjanjian (10 tahun).

<sup>y</sup> Ayat ini dipetik dari Maz 2:7, sebuah mazmur yang menggambarkan tentangan oleh bangsa-bangsa dan pemerintah mereka terhadap yang diurapi Tuhan, misalnya pemerintah kepada umat-Nya. Mazmur ini dilihat berkaitan dengan Penyelamat dan orang Kristian awal mengaitkannya dengan Yesus.



kepada-Nya dibebaskan daripada segala dosa yang tidak dapat dihapus oleh Taurat Musa.<sup>40</sup>Berwaspadalah supaya apa yang dikatakan nabi-nabi ini tidak berlaku kepada saudara semua,<sup>b</sup>

<sup>41</sup>"Dengarlah hai orang yang menghina Allah! Kamu akan kehairanan lalu binasa! Apa yang Aku lakukan pada masa ini tidak akan kamu percayai, meskipun orang menerangkannya kepada kamu!"

<sup>42</sup>Apabila Paulus dan Barnabas meninggalkan rumah ibadat itu, orang Yahudi meminta mereka datang kembali pada hari Sabat yang berikutnya, untuk memberitahu mereka perkara-perkara itu lagi.

<sup>43</sup>Apabila perhimpunan di rumah ibadat berakhir, banyak orang Yahudi dan orang bangsa lain yang menganut agama Yahudi, mengikut Paulus dan Barnabas. Rasul-rasul<sup>c</sup> itu menasihati mereka supaya terus-menerus hidup bersandar kepada rahmat Allah.

<sup>44</sup>Pada hari Sabat berikutnya, hampir semua orang di bandar itu datang mendengar firman Tuhan.

<sup>45</sup>Apabila orang Yahudi melihat orang ramai itu, mereka iri hati. Mereka menentang kata-kata Paulus dan menghina dia. <sup>46</sup>Tetapi Paulus dan Barnabas berkata-kata dengan lebih berani lagi. Mereka berkata, "Firman Allah memang harus disampaikan

kepada kamu terlebih dahulu. Tetapi kerana kamu menolak firman-Nya, dan menganggap diri kamu tidak layak menerima hidup sejati dan kekal, kami akan meninggalkan kamu lalu pergi kepada bangsa lain. <sup>47</sup>Hal itu demikian kerana inilah perintah yang diberikan oleh Tuhan kepada kami,<sup>d</sup> 'Aku sudah menetapkan supaya kamu menjadi cahaya bagi bangsa bukan Yahudi, dan melalui kamu, Allah akan menyelamatkan seluruh dunia.'"

<sup>48</sup>Apabila orang bukan Yahudi mendengar kata-kata itu, mereka bersukacita dan memuji firman Tuhan. Mereka yang sudah dipilih oleh Allah untuk menerima hidup sejati dan kekal, pun percaya kepada Yesus.

<sup>49</sup>Firman Tuhan tersebar ke serata tempat di daerah itu. <sup>50</sup>Tetapi orang Yahudi menghasut pembesar-pembesar kota itu dan wanita-wanita terkemuka bangsa asing yang takut akan Allah. Mereka mula menganiaya Paulus dan Barnabas, dan menghalau mereka berdua dari daerah itu. <sup>51</sup>Rasul-rasul itu mengebaskan debu pada kaki<sup>e</sup> mereka di hadapan orang di situ sebagai amaran, lalu pergi ke Ikonium.<sup>f</sup> <sup>52</sup>Tetapi pengikut-pengikut Yesus di Antiokhia sangat bersukacita dan mereka dikuasai oleh Roh Allah.

<sup>z</sup> Ayat ini diambil dari Yes 55:3. Ini adalah janji untuk keturunan Daud yang akan mengalahkan maut dan ia tidak berkaitan dengan Daud tetapi Mesias.

<sup>a</sup> Ia dipetik dari Maz 16:10 dan diambil sebagai rujukan kepada Mesias, keturunan Daud dan bukan Daud sendiri seperti yang diterangkan oleh Paulus dalam ay. 36-37.

<sup>b</sup> Ayat ini diambil dari Hab 1:5. Dalam kandungan asalnya, nubuatan ini mencatatkan tentang kegagalan Israel untuk mengenalpasti penjajahan orang Babilonia sebagai satu hukuman dari syurga. Di sini, Paulus memberi amaran tentang bahaya tidak mengenal perkara yang dilakukan oleh Allah sendiri.

<sup>c</sup> Istilah 'rasul' yang digunakan di sini tidak merujuk kepada Dua Belas murid Yesus tetapi ia merujuk kepada maksud yang lebih meluas seperti pembawa injil. Dalam kes ini adalah Paulus dan Barnabas.

<sup>d</sup> Ayat ini dipetik dari Yes 49:6, iaitu salah satu ayat Kitab Suci yang menyebut tentang Israel sebagai Hamba Tuhan yang harus menjadi terang kepada bangsa-bangsa dan menjadi jalan keselamatan kepada seluruh dunia. Dalam ayat 47, Hamba itu dikatakan mempunyai satu misi kepada Israel. Jadi, dia haruslah seseorang atau

sekumpulan orang yang dikenali di kalangan orang Israel. Kristian awal melihat penggenapan nubuatan tersebut melalui Yesus. Di sini, Paulus mengatakan bahawa misi Hamba tersebut merupakan misi pengikut Yesus juga. Oleh itu, misi Israel yang gagal dilaksanakan telah diberikan kepada Yesus, kemudian kepada pengikut-Nya sebagai orang Israel yang baru. Tugas itu adalah untuk memberikan cahaya penglihatan dan keselamatan kepada semua orang.

<sup>e</sup> Orang Yahudi mempunyai kebiasaan untuk mengebaskan debu dari tanah sebuah kota pagan apabila mereka kembali ke tempat asal sebagai simbol pembersihan dari segala kekotoran orang yang berdosa yang tidak menyembah Tuhan. Orang Yahudi yang melakukan perkara ini kepada sesama orang Yahudi sama seperti menganggap mereka setaraf dengan orang bukan Yahudi yang tidak percaya Tuhan.

<sup>f</sup> Ikonium adalah Konya pada hari ini. Ia terletak di laluan Roma kira-kira 145 km (90 batu) di timur Antiokhia di daerah yang sama dengan wilayah Galatia. Ia merupakan pertemuan jalan yang penting untuk perdagangan dan menjadi pusat pertanian di tengah-tengah kawasan rata di wilayah Galatia.





### I. Paulus dan Barnabas di Ikonium (ay. 1-7)

**14** Hal yang sama juga berlaku di Ikonium. Paulus dan Barnabas masuk ke rumah ibadat orang Yahudi dan berkata-kata sedemikian rupa sehingga banyak orang Yahudi dan orang bangsa lain percaya kepada Yesus. <sup>2</sup>Tetapi orang Yahudi yang tidak mahu percaya kepada Yesus, menghasut orang bangsa lain sehingga mereka membenci orang yang percaya kepada Yesus. <sup>3</sup>Rasul-rasul tinggal lama di situ dan berkata-kata dengan berani tentang Tuhan. Tuhan pun membuktikan bahawa perkhabaran mereka tentang kasih-Nya itu benar dengan memberi mereka kuasa melakukan mukjizat dan perkara-perkara yang luar biasa.<sup>a</sup> <sup>4</sup>Penduduk di bandar itu terbahagi menjadi dua golongan: ada yang berpihak kepada orang Yahudi dan ada yang berpihak kepada rasul-rasul itu.

<sup>5</sup>Lalu orang Yahudi dan orang bukan Yahudi bersama-sama para pemimpin mereka bersepakat untuk menganiaya dan merejam rasul-rasul itu. <sup>6</sup>Apabila rasul-rasul mengetahui hal itu, mereka lari ke Listra dan Derbe,<sup>b</sup> bandar-bandar di Likaonia<sup>c</sup> dan ke daerah di sekitarnya. <sup>7</sup>Di situ mereka mengkhabarkan Berita Baik itu.



#### Teropong

- <sup>a</sup> Yesus memberikan kuasa kepada Paulus dan Barnabas untuk melakukan mukjizat agar ia dapat menguatkan kebenaran bagi setiap perkataan yang diucapkan oleh mereka dan juga sebagai perkenanan Tuhan terhadap pelayanan mereka.
- <sup>b</sup> Listra terletak kira-kira 32 km (20 batu) dari Ikonium. Derbe berada di 97 km (60 batu) selatan dari Listra.
- <sup>c</sup> Dengan merujuk kepada Listra dan Derbe sebagai 'kota Likaonia', Lukas memaksudkan bahawa Ikonium berada di daerah yang berlainan dengan Listra dan Derbe. Ketiga-tiga kota ini merupakan bahagian dari wilayah Roma di Galatia. Akan tetapi, dengan pentadbiran yang besar seperti sebuah wilayah, pihak Roma membahagikan Galatia kepada beberapa daerah. Dengan meninggalkan Listra dan Derbe, Paulus dan Barnabas kini meninggalkan kawasan tersebut untuk bermula di tempat yang baru.



#### Teropong

- <sup>d</sup> Listra merupakan kampung Likaonia kuno yang tidak diketahui asal usulnya. Orang Yahudi juga tinggal di sana tetapi pengaruh mereka tidak begitu kuat. Laluan Roma yang terkenal dari Efesus ke Efrata telah menghubungkan kota ini dengan Ikonium. Laluan ini mungkin digunakan oleh para rasul untuk berjalan dari Ikonium ke Listra.
- <sup>e</sup> Paulus memulakan pelayanannya di Listra dengan mengajar orang ramai. Ini mungkin bermaksud bahawa tidak ada rumah ibadat yang wujud di sana ketika itu.

### I. Paulus dan Barnabas di Listra dan Derbe (ay. 8-20)

<sup>8</sup>Di Listra<sup>d</sup> ada seorang lelaki yang kakinya lumpuh sejak lahir dan dia tidak pernah berjalan. <sup>9</sup>Dia duduk di situ dan mendengarkan kata-kata Paulus. <sup>e</sup>Paulus melihat bahawa orang itu dapat disembuhkan kerana dia percaya. Oleh itu Paulus menatap dia <sup>10</sup>dan berkata dengan suara lantang, "Berdirilah tegak!" Orang itu melompat berdiri dan mula berjalan. <sup>11</sup>Apabila orang ramai melihat apa yang telah dilakukan oleh Paulus, mereka mula berseru dalam bahasa Likaonia, "Lihatlah, dewa-dewa sudah menjadi seperti manusia dan turun ke dunia." <sup>12</sup>Barnabas dinamakan Zeus,<sup>f</sup> dan Paulus dinamakan Hermes kerana dia yang berkata-kata. <sup>13</sup>Imam dewa Zeus, yang kuilnya terletak di luar bandar, datang membawa lembu jantan dan bunga ke pintu gerbang. Dia dan orang ramai hendak mempersembahkan korban kepada rasul-rasul itu.

<sup>14</sup>Apabila Barnabas dan Paulus mendengar apa yang akan dilakukan<sup>g</sup> oleh orang di situ, mereka mengoyak-ngoyak pakaian<sup>h</sup> lalu berlari ke tengah-tengah orang ramai sambil berseru, <sup>15</sup>"Mengapa kamu

<sup>f</sup> Zeus merupakan dewa yang menjaga kota itu, dan kuilnya ada di tempat itu. Pengenalan Zeus sebagai ketua kepada dewa Yunani yang diberikan kepada Barnabas menunjukkan bahawa penampilannya lebih dikenali. Paulus disebut sebagai dewa Hermes (sama dengan dewa orang Roma yang bernama Mercury), jurucakap bagi dewa-dewa, kerana dia selalu berkata-kata sewaktu mengajar.

Kejadian ini mungkin dibangkitkan oleh legenda kuno yang menceritakan tentang Zeus dan Hermes yang menyamar sebagai manusia biasa untuk melawat kawasan tersebut. Mereka tidak dikenali oleh orang ramai kecuali oleh sepasang suami isteri tua, dan mereka memusnahkan tempat kediaman orang ramai. Melihat akan penyembuhan lelaki lumpuh dan mengingat legenda itu, penduduk Listra percaya bahawa Zeus dan Hermes telah kembali, dan mereka ingin menyembah mereka dengan pemberian atau penghormatan kerana tidak mahu membangkitkan kemarahan dewa itu lagi.

<sup>g</sup> Jeritan orang-orang Likaonia menerangkan mengapa rasul itu lambat memahami keadaan yang terjadi di sekeliling mereka sehingga pemujaan mereka sebagai dewa hampir dilakukan. Tetapi apabila imam Zeus menyertai orang ramai untuk memberikan penghormatan kepada mereka, Paulus dan Barnabas menyedari apa yang sedang berlaku.

<sup>h</sup> Mengoyakkan pakaian merupakan kebiasaan orang Yahudi untuk menunjukkan kesedihan yang amat sangat. Apabila mereka akhirnya sedar apa yang sedang terjadi, Paulus dan Barnabas mengoyakkan pakaian mereka dalam ketakutan kerana perbuatan khufur itu, apabila mereka disembah sebagai dewa.



melakukan hal ini? Kami pun manusia seperti kamu semua! Kami datang di sini untuk mengkhabarkan Berita Baik supaya kamu meninggalkan behalaberhala yang tidak berguna itu, lalu datang kepada Allah yang hidup, Pencipta langit, bumi, dan laut serta semua yang ada di dalamnya. <sup>16</sup>Pada masa yang lampau Allah membiarkan semua orang mengikut kemahuan masing-masing. <sup>17</sup>Tetapi Allah sentiasa memberikan bukti-bukti tentang diri-Nya dengan perkara-perkara baik yang dilakukan-Nya. Dia mengurniai kamu hujan dari langit serta hasil bumi pada musimnya. Dia mengurniai kamu makanan serta menyenangkan hati kamu.” <sup>18</sup>Walaupun rasul-rasul berkata demikian, masih sukar juga mereka mencegah orang ramai mempersembahkan korban kepada mereka.

<sup>19</sup>Beberapa orang Yahudi yang datang dari Antiokhia di Pisidia dan juga dari Ikonium mempengaruhi orang ramai sehingga berpihak kepada mereka. Mereka merejam Paulus, lalu menyeret dia ke luar bandar. Mereka menyangka Paulus sudah mati. <sup>20</sup>Tetapi apabila pengikut Yesus di situ berkumpul di sekeliling Paulus, dia bangun lalu masuk kembali ke bandar. Keesokan harinya dia dan Barnabas berangkat ke Derbe.

### III. Kembali ke Antiokhia di Siria (ay. 21-28)

<sup>21</sup>Di Derbe, Paulus dan Barnabas mengkhabarkan Berita Baik dan banyak orang menjadi pengikut Yesus. Kemudian mereka kembali ke Listra, lalu pergi ke Ikonium dan kemudian ke Antiokhia di Pisidia. <sup>22</sup>Mereka menguatkan hati pengikut-pengikut di situ



#### Mari Fikir Sejenak

- Bilakah kali terakhir anda mengongsikan iman anda kepada orang lain?
- Adakah anda kurang yakin atau berani ketika menceritakan iman anda?
- Bagaimana anda menjadi lebih berani melakukan perkara ini?



#### Ayat Hafalan

*Roh yang diberikan Allah kepada kita tidak menjadikan kita penakut, sebaliknya Roh Allah melengkapi kita dengan kuasa, kasih, dan kekuatan untuk mengawal diri.*  
(2 Timotius 1:7)



#### Suatu Pegangan Hidup

Paulus berkata dalam Roma 1:16 bahawa ‘Aku yakin sepenuhnya bahawa Berita Baik itu kuasa Allah yang menyelamatkan semua orang yang percaya kepada Yesus, mula-mula orang Yahudi, dan juga orang bukan Yahudi’. Anda tidak diminta untuk meyakinkan orang, hanya untuk berkongsi iman anda. Injil merupakan kuasa Allah untuk menyelamatkan. Minta kepada Tuhan untuk memberikan anda roh keberanian supaya anda tidak takut untuk bersaksi tentang berita Baik-Nya kepada orang di sekeliling anda.



#### Teropong

- <sup>i</sup> Setelah mengajar di Derbe, Paulus dan Barnabar kembali ke Listra, Ikonium dan Antiokhia di Pisidia. Lukas tidak memberitahu mengapa mereka tidak meneruskan perjalanan ke utara wilayah Kilikia. Keprihatinan mereka terhadap penganut-penganut baru di kota-kota Galatia telah membawa mereka ke lautan yang sama. Mereka mungkin kembali ke Listra, Ikonium dan Antiokhia di Pisidia untuk mengkhususkan pelayanan mereka kepada yang sudah percaya Yesus sahaja supaya tidak membangkitkan sebarang penentangan.



dan menggalakkan mereka supaya tetap percaya kepada Yesus. Rasul-rasul itu berkata, “Kita harus mengalami banyak penderitaan supaya kita dapat menikmati Pemerintahan Allah.”<sup>23</sup>Paulus dan Barnabas melantik pemimpin-pemimpin<sup>l</sup> bagi setiap jemaah, lalu dengan berdoa dan berpuasa mereka menyerahkan jemaah kepada pemeliharaan Tuhan yang dipercayai oleh mereka.

<sup>24</sup>Setelah Paulus dan Barnabas menjelajah daerah Pisidia, mereka sampai ke Pamfilia.<sup>25</sup>Mereka mengkhabarkan Berita Baik di Perga,<sup>k</sup> lalu mereka pergi ke Atalia.<sup>l</sup> <sup>26</sup>Dari situ mereka belayar kembali ke Antiokhia. Dahulu di kota itu mereka diserahkan kepada Allah yang akan memelihara mereka dengan penuh kasih, supaya dapat menjalankan tugas yang sekarang sudah diselesaikan.

<sup>27</sup>Apabila mereka tiba di Antiokhia, mereka mengumpulkan jemaah di situ dan menceritakan segala yang sudah dilakukan oleh Allah melalui mereka. Mereka memberitahu bahawa Allah sudah membuka jalan supaya orang bukan Yahudi percaya kepada Yesus.<sup>28</sup>Paulus dan Barnabas tinggal lama dengan pengikut-pengikut Yesus di situ.

### I. Mesyuarat di Yerusalem (ay. 1-21)

**15** Beberapa orang<sup>a</sup> dari Yudea datang ke Antiokhia dan mula mengajar pengikut Yesus di situ, “Kamu tidak dapat diselamatkan jika kamu tidak disunat menurut Taurat Musa.”<sup>2</sup>Tetapi Paulus dan Barnabas menentang keras ajaran mereka itu. Akhirnya Paulus dan Barnabas dipilih supaya pergi ke Yerusalem dengan beberapa orang lain dari Antiokhia untuk membincangkan masalah itu dengan rasul-rasul dan para pemimpin jemaah di situ.

<sup>3</sup>Lalu jemaah di Antiokhia menghantar mereka sampai ke luar bandar. Sementara mereka melalui daerah Fenisia dan Samaria,<sup>b</sup> mereka memberitahu bahawa orang bukan Yahudi sudah percaya kepada Allah. Berita ini menggembirakan semua pengikut Yesus di situ.<sup>4</sup>Apabila Paulus dan Barnabas tiba di Yerusalem,<sup>c</sup> mereka disambut oleh jemaah, para rasul, dan pemimpin jemaah. Lalu Paulus dan Barnabas menceritakan segala yang sudah dilakukan oleh Allah melalui mereka.<sup>5</sup>Tetapi beberapa orang Farisi<sup>d</sup> yang percaya kepada Yesus, berdiri dan berkata, “Orang bukan Yahudi yang percaya kepada Yesus harus disunat dan diwajibkan menurut Taurat Musa.”

<sup>j</sup> Dalam jemaah Kristian awal orang bukan Yahudi (dan mungkin juga di Yerusalem), istilah ‘penatua’ atau ‘uskup’ (atau ‘pemantau’ seperti dalam beberapa versi) digunakan untuk merujuk kepada orang-orang yang dipilih untuk menjadi pemimpin kepada sidang jemaah.

<sup>k</sup> Ini merupakan kota pertama yang dijejaki mereka di Pamfilia di mana Yohanes Markus meninggalkan mereka (lihat 13: 13-14). Mereka mengkhususkan waktu ini untuk mengajar injil, iaitu perkara yang tidak sempat dilakukan pada lawatan kali pertama mereka.

<sup>l</sup> Atalia merupakan pelabuhan yang bersebelahan dengan Perga dan mempunyai pangkalan yang terbaik di persisiran Pamfilia.



### Teropong

<sup>a</sup> Mereka adalah orang Yahudi Kristian dari Yerusalem yang datang dari ‘kalangan orang Farisi’ (lihat ay. 5). Mereka menegaskan bahawa seseorang itu harus mengikuti Hukum Musa sebelum menjadi Kristian. Dalam ajaran mereka, sunat itu wajib untuk keselamatan. Mereka kemudian dikenali sebagai ‘Judaizer’ (yang bererti ‘hidup menurut adat dan budaya Yahudi’).

<sup>b</sup> Orang-orang Kristian dari Fenisia dan Samaria merupakan Kristian Helenis yang meninggalkan Yerusalem setelah kesyahidan Stefanus. Mereka mungkin telah membuka fikiran mereka terhadap apa yang terjadi di Yerusalem dan bersukacita dengan pekerjaan Allah yang terjadi di kalangan orang-orang bukan Yahudi.

<sup>c</sup> Terdapat beberapa mesyuarat yang berlangsung (seperti yang dicatatkan dalam ay.4-22): (i) mesyuarat umum alu-aluan dan laporan (ayat 4-5) (ii) mesyuarat pemimpin-pemimpin (ayat 6-11) (iii) mesyuarat di antara para rasul, pemimpin gereja dan seluruh jemaah (ayat 12-22).

<sup>d</sup> Ada di kalangan orang Farisi (*rujuk kepada ‘Orang Farisi’, ms. 34*) menjadi Kristian dan membawa kepercayaan agama Yahudi dalam iman baru mereka. Mereka percaya bahawa orang bukan Yahudi harus mengamalkan adat budaya Yahudi dan disunat (lihat ayat 1), kemudian barulah mereka layak untuk menerima keselamatan dengan iman. Mungkin ada di antara mereka yang telah pergi ke Antiokhia dan kini mereka kembali untuk membentangkan kes mereka.

<sup>e</sup> Petrus bukan lagi ketua kepada jemaah di Yerusalem kerana Yakobus telah mengambil alih tugas tersebut (lihat ay.



<sup>6</sup>Lalu para rasul dan pemimpin jemaah berkumpul untuk membincangkan masalah itu. <sup>7</sup>Setelah berbincang lama sekali, akhirnya Petrus<sup>e</sup> berdiri dan berkata, “Saudara-saudara tentu tahu bahawa beberapa waktu yang lalu Allah memilih saya daripada kalangan saudara untuk mengkhabarkan Berita Baik itu kepada orang bukan Yahudi, supaya mereka pun boleh mendengar dan percaya. <sup>8</sup>Allah yang mengenal hati manusia sudah menunjukkan bahawa Dia berkenan kepada orang bukan Yahudi dengan mengurniakan Roh Allah kepada mereka seperti yang sudah dikurniakan-Nya kepada kita. <sup>9</sup>Allah tidak membeza-bezakan orang Yahudi dengan orang bukan Yahudi. Dia mengampunkan dosa mereka kerana mereka percaya. <sup>10</sup>Oleh itu, mengapakah saudara-saudara mahu mencubai Allah dengan membebani pengikut-pengikut ini dengan kewajiban berat yang baik nenek moyang kita mahupun kita sendiri tidak sanggup melakukannya? <sup>11</sup>Janganlah berbuat demikian! Kita percaya dan diselamatkan kerana rahmat Tuhan Yesus; demikianlah Allah menyelamatkan mereka juga.”

<sup>12</sup>Semua orang yang berkumpul di situ diam, sementara mendengarkan laporan Barnabas dan Paulus tentang segala mukjizat dan keajaiban yang dilakukan oleh Allah di kalangan orang bukan Yahudi melalui mereka. <sup>13</sup>Setelah mereka selesai memberikan laporan, Yakobus<sup>f</sup> berkata, “Saudara-saudara,

dingarlah! <sup>14</sup>Simon baru sahaja menerangkan bagaimana Allah pada mulanya menunjukkan kasih-Nya kepada orang bukan Yahudi dengan memilih suatu kelompok di kalangan mereka untuk menjadi umat-Nya. <sup>15</sup>Hal ini sesuai dengan nubuat nabi-nabi, kerana di dalam Alkitab tertulis,<sup>g</sup>

<sup>16</sup>Setelah itu Aku akan kembali, firman Tuhan, Aku akan membina semula rumah Daud yang sudah roboh, dan memperbaiki runtuhannya. Aku akan menegakkannya semula,

<sup>17</sup>supaya semua orang yang lain akan mencari Aku, semua bangsa lain yang bukan Yahudi sudah Aku panggil untuk menjadi umat-Ku.

<sup>18</sup>Demikianlah firman Tuhan yang telah menyatakan hal ini sejak dahulu.”

<sup>19</sup>Yakobus melanjutkan kata-katanya,<sup>h</sup> “Menurut pendapat saya, kita tidak boleh menyusahkan orang bukan Yahudi yang percaya kepada Allah. <sup>20</sup>Sebaliknya, kita harus menulis sepucuk surat untuk menasihati mereka supaya tidak makan makanan yang najis di sisi agama kerana sudah dipersembahkan kepada berhala,<sup>i</sup> atau makan daging binatang yang mati dicekik,<sup>j</sup> atau makan darah.<sup>k</sup> Mereka harus menjauhkan diri juga daripada perbuatan cabul.<sup>l</sup> <sup>21</sup>Hal itu demikian, kerana sejak dahulu Taurat Musa telah dibacakan di rumah-rumah ibadat pada setiap hari Sabat, dan diberitakan di setiap kota.”

13). Tetapi Petrus lebih dominan dalam misi orang Yahudi Kristian dan bertanggungjawab ke atas jemaah di Yerusalem. Dia bercakap sebagai seorang misionaris, bukan sebagai pentadbir apabila dia mengingatkan mesyuarat itu bahawa Allah telah memilih untuk membenarkan orang-orang bukan Yahudi mendengar Injil (11:1-8) sepuluh tahun lebih awal dan mereka menerimanya.

<sup>f</sup> Ini adalah Yakobus, adik kepada Yesus. Bukan Petrus yang membuat keputusan dalam mesyuarat yang dipanggil sebagai Majlis Yerusalem tersebut tetapi Yakobus. Ini mungkin dipengaruhi oleh kedudukan yang disandangnya sebagai pemimpin jemaah yang penting (12:17) dan sebahagiannya kerana dia orang Yahudi Kristian yang terkenal dengan kepatuhannya kepada hukum.

<sup>g</sup> Ayat ini dipetik dari Ams 9:11-12.

<sup>h</sup> Kesimpulan yang disampaikan oleh Yakobus ialah jemaah tidak perlu membebankan orang-orang bukan Yahudi yang berpaling kepada Tuhan kerana Tuhan sedang melakukan perkara yang baru dalam membangun jemaah di hari-hari akhir. Tiada catatan dalam Alkitab yang mengatakan bahawa seseorang harus menjadi seperti orang Yahudi untuk menjadi umat Allah. Sunat tidak lagi diwajibkan, tetapi Yakobus mencadangkan empat perkara yang harus dijauhi oleh orang bukan Yahudi Kristian.

Ini adalah kelemahan-kelemahan orang-orang bukan

Yahudi dan dipandang jilik oleh orang Yahudi. Mesyuarat itu berpendapat bahawa ia akan membantu mengeratkan hubungan di antara orang Yahudi dan bukan Yahudi dalam jemaah sekiranya permintaan itu dilakukan. Orang Yahudi percaya bahawa itu adalah perintah dari Allah yang telah wujud sebelum Hukum Musa lagi.

<sup>i</sup> Ini adalah makanan yang telah dipersembahkan kepada mazbah pagan sebagai korban kepada berhala-berhala (1 Kor 8:7-13).

<sup>j</sup> Alkitab menegaskan bahawa ‘nyawa tiap-tiap makhluk terkandung dalam darahnya’ (Im 17:14) dan itulah sebab mengapa Allah memberitahu Nuh supaya dia tidak memakan daging yang masih berdarah (Kej 9:4). Kehidupan adalah anugerah Allah yang ajaib dan berharga kepada manusia. Manusia tidak seharusnya memakan ‘hidup’ yang ada ‘dalam darah’ untuk memanjangkan hidup mereka seperti yang dilakukan oleh penyembah-penyembah berhala sejak dahulu lagi. Daging binatang yang dicekik akan meninggalkan sedikit darah di dalamnya. Oleh itu, ia diharamkan.

<sup>k</sup> Memakan darah adalah sangat diharamkan dalam hukum Yahudi (*lihat nota j di atas*). Ini mungkin merujuk kepada amalan memakan darah itu sendiri selain daripada daging.

<sup>l</sup> Perbuatan cabul adalah dosa yang dipandang ringan oleh orang Yunani. Ia juga dikaitkan dengan beberapa pesta agama pagan.



## II. Surat kepada Jemaah Bukan Yahudi (ay. 22-35)

<sup>22</sup>Kemudian para rasul dan pemimpin jemaah bersama-sama jemaah itu membuat keputusan untuk memilih beberapa orang di kalangan mereka dan mengutus mereka ke Antiokhia bersama-sama Paulus dan Barnabas. Lalu mereka memilih Silas<sup>m</sup> dan Yudas yang juga disebut Barsabas. Kedua-dua orang itu sangat dihormati oleh pengikut Yesus di Yerusalem. <sup>23</sup>Sepucuk surat yang berbunyi sebagai berikut dikirim melalui mereka,

“Kepada semua saudara yang berasal daripada bangsa bukan Yahudi, yang tinggal di Antiokhia, Siria, dan Kilikia. Salam daripada kami, rasul-rasul, pemimpin-pemimpin jemaah, dan jemaah di sini. <sup>24</sup>Kami mendengar bahawa beberapa orang daripada kalangan kami sudah menyusahkan dan membingungkan saudara semua dengan ajaran mereka. Padahal kami tidak menyuruh mereka melakukan hal itu. <sup>25</sup>Oleh itu kami bermesyuarat dan bersetuju memilih beberapa orang lalu mengutus mereka kepada saudara semua. Mereka akan pergi dengan Barnabas dan Paulus. <sup>26</sup>Kedua-dua orang saudara yang kami kasihi itu sudah mempertaruhkan nyawa kerana mengabdikan diri kepada Tuhan kita Yesus Kristus. <sup>27</sup>Kami mengutus Yudas dan Silas, lalu mereka akan memberitahukan hal yang sama, seperti

yang kami tuliskan dalam surat ini. <sup>28</sup>Roh Allah<sup>n</sup> dan kami bersetuju bahawa kami tidak perlu membebani saudara semua dengan kewajipan lain, kecuali yang mustahak sahaja: <sup>29</sup>Janganlah makan makanan yang sudah dipersembahkan kepada berhala; jangan makan darah; jangan makan daging binatang yang mati dicekik, dan jauhan diri daripada perbuatan cabul. Jika saudara semua tidak melakukan perkara-perkara itu, saudara-saudara berbuat yang betul. Sekian sahaja dan salam bahagia.”

<sup>30</sup>Mereka yang diutus itu berangkat ke Antiokhia. Di situ mereka mengumpulkan semua pengikut Yesus lalu menyampaikan surat itu. <sup>31</sup>Apabila jemaah membaca surat itu, mereka bersukacita kerana surat itu menggalakkan mereka. <sup>32</sup>Yudas dan Silas, yang kedua-duanya nabi,<sup>o</sup> bercakap lama sekali dengan mereka untuk memberikan semangat dan keberanian. <sup>33</sup>Setelah Yudas dan Silas tinggal di situ beberapa lama, jemaah di Antiokhia menyuruh mereka kembali dengan sejahtera kepada orang yang mengutus mereka. <sup>34</sup>[Tetapi Silas mengambil keputusan untuk tetap tinggal di situ].

<sup>35</sup>Paulus dan Barnabas pun tinggal di Antiokhia beberapa lama. Di situ mereka mengajar dan menyampaikan firman Tuhan bersama-sama banyak orang lain.



### Teropong

<sup>m</sup> Mereka mungkin pemimpin-pemimpin jemaah di Yerusalem. Yudas tidak disebut lagi selepas ini tetapi Silas menjadi orang yang penting seperti yang akan dilihat dalam Bab yang akan datang. Dia adalah seorang nabi (ay. 32) dan merupakan warganegara Roma (16:37).

<sup>n</sup> Wibawa diberikan kepada Roh Allah terlebih dahulu walaupun para rasul, pemimpin jemaah dan orang percaya yang lain telah memberi persetujuan. Mereka juga mengatakan secara tidak langsung bahawa Roh Allah hadir dan bekerja semasa mereka berkumpul.

<sup>o</sup> Seperti yang dinyatakan di sini, satu daripada tugas penting seorang nabi dalam jemaah awal ialah untuk mendorong dan menguatkan sesama saudara (lihat Bab 11, nota q).



### Mari Fikir Sejenak

Perhatikan bagaimana rasul-rasul merujuk kepada Alkitab untuk memastikan bahawa keputusan mereka dibuat sesuai dengan kehendak Tuhan.

- Sejauh manakah anda mengetahui Alkitab anda? Seandainya anda ingin membuat keputusan, adakah anda tahu bahagian Alkitab mana yang anda harus baca untuk mendapatkan bimbingan yang anda perlukan?
- Adakah anda membaca Alkitab setiap hari? Jika tidak, ambil keputusan untuk membacanya setiap hari. Jika ya, mahukah anda meluangkan lebih masa membacanya?
- Adakah anda terlibat dalam kumpulan yang mempelajari Alkitab setiap minggu? Jika tidak, carilah dan sertailah mereka!

**III. Paulus dan Barnabas Berpisah (ay. 36-41)**

<sup>36</sup>Beberapa lama kemudian Paulus<sup>p</sup> berkata kepada Barnabas, "Marilah kita lawat semula saudara-saudara yang percaya kepada Yesus di semua kota yang sudah kita sampaikan firman Tuhan. Marilah kita lihat sama ada mereka tetap percaya kepada Tuhan."<sup>37</sup>Barnabas hendak membawa Yohanes Markus,<sup>38</sup>tetapi Paulus tidak bersetuju untuk membawanya, kerana Markus meninggalkan mereka di Pamfilia,<sup>q</sup> dan tidak menyertai mereka menyelesaikan tugas. <sup>39</sup>Oleh itu Paulus dan Barnabas bertengkar dengan sengit sehingga akhirnya mereka berpisah. Barnabas<sup>r</sup> membawa Markus bersama-samanya lalu belayar ke Siprus. <sup>40</sup>Paulus memilih Silas,<sup>s</sup> lalu berangkat dengan dia setelah jemaah di Antiokhia menyerahkan mereka kepada rahmat Tuhan. <sup>41</sup>Mereka menjelajahi daerah Siria dan Kilikia, serta menguatkan jemaah di situ.

<sup>p</sup> Lukas menunjukkan bagaimana Paulus memberi inisiatif untuk perjalanan misi yang lain. Paulus tidak bermaksud untuk menginjil ke tempat yang baru tetapi sekadar melawat mereka yang telah percaya semasa pelayanan misi yang pertama. Namun begitu, Tuhan ingin membawa misi penginjilan melaluinya.

<sup>q</sup> Lihat 13:33. Markus kembali ke Yerusalem ketika di Perga dan tidak pergi ke Antiokhia, Ikonium, Listra dan Derbe.

<sup>r</sup> Barnabas dan Markus tidak lagi dicatatkan di dalam Kisah Rasul-Rasul selepas ini. Walaupun ada perselisihan, kita mendapati bahawa Paulus masih menyanjung Barnabas (1 Kor 9:6). Paulus telah berbaik semula dengan Markus kerana dalam beberapa suratnya, dia menyebut Markus dalam perkara yang baik.

<sup>s</sup> Paulus telah menjemput Silas bagi perjalanan misinya yang kedua ini. Dia sangat menghargai Silas apabila mereka bertemu di Yerusalem dan Antiokhia di Siria dan dia percaya bahawa Silas adalah teman pelayanan yang baik. Selain dari itu, Silas juga merupakan pemimpin jemaah di Yerusalem dan diterangkan secara terperinci dalam surat ke Yerusalem sebagai seorang yang berwibawa dalam berkata-kata tentang sikap jemaah Yerusalem. Dia juga merupakan warganegara Roma dan dia berhak mendapat keistimewaan, jika perlu, bersama dengan Paulus.

**I. Timotius Mengikut Paulus dan Silas (ay. 1-5)**

**16** Paulus meneruskan perjalanan ke Derbe dan kemudian ke Listra. Seorang pengikut Yesus bernama Timotius<sup>a</sup> tinggal di situ. Ibunya<sup>b</sup>, orang Yahudi yang sudah percaya kepada Yesus; tetapi bapanya orang Yunani.<sup>c</sup> <sup>2</sup>Semua pengikut Yesus yang tinggal di Listra dan Ikonium memuji Timotius. <sup>3</sup>Paulus hendak membawa Timotius dengannya. Oleh itu Paulus menyunat Timotius,<sup>d</sup> kerana semua orang Yahudi di daerah itu tahu bahawa bapa Timotius orang Yunani.

<sup>4</sup>Di setiap kota yang dikunjungi, mereka menyampaikan peraturan yang sudah ditetapkan oleh para rasul dan pemimpin jemaah di Yerusalem. Jemaah dinasihati supaya menurut peraturan itu. <sup>5</sup>Oleh itu iman jemaah semakin teguh dan setiap hari bilangan mereka semakin bertambah.

**Teropong**

<sup>a</sup> Paulus mengatakan Timotius 'sebagai pengikut Kristus, dia seperti anakku sendiri yang aku kasihi' (1 Kor 4:17), satu gambaran yang mengusulkan bahawa Timotius telah menerima Yesus, hasil daripada pelayanan Paulus di Listra. Timotius dikatakan masih remaja ketika itu.

<sup>b</sup> Dalam 2 Tim 1:5, kita mengetahui nama ibunya ialah Eunike dan dia juga mempunyai seorang nenek bernama Lois yang juga beragama Kristian. Seperti yang tercatat, semua keluarga ini telah menerima Yesus.

<sup>c</sup> Gambaran yang diberikan tentang bapanya dalam Yunani dan ketidakpastian tentang agamanya seperti menyatakan bahawa dia bukan penganut agama Yahudi mahupun Kristian dan kemungkinan juga dia sudah meninggal dunia.

<sup>d</sup> Sebagai anak dalam keluarga perkahwinana campur, kedudukan Timotius tidak jelas. Orang Yahudi tidak seharusnya mengahwini orang bukan Yahudi, tetapi jika hal ini berlaku, anak mereka akan dianggap sebagai Yahudi dan boleh disunat. Tiada sebab yang dicatatkan mengapa ia tidak dilakukan kepada Timotius ketika ia disebut. Oleh kerana misi Paulus akan menyebabkan Timotius berdepan dengan ramai orang Yahudi, Paulus berfikir bahawa lebih baik jika Timotius disunat untuk mengelakkan masalah dengan orang Yahudi kerana dia akan dianggap sebagai orang Yahudi.



## II. Paulus Melihat Suatu Penglihatan di Troas (ay. 6-10)

<sup>6</sup>Kerana Roh Allah tidak membenarkan mereka memberitahkan firman Allah di wilayah Asia,<sup>e</sup> mereka menjelajah daerah Frigia dan Galatia.<sup>f</sup> <sup>7</sup>Apabila mereka tiba di perbatasan Misia,<sup>g</sup> mereka mencuba masuk ke wilayah Bitinia,<sup>h</sup> tetapi Roh Yesus<sup>i</sup> tidak membenarkan mereka. <sup>8</sup>Oleh itu mereka terus pergi ke Troas<sup>j</sup> melalui Misia. <sup>9</sup>Pada malam itu dalam suatu penglihatan Paulus melihat seorang Makedonia<sup>k</sup> berdiri di hadapannya dan memohon, “Marilah datang ke Makedonia dan tolonglah kami!” <sup>10</sup>Setelah Paulus melihat penglihatan itu, kami<sup>l</sup> bersependapat bahawa Allah telah menyuruh kami mengkhabarkan Berita Baik kepada orang di situ. Oleh itu kami segera bersiap-siap untuk berangkat ke Makedonia.



### Teropong

<sup>e</sup> Asia merupakan wilayah Roma yang terletak di barat Galatia dan melingkungi daerah-daerah kecil di Misia dan Frigia. Ibu kotanya ialah Efesus (*lihat Bab 6, nota s*).

<sup>f</sup> Ini mungkin merujuk kepada satu kawasan orang-orang Frigia dan Galatia. Ia terlentang ke arah barat dari Ikonium yang akan dilalui oleh Paulus dalam perjalanannya ke Misia. Sebahagian dari kawasan yang bernama Frigia terletak di dalam wilayah Asia. Galatia merupakan wilayah Roma yang lebih besar dan terletak di utara Pamfilia, ke arah timur Asia. (*Lihat Bab 14, nota c untuk maklumat yang lebih terperinci tentang Galatia*).

<sup>g</sup> Misia berada di bahagian barat laut wilayah Asia.

<sup>h</sup> Bitinia adalah salah satu daripada wilayah Roma yang terletak di timur Misia. Sementara rombongan Paulus berjalan ke arah barat daya dengan menyusuri kawasan Misia, mereka memutuskan untuk masuk ke kawasan Bitinia supaya boleh menginjil kota-kota dan pelabuhan-pelabuhan yang strategik di sepanjang Laut Hitam di mana semua tempat-tempat itu dihubungkan oleh sistem laluan Roma yang terurus. Akan tetapi, seperti yang dimaklumkan oleh Lukas, Roh Yesus tidak membenarkan mereka untuk bertindak sedemikian kerana Dia mempunyai rancangan yang lain bagi mereka.

<sup>i</sup> Ada kalanya ‘Roh Allah’ digunakan untuk menggantikan perkataan Allah dan di sini ia digantikan dengan Roh Yesus.

<sup>j</sup> Troas merupakan salah satu daripada jajahan Roma dan merupakan sebuah pelabuhan yang penting untuk perdagangan di antara jajahan-jajahan Roma di bahagian timur dan di barat Makedonia. Pada suatu ketika, mungkin ketika dalam perjalanan misi Paulus yang kedua atau ketiga, sebuah jemaah wujud di Troas. Ini kerana, Paulus telah menginjil kepada orang percaya di sana apabila dia kembali selepas perjalanan misinya yang ketiga dalam

## III. Lidia Percaya kepada Allah di Filipi (ay. 11-15)

<sup>11</sup>Kami meninggalkan Troas lalu langsung belayar ke Samotrake,<sup>m</sup> dan hari berikutnya ke Neapolis.<sup>n</sup> <sup>12</sup>Dari situ kami menuju ke Filipi,<sup>o</sup> sebuah kota di daerah pertama negeri Makedonia. Filipi juga jajahan Empayar Roma. Di situ kami tinggal beberapa hari. <sup>13</sup>Pada hari Sabat kami ke luar bandar dan pergi ke tepi sungai, kerana kami berfikir di situ terdapat tempat orang Yahudi berdoa.<sup>p</sup> Kami duduk dan bercakap dengan wanita-wanita yang berkumpul di situ. <sup>14</sup>Salah seorang pendengar kami bernama Lidia,<sup>q</sup> pedagang kain ungu yang mahal. Dia berasal dari Tiatira<sup>r</sup> dan dia mengasihi Allah.<sup>s</sup> Oleh itu Tuhan membuka fikirannya sehingga dia menyambut ajaran Paulus. <sup>15</sup>Lidia dan seisi rumahnya dibaptis. Setelah itu

perjalanannya kembali ke Yerusalem (20: 5-12).

<sup>k</sup> Makedonia telah menjadi sebuah jajahan Roma pada 148 SM. Ia terletak di utara Akhaya (Greece).

<sup>l</sup> Ini adalah titik permulaan bagi penggunaan kata ganti diri ‘kami’ dalam Kisah Rasul-Rasul. Lukas ingin menunjukkan bahawa dia telah menyertai rombongan tersebut di Troas.



### Teropong

<sup>m</sup> Samotrake merupakan sebuah pulau di timur laut Laut Aegean yang terletak di antara Troas dan Filipi. Ia merupakan tempat yang strategik untuk persinggahan bot bagi mengelak belayar pada waktu malam.

<sup>n</sup> Neapolis adalah pelabuhan bagi Filipi, 16 km (10 batu) dari Samotrake.

<sup>o</sup> Filipi ialah sebuah kota di bahagian timur Makedonia dan dinamakan sempena Filipus II, ayah kepada Aleksander Agung. Makedonia mempunyai empat daerah dan Filipi merupakan daerah yang pertama. Ia merupakan jajahan Roma dan ramai pesara tentera Roma menetap di sana. Hanya sebilangan kecil orang Yahudi menetap di Filipi. Pada suatu masa dahulu, ia terkenal dengan datarannya yang subur dan juga emas yang terdapat di pergunungan sebelah utara. Filipi menjadi sebuah daerah yang penting pada masa PB kerana hasil pertanian, lokasi perniagaan yang baik untuk kedua-dua laluan laut dan darat, lombong emas yang masih mengeluarkan hasil serta statusnya sebagai salah satu koloni Roma. Tambahan lagi, ia mempunyai sebuah sekolah perubatan yang terkenal dengan graduan yang dikenali di seluruh dunia pada masa itu.

<sup>p</sup> Sebuah rumah ibadat hanya boleh wujud sekiranya terdapat sekurang-kurangnya sepuluh orang ahli. Oleh kerana tiada rumah ibadat yang disebut, besar kemungkinan hanya



dia menjemput kami ke rumahnya. Dia berkata, “Jika saudara-saudara yakin bahawa saya benar-benar percaya kepada Tuhan, marilah menumpang di rumah saya.”<sup>11</sup> Dia mendesak supaya kami pergi ke rumahnya.

#### IV. Paulus Dipenjarakan di Filipi (ay. 16-40)

<sup>16</sup>Pada suatu hari, kami sedang pergi ke tempat orang berdoa, apabila kami berjumpa dengan seorang hamba wanita. Dia dirasuk oleh roh jahat<sup>u</sup> yang membolehkan dia meramalkan peristiwa yang akan datang. Dengan meramalkan nasib orang, dia mendatangkan keuntungan yang besar bagi pemilik-pemilikinya. <sup>17</sup>Wanita itu mengikuti Paulus dan kami<sup>v</sup> sambil berseru, “Mereka hamba Allah Yang Maha Tinggi!” Mereka datang untuk memberitahu bagaimana Allah dapat menyelamatkan kamu!<sup>w</sup><sup>x</sup>

beberapa orang Yahudi yang ada di Filipi. Orang Yahudi dan orang-orang yang mengasihi Allah biasanya berkumpul di tepi sungai untuk berdoa. Ia mungkin terletak di luar kota memandangkan orang Yahudi dilarang untuk berkumpul di kota itu. Perkumpulan di tempat yang berdekatan dengan air itu bertujuan untuk memudahkan upacara penyucian orang Yahudi.

<sup>9</sup> Lidia adalah seorang peniaga. Namanya mungkin dikaitkan dengan tempat asalnya, daerah Lidia di wilayah Roma, Asia.

<sup>r</sup> Tiatira berada di wilayah Roma di Asia. Ia terkenal dengan penghasilan pewarna ungu dan kain berwarna, industri yang kebanyakannya diusahakan oleh wanita-wanita di rumah. Lidia mungkin datang ke Filipi untuk berniaga.

<sup>s</sup> Lidia merupakan orang bukan Yahudi seperti Kornelius (10:2) yang mengasihi Allah dan menurut ajaran moral dari Kitab Suci. Walau bagaimanapun, dia belum menjadi penganut agama Yahudi yang sepenuhnya. Dia mungkin seorang balu atau wanita yang belum berkahwin. Beberapa orang wanita yang berkumpul untuk menyembah adalah saudara dan pekerja di rumahnya dan semua mereka telah dibaptis.

<sup>t</sup> Jemaah di Filipi bermula dari satu pertemuan yang kecil. Melalui pembacaan surat Paulus kepada jemaah di Filipi, kita dapat melihat bahawa dia sangat menyayangi mereka. Seperti yang dinyatakan di atas, Lukas mungkin terlibat dalam penubuhan serta pertumbuhan jemaah di sana. Tidak lama selepas itu, Lidia menjadi tunjang utama dalam penyembahan dan penginjilan orang Kristian di

Filipi.



Nyatakan satu perkara yang membuatkan anda kagum

<sup>18</sup>Selama beberapa hari wanita itu terus-menerus berseru demikian, sehingga Paulus menjadi marah, lalu berpaling dan berkata kepada roh itu, “Demi nama Yesus Kristus aku memerintah engkau keluar daripada wanita ini!” Pada saat itu juga roh itu meninggalkan wanita itu. <sup>19</sup>Apabila pemilik-pemilikinya sedar bahawa kesempatan untuk mendapat wang sudah lenyap, mereka menangkap Paulus dan Silas lalu menyeret kedua-dua mereka menghadap pihak berkuasa di padang kota.<sup>y</sup> <sup>20</sup>Mereka menghadapkan Paulus dan Silas kepada pegawai-pegawai kerajaan Roma<sup>z</sup> dan berkata, “Kedua-dua orang ini orang Yahudi. Mereka menyebabkan kekacauan di kota kita. <sup>21</sup>Mereka mengajarkan adat resam yang bertentangan dengan hukum kita.<sup>a</sup> Kita orang Roma dan tidak dapat menerima atau menurut adat resam



#### Teropong

<sup>u</sup> Terjemahan literalnya adalah ‘satu roh, ular sawa’. Ia merujuk kepada ular yang dibunuh oleh dewa Yunani Apolo, seperti dalam legenda orang Yunani. Ular mitos ini dipuja di Kuil Apolo.

Gelaran ‘ular sawa’ diberikan kepada orang yang dirasuk oleh roh ular tersebut untuk berkata-kata. Oleh kerana orang yang dirasuk bukan bercakap atas kerelaan sendiri, istilah ‘pembicara suara dari perut’ digunakan untuk menggelar mereka.

<sup>v</sup> Perkataan ‘kami’ digunakan untuk kali terakhir di sini dan disambung semula dalam 20:5.

<sup>w</sup> Ini merupakan gelaran biasa orang Yahudi dan Yunani untuk dewa atau tuhan mereka. Walau bagaimanapun, penganut agama Yahudi dan Kristian tidak menggunakan gelaran ini dalam PB.

<sup>x</sup> Walaupun pengertian ‘keselamatan’ bagi Paulus dan orang Yahudi bermaksud dilepaskan dari dosa, orang bukan Yahudi menganggap kemerdekaan dari kuasa yang memegang takdir manusia dan dunia adalah jalan keselamatan.

<sup>y</sup> Ini adalah padang kota yang menjadi pusat perniagaan.

<sup>z</sup> Versi lain menterjemahkan istilah ini sebagai ‘majistret’.

<sup>a</sup> Jika sebuah agama tidak mendapat kebenaran dari kerajaan Roma, ia akan dianggap sebagai agama haram. Agama Yahudi mempunyai kelulusan tersebut tetapi agama Kristian tidak.

<sup>b</sup> Mereka dicambuk dengan batang kayu.

<sup>c</sup> Ini digunakan bukan hanya sekadar untuk mengukuhkan tetapi juga sebagai satu penyiksaan.

<sup>d</sup> Jika banduan terlepas, nyawa pengawal penjara akan





itu!"<sup>22</sup>Orang ramai pun turut menyerang Paulus dan Silas.

Pegawai-pegawai kerajaan mengoyak pakaian Paulus dan Silas lalu menyuruh orang mencambuk<sup>b</sup> mereka. <sup>23</sup>Setelah mereka dicambuk dengan teruk, mereka dimasukkan ke dalam penjara. Ketua penjara disuruh menjaga mereka dengan ketat. <sup>24</sup>Setelah menerima perintah itu, ketua penjara itu menahan mereka di bilik penjara yang paling dalam, dan mengenakan pasung<sup>c</sup> pada kaki mereka.

<sup>25</sup>Kira-kira tengah malam Paulus dan Silas berdoa dan menyanyikan puji-pujian kepada Allah. Orang tahanan yang lain mendengar mereka. <sup>26</sup>Tiba-tiba berlaku gempa bumi yang kuat sekali, sehingga asas penjara itu bergoncang. Semua pintu penjara terbuka dan rantai yang membelenggu semua orang tahanan pun terlepas. <sup>27</sup>Ketua penjara itu terjaga, dan apabila dia nampak pintu-pintu penjara terbuka, dia menangka semua orang tahanan sudah lari. Oleh itu dia menghunus pedang untuk membunuh diri.<sup>d</sup> <sup>28</sup>Tetapi Paulus berseru dengan kuat sekali, "Jangan bunuh diri! Kami semua masih di sini!"

<sup>29</sup>Ketua penjara itu meminta suluh lalu lari ke dalam, dan dengan gementar dia menjatuhkan diri pada kaki Paulus dan Silas. <sup>30</sup>Kemudian ketua penjara itu membawa mereka keluar dan berkata, "Tuan-tuan, apakah yang harus saya lakukan supaya diselamatkan?"<sup>e</sup>

<sup>31</sup>Paulus dan Silas menjawab, "Percayalah kepada Tuhan Yesus, lalu kamu akan diselamatkan -- kamu dan keluargamu!" <sup>32</sup>Lalu Paulus dan Silas menerangkan firman Tuhan kepada ketua penjara itu dan kepada semua orang di rumahnya. <sup>33</sup>Pada malam itu juga, ketua penjara itu membawa mereka ke

suatu tempat dan membasuh luka-luka mereka. Lalu dia dan keluarganya dibaptis. <sup>34</sup>Kemudian dia membawa Paulus dan Silas ke rumahnya lalu memberi mereka makanan. Ketua penjara itu dan keluarganya bersukacita kerana mereka sekarang percaya kepada Allah.

<sup>35</sup>Keesokan paginya, pegawai-pegawai kerajaan Roma menyuruh pegawai-pegawai polis ke penjara untuk menyampaikan perintah supaya Paulus dan Silas dibebaskan.

<sup>36</sup>Ketua penjara itu memberitahu Paulus, "Pergilah dengan sejahtera, kerana pegawai-pegawai kerajaan sudah memberikan perintah supaya tuan berdua dibebaskan."

<sup>37</sup>Tetapi Paulus berkata kepada pegawai-pegawai polis itu, "Kami warganegara Roma!<sup>f</sup> Kami tidak didapati bersalah, tetapi kami sudah dicambuk di hadapan orang ramai, lalu dimasukkan ke dalam penjara. Sekarang mereka mahu menyuruh kami pergi dengan diam-diam! Kami tidak mahu! Pegawai-pegawai kerajaan Roma itu sendiri harus ke mari<sup>g</sup> dan membebaskan kami."

<sup>38</sup>Pegawai-pegawai polis itu melaporkan hal itu kepada pegawai-pegawai kerajaan Roma. Apabila mereka mendengar bahawa Paulus dan Silas warganegara Roma, mereka takut. <sup>39</sup>Oleh itu mereka datang meminta maaf. Kemudian mereka memimpin Paulus dan Silas keluar dari penjara, dan meminta supaya mereka meninggalkan kota itu. <sup>40</sup>Paulus dan Silas meninggalkan penjara itu lalu pergi ke rumah Lidia. Di situ mereka berjumpa dengan pengikut-pengikut Yesus, dan setelah menggalakkan orang di situ, Paulus dan Silas berangkat.<sup>h</sup>

dijadikan pengganti (lihat 12:19). Dia ingin mengelak daripada keaiban dan kesengsaraan dengan membunuh diri.

<sup>e</sup> Ketua penjara mungkin tahu bahawa mereka adalah guru tentang jalan keselamatan (ay. 17). Setelah mengalami gempa bumi dan hampir mati, dia ingin mengetahui tentang jalan keselamatan.

<sup>f</sup> Menurut undang-undang kerajaan Roma, seorang warganegara Roma boleh pergi ke mana sahaja asalkan masih dalam lingkungan jajahan Roma, di bawah perlindungan pihak kerajaan. Ketika dalam kesusahan, dia tidak perlu terikat dengan undang-undang tempatan kecuali diizinkan dan dia boleh memohon untuk diadili oleh kerajaan Roma, bukan oleh pihak berkuasa tempatan.

Hukuman cambuk di hadapan orang ramai bagi warganegara Roma adalah salah di sisi undang-undang, apatah lagi dicambuk tanpa dihadapkan ke muka pengadilan. Memukul dan memenjarakan warganegara Roma tanpa dibicarakan adalah satu kesalahan besar.

<sup>g</sup> Paulus dan Silas meminta untuk diiringi bukan saja untuk

menunjukkan bahawa mereka tidak bersalah tetapi demi jemaah di Filipi (untuk melindungi beberapa orang percaya yang berkumpul di rumah Lidia) dan masa depan jemaah itu.

<sup>h</sup> Setelah meninggalkan penjara, Paulus dan Silas bertemu dengan jemaah kecil di rumah Lidia dan memberi dorongan berhubung dengan iman baru mereka. Kemudian, mereka berangkat bersama dengan Timotius ke arah barat menuju ke Tesalonika. Lukas nampaknya tetap tinggal di Filipi kerana hanya beberapa waktu kemudian (20:5) barulah perkataan 'kami' digunakan kembali ketika di Filipi.



Apakah reaksi anda apabila perkara yang tidak baik berlaku kepada anda?

Apakah yang boleh dipelajari dari contoh sikap Paulus dan Silas?

**I. Paulus dan Silas di Tesalonika (ay. 1-9)**

**17** Paulus dan Silas meneruskan perjalanan<sup>a</sup> melalui Ampifolis<sup>b</sup> dan Apolonia,<sup>c</sup> lalu tiba di Tesalonika.<sup>d</sup> Di situ terdapat rumah ibadat orang Yahudi. <sup>2</sup> Seperti yang biasa dilakukan oleh Paulus, dia pergi ke rumah ibadat, dan berbincang dengan orang di situ tentang ayat-ayat Alkitab. Dia melakukan hal itu selama tiga hari Sabat<sup>e</sup> berturut-turut. <sup>3</sup> Dia menjelaskan ayat-ayat Alkitab itu dan membuktikan bahawa Penyelamat yang diutus oleh Allah harus mengalami penderitaan dan bangkit daripada kematian. Paulus berkata bahawa Yesus yang diberitakannya kepada mereka itu Penyelamat yang diutus oleh Allah. <sup>4</sup> Beberapa orang antara mereka percaya kepada kata-kata Paulus lalu mengikut Paulus dan Silas; begitu juga sebilangan besar orang Yunani yang takut akan Allah, dan banyak lagi wanita terkemuka.<sup>f</sup>

<sup>5</sup> Tetapi orang Yahudi iri hati, lalu mengumpulkan

pengacau di jalan-jalan dan membentuk kumpulan perusuh. Lalu mereka menimbulkan kekacauan di seluruh kota itu dan menyerbu rumah Yason<sup>g</sup> untuk mencari Paulus dan Silas. Mereka hendak membawa Paulus dan Silas menghadap orang ramai. <sup>6</sup> Tetapi apabila mereka tidak dapat menjumpai Paulus dan Silas, mereka menyeret Yason dan beberapa orang pengikut Yesus lainnya ke hadapan pihak berkuasa di kota itu dan berseru, "Semua orang ini sudah menimbulkan kekacauan di serata tempat. Sekarang mereka datang ke kota kita, <sup>7</sup> dan Yason menyambut mereka di rumahnya. Mereka semua melanggar hukum Kaisar Roma, kerana mereka berkata bahawa ada raja lain<sup>h</sup> yang bernama Yesus." <sup>8</sup> Dengan kata-kata itu mereka menimbulkan kegemparan di kalangan orang ramai dan pihak berkuasa kota itu <sup>9</sup> Lalu pihak berkuasa menyuruh Yason dan pengikut Yesus lainnya membayar ikat jamin.<sup>i</sup> Setelah itu mereka dibenarkan pergi.

**Teropong**

<sup>a</sup> Satu laluan utama Roma yang penting merentasi Filipi, Ampifolis, Apolonia dan Tesalonika dan melalui barat Makedonia ke arah persisiran di mana pengembara boleh belayar ke Italia. Laluan yang baik seperti ini amat membantu perjalanan misi Paulus. Sekiranya seseorang berjalan sejauh 48 km (30 batu) sehari, setiap kota boleh dikunjungi dalam masa sehari.

<sup>b</sup> Ampifolis terletak 53 km (33 batu) dari barat daya Filipi. Ia pernah menjadi ibu kota bagi daerah di bahagian barat Makedonia. Walaupun ia lebih besar dan lebih penting dari Filipi, Paulus dan teman-temannya hanya sekadar 'melalui' kota ini.

<sup>c</sup> Mereka juga melalui Apolonia yang terletak kira-kira 43 km (27 batu) selepas Ampifolis ketika meneruskan perjalanan ke arah barat. Mereka ingin sampai ke Tesalonika yang terletak 56 km (35 batu) dari arah barat daya Apolonia.

<sup>d</sup> Tesalonika (dikenali sebagai Salonika pada hari ini) merupakan ibu kota Makedonia yang paling besar dan makmur. Ia menghubungkan kawasan pertanian yang subur di Makedonia dan juga laluan darat dan laut ke arah timur. Sebagai satu kota besar yang menjadi pusat kerajaan serta perniagaan yang mempunyai penduduk sekitar 200,000 orang, Tesalonika menarik perhatian ramai orang luar termasuk orang Yahudi. Paulus melihat tempat itu sebagai satu pusat penyebaran injil bagi seluruh kawasan tersebut. Oleh itu, Paulus dan Silas (yang masih cedera kerana bekas cambukan) berusaha untuk mengharungi 161 km (100 batu) dari Filipi sehingga ke Tesalonika.

<sup>e</sup> Tiga hari Sabat ini mewakili panjang waktu Paulus berbincang dengan orang Yahudi di rumah ibadat, bukan jumlah hari dia berada di Tesalonika. Satu analisis terhadap surat untuk Tesalonika menunjukkan bahawa Paulus telah mengajar mereka lebih banyak doktrin ketika itu berbanding jika dia berada di sana selama dua atau tiga minggu sahaja.

<sup>f</sup> Mereka adalah wanita-wanita yang berkedudukan tinggi di kota yang mungkin isteri kepada warga penting di kota itu.

<sup>g</sup> Yason mungkin salah seorang daripada orang Yahudi yang telah menukar kepercayaan. Besar kemungkinan Paulus menginap di rumahnya.

<sup>h</sup> Bagi orang Yahudi, perbuatan khufur merupakan tuduhan yang paling serius. Bagi orang Roma pula, pengkhianatan seperti bersekongkol dengan musuh untuk menentang Kaisar merupakan tuduhan yang paling berat.

<sup>i</sup> Tuduhan yang dijatuhkan ke atas Paulus dan Silas serta rakan-rakan mereka yang lain mengejutkan pegawai-pegawai kota. Tetapi mereka mendapati bukti tuduhan tersebut tidak kukuh kerana Paulus dan Silas tidak ditemui. Oleh itu, mereka mengambil satu tindakan yang dianggap sederhana serta munasabah. Mereka memaksa Yason serta orang yang bersamanya membayar satu ganti rugi ataupun ikat jamin, kemungkinan sejenis bayaran atau persetujuan untuk memastikan supaya mereka tidak menimbulkan hal lagi. Dia boleh saja berhadapan dengan pembekuan harta atau kematian. Ini menerangkan bahawa Paulus dan Silas terpaksa meninggalkan Tesalonika dan teman baik mereka harus berjanji supaya mereka tidak akan kembali sekiranya pemerintah semasa masih berkuasa.



## II. Paulus dan Silas di Berea (ay. 10-15)

<sup>10</sup>Pada malam itu pengikut Yesus di kota itu menyuruh Paulus dan Silas pergi ke Berea.<sup>i</sup> Sebaik sahaja tiba di situ, mereka pergi ke rumah ibadat orang Yahudi. <sup>11</sup>Fikiran orang di situ lebih terbuka daripada fikiran orang di Tesalonika. Mereka suka sekali mendengar perkhabaran tentang Yesus, dan tiap-tiap hari mereka mengkaji Alkitab untuk mengetahui sama ada ajaran Paulus itu benar. <sup>12</sup>Banyak antara mereka percaya kepada Yesus. Banyak wanita Yunani yang terkemuka, dan orang lelaki Yunani yang percaya kepada Yesus. <sup>13</sup>Apabila orang Yahudi di Tesalonika mendengar bahawa Paulus mengkhabarkan firman Allah di Berea juga, mereka pun datang dan mula menghasut orang ramai supaya merusuh. <sup>14</sup>Dengan segera pengikut Yesus di situ menghantar Paulus ke pantai, tetapi Silas dan Timotius tetap tinggal di Berea. <sup>15</sup>Setelah menghantar Paulus sampai ke Atena,<sup>k</sup> pengikut Yesus dari Berea kembali dengan membawa arahan daripada Paulus supaya Silas dan Timotius menyusul dia secepat mungkin.



### Teropong

<sup>j</sup> Ikat jamin yang dibayar oleh Yason dan rakan-rakannya yang lain mungkin akan dibatalkan sekiranya Paulus dan Silas dijumpai di dalam rumah mereka. Jadi mereka menghantar Paulus, Silas dan Timotius ke Berea, kira-kira 81 km (50 batu) di barat daya Tesalonika. Berea tidak begitu penting dari segi politik dan sejarah, walaupun ia mempunyai ramai penduduk pada zaman PB.

<sup>k</sup> Atena telah menjadi kota yang paling penting bagi Greece sejak abad yang kelima SM. Semua orang tahu tentang Atena. Walaupun ia telah menjadi empayar Roma, ia masih menonjolkan tradisi falsafah, karya tulisan serta seninya yang kaya. Ia terkenal dengan reputasi falsafahnya selama bertahun-tahun dan masih mengekalkan sebuah universiti unggul pada zaman Paulus. Daripada tiga kota yang mempunyai universiti iaitu Atena, Tarsus dan Aleksandria, Atena merupakan kota universiti yang paling terkenal.



### Mari Fikir Sejenak

- Apakah sikap yang anda tunjukkan semasa mendengar Firman Tuhan yang dihutbahkan sewaktu kebaktian hari minggu atau yang diajar semasa perjumpaan muda mudi anda?
- Apakah sikap yang anda boleh pelajari dari orang-orang Berea?

## III. Paulus di Atena (ay. 16-34)

<sup>16</sup>Sementara Paulus menantikan Silas dan Timotius di Atena, hatinya sedih melihat kota itu penuh dengan berhala.<sup>l</sup> <sup>17</sup>Oleh itu dia berbincang dengan orang Yahudi di rumah ibadat dan dengan orang bukan Yahudi yang menyembah Allah. Setiap hari Paulus berbincang dengan sesiapa sahaja yang lalu di padang kota<sup>m</sup> dan mahu mendengarkan dia. <sup>18</sup>Beberapa orang guru yang mengikut faham Epikuros<sup>n</sup> dan faham Stoa,<sup>o</sup> berdebat dengan Paulus. Beberapa orang antara mereka bertanya, "Orang ini tahu apa? Pengetahuannya cetek, tetapi berlagak pandai!"<sup>p</sup>

Yang lain menjawab, "Nampaknya dia bercakap tentang dewa bangsa asing." Mereka berkata demikian kerana Paulus berkata-kata tentang Yesus dan tentang kebangkitan daripada kematian. <sup>19</sup>Oleh itu mereka membawa Paulus ke mesyuarat Areopagus.<sup>q</sup> Di situ mereka berkata, "Kami ingin mendengar ajaran baru yang kamu beritakan itu. <sup>20</sup>Beberapa perkara yang kamu kemukakan itu aneh pada pendengaran



### Ayat Hafalan

*Firman-Mu itu pelita yang memimpin aku,  
dan cahaya yang menerangi jalanku.  
(Mazmur 119:105)*



### Teropong

<sup>l</sup> Apabila Paulus datang ke Atena, penduduknya mungkin tidak melebihi 10,000 orang. Ia pernah menjadi sebuah kota yang unggul pada masa lalu tetapi kini ia semakin merosot. Kuil-kuil dan patung-patungnya dikaitkan dengan dewa-dewa Yunani, dan mempunyai budaya pagan. Oleh sebab itu, Paulus harus berhadapan dengan kehidupan berhala penduduk pagan Atena. Walaupun dia tidak mahu memulakan misi di Atena sebelum Timotius dan Silas tiba dari Makedonia, Paulus tidak dapat menahan diri dari mengkhabarkan Berita Baik tentang Yesus Penyelamat apabila dia menghadiri rumah ibadat pada hari Sabat.

<sup>m</sup> Tempat ini merupakan satu lapangan yang dijadikan tempat perhimpunan untuk orang-orang menjalankan perniagaan sistem barter, bertukar-tukar pendapat dan berita. Ia menjadi pusat kehidupan orang Atena.

<sup>n</sup> Atena merupakan tempat asal bagi fahaman Epikuros dan Stoa. Epikuros, pengasas ajaran tersebut mengatakan bahawa keseronokan adalah tujuan utama dalam hidup. Bagi dia, keseronokan yang paling baik adalah hidup yang bebas daripada kesakitan, keinginan-keinginan yang mengganggu, ketakutan yang tidak berasas, serta kebimbangan terhadap kematian. Di tidak menafikan



kami. Oleh itu kami ingin mengetahui maknanya.”<sup>21</sup> (Mereka berkata demikian, kerana semua orang Atena dan orang bangsa asing yang tinggal di situ suka sekali menghabiskan masa dengan mendengar dan menceritakan hal-hal yang paling mutakhir.)

<sup>22</sup>Lalu Paulus berdiri di hadapan orang yang berkumpul di Areopagus dan berkata, “Saudara-saudara orang Atena! Saya melihat bahawa dalam segala hal, saudara-saudara sangat menghormati dewa-dewa.<sup>23</sup>Pada masa saya menjelajahi bandar dan melihat tempat ibadat saudara semua, saya menjumpai sebuah mazbah yang bertuliskan, ‘Kepada Allah Yang Tidak Dikenal’.<sup>r</sup> Sebenarnya, Allah yang saudara-saudara sembah tetapi tidak saudara-saudara kenal, Dialah yang sekarang saya beritakan kepada saudara semua.<sup>24</sup>Allah yang menjadikan dunia ini dengan segala isinya, Dialah Tuhan langit dan bumi. Dia tidak tinggal di dalam kuil-kuil yang dibuat oleh manusia.<sup>25</sup>Dia juga tidak memerlukan pertolongan manusia, kerana Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.<sup>26</sup>Daripada seorang manusia, Dia menjadikan semua bangsa dan menyuruh mereka mendiami seluruh bumi. Sejak permulaan Dia juga menetapkan masa dan tempat mereka boleh hidup.<sup>27</sup>Allah berbuat demikian supaya mereka mencari Dia, dan mudah-mudahan mereka menjumpai Dia semasa mereka mencari-cari Dia. Tetapi sebenarnya Allah tidak jauh daripada kita

masing-masing,<sup>28</sup>dan kerana Dia, kita hidup dan bergerak dan ada di dunia ini. Beberapa orang penyair<sup>s</sup> saudara semua juga berkata, ‘Kita semua anak-Nya.’

<sup>29</sup>Kerana kita anak Allah, kita tidak boleh menganggap Allah seperti patung yang dibuat daripada emas atau perak atau batu, yang direka bentuk menurut kemahiran manusia.<sup>30</sup>Allah tidak mahu mengingat<sup>t</sup> masa kita tidak mengenal Dia dahulu, tetapi sekarang Dia menyuruh semua orang di seluruh dunia bertaubat daripada cara hidup yang jahat.<sup>31</sup>Hal itu demikian kerana Dia sudah menetapkan suatu hari untuk mengadili seluruh dunia ini dengan adil. Tugas itu akan dilakukan oleh satu orang yang sudah dipilih-Nya. Supaya semua orang yakin akan hal itu, Allah sudah membangkitkan orang itu daripada kematian!”

<sup>32</sup>Apabila orang di situ mendengar Paulus berkata tentang kebangkitan daripada kematian,<sup>u</sup> beberapa orang antara mereka mengolok-olokkan dia. Tetapi yang lain berkata, “Kami ingin mendengar saudara bercakap tentang hal ini lagi.”<sup>33</sup>Lalu Paulus meninggalkan mesyuarat itu.<sup>34</sup>Beberapa orang mengikut Paulus dan percaya kepada Yesus. Antara mereka termasuk Dionisius,<sup>v</sup> anggota mesyuarat Areopagus dan seorang wanita bernama Damaris<sup>w</sup> serta beberapa orang lain.

kewujudan tuhan atau dewa-dewa tetapi dia mengatakan bahawa dewa-dewa ini tidak berminat ke atas kehidupan manusia.

<sup>o</sup>Zeno merupakan pengasas Stoa. Ajarannya berkisar tentang manusia yang harus hidup harmoni dengan alam semulajadi, menyedari keberadaan serta kebebasan diri dan tidak menonjolkan keinginan mereka. Pengikut fahaman Stoa percaya terhadap kewujudan banyak dewa dan menganggap Allah sebagai ‘jiwa dunia’.

<sup>p</sup> Terjemahan yang lain menggunakan perkataan ‘peleter’. Perkataan asal dalam bahasa Yunani bermaksud ‘pemungut benih’, seperti burung yang memungut benih di merata tempat. Kemudian ia menjadi gelaran bagi orang yang mendengar pelbagai ajaran di pasar niaga lalu mengheboh-hebohkannya tanpa mengkaji serta mendalami ajaran tersebut terlebih dahulu.

<sup>q</sup> Areopagus bermaksud ‘Bukit Ares’ atau ‘Bukit Marikh’. Ares merupakan dewa guruh dan peperangan bagi orang Yunani (sama seperti dewa Marikh bagi orang Roma). Bukit itu menghadap padang kota dan pernah menjadi tempat pertemuan Majlis Pemimpin. Areopagus juga dijadikan gelaran bagi setiap mesyuarat yang diadakan di bukit tersebut. Semasa zaman PB, Areopagus hanya berkuasa dalam hal agama dan moral. Mereka menganggap diri mereka sebagai penjaga ajaran yang memperkenalkan agama baru dan dewa asing.

<sup>r</sup> Orang Yunani tidak mahu menyinggung perasaan sebarang dewa dengan tidak memberi perhatian kepada mereka. Oleh yang demikian, mereka boleh mengelak kesilapan itu dengan meletakkan tanda ‘Tuhan yang tidak dikenal’.

<sup>s</sup> Sebagai sokongan bagi ajarannya tentang Allah yang telah mencipta manusia, Paulus memetik kata-kata dari dua penyajak Yunani.

<sup>t</sup> Allah belum menghukum mereka kerana menyembah berhala disebabkan kejahatan mereka.

<sup>u</sup> Orang Yunani menerima idea tentang jiwa yang kekal. Akan tetapi, mereka tidak percaya dengan tubuh badan yang bangkit dari kematian.

<sup>v</sup> Walaupun ia tidak dapat dibuktikan, tradisi seterusnya menyatakan bahawa dia menjadi uskup Atena.

<sup>w</sup> Sesetengah orang mengusulkan bahawa dia adalah seorang wanita asing berpendidikan, yang hadir di mesyuarat orang awam seperti Areopagus. Kemungkinan juga dia adalah orang bukan Yahudi yang takut akan Allah dan pernah mendengar ajaran Paulus di rumah ibadat.



Nyatakan beberapa perkara dalam mesej Paulus yang boleh membantu anda mengongoskan injil kepada seseorang yang percaya kepada kewujudan Tuhan.



## I. Paulus di Korintus (ay. 1-17)

**18** Setelah itu Paulus meninggalkan Atena dan pergi ke Korintus.<sup>a</sup> <sup>2</sup>Di situ dia berjumpa dengan seorang Yahudi bernama Akwila, yang dilahirkan di negeri Pontus.<sup>b</sup> Akwila baru sahaja datang dari Italia dengan isterinya, Priskila.<sup>c</sup> Mereka datang ke Korintus kerana Kaisar Klaudius<sup>d</sup> mengusir semua orang Yahudi dari Roma.<sup>e</sup> Paulus pergi menjumpai Akwila dan Priskila, <sup>3</sup>lalu tinggal dan bekerja bersama-sama mereka, kerana mereka dan Paulus sama-sama menara hidup dengan membuat khemah.<sup>f</sup> <sup>4</sup>Setiap hari Sabat, Paulus mengadakan perbincangan dengan orang yang berkumpul di rumah ibadat untuk meyakinkan orang Yahudi mahupun orang Yunani tentang Yesus.

<sup>5</sup>Setelah Silas dan Timotius tiba dari Makedonia,

Paulus menggunakan seluruh masanya untuk memberitakan perkhabaran daripada Allah. Dia memberikan kesaksian kepada orang Yahudi bahawa Yesus Penyelamat yang diutus oleh Allah. <sup>6</sup>Tetapi mereka menentang dan menghina Paulus. Oleh itu Paulus mengebaskan debu<sup>g</sup> daripada pakaiannya sebagai amaran kepada mereka dan berkata, “Jika kamu binasa, kamu sendiri yang bertanggungjawab. Aku tidak bertanggungjawab terhadap hal itu. Mulai sekarang aku akan pergi kepada orang bukan Yahudi.” <sup>7</sup>Lalu Paulus meninggalkan mereka dan pergi tinggal di rumah seorang bukan Yahudi yang bernama Titius Yustus. Dia menyembah Allah, dan rumahnya di sebelah rumah ibadat itu. <sup>8</sup>Krispus,<sup>h</sup> ketua rumah ibadat itu dengan semua anggota keluarganya percaya kepada Tuhan Yesus. Banyak orang lain di



### Teropong

<sup>a</sup> Pada waktu itu, Korintus merupakan ibu kota bagi wilayah Akhaya di bawah kekuasaan Roma. Penduduknya mungkin berjumlah lebih dari 200,000 orang yang terdiri daripada orang Yunani tempatan, orang yang dibebaskan dari Italia, tentera pesara Roma, ahli perniagaan dan pegawai kerajaan, serta Orang Timur termasuk ramai orang Yahudi. Disebabkan aktiviti perdagangannya yang meluas, kota ini amat makmur. Akan tetapi pada masa yang sama, kekayaan dan kemakmuran ini telah menyebabkan keruntuhan moral dari pelbagai aspek.

Bermula dari abad kelima SM, perkataan ‘*corinthianise*’ bermaksud perbuatan cabul yang tidak bermoral. Korintus juga merupakan pusat penyembahan dewi Afrodite, di mana kuilnya dipenuhi dengan beribu-ribu pelacur yang dianggap suci. Banyak patung pagan yang lain seperti patung dewa pelayar, dewa kesembuhan dan sebagainya juga berada di kota itu.

<sup>b</sup> Pontus merupakan sebuah daerah di utara Asia Kecil di persisiran selatan Laut Hitam.

<sup>c</sup> Kemungkinan Priskila dan Akwila sudah menjadi Kristian sebelum mereka bertemu dengan Paulus. Priskila disebut lebih kerap berbanding suaminya. Hal ini menunjukkan bahawa dia adalah peribadi yang lebih penting dari sudut pandangan Kristian.

<sup>d</sup> Seorang ahli sejarah pada zaman itu merekodkan bahawa Klaudius, Kaisar Roma (41-54 M) telah mengarahkan semua orang Yahudi untuk meninggalkan Roma kerana kekacauan berterusan yang disebabkan oleh seseorang bernama ‘Krestus’. Ramai yang mengatakan bahawa ia merujuk kepada Kristus, kerana perbalahan dalam komuniti Yahudi adalah di antara mereka yang menerima anugerah penyelamatan-Nya dan yang sebaliknya.

<sup>e</sup> Roma merupakan ibu kota dan bandar yang paling besar di empayar Roma dengan penduduk yang mencecah satu juta pada akhir-akhir abad pertama Masehi. Asal usul Kristian di Roma, seperti agama Yahudi, tidak dapat ditentukan dengan jelas. Orang Yahudi Roma hadir di Yerusalem ketika Pentakosta (2:10) dan mereka mungkin telah kembali ke Roma dan menubuhkan jemaah di sana.

<sup>f</sup> Paulus telah diajar peniagaan ini semasa dia masih remaja. Adalah menjadi kebiasaan bagi orang Yahudi untuk mengajar anak lelaki mereka melakukan perkara-perkara yang berguna, tidak kira yang kaya ataupun yang miskin. Oleh kerana rabi (guru Taurat) tidak mendapat upah dari pelayanan mereka, mereka perlu mencari sumber pendapatan mereka sendiri.

<sup>g</sup> Ini merupakan tanda penolakannya terhadap penentang Yahudi dan mengelakkan dirinya dari tanggungjawab yang seterusnya ke atas mereka (*lihat Bab 13, nota e*). Ia juga merupakan protes terhadap apa yang dilihatnya sebagai ‘khufur’ bagi orang Yahudi.

<sup>h</sup> Salah seorang peribadi yang paling awal menerima ajaran Paulus di Korintus ialah Krispus, ketua rumah ibadat. Dia menjadi orang percaya yang paling kuat, dan penerimaannya terhadap Yesus menjadi pengaruh yang besar ke atas orang percaya yang lain. Paulus mencatat tentangnya di dalam 1 Kor 1:14-16 sebagai beberapa orang yang telah dibaptisnya.

<sup>i</sup> Kata kerja yang digunakan dalam bahasa Yunani menunjukkan bahawa hal ini merupakan proses setiap hari.

<sup>j</sup> Lukas tidak mengulas lebih lanjut tentang penglihatan yang diterima oleh Paulus untuk mendorong dan menguatkannya bagi pekerjaan yang dilakukannya di Korintus. Mungkin kerana Paulus menjangkakan bahawa dia akan berhadapan dengan penolakan yang hebat seperti biasa ketika orang ramai mula berpaling kepada Yesus.



Korintus juga mendengar berita daripada Allah, dan mereka percaya kepada Yesus lalu dibaptis.<sup>1</sup>

<sup>9</sup>Pada suatu malam dalam suatu penglihatan, Tuhan berfirman kepada Paulus,<sup>j</sup> “Janganlah takut! Berkata-katalah terus dan jangan berhenti,<sup>10</sup> kerana Aku menyertai engkau. Tidak seorang pun dapat mencederakan engkau, kerana banyak orang di kota ini umat-Ku.”<sup>11</sup>Oleh itu Paulus tinggal di Korintus selama setahun setengah,<sup>k</sup> dan mengajarkan perkhabaran daripada Allah kepada orang di situ.

<sup>12</sup>Semasa Galio<sup>l</sup> menjadi gabenor negeri Akhaya,<sup>m</sup> orang Yahudi bersatu padu untuk menangkap Paulus dan membawa dia ke hadapan gabenor untuk diadili.<sup>13</sup>Mereka mengajukan tuduhan ini, “Orang ini berusaha mempengaruhi orang ramai

supaya menyembah Allah dengan cara yang bertentangan dengan hukum kami!”

<sup>14</sup>Apabila Paulus hendak menjawab, Galio berkata kepada orang Yahudi di situ, “Jika perkara ini tentang kesalahan atau perbuatan jenayah, bolehlah aku bersabar dan mendengarkan aduan kamu.<sup>15</sup>Tetapi kamu bertengkar tentang kata dan nama serta hukum kamu sendiri. Oleh itu kamu harus menyelesaikan masalah itu sendiri. Aku tidak mahu mengadili perkara semacam ini!”<sup>n</sup> <sup>16</sup>Lalu Galio mengusir mereka ke luar.<sup>17</sup>Kemudian mereka menangkap Sostenes, ketua rumah ibadat itu lalu memukul dia<sup>o</sup> di hadapan mahkamah. Tetapi Galio sama sekali tidak mempedulikan hal itu.

Dalam suratnya kepada jemaah di Korintus (1 Kor 2:3), Paulus menulis bahawa sewaktu dia sampai di Korintus, dia ‘lemah dan gementar kerana ketakutan’ dan Tuhan melihat hal itu lalu memberikan dorongan.

<sup>k</sup> Pada masa ini, Paulus mungkin telah membawa injil di sekitar daerah Akhaya yang berdekatan.

<sup>l</sup> Galio disanjung kerana keadilan dan ketenangannya. Dia merupakan gabenor Akhaya pada 51-52 M. Ini memudahkan para sarjana untuk menentukan tarikh lawatan Paulus ke Korintus serta tarikh surat Tesalonika yang terjadi di sekitar 51-52 M.

<sup>m</sup> Pada zaman PB, Akhaya merupakan wilayah Roma dan ibu kotanya ialah Korintus. Jika kedua-duanya disebut sebagai ‘Makedonia dan Akhaya’, ini dikenal secara umum sebagai seluruh Greece.

<sup>n</sup> Orang Yahudi mengatakan bahawa Paulus menyokong sebuah agama yang tidak diluluskan oleh undang-undang Roma, tidak seperti agama Yahudi yang telah diluluskan.

Oleh yang demikian, perbuatan Galio yang menolak untuk membicarakan perkara itu sama seperti menerima agama Kristian sebagai sebuah agama yang sah dan keputusan seorang pegawai Roma yang penting seperti itu akan memberi kesan besar setiap kali isu itu dibangkitkan. Oleh kerana itu, mesej Kristian boleh dikembangkan di wilayah-wilayah empayar tersebut tanpa rasa takut untuk melanggar undang-undang Roma.

<sup>o</sup> Tiada sebab yang jelas mengapa Sostenes dipukul. Mungkin orang Yunani mengambil kesempatan terhadap tindakan Galio yang enggan membicarakan kes tersebut dan memukul Sostenes atas dasar perasaan anti-Yahudi. Terdapat usul lain yang mengatakan bahawa Sostenes mungkin bersimpati dengan orang Kristian dan orang Yahudi sendiri yang memukul dia.



Perhatikan bagaimana Yesus mengambil berat terhadap Paulus dan bagaimana Dia mendorong Paulus di saat dia mengalami kesusahan.

Bagaimanakah hal ini dapat mendorong anda semasa mengalami kesusahan yang akan datang?



*Janganlah takut! Aku akan menyelamatkan kamu. Aku telah memanggil kamu dengan nama kamu, kamu milik-Ku. Apabila kamu menyeberangi laut yang dalam, Aku menyertai kamu; kamu tidak akan tenggelam dalam kesusahan. Apabila kamu melalui api, kamu tidak akan terbakar; kamu tidak akan dicelakakan oleh cubaan yang berat. Akulah TUHAN, Allah kamu, Allah Israel, Allah yang suci, yang telah menyelamatkan kamu.  
(Yesaya 43:1-3)*



## II. Paulus Kembali ke Antiokhia (ay. 18-23)

<sup>18</sup>Paulus tinggal dengan pengikut Yesus di Korintus selama beberapa hari lagi. Kemudian dia meninggalkan mereka lalu belayar dengan Priskila<sup>p</sup> dan Akwila ke Siria. Sebelum bertolak, Paulus mencukur rambutnya di Kengkrea<sup>q</sup> kerana telah bernazar.<sup>r</sup> <sup>19</sup>Apabila mereka tiba di Efesus,<sup>s</sup> Paulus meninggalkan Priskila dan Akwila. Kemudian dia masuk ke rumah ibadat dan mengadakan perbincangan dengan orang Yahudi. <sup>20</sup>Mereka meminta supaya Paulus tinggal lebih lama di situ, tetapi Paulus tidak mahu. <sup>21</sup>Pada waktu berangkat, Paulus berkata kepada mereka, “Jika diperkenankan oleh Allah, aku akan kembali.” Setelah itu dia belayar dari Efesus.



### Teropong

- <sup>p</sup> Kini, Priskila disebut terlebih dahulu sebelum suaminya, Akwila. Mungkin kerana dia lebih dikenali di kalangan orang Kristian atau mempunyai kedudukan sosial yang lebih tinggi.
- <sup>q</sup> Kengkrea merupakan sebuah pelabuhan untuk pelayaran ke arah timur dari Korintus.
- <sup>r</sup> Orang Yahudi bernazar kepada Allah untuk bersyukur bagi berkat yang telah diberikan atau sebagai satu cara untuk meminta berkat. Nazar sementara orang Nazir dilakukan dengan menjauhkan diri dari alkohol atau tidak memotong rambut. Setelah nazar selesai, seseorang itu akan mencukur semua rambut dan mempersembahkan korban di Rumah Tuhan di Yerusalem. Seorang Nazir merupakan orang Israel yang mengkhususkan dirinya dan bernazar untuk mengasingkan diri serta mengelak dari melakukan perkara-perkara tertentu untuk mengabdikan diri bagi satu pelayanan yang khas (lihat Bil 6: 1-21). Terdapat dua jenis golongan Nazir: sementara dan seumur hidup. Kita mengetahui dua orang Nazir seumur hidup dalam Alkitab iaitu Simson dan Samuel. Ahli sarjana tidak mengetahui sama ada Yohanes Pembaptis adalah Nazir seumur hidup atau tidak.

<sup>22</sup>Apabila dia tiba di Kaisarea, dia melanjutkan perjalanan ke Yerusalem untuk memberikan salam kepada jemaah di situ, lalu dia pergi ke Antiokhia. <sup>23</sup>Setelah tinggal beberapa lama di Antiokhia dia mengunjungi daerah Galatia dan Frigia<sup>t</sup> untuk meneguhkan iman semua pengikut Yesus di situ.

## III. Paulus Kembali ke Antiokhia (ay. 18-23)

<sup>24</sup>Pada waktu itu seorang Yahudi bernama Apolos, yang lahir di Aleksandria,<sup>u</sup> datang ke Efesus. Dia pandai berpidato dan sangat memahami isi Alkitab. <sup>25</sup>Dia telah mendalami ajaran tentang Yesus. Dengan penuh kesungguhan, dia mengisytiharkan dan mengajarkan ajaran tentang Yesus dengan betul.

- <sup>s</sup> Efesus merupakan sebuah kota perdagangan yang maju dan merupakan ibu kota bagi wilayah Roma di Asia. Ia mempunyai kuil dewi Artemis yang terkenal. Kota tersebut merupakan tempat pertemuan pelbagai budaya dan mempunyai penduduk yang ramai.
- <sup>t</sup> Ini mungkin tempat yang sama pernah dikunjungi oleh Paulus untuk menginjil di selatan Galatia dalam Kisah Rasul-Rasul 13 dan 14. Dia melalui jalan yang sama dalam perjalanan misinya yang kedua tetapi dari arah yang bertentangan (16:6). Dia menguatkan pengikut Yesus di kawasan sekitar Antiokhia di Pisidia, Ikonium, Listra dan Derbe.



### Teropong

- <sup>u</sup> Aleksandria terletak dalam kawasan Mesir. Ia merupakan kota yang kedua terpenting dalam empayar Roma dan mempunyai penduduk Yahudi yang ramai (lihat Bab 6, nota q). Ia adalah kota universiti yang ketiga termasyhur pada masa itu, selain daripada Atena dan Tarsus.



Tetapi dia hanya mengetahui baptisan yang diajarkan oleh Yohanes.<sup>v</sup> <sup>26</sup>Dengan berani Apolos mula berkata-kata di rumah ibadat. Apabila Priskila dan Akwila mendengar dia, mereka membawa dia ke rumah. Mereka menerangkan penyelamatan Allah melalui Yesus dengan lebih tepat lagi. <sup>27</sup>Kemudian Apolos mahu pergi ke Akhaya. Oleh itu pengikut Yesus di Efesus menolong dia dengan menulis sepucuk surat kepada pengikut Yesus di Akhaya, supaya mereka menyambut Apolos. Apabila Apolos tiba di situ, dia sangat menolong orang yang dengan rahmat Allah, percaya kepada Yesus. <sup>28</sup>Dengan penuh wibawa Apolos mengalahkan orang Yahudi dalam perdebatan di hadapan umum. Dengan mengutip ayat-ayat Alkitab, dia membuktikan bahawa Yesus Penyelamat yang diutus oleh Allah.

<sup>v</sup> Apolos mengetahui sesuatu tentang Yesus. Tetapi sama seperti Yohanes, dia masih menunggu kedatangan Penyelamat. Baptisannya berdasarkan pertaubatan, bukan berdasarkan iman percaya kepada perkara yang sudah dilakukan oleh Kristus.



Apakah cara anda untuk terlibat dalam pertumbuhan kumpulan muda-mudi di gereja atau Persekutuan/Persatuan Agama Kristian di sekolah anda?

### I. Paulus Kembali ke Efesus (ay. 1-10)

**19** Sementara Apolos tinggal di Korintus, Paulus menjelajah kawasan pedalaman daerah itu lalu tiba di Efesus.<sup>a</sup> Di situ dia berjumpa dengan beberapa orang yang percaya kepada Yesus.<sup>b</sup> <sup>2</sup>Dia bertanya kepada mereka, "Sudahkah kamu menerima Roh Allah pada waktu kamu percaya kepada Yesus?"

Mereka menjawab, "Kami belum pernah mendengar<sup>c</sup> bahawa ada Roh Allah."

<sup>3</sup>"Jika demikian, dengan baptisan apakah kamu dibaptis?" tanya Paulus. "Dengan baptisan seperti yang diajarkan oleh Yohanes,"<sup>d</sup> jawab mereka.

<sup>4</sup>Lalu Paulus berkata, "Yohanes membaptis orang untuk menyatakan mereka sudah bertaubat daripada dosa. Dia memberitahu orang Israel supaya percaya kepada Orang yang akan datang kemudian daripadanya; Orang itu Yesus."<sup>e</sup>



### Teropong

<sup>a</sup> Apolos diperkenalkan di Efesus (18:24) tanpa kehadiran Paulus. Dia kemudian berpindah ke Korintus sebelum Paulus kembali ke Efesus. Pada masa ini, Paulus sudah dalam perjalanan misi yang ketiga. Dia bermula dengan berjalan di laluan kawasan Galatia dan Frigia (18:23) dan kini tiba di Efesus. Beberapa waktu kemudian, Apolos kembali ke Efesus sewaktu pelayanan Paulus di sana (*lihat 1 Kor 16:12*).

Perjalanan misi Paulus yang ketiga banyak dikhususkan untuk pelayanan sampingannya di Efesus, kota yang ingin diinjilinya ketika dalam perjalanan misi yang kedua. Dalam lawatan singkat satu tahun setengah sebelum itu, ia telah menunjukkan respon yang baik kepada injil (18:19-21). Setelah dikira semuanya, pelayanan Paulus di Efesus berjalan selama tiga tahun, dari 53 M sehingga 56M.

<sup>b</sup> Paulus meragui pengakuan orang-orang itu sebagai orang yang percaya Tuhan disebabkan oleh sikap atau perkataan mereka yang tidak seperti orang yang hidup dalam Roh Allah. Kerana itu dia bertanya kepada mereka.

<sup>c</sup> Ini tidak bermaksud mereka baru mendengar tentang Roh Allah untuk kali yang pertama kerana Roh Allah disebut banyak kali dalam PL; dan Yohanes Pembaptis pernah berkata tentang Yesus yang akan membaptis dalam Roh. Ia mungkin bermaksud bahawa, walaupun mereka pernah mendengar nubuatan Yohanes, mereka belum pernah mendengar penggenapannya. Mereka tidak peduli tentang apa yang berlaku sewaktu hari Pentakosta di Yerusalem.

<sup>d</sup> Baptisan Yohanes merupakan baptisan pertaubatan. Ajarannya berkisar tentang persiapan untuk kedatangan Yesus, memberi amaran kepada orang ramai supaya mereka berpaling dari dosa mereka. Baptisannya adalah untuk menantikan Yesus, yang hanya dengan kematian-Nya dosa boleh diampunkan.





<sup>5</sup>Apabila mereka mendengar hal itu, mereka dibaptis demi nama Tuhan Yesus.<sup>f</sup> <sup>6</sup>Ketika Paulus meletakkan tangannya ke atas kepala mereka, Roh Allah menguasai mereka, lalu mereka bertutur dalam bahasa-bahasa yang ajaib, serta menyampaikan perkhabaran Allah. <sup>7</sup>Mereka semuanya kira-kira dua belas orang. <sup>8</sup>Selama tiga bulan, dengan berani Paulus terus-menerus berkata-kata kepada orang di rumah ibadat. Dia berbincang dengan mereka dan berusaha untuk meyakinkan mereka tentang Pemerintahan Allah. <sup>9</sup>Tetapi beberapa orang antara mereka degil dan tidak mahu percaya. Di hadapan semua orang mereka mencerca rancangan Allah untuk menyelamatkan manusia melalui Yesus. Oleh itu Paulus meninggalkan mereka, lalu pergi dengan beberapa orang pengikut Yesus lainnya ke dewan syarahan

Tiranus.<sup>9</sup> Setiap hari Paulus mengadakan perbincangan di situ. <sup>10</sup>Perkara ini berlaku selama dua tahun<sup>h</sup> sehingga semua orang yang tinggal di wilayah Asia,<sup>i</sup> baik orang Yahudi maupun orang bukan Yahudi mendengar firman Tuhan.

## II. Anak-anak Skewa (ay. 11-20)

<sup>11</sup>Allah melakukan mukjizat<sup>i</sup> yang luar biasa melalui Paulus. <sup>12</sup>Bahkan sapu tangan<sup>k</sup> dan kain yang pernah dipakai oleh Paulus pun dibawa kepada orang sakit, lalu mereka sembuh dan roh jahat keluar daripada mereka. <sup>13</sup>Beberapa orang Yahudi yang pergi ke serata tempat dan mengusir roh jahat,<sup>l</sup> cuba menggunakan nama Tuhan Yesus untuk mengusir roh jahat. Mereka berkata kepada roh-roh jahat, "Aku mengusir kamu demi nama Yesus yang diberitakan oleh

Pengakuan mereka menunjukkan bahawa orang-orang tersebut adalah pengikut Yohanes Pembaptis tetapi mereka mengetahui sedikit tentang Yesus. Seperti Apolos apabila dia datang untuk kali pertama di Efesus, dia mempunyai pengetahuan injil yang terhad.

<sup>e</sup> Paulus menegaskan kepada mereka bahawa Yang Akan Datang seperti yang dinubuatkan oleh kedua-dua nabi dan Yohanes adalah Yesus dan Dia telah datang dan bangkit dan sekarang sedang mencurahkan kurnia Roh Allah ke atas sesiapa sahaja yang percaya kepada-Nya.

<sup>f</sup> Ini satu-satunya kes dalam PB dimana orang menerima baptisan yang kedua kali. Ini terjadi kerana baptisan yang pertama tidak dilakukan dalam nama Yesus. Baptisan mereka hanya dilakukan dalam nama Yohanes Pembaptis.

<sup>g</sup> Ini mungkin dewan milik ahli falsafah tempatan yang bernama Tiranus atau seorang ahli falsafah pengembara telah menyewa dewan tersebut dari tuan tanah yang mempunyai nama tersebut.

<sup>h</sup> Ini merupakan tempoh yang paling lama Paulus tinggal di satu tempat dalam rekod Lukas. Dari sudut pandang orang Yahudi, sebarang tempoh dalam setahun dianggap sebagai setahun. Jadi mungkin Paulus hanya tinggal selama dua tahun dan tiga bulan (lihat ay. 8) tetapi menganggap tempoh dia menetap di Efesus sebagai tiga tahun (lihat 20:31).

<sup>i</sup> Di sini kita boleh melihat salah satu daripada strategi penginjilan Paulus. Banyak jemaat yang ditubuhkannya berada di kota yang mempunyai tempat strategik, sama ada ibu kota atau kota penting yang berada di laluan perdagangan. Kota-kota ini menjadi titik utama di mana injil tersebar ke kawasan sekitar. Contoh yang lain adalah Antiokhia, kota utama di Pisidia (13:14); Tesalonika, ibu kota Makedonia (17:1); Atena, kota yang paling penting di

Greece (17:15) dan Korintus, ibu kota Akhaya (18:1).



### Teropong

<sup>j</sup> Lukas lebih menitikberatkan pekerjaan kuasa ajaib injil dalam Bab ini. Oleh itu, dia menekankan 'mukjizat yang luas biasa' ini. Dia mungkin mencatatkan mukjizat yang terjadi melalui kain Paulus untuk menyelarikan keserasian pelayanannya dengan Yesus dan Petrus, di mana penyembuhan terjadi hanya dengan menyentuh jubah Yesus (Luk 8:44) dan melalui bayang-bayang Petrus (Kis 5:15).

Lukas mempunyai dua jenis 'mukjizat luar biasa' dalam fikirannya: (1) penyembuhan serta-merta dengan Paulus meletakkan tangannya ke atas pesakit dan (2) penyembuhan secara tidak langsung melalui pakaian Paulus. Efesus merupakan tempat asal bagi pelbagai jenis sihir dan kepercayaan tahyul, dan frasa '*karya Efesus*' selalunya merujuk kepada dokumen yang mengandungi jampi dan ramuan bahan sihir. Dengan itu, Allah menggunakan persamaan untuk menunjukkan mereka kepada Berita Baik dalam penyelamatan Kristus. Penyembuhan bukan dihasilkan dari benda yang digunakan tetapi dalam kuasa Allah serta iman percaya orang yang menerimanya.

<sup>k</sup> Sapu tangan ini mungkin digunakan oleh Paulus dalam perniagaan khemahnya, helaian kain yang diikat di kepalanya dan satu lagi di sekeliling pinggang. Apronnya juga digunakan dengan cara yang sama ketika dia bekerja.

<sup>l</sup> Penggunaan nama yang berkuasa dalam jampi untuk mengeluarkan roh jahat dari tubuh seseorang adalah perkara biasa pada zaman dahulu kala. Hal ini menjadi begitu meluas di Efesus. Tambahan lagi, orang Yahudi yang mengamalkan sihir sangat dipandang tinggi kerana mereka dianggap mempunyai kuasa untuk untuk



Paulus.”<sup>14</sup>Tujuh orang lelaki, iaitu anak-anak ketua imam<sup>m</sup> Yahudi bernama Skewa berbuat demikian.

<sup>15</sup>Tetapi roh jahat berkata kepada mereka, “Yesus aku kenal, Paulus pun aku kenal, tetapi siapakah kamu?”

<sup>16</sup>Lalu orang yang dirasuk roh jahat itu menyerang mereka dengan ganas dan mengalahkan mereka. Dia mencederakan mereka dan mengoyak-ngoyak pakaian mereka,<sup>n</sup> sehingga mereka lari dari rumahnya. <sup>17</sup>Semua orang Yahudi dan orang bukan Yahudi yang tinggal di Efesus mendengar peristiwa itu, lalu mereka menjadi takut. Oleh itu nama Tuhan Yesus semakin dipuji-puji. <sup>18</sup>Banyak orang yang sudah percaya kepada Yesus, datang ke hadapan umum untuk mengakui perbuatan jahat mereka pada masa lampau. <sup>19</sup>Mereka yang biasa mengamalkan ilmu sihir

mengumpulkan buku-buku mereka<sup>o</sup> dan membakar semua itu di hadapan orang ramai. Apabila dijumlahkan, harga semua buku itu kira-kira lima puluh ribu keping wang perak.<sup>p</sup> <sup>20</sup>Melalui semua peristiwa yang luar biasa itu firman Tuhan semakin tersebar luas dan semakin banyak orang percaya kepada Yesus.

### III. Rusuhan di Efesus (ay. 21-41 )

<sup>21</sup>Setelah semua peristiwa itu berlaku, Paulus mengambil keputusan untuk pergi ke Makedonia dan Akhaya lalu terus ke Yerusalem. “Setelah aku pergi ke sana,” katanya, “aku harus pergi ke Roma juga.” <sup>22</sup>Oleh itu Paulus mengutus Timotius dan Erastus,<sup>q</sup> dua orang daripada pembantunya, pergi ke Makedonia terlebih dahulu. Sementara itu Paulus tinggal lebih lama di wilayah Asia.

melakukan beberapa jampi yang sangat berkesan. Mereka yang mempunyai hubungan dengan imam agama Yahudi akan menikmati keistimewaan dalam kalangan pengamal-pengamal sihir kerana mereka lebih mengetahui cara sebutan yang benar bagi Nama Allah.

<sup>m</sup> Beberapa pengusir roh jahat Yahudi yang pernah mendengar ajaran Paulus tentang Yesus cuba menggunakan nama baru tersebut untuk ‘kegunaan sihir’. Lukas menyebut mereka sebagai ‘tujuh orang anak-anak Skewa, ketua imam Yahudi’. Mungkin mereka berasal dari keluarga imam di Yerusalem, walaupun mereka mungkin menggelar diri sendiri ‘Ketua Imam Yahudi’ untuk menunjuk-nunjuk kepada pelanggan mereka. Mereka juga mungkin mengatakan telah menerima mesej Paulus dan menerima Yesus secara peribadi, sama seperti Simon dari Samaria (8:9-24). Akan tetapi, tujuan utama mereka berbuat demikian adalah untuk menggunakan kuasa nama Yesus untuk kepentingan sendiri. Oleh itu, mereka cuba meniru perbuatan Paulus.

<sup>n</sup> Walau bagaimanapun, apabila mereka cuba menggunakan nama yang berkuasa ketika mengusir roh jahat, anak-anak lelaki Skewa mendapati mereka sedang berdepan dengan kenyataan yang tidak pernah terlintas di fikiran mereka. Mereka telah diberikan pengajaran tentang bahaya menggunakan nama Yesus dalam penglibatan mereka dengan kusa ghaib.

<sup>o</sup> Ini adalah skrol yang mencatatkan formula ajaib dan maklumat rahsia. Efesus merupakan pusat jampi serapah dalam kesaktian.

<sup>p</sup> Ataupun lima puluh ribu dirham. Dirham merupakan mata wang syiling Yunani yang sama nilainya dengan gaji orang dalam sehari. Harga yang tinggi bukan kerana kualiti buku yang baik tetapi kuasa yang kononnya akan didapati melalui rahsia-rahsia perkataan serta nama-nama yang terkandung dalam buku itu.



### Mari Fikir Sejenak

Kita boleh terlibat dalam bahaya penggunaan nama Yesus pada bila-bila masa sahaja dalam doa kita dan menjadikannya sebagai ‘formula’ kita, berfikir bahawa doa kita tidak lengkap jika tidak mengakhirinya dengan menyebut ‘dalam nama Yesus saya berdoa’.

- Apakah maksudnya dengan mengakhiri doa anda dengan menyebut ‘dalam nama Yesus’?
- Adakah Tuhan mendengar doa anda sekiranya ia diakhiri dengan perkataan ‘dalam nama Yesus’ atau tidak? Mengapa dan mengapa tidak?



### Teropong

<sup>q</sup> Ini kali pertama Erastus disebut dalam Kisah Rasul-Rasul. Ini mungkin orang yang sama dalam Rom 16:23 yang merupakan orang penting di Korintus (*lihat juga 2 Tim 4:20*), sebagai seorang bendahara atau pengarah hal ehwal awam, seperti yang diterjemahkan dalam versi lain.

<sup>23</sup>Pada masa itulah berlaku rusuhan yang besar di Efesus<sup>r</sup> kerana ajaran tentang Yesus. <sup>24</sup>Di kota itu ada seorang tukang perak<sup>s</sup> bernama Demetrius, yang biasa membuat model kuil Dewi Artemis.<sup>t</sup> Usahanya mendatangkan penghasilan yang besar bagi pekerja-pekerjanya. <sup>25</sup>Oleh itu dia mengumpulkan semua pekerja-pekerjanya dan pekerja tukang perak yang lain, lalu berkata, “Saudara-saudara tahu bahawa kekayaan kita datangnya daripada pekerjaan ini.”<sup>u</sup> <sup>26</sup>Sekarang saudara sekalian sudah melihat dan mendengar apa yang dilakukan oleh Si Paulus itu. Dia berkata bahawa berhala yang dibuat oleh manusia sama sekali bukan dewa. Dia berjaya meyakinkan banyak orang, bukan sahaja di Efesus, bahkan hampir di seluruh wilayah Asia. <sup>27</sup>Hal itu membahayakan kerana perniagaan kita akan mendapat nama buruk. Bukan itu sahaja, bahkan orang tidak akan menghormati kuil Dewi Artemis lagi dan kebesarannya pun akan lenyap. Padahal Dewi Artemis disembah oleh semua orang di Asia dan di seluruh dunia!”

<sup>28</sup>Apabila mereka mendengar hal itu, mereka sangat marah dan mula berseru, “Hidup Artemis, dewi orang Efesus!” <sup>29</sup>Rusuhan itu meluas ke seluruh kota. Kumpulan perusuh itu menangkap Gayus dan Aristarkhus,<sup>v</sup> orang Makedonia yang menemani Paulus

dalam perjalanannya, lalu menyeret mereka ke stadium<sup>w</sup> kota itu. <sup>30</sup>Paulus sendiri mahu menghadap orang ramai untuk berkata-kata kepada mereka, tetapi pengikut Yesus di situ tidak membenarkan dia. <sup>31</sup>Beberapa orang pegawai kerajaan<sup>x</sup> di daerah itu, yang bersahabat dengan Paulus, menyuruh orang memberitahu Paulus supaya tidak masuk ke stadium itu. <sup>32</sup>Sementara itu, orang yang berkumpul di stadium menjadi kacau-bilau. Ada yang berteriak begini dan ada yang berteriak begitu, kerana kebanyakan orang tidak tahu mengapa mereka datang di situ. <sup>33</sup>Beberapa orang menyangka bahawa Aleksander<sup>y</sup> yang bertanggungjawab, kerana orang Yahudi menyuruh dia tampil ke muka. Aleksander memberikan isyarat dengan tangan supaya diberikan peluang untuk membela diri di hadapan orang ramai. <sup>34</sup>Tetapi apabila mereka melihat bahawa dia orang Yahudi, selama dua jam mereka berseru dengan serentak, “Hidup Artemis, dewi orang Efesus!”

<sup>35</sup>Akhirnya setiausaha<sup>z</sup> kota berjaya menenteramkan orang ramai. Dia berkata, “Hai penduduk Efesus! Semua orang tahu bahawa Efesuslah kota yang memelihara kuil<sup>a</sup> Dewi Artemis dan batu suci<sup>b</sup> yang jatuh dari langit. <sup>36</sup>Tidak seorang pun dapat menafikan hal itu. Oleh itu bertenanglah dan

<sup>r</sup> Efesus bergantung kepada dua aset bagi sumber kekayaan dan kepentingannya. Yang pertama ialah kepentingannya sebagai pusat perdagangan. Pada zaman Paulus, kuasa perdagangan Efesus sudah lama wujud.

Perkara yang kedua adalah penyembahan Artemis, dewi kesuburan yang kuilnya merupakan salah satu daripada Tujuh Benda Ajaib pada zaman purba. Dengan kemerosotan perniagaannya, kemakmuran Efesus lebih banyak bergantung kepada aktiviti pelancongan dan pedagang luar yang berkaitan dengan kuil dan ajaran sesat Artemis. Banyak perniagaan serta perkhidmatan yang berkisar tentangnya dibuka seperti membekalkan penginapan dan makanan kepada pelawat, persembahan khusus, dan cenderamata. Kuil Artemis juga menjadi tempat penyimpanan wang atau bank pada zaman dahulu di mana saudagar, raja atau kota menyimpan wang mereka di sana di bawah perlindungan kuasa dewi.

<sup>s</sup> Setiap jenis perniagaan mempunyai persatuan mereka sendiri, dan Demetrius mungkin adalah ketua kepada persatuan pembuat patung dan tokong perak.

<sup>t</sup> Artemis adalah nama Yunani bagi dewi orang Roma yang diberi nama Diana. Walau bagaimanapun, Artemis di Efesus sangat berlainan daripada dewi Yunani-Roma. Dia digambarkan sebagai seorang yang aneh, wanita yang mempunyai buah dada yang banyak, dipercayai dicipta di syurga dan terjatuh dari syurga. Kemungkinan dia adalah meteor yang berbentuk wanita dengan buah dada yang banyak lalu menjadi objek yang dipuja. Kuilnya menjadi

sumber utama kekayaan Efesus dan terus menjadi makmur.

<sup>u</sup> Oleh kerana kuil Artemis merupakan salah satu daripada Tujuh Benda Ajaib pada zaman purba, orang ramai datang dari pelbagai tempat untuk melihatnya. Mereka membeli tokong dan patung perak dan hal ini menjadi sumber pendapatan yang lumayan bagi tukang perak serta pengukir.

<sup>v</sup> Tidak banyak perkara yang diketahui tentang Gayus. Aristarkhus merupakan orang Makedonia yang datang dari Tesalonika. Di kemudiannya mengembara bersama Paulus dari Korintus ke Yerusalem (20: 3-4) dan juga menemani Paulus dalam pelayaran dari Yerusalem ke Roma (27:1-2).

<sup>w</sup> Stadium tersebut merupakan satu tempat terbuka yang luas untuk pertemuan umum, amat besar sehingga boleh menampung 24,000 orang.

<sup>x</sup> Mereka adalah *Asiarch*, ahli keluarga yang paling kaya dan terkenal di wilayah, dipilih untuk menggalakkan pemujaan raja. Walaupun mereka tidak mempunyai kuasa politik, mereka menjadi orang penting Roma dengan memberikan taat setia mereka kepada kerajaan Roma. Beberapa orang dari mereka mesra dengan Paulus, menunjukkan bahawa dia mempunyai rakan dari golongan ini.

<sup>y</sup> Masyarakat orang Yahudi di Efesus sangat besar dan mereka menikmati keistimewaan yang telah diberikan oleh



jangan buat apa-apa dengan terburu-buru.<sup>37</sup> Saudara-saudara membawa kedua-dua orang ini ke mari, walaupun mereka tidak merompak kuil, ataupun menghina dewi kita.<sup>38</sup> Jika Demetrius dan pekerja-pekerjanya mahu mendakwa sesiapa, biarlah mereka membawa perkara itu ke mahkamah. Pada hari-hari tertentu orang boleh datang ke mahkamah dan para pegawai<sup>c</sup> pun ada di situ.<sup>39</sup> Tetapi jika ada apa-apa lagi yang saudara-saudara kehendaki, hal itu harus diselesaikan dalam mesyuarat umum yang sah.<sup>d</sup>  
<sup>40</sup>Oleh sebab apa yang berlaku hari ini, kita akan dituduh mengadakan rusuhan. Kita tidak mempunyai alasan untuk membenarkan rusuhan ini.”<sup>41</sup> Setelah berkata demikian, setiausaha kota itu menyuruh mereka pulang.

### I. Paulus Pergi ke Makedonia dan Akhaya (ay. 1-6)

**20** Setelah keadaan di Efesus tenteram semula, Paulus mengumpulkan pengikut Yesus di situ lalu menggalakkan mereka. Kemudian dia mengucapkan selamat tinggal dan meneruskan perjalanan ke Makedonia.<sup>a</sup> <sup>2</sup>Dia mengunjungi daerah Makedonia dan dengan banyak ajaran Paulus menggalakkan pengikut Yesus di situ. Kemudian dia pergi ke Akhaya.<sup>b</sup> <sup>3</sup>Di situ dia tinggal selama tiga bulan. Dia sedang bersiap-siap untuk pergi ke Siria, apabila dia mendengar bahawa orang Yahudi berkomplot untuk membunuh dia.<sup>c</sup> Oleh itu, Paulus mengambil keputusan untuk kembali melalui Makedonia.<sup>d</sup> <sup>4</sup>Sopater<sup>e</sup> anak Pirus yang berasal dari Berea pergi bersama-sama dia, begitu juga Aristarkhus<sup>f</sup> dan Sekundus<sup>g</sup> dari Tesalonika, Gayus<sup>h</sup> dari Derbe, Tikhikus<sup>i</sup> dan Trofimus

penguasa Roma yang terdahulu. Tetapi mereka juga berhadapan dengan perasaan anti-Yahudi yang selalu muncul di kalangan masyarakat Yunani – Roma. Dalam usaha menunjukkan bahawa mereka juga menentang ajaran Kristian pada masa tegang itu, orang Yahudi menghantar salah seorang dari mereka, Aleksander ke hadapan untuk bersemuka dengan orang ramai itu. Walaupun begitu, orang ramai mengetahui bahawa orang Yahudi itu tidak memuja dewi Artemis, sama seperti orang Kristian. Sebab itu orang memalukan Aleksander dengan menjerit ‘Hidup Artemis, dewi orang Efesus’ berulang-kali.

<sup>z</sup> Dia merupakan pegawai tempatan yang paling penting dan menjadi pengantara Efesus dan penguasa Roma. Sebagai seorang pegawai tempatan yang penting bagi kota tersebut, dia bertanggungjawab bagi setiap rusuhan yang terjadi di tempat itu.

<sup>a</sup> Istilah ‘kota yang memelihara kuil’ diberikan kepada kota yang mempunyai kuil agama sesat yang dianuti oleh raja kerajaan tersebut, termasuk Efesus sendiri. Ini bermaksud, ia juga digunakan untuk merujuk kepada kota-kota yang mempunyai kuil Artemis.

<sup>b</sup> Ini adalah batu meteor yang jatuh dari langit dan dianggap sebagai imej yang dihantar oleh tuhan.

<sup>c</sup> Sebagai ibu kota bagi wilayah Asia, Efesus menjadi pusat pentadbiran bagi gabenor Roma.

<sup>d</sup> Mesyuarat ini biasanya diadakan sebanyak tiga kali sebulan.



### Teropong

<sup>a</sup> Lukas tidak menyatakan berapa lama mereka tinggal di Makedonia. Paulus mungkin melawat semua jemaah yang telah ditubuhkannya sewaktu perjalanan misinya yang kedua di Filipi, Tesalonika dan Berea.

<sup>b</sup> Ini mungkin merujuk kepada tempoh mereka tinggal di Korintus, ibu kota Akhaya. Ini adalah musim sejuk di mana kapal tidak belayar dengan kerap.

<sup>c</sup> Paulus mahu belayar ke Palestina-Siria, supaya dia boleh tiba di Yerusalem pada masa yang tepat untuk merayakan Paskah. Akan tetapi, rancangan untuk membunuhnya telah didedahkan dan dia mengambil keputusan untuk berjalan melalui laluan darat di Makedonia. Pada musim ini ramai orang Yahudi kembali ke Yerusalem untuk meraikan Paskah atau Pentakosta. Pentakosta menjadi perayaan kegemaran para penziarah untuk melawat kota itu. Secara logiknya, mudah bagi orang Yahudi untuk mengambil kesempatan menyerang Paulus dalam pelayaran.

<sup>d</sup> Orang-orang ini sepertinya adalah rombongan yang telah diarahkan untuk menemani Paulus dan juga pengumpul wang kebajikan di Yudea (2 Kor 8:19-24). Tiga daripada mereka berasal dari Makedonia, dua dari Galatia dan dua dari Asia. Lukas mungkin menyertai mereka di Filipi (lihat ay. 6).

<sup>e</sup> Dia mungkin orang yang sama dengan Sosipater dalam Ro 16:21, salah seorang dari saudara Paulus.

<sup>f</sup> Lihat Bab 19, nota v.

<sup>g</sup> Namanya tidak disebut lagi dalam mana-mana bahagian. Namanya bermaksud ‘kedua’.

<sup>h</sup> Seseorang yang bernama Gayus dari Makedonia ada bersama dengan Aristarkhus di Efesus (19:29). Walau bagaimanapun, nama-nama dalam kumpulan ini

dari daerah Asia, dan Timotius.<sup>k</sup> <sup>5</sup>Mereka pergi terlebih dahulu lalu menunggu kami<sup>l</sup> di Troas. <sup>6</sup>Setelah Perayaan Roti Tidak Beragi, kami belayar meninggalkan Filipi. Lima hari kemudian kami berjumpa dengan mereka di Troas.<sup>m</sup> Di situ kami tinggal selama seminggu.

## **II. Lawatan Paulus yang Terakhir di Troas (ay. 7-12)**

<sup>7</sup>Pada petang Sabtu<sup>n</sup> kami berkumpul untuk makan bersama-sama<sup>o</sup> saudara seiman. Kerana Paulus akan berangkat esoknya, dia mengajar orang di situ. Dia berkata-kata terus sehingga tengah malam. <sup>8</sup>Banyak pelita dinyalakan di dalam bilik di tingkat

atas, tempat kami berhimpun. <sup>9</sup>Seorang pemuda<sup>p</sup> bernama Eutikhos duduk di jendela. Kerana Paulus tidak berhenti-henti berkata-kata, pemuda itu mengantuk lalu tertidur di jendela itu dan akhirnya jatuh ke tanah dari tingkat ketiga. Apabila mereka mengangkatnya, dia sudah mati. <sup>10</sup>Tetapi Paulus turun, lalu merebahkan diri ke atas pemuda<sup>q</sup> itu dan memeluk dia. Paulus berkata, "Janganlah khawatir, dia masih hidup!" <sup>11</sup>Kemudian Paulus naik kembali, lalu membahagikan roti dan makan bersama. Setelah lama bercakap dengan mereka, sehingga matahari terbit, Paulus berangkat. <sup>12</sup>Mereka membawa pemuda yang hidup itu pulang ke rumah dan mereka sangat terhibur.

menunjukkan bahawa Gayus dalam ayat ini mungkin berasal dari Galatia dan berbeza dengan Gayus dari Makedonia.

<sup>i</sup> Tikhitus selalu membantu Paulus, terutamanya hal yang berkaitan dengan jemaah-jemaah di Asia. Dia disebut dalam beberapa surat yang ditulis oleh Paulus.

<sup>j</sup> Trifomus berasal dari Efesus dan mungkin orang bukan Yahudi. Dia ada bersama dengan Paulus di Yerusalem apabila Paulus ditangkap (lihat 21:29).

<sup>k</sup> Timotius dan Erastus telah dihantar oleh Paulus terlebih dahulu sebelum dia pergi ke Efesus (19:22).

<sup>l</sup> Lukas telah menyertai rombongan Paulus semula. Paulus dan rombongannya singgah di Filipi dan hanya meneruskan perjalanan selepas Perayaan Roti Tidak Beragi untuk bertemu dengan yang lain.

<sup>m</sup> *Lihat Bab 16, nota j.* Troas merupakan tempat di mana Paulus mendapat penglihatan tentang seorang lelaki yang memanggilnya untuk datang ke Makedonia. Ini adalah tempat pertemuan Paulus dan rombongannya serta beberapa orang yang telah mendahului mereka melalui laluan laut dari Neapolis, sebuah pangkalan di Filipi.



### **Teropong**

<sup>n</sup> Versi lain menterjemahkan perkataan ini kepada 'hari pertama dalam seminggu' atau Ahad. Pertemuan 'pada hari pertama dalam seminggu' merupakan bukti paling jelas kepada kita bahawa Kristian berkumpul untuk menyembah dan merayakan Perjamuan Suci pada hari tersebut. Orang-orang Kristian berkumpul pada waktu petang, masa yang paling sesuai kerana mereka perlu bekerja pada siang hari.

<sup>o</sup> Ini merujuk kepada perayaan Perjamuan Suci.

<sup>p</sup> Walaupun Euthikos digambarkan sebagai seorang pemuda dalam ayat ini, tetapi dalam ayat 12, istilah yang digunakan adalah budak lelaki, merujuk kepada seseorang yang berumur antara 8-12 tahun.

<sup>q</sup> Seperti perbuatan Elia ke atas anak lelaki seorang balu di Zerafat dan Elisa dengan anak lelaki perempuan Sunem, Paulus 'merebahkan diri ke atas pemuda itu dan memeluk dia', membangkitkan Euthikos dari kematian. Paulus menghidupkan Euthikos seperti Petrus menghidupkan Dorkas (9:40).

**III. Ucapan Selamat Tinggal Paulus di Efesus (ay. 13-38)**

<sup>13</sup>Kami pergi ke kapal lalu belayar terlebih dahulu ke Asos.<sup>r</sup> Di situ kami akan menyambut Paulus naik ke kapal. Dia menyuruh kami belayar terlebih dahulu kerana dia mahu ke Asos melalui jalan darat. <sup>14</sup>Setelah Paulus tiba di Asos, kami membawa dia naik ke kapal lalu bertolak ke Metilene.<sup>s</sup> <sup>15</sup>Dari sana kami belayar pula, dan esoknya tiba di pulau Khios.<sup>t</sup> Lusanya kami tiba di Samos<sup>u</sup> dan sehari kemudian di Miletus.<sup>v</sup> <sup>16</sup>Paulus mengambil keputusan supaya tidak singgah di Efesus, agar tidak membuang masa di daerah Asia. Dia ingin cepat-cepat tiba di Yerusalem, jika boleh sebelum hari Pentakosta.<sup>w</sup> <sup>17</sup>Dari Miletus, Paulus mengirim berita ke Efesus, meminta supaya pemimpin-pemimpin<sup>x</sup> jemaah di situ datang menjumpai dia. <sup>18</sup>Apabila mereka tiba, Paulus berkata kepada mereka, "Kamu mengetahui cara hidupku selama aku bersama-sama kamu, sejak hari pertama aku tiba di daerah Asia. <sup>19</sup>Dengan rendah hati dan dengan mencururkan air mata, aku mengabdikan diri sebagai hamba Tuhan, di tengah-tengah penderitaan yang aku alami kerana rancangan jahat orang Yahudi. <sup>20</sup>Kamu tahu bahawa aku tidak pernah merahsiakan apa-apa yang berguna bagi kamu, semasa aku berkhotbah dan mengajar di tempat-tempat awam dan di rumah-rumah. <sup>21</sup>Baik kepada orang Yahudi mahupun bukan Yahudi, aku memberikan amaran supaya mereka bertaubat daripada dosa lalu datang kepada Allah serta percaya kepada Yesus, Tuhan kita. <sup>22</sup>Sekarang untuk mentaati perintah Roh Allah,<sup>y</sup> aku akan pergi ke Yerusalem tanpa mengetahui apa yang akan berlaku

kepadaku di situ. <sup>23</sup>Aku hanya tahu bahawa di setiap kota, Roh Allah telah memberitahu aku bahawa aku akan mengalami penderitaan dan akan dipenjarakan. <sup>24</sup>Tetapi aku tidak mengambil berat sama ada aku hidup atau mati. Aku hanya ingin menyelesaikan tugas yang aku terima daripada Tuhan Yesus. Aku diberikan tugas untuk mengkhabarkan Berita Baik tentang rahmat Allah.

<sup>25</sup>Aku sudah mengunjungi kamu semua dan memberitakan Pemerintahan Allah. Sekarang aku tahu bahawa tidak seorang pun daripada kamu akan berjumpa dengan aku lagi. <sup>26</sup>Oleh itu dengan sungguh-sungguh aku berkata kepada kamu pada hari ini: Jika sesiapa antara kamu binasa kelak, hal itu bukan tanggungjawabku. <sup>27</sup>Aku tidak pernah melalaikan tugas untuk menjelaskan segala kehendak Allah kepada kamu. <sup>28</sup>Hendaklah kamu menjaga diri serta menjaga jemaah yang sudah diserahkan kepada pemeliharaan kamu oleh Roh Allah. Jagalah jemaah Allah seperti gembala<sup>z</sup> menjaga domba, kerana Allah sudah menjadikan jemaah milik-Nya sendiri melalui kematian Anak-Nya. <sup>29</sup>Aku tahu bahawa setelah aku pergi, serigala buas<sup>a</sup> akan datang ke tengah-tengah kamu. Jemaah yang kamu jaga akan menjadi mangsa serigala. <sup>30</sup>Bahkan akan tiba masanya apabila beberapa orang di kalangan kamu sendiri akan memberitakan berita yang tidak betul untuk menyesatkan pengikut Yesus sehingga mengikut mereka. <sup>31</sup>Berwaspadalah! Ingatlah bahawa selama tiga tahun, siang malam dengan mencururkan air mata, aku telah mengajar setiap orang di kalangan kamu.

**Teropong**

<sup>r</sup> Asos terletak berseberangan dengan semenanjung dari Troas, kira-kira 32 km (20 batu) dengan laluan darat. Paulus mengambil keputusan untuk meneruskan perjalanan menggunakan laluan darat. Laluan laut lebih jauh dan mungkin ribut akan melanda.

<sup>s</sup> Metilene merupakan bandar utama yang mempunyai pelabuhan yang maju di pulau Lesbos, pulau terbesar di sekitar kawasan itu.

<sup>t</sup> Khios adalah pulau yang lebih besar dan terletak di bahagian barat persisiran Asia Kecil.

<sup>u</sup> Samos merupakan salah satu pulau penting di selatan Efesus.

<sup>v</sup> Miletus berada 48 km (30 batu) dari arah selatan Efesus, destinasi kapal yang dinaiki oleh Paulus. Dia harus menaiki kapal lain jika hendak pergi ke Efesus, dan itu akan memakan masanya.

<sup>w</sup> 16 hari sudah berlalu, dan kini tinggal dua per tiga lagi dari masa yang diperuntukan untuk perjalanan itu.

<sup>x</sup> Pelayanan Paulus menekankan kepentingan pemimpin-pemimpin jemaah untuk mengendalikan jemaah mereka.

Ternyata Paulus selalu berusaha untuk melantik pemimpin jemaah di setiap jemaah yang ditubuhkannya (lihat 14:23).

<sup>y</sup> Paulus tidak pergi ke Yerusalem dan mengingkari arahan Roh Allah seperti yang dikatakan oleh sesetengah orang. Tetapi dia berbuat demikian kerana tuntunan Roh Allah. Orang merayu supaya dia tidak pergi (21:4, 12), bukan kerana Roh Allah melarang pemergiannya tetapi Roh Allah telah menyatakan bahawa dia akan ditangkap ketika berada di sana (21:11-12).

<sup>z</sup> Istilah yang digunakan oleh Paulus di sini adalah 'pastor' atau 'penjaga'. Ia menerangkan idea pemerhatian rohani serta penjagaan pastoral. Tugas mereka adalah untuk menjaga atau membimbing jemaah yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah kepada mereka.

<sup>a</sup> Ini mungkin merujuk kepada guru-guru yang mengajar ajaran salah atau menyeleweng. Mereka akan datang dari luar lalu menyesatkan orang, terutamanya selepas Paulus meninggalkan jemaah dan tiada lagi yang akan mempersoalkan ajaran mereka. Hal ini berlaku di Korintus (lihat 2 Kor 10-13) di mana terdapat orang yang mengajar 'tentang Yesus yang lain'.



<sup>32</sup>Sekarang aku menyerahkan kamu kepada pemeliharaan Allah. Perkhabaran tentang rahmat<sup>b</sup> Allah juga akan memelihara kamu. Allah dapat menguatkan kamu dan mengurniakan kamu berkat yang telah disediakan-Nya untuk semua umat-Nya. <sup>33</sup>Aku tidak pernah mengingini wang atau pakaian sesiapa pun. <sup>34</sup>Kamu sendiri tahu bahawa dengan tangan sendiri, aku bekerja untuk mencukupi keperluan dan rakan-rakanku. <sup>35</sup>Dalam segala perkara aku sudah memberikan teladan kepada kamu bahawa dengan bekerja keras seperti ini, kita harus menolong orang yang lemah. Ingatlah akan kata-kata Tuhan Yesus,<sup>c</sup> 'Lebih berbahagia memberi daripada menerima.'"

<sup>36</sup>Apabila Paulus selesai berkata-kata, dia berlutut dengan mereka semua lalu berdoa. <sup>37</sup>Sambil menangis mereka memeluk Paulus dan mengucapkan selamat tinggal. <sup>38</sup>Mereka amat sedih kerana Paulus berkata bahawa mereka tidak akan berjumpa dengan dia lagi. Kemudian mereka menghantar dia sampai ke kapal.

## I. Paulus Pergi ke Yerusalem (ay. 1-16)

**21** Setelah kami mengucapkan selamat tinggal<sup>a</sup> kepada pemimpin-pemimpin jemaah dari Efesus itu, kami berangkat. Kami terus belayar ke Kos;<sup>b</sup> esoknya kami tiba di Rodes.<sup>c</sup> Dari situ kami belayar ke Patara.<sup>d</sup> <sup>2</sup>Di Patara kami menjumpai kapal yang akan bertolak ke Fenisia.<sup>e</sup> Kami menaiki kapal itu lalu belayar <sup>3</sup>sampai ke tempat kami dapat melihat pulau Siprus.<sup>f</sup> Kapal itu belayar terus menuju ke arah selatan sehingga sampai di Siria. Kami mendarat di Tirus,<sup>g</sup> kerana di situ kapal akan memunggah muatan. <sup>4</sup>Di situ kami berjumpa dengan beberapa orang yang percaya kepada Yesus dan kami tinggal dengan mereka selama seminggu.<sup>h</sup> Dengan pimpinan Roh Allah<sup>i</sup> mereka memberitahu Paulus supaya jangan pergi ke Yerusalem. <sup>5</sup>Tetapi apabila tiba masanya kami melanjutkan perjalanan, kami pun berangkat. Semua pengikut Yesus itu bersama-sama anak dan isteri mereka menghantar kami sampai ke luar kota. Di tepi pantai kami semua berlutut lalu berdoa. <sup>6</sup>Setelah

<sup>b</sup> Perkataan 'rahmat/kasih kurnia' adalah perkataan Paulus yang digunakannya untuk menerangkan kasih Allah yang percuma dan tidak layak diterima oleh orang berdosa tetapi tetap diberikan oleh Allah.

<sup>c</sup> Frasa 'ingatlah akan kata-kata Tuhan Yesus' merupakan perkataan yang selalu digunakan oleh jemaah awal untuk memperkenalkan petikan dari perkataan Yesus. Ini merupakan contoh perkataan Yesus yang tidak terdapat dalam Injil.



Tuliskan beberapa perkara tentang kehidupan Paulus yang benar-benar membuat kamu kagum.

Dengan cara apakah anda boleh mengikut contoh dari Paulus?



### Teropong

<sup>a</sup> Versi yang lain menterjemahkan frasa ini kepada 'setelah perpisahan yang berat itu', menunjukkan betapa dalamnya perasaan kasih di antara Paulus dan pemimpin-pemimpin terhadap satu sama yang lain.

<sup>b</sup> Kos merupakan pulau kecil yang berada di selatan Miletus.

<sup>c</sup> Rodes merupakan sebuah pelabuhan dan pusat kota bagi sebuah pulau besar yang mempunyai nama serupa, Rodes. Ia pernah terkenal dengan pelabuhannya yang hebat, yang pernah menjadi salah satu daripada Tujuh Benda Ajaib pada zaman purba (tetapi ia telah dimusnahkan dua abad sebelum Paulus tiba di sana).

<sup>d</sup> Patara terletak di selatan persisiran Likia, sebuah wilayah di bahagian selatan Asia Kecil.

<sup>e</sup> Fenisia merupakan sebuah daerah di Siria yang pernah dilalui oleh Paulus sekurang-kurangnya sekali (lihat 15:3). Paulus menukar dari kapal yang belayar berdekatan dengan persisiran Asia Kecil kepada sebuah kapal perdagangan yang berlayar terus ke Tirus dan Fenisia (lihat 11, nota j).

<sup>f</sup> Lihat Bab 13, nota h.

<sup>g</sup> Tirus merupakan pangkalan laut yang terkenal di Fenisia. Satu jemaah telah ditubuhkan di Fenisia, besar kemungkinan di Tirus, melalui orang Kristian Helenis yang terpaksa meninggalkan Yerusalem setelah penganiayaan Stefanus (11:19).

<sup>h</sup> Tujuh hari ini, apabila ditambah dengan 29 hari sejak Perayaan Roti Tidak Beragi di Filipi, memberikan mereka



bersalam-salaman kami menaiki kapal dan mereka pulang ke rumah.

<sup>7</sup>Kami melanjutkan perjalanan dan belayar dari Tirus ke Ptolemais.<sup>l</sup> Di situ kami memberikan salam kepada saudara-saudara yang percaya kepada Yesus, dan tinggal dengan mereka selama sehari. <sup>8</sup>Keesokan harinya kami berangkat pula, lalu tiba di Kaisarea.<sup>k</sup> Di situ kami menumpang di rumah seorang penginjil bernama Filipus.<sup>l</sup> Dia salah seorang daripada tujuh orang yang dipilih untuk menolong para rasul di Yerusalem. <sup>9</sup>Dia mempunyai empat orang anak perempuan yang belum berkahwin dan mereka memberitakan<sup>m</sup> perkhabaran daripada Allah. <sup>10</sup>Setelah beberapa hari kami di situ, seorang nabi bernama Agabus<sup>n</sup> datang dari Yudea. <sup>11</sup>Dia datang kepada kami lalu mengambil tali pinggang Paulus. Dengan tali pinggang itu Agabus mengikat kaki dan tangannya sendiri lalu berkata, "Inilah yang dikatakan oleh Roh Allah: Pemilik tali pinggang ini akan diikat

seperti ini oleh orang Yahudi di Yerusalem dan mereka akan menyerahkan dia kepada orang bukan Yahudi."

<sup>12</sup>Apabila kami mendengar kata-kata itu, kami<sup>o</sup> dan semua saudara lain memohon Paulus supaya jangan pergi ke Yerusalem. <sup>13</sup>Tetapi dia menjawab, "Mengapa kamu menangis seperti ini sehingga menyebabkan aku bersedih hati? Aku sudah bersedia bukan sahaja untuk diikat di Yerusalem, tetapi juga untuk mati di situ kerana Tuhan Yesus."

<sup>14</sup>Kerana Paulus tidak mahu mendengarkan kami, kami pun berhenti melarang dia. Kami berkata, "Biarlah kehendak Tuhan berlaku." <sup>15</sup>Setelah kami tinggal di situ beberapa lama, kami mengemaskan barang lalu berangkat ke Yerusalem. <sup>16</sup>Beberapa orang pengikut Yesus dari Kaisarea mengikut kami dan menghantar kami ke rumah Manason, kerana di rumah dialah kami akan menginap. Manason<sup>p</sup> berasal dari Siprus dan sudah lama menjadi pengikut Yesus.

hanya mempunyai tempoh selama dua minggu lagi untuk tiba di Yerusalem sebelum Pentakosta.

<sup>i</sup> Roh Allah memberikan amaran bahawa akan ada pencubaan yang menanti Paulus di Yerusalem. Oleh kerana amaran ini, saudara-saudara Paulus melarang dia untuk meneruskan perjalanan kerana mereka tahu akan hal yang menanti Paulus. Walau bagaimanapun, Paulus berasa 'sebagai tawanan Roh' (seperti dalam terjemahan lain) untuk meneruskan perjalanan (20:22).

<sup>j</sup> Ptolemais merupakan salah satu pangkalan laut Fenisia pada masa dahulu di selatan Tirus. Ia mengambil masa dalam sehari perjalanan dari Tirus.

<sup>k</sup> Lihat Bab 8, nota z dan Bab 10, nota a untuk penerangan lebih lanjut.

<sup>l</sup> Filipus merupakan salah seorang daripada tujuh orang yang dipilih oleh jemaah awal di Yerusalem untuk menjaga pembahagian bantuan makanan harian (6:1-6). Dia telah menginjil di Samaria dan dataran persisiran Palestin (8:4-40), selepas dia menetap di Kaisarea dan telah tinggal di sana selama 20 tahun.

<sup>m</sup> Versi lain menterjemahkan perkataan ini kepada 'berbuat'. Anak-anak perempuannya mungkin telah didedikasikan secara khusus untuk melayani Tuhan.

<sup>n</sup> Ini adalah nabi yang sama yang berbuat di Antiokhia tentang kebuluran di Yerusalem 15 tahun sebelum itu (11:27-29).

<sup>o</sup> Kini Lukas telah menyertai yang lain untuk menghalang Paulus dari meneruskan perjalanan ke Yerusalem.

<sup>p</sup> Manason mungkin seorang pengikut Kristus yang berada

kerana mampu menumpangkan Paulus dan sembilan orang yang ada bersamanya. Tidak semua yang berada di Yerusalem bersedia untuk menerima Paulus serta teman seperjalannya yang merupakan Kristian bukan Yahudi sebagai tetamu pada hari Pentakosta.



Pada pendapat anda, mengapakah Paulus sanggup mati untuk Yesus?

Fikirkan satu situasi di mana anda mengalami kesukaran untuk mengikut perintah Tuhan. Bagaimanakah anda dapat mendorong diri anda dan mendapat kekuatan melalui contoh yang diberikan oleh Paulus?





## II. Paulus Melawat Yakobus (ay. 17-26)

<sup>17</sup>Apabila kami tiba di Yerusalem,<sup>a</sup> pengikut-pengikut Yesus di situ menyambut kami dengan sukacita. <sup>18</sup>Keesokan harinya Paulus pergi bersama-sama kami menjumpai Yakobus;<sup>r</sup> semua pemimpin jemaah pun hadir.<sup>s</sup> <sup>19</sup>Paulus memberikan salam kepada mereka, lalu memberitahukan<sup>t</sup> segala sesuatu yang sudah dilakukan oleh Allah melalui dia di kalangan orang bukan Yahudi. <sup>20</sup>Setelah mendengar laporan Paulus, mereka semua memuji Allah. Kemudian mereka berkata kepada Paulus, “Saudara Paulus, dengarlah! Di sini ada beribu-ribu orang Yahudi yang sudah percaya kepada Yesus, dan mereka mentaati Taurat Musa dengan setia. <sup>21</sup>Tetapi mereka sudah diberitahu bahawa saudara mengajar semua orang Yahudi yang tinggal di kalangan orang bukan Yahudi supaya tidak menurut Taurat Musa, tidak menyunat anak-anak mereka ataupun menurut adat istiadat orang Yahudi. <sup>22</sup>Mereka tentu sudah mendengar bahawa saudara sudah tiba di sini. Apakah yang harus kita lakukan sekarang? <sup>23</sup>Kami mahu saudara

melakukan hal ini. Di sini ada empat orang yang sudah bernazar.<sup>v</sup> <sup>24</sup>Pergilah dengan mereka dan lakukanlah upacara penyucian<sup>w</sup> diri, dan bayarlah biaya mereka<sup>w</sup> juga. Kemudian mereka boleh mencukur rambut. Dengan cara demikian semua orang akan tahu bahawa apa yang didengar oleh mereka tentang saudara tidak benar, kerana saudara pun taat kepada Taurat Musa. <sup>25</sup>Tetapi bagi orang bukan Yahudi yang percaya kepada Yesus, kami telah mengirim sepucuk surat<sup>x</sup> kepada mereka tentang keputusan kami. Mereka tidak boleh makan makanan yang sudah dipersembahkan kepada berhala, atau makan darah, atau makan daging binatang yang mati dicekik, dan mereka juga harus menjauhkan diri daripada perbuatan cabul.”

<sup>26</sup>Oleh itu, Paulus pergi dengan empat orang itu dan esoknya dia menjalankan upacara penyucian diri bersama-sama mereka. Kemudian Paulus masuk ke Rumah Tuhan dan mengumumkan bilangan hari apabila upacara penyucian itu akan selesai dan korban akan dipersembahkan bagi masing-masing.



### Teropong

<sup>a</sup> Mereka tiba kira-kira sehari atau dua hari sebelum hari Pentakosta.

<sup>r</sup> Lihat Bab 12, nota l dan Bab 15, nota f untuk keterangan lebih lanjut. Yakobus sekarang sudah menjadi pemimpin jemaah di Yerusalem. Bersama-sama dengannya dalam pentadbiran jemaah adalah lembaga pemimpin, yang juga hadir untuk bertemu dengan Paulus dan rakan-rakannya yang lain.

<sup>s</sup> Kemungkinan mereka ada di sana untuk menerima pungutan yang dibawa oleh Paulus dari jemaah di Makedonia, Asia, Galatia dan Akhya. Ketika dia dibicarakan di hadapan Gabenor Feliks (lihat 24:17), Paulus ada mengatakan bahawa dia datang ke Yerusalem untuk menyerahkan wang kepada orang-orang di sana.

<sup>t</sup> Seperti masa yang lalu, Paulus melaporkan kepada jemaah tentang pekerjaan misinya dan menerangkan secara terperinci bagaimana Allah memberkati pelayanannya di kalangan orang-orang bukan Yahudi.

<sup>u</sup> Lihat Bab 18, nota r. Kenyataan yang mereka terpaksa mencukur kepala mereka menunjukkan bahawa ini adalah nazar orang Nazir. Pengakhiran nazar melibatkan persembahan korban bagi pihak mereka.

<sup>v</sup> Dalam beberapa peristiwa, upacara ini melibatkan persembahan korban.

<sup>w</sup> Bahagian Paulus untuk membayar mereka termasuk: (i) membayar sebahagian atau semua harga binatang yang dijadikan korban (ii) pergi ke Rumah Tuhan untuk memberitahu imam tarikh penyucian mereka supaya imam-

imam boleh membuat persediaan bagi persembahan korban mereka.

<sup>x</sup> Ini adalah keputusan yang dipersetujui oleh Majlis Yerusalem (15:20-21) untuk membenarkan orang Yahudi dan bukan Yahudi yang percaya Yesus untuk tinggal bersama dengan tenteram. Setelah menggalakkan Paulus untuk mengikuti Hukum orang Yahudi, pemimpin-pemimpin jemaah Yerusalem mahu meyakinkan dia bahawa mereka masih bersetuju dengan keputusan yang dihantar kepada orang-orang bukan Yahudi yang menyatakan bahawa mereka hanya perlu mengikuti empat syarat yang telah ditetapkan bagi mereka.



Apakah yang anda lihat tentang sikap Paulus apabila dia diarahkan oleh pemimpin jemaah untuk melakukan semua upacara hanya untuk meyakinkan orang Kristian Yahudi yang lain bahawa dia bukan menentang Hukum?

Apakah respon anda apabila seseorang mengarahkan anda untuk melakukan sesuatu yang akan mendatangkan banyak masalah kepada anda?

Apakah pengajaran yang anda boleh dapat dari Paulus di sini?

**III. Paulus Ditangkap di Rumah Tuhan (ay. 27-36)**

<sup>27</sup>Apabila jangka waktu tujuh hari<sup>y</sup> hampir berakhir, beberapa orang Yahudi dari daerah Asia<sup>z</sup> melihat Paulus di dalam Rumah Tuhan. Mereka menghasut orang ramai lalu menangkap Paulus. <sup>28</sup>Mereka berseru, "Hai orang Israel, tolong! Inilah orang yang pergi ke serata tempat dan mengajar semua orang menentang bangsa Israel, Taurat Musa, dan Rumah Tuhan ini. Malahan sekarang dia membawa orang bukan Yahudi ke dalam Rumah Tuhan.<sup>a</sup> Dia telah menajiskan tempat yang suci ini!" <sup>29</sup>(Mereka berkata demikian, kerana mereka nampak Trofimus<sup>b</sup> orang Efesus itu bersama-sama Paulus di kota. Mereka menyangka Paulus telah membawa dia ke dalam Rumah Tuhan.)

<sup>30</sup>Seluruh kota itu menjadi kacau-bilau; semua orang berlari bersama-sama dan menangkap Paulus lalu menyeret dia keluar dari Rumah Tuhan. Dengan segera pintu Rumah Tuhan ditutup.<sup>c</sup> <sup>31</sup>Sementara perusuh-perusuh itu cuba membunuh Paulus, komandan<sup>d</sup>

pasukan Roma diberitahu bahawa seluruh Yerusalem sedang merusuh. <sup>32</sup>Dengan segera komandan membawa beberapa orang pegawai<sup>e</sup> tentera serta askar, lalu cepat-cepat pergi ke tempat huru-hara itu. Semasa orang ramai itu melihat komandan dengan askarnya, mereka berhenti memukul Paulus. <sup>33</sup>Komandan itu menghampiri Paulus lalu menangkap dia, dan menyuruh orang membelenggu dia dengan dua rantai.<sup>f</sup> Lalu komandan itu bertanya, "Siapakah orang ini, dan apa yang sudah dilakukannya?" <sup>34</sup>Sesetengah orang ramai menjawab begini dan sesetengah yang lain menjawab begitu. Keadaan begitu kacau sehingga komandan itu tidak dapat mengetahui apa yang sebenarnya sudah berlaku. Oleh itu dia menyuruh askarnya membawa Paulus ke dalam kubu. <sup>35</sup>Mereka membawa dia sampai ke tangga, lalu askar-askar itu harus menggotong Paulus kerana orang ramai yang merusuh itu mengamuk. <sup>36</sup>Perusuh-perusuh itu mengikuti Paulus sambil berseru, "Bunuh dia!"

**Teropong**

<sup>y</sup> Ini adalah jumlah hari yang diwajibkan untuk penyucian, mencukur kepala mereka di mazbah, membuat persembahan korban untuk dosa dan korban bakaran bagi setiap satu dari mereka, dan memaklumkan kepada imam apabila mereka sudah selesai.

<sup>z</sup> Kesusahan Paulus bukan disebabkan oleh orang-orang Yahudi di Yerusalem tetapi oleh mereka yang berasal dari Efesus di Asia yang mungkin datang ke Yerusalem sebagai penziarah untuk hari Pentakosta.

<sup>a</sup> Ahli arkeologi telah menemui banyak inskripsi dalam bahasa Yunani dan Latin di Halaman Orang Bukan Yahudi di luar Rumah Tuhan yang berbunyi: 'Orang asing tidak dibenarkan masuk ke dalam perintang yang mengelilingi Rumah Tuhan dan pagarnya. Sesiapa yang didapati bersalah akan bertanggungjawab ke atas kematian yang menimpanya'. Penguasa Roma juga bersetuju dengan orang Yahudi dalam hal ini dan mengenakan hukuman mati ke atas orang bukan Yahudi, walaupun warganegara Roma, yang ditangkap mencerooboh masuk melepasi perintang di Rumah Tuhan.

<sup>b</sup> Trifomus merupakan salah seorang daripada ahli rombongan Paulus yang meninggalkan Efesus untuk pergi ke Yerusalem. *Lihat Bab 20, nota j.* Paulus mungkin tidak

membawanya ke dalam kawasan larangan. Jika dia berbuat demikian, mereka akan menyerang Trifomus dan bukan Paulus.

<sup>c</sup> Pintu itu ditutup oleh polis yang berjaga di kawasan tersebut dan berkawal di pintu yang menuju ke Tempat Kudus di dalam. Mereka melakukan hal ini untuk mengelakkan Tempat Kudus daripada dinajiskan dengan huru-hara dan pertumpahan darah yang mungkin terjadi. Polis Rumah Tuhan adalah orang-orang Yahudi sendiri, diambil dari suku Lewi.

<sup>d</sup> Kubu Roma berada di Kubu Antonia (*rujuk kepada 'Rumah Tuhan', ms. 30*) yang telah dibina oleh Herodes Agung di sudut barat laut Rumah Tuhan. Ia biasanya diduduki oleh seribu orang. Orang yang menjadi ketua mereka adalah komander yang bertanggungjawab ke atas 1,000 orang askar (rejimen). Komander pada masa itu ialah Klaudius Lisias. (*Lihat 23:26 untuk maklumat lanjut*).

<sup>e</sup> Mereka adalah ketua tentera yang mengawal 100 orang askar. Kemungkinan ada dua orang pegawai yang terlibat. Oleh itu terdapat sekurang-kurangnya 200 orang askar yang datang dengan mereka.

<sup>f</sup> Mungkin sebelah tangan Paulus telah dirantai kepada seorang askar.



#### IV. Paulus Membela Diri (21:37—22:21)

<sup>37</sup>Apabila askar-askar hampir sampai ke kubu,<sup>g</sup> Paulus berkata kepada komandan itu, “Bolehkah saya bercakap sebentar dengan tuan?” Komandan itu berkata, “Kamu dapat berbahasa Yunani! <sup>38</sup>Jika demikian kamu bukan orang Mesir<sup>h</sup> yang tempoh hari memulakan pemberontakan dan memimpin empat ribu orang pengganas bersenjata pergi ke padang gurun.”

<sup>39</sup>Paulus berkata, “Saya orang Yahudi yang dilahirkan di Tarsus<sup>i</sup> di negeri Kilikia.<sup>l</sup> Saya warga kota yang penting itu. Tolong izinkan saya berucap kepada orang ramai ini.”

<sup>40</sup>Komandan itu mengizinkan dia berbuat demikian. Oleh itu Paulus berdiri di tangga dan memberikan isyarat dengan tangan supaya orang ramai diam. Apabila mereka tenang, Paulus berkata-kata kepada mereka dalam bahasa Ibrani.<sup>k</sup>

**22** Paulus berkata, “Bapa-bapa dan saudara sekalian, dengarkanlah apa yang akan saya katakan untuk membela diri.” <sup>2</sup>Apabila mereka mendengar Paulus berkata-kata dalam bahasa Ibrani, mereka lebih tenang lagi. Paulus melanjutkan kata-katanya,

<sup>3</sup>“Saya orang Yahudi; saya dilahirkan di Tarsus di negeri Kilikia, dan dibesarkan di Yerusalem<sup>l</sup> sebagai murid Gamaliel.<sup>m</sup> Saya diajar dengan teliti tentang Taurat nenek moyang kita, dan saya mengabdikan diri kepada Allah seperti saudara sekalian pada hari ini. <sup>4</sup>Saya menganiaya pengikut

ajaran baru itu sehingga mereka mati. Saya menangkap orang lelaki dan perempuan, lalu memasukkan mereka ke dalam penjara. <sup>5</sup>Imam Agung<sup>n</sup> dan semua anggota Majlis Agama<sup>o</sup> dapat memberikan kesaksian bahawa saya tidak berdusta. Saya diberikan mereka surat-surat yang ditujukan kepada orang Yahudi di Damsyik.<sup>p</sup> Dengan surat itu saya dibenarkan menangkap pengikut ajaran baru itu lalu membawa mereka ke Yerusalem untuk dihukum.”

<sup>6</sup>“Semasa saya dalam perjalanan dan hampir tiba di Damsyik, pada kira-kira tengah hari,<sup>q</sup> tiba-tiba cahaya terang dari langit memancar di sekeliling saya. <sup>7</sup>Saya rebah ke tanah lalu mendengar suara berkata kepada saya, ‘Saulus, Saulus! Mengapa engkau menganiaya Aku?’ <sup>8</sup>Lalu saya bertanya, ‘Siapakah tuan?’ ‘Aku Yesus orang Nasaret yang engkau aniaya,’ jawab-Nya. <sup>9</sup>Semua orang yang bersama-sama saya nampak cahaya itu, tetapi mereka tidak mendengar suara yang berkata-kata kepada saya. <sup>10</sup>Saya bertanya pula, ‘Apakah yang harus saya lakukan, tuan?’ Tuhan menjawab, ‘Bangunlah dan masuklah ke Damsyik. Di situ engkau akan diberitahu semuanya yang sudah ditetapkan oleh Allah yang harus engkau lakukan.’ <sup>11</sup>Saya menjadi buta kerana cahaya terang itu. Oleh itu teman seperjalanan saya memegang tangan saya dan memimpin saya masuk ke Damsyik.

<sup>12</sup>Di situ ada seorang bernama Ananias. Dia seorang yang takut akan Allah dan mentaati Taurat kita. Dia sangat dihormati oleh semua orang Yahudi yang tinggal di Damsyik. <sup>13</sup>Dia datang dan berdiri di



#### Teropong

<sup>g</sup> Kubu Antonia bersambung dengan hujung bahagian utara Rumah Tuhan melalui dua tingkat anak tangga. Menara kubu tersebut berhadapan dengan kawasan Rumah Tuhan.

<sup>h</sup> Josefus, ahli sejarah Yahudi yang terkenal mencatatkan tentang seorang Yahudi dari Mesir yang pernah datang tiga tahun sebelum itu ke Yerusalem dan mengaku dirinya sebagai nabi. Dia mempunyai ramai pengikut yang pergi ke padang gurun kemudian ke Gunung Zaitun untuk persediaan si penyelamat menjatuhkan Yerusalem. Tentera Roma membunuh beratus-ratus pengikutnya, tetapi pemimpin tersebut dapat melarikan diri.

<sup>i</sup> Lihat Bab 9, nota o. Tarsus merupakan pusat perniagaan yang penting, kota universiti dan pertemuan bagi laluan-laluan pengembara. Ia bukan sahaja makmur tetapi ia juga merupakan salah satu kota universiti yang paling masyur di seluruh empayar Roma, terkenal dengan pendidikannya.

<sup>j</sup> Lihat Bab 6, nota r.

<sup>k</sup> Besar kemungkinan Paulus bercakap dalam bahasa Aramaik dan bukan Ibrani kerana Aramaik merupakan bahasa yang biasa digunakan di kalangan orang Yahudi di Palestin.

<sup>l</sup> Paulus mungkin telah datang ke Yerusalem semasa masih muda, mungkin apabila dia memcecah umur yang membolehkannya menjadi murid kepada Gamaliel.

<sup>m</sup> Lihat Bab 5, nota t. Gamaliel juga merupakan salah satu rabbi yang paling dihormati pada abad yang pertama.

<sup>n</sup> Kayafas, Imam Agung 20 tahun sebelum itu telah meninggal dunia dan Ananias kini menjadi Imam Agung (lihat 23:2). Walau bagaimanapun, rekod Imam Agung itu akan membuktikan bahawa Paulus bercakap benar.

<sup>o</sup> Ini merujuk kepada Sanhedrin, Majlis Agama.



sisi saya, lalu berkata, 'Saudara Saulus, saudara dapat melihat lagi!' Pada saat itu juga saya dapat melihat semula, lalu saya memandang dia. <sup>14</sup>Dia berkata, 'Allah yang disembah nenek moyang kita sudah memilih saudara supaya mengetahui kehendak Allah, dan melihat Yesus, Hamba Allah' yang melakukan kehendak Allah, serta mendengar suara Yesus sendiri. <sup>15</sup>Saudara akan menjadi saksi untuk mengkhabarkan apa yang sudah saudara lihat dan dengar kepada setiap orang. <sup>16</sup>Sekarang janganlah tunggu lebih lama lagi. Bangunlah dan mintalah orang membaptis' saudara. Berserulah kepada Tuhan supaya dosa saudara dihapuskan."

<sup>17</sup>"Saya kembali ke Yerusalem' dan sementara saya berdoa di Rumah Tuhan, saya melihat suatu penglihatan. <sup>18</sup>Dalam penglihatan itu saya melihat Tuhan berkata kepada saya, 'Cepat tinggalkan Yerusalem, kerana orang di sini tidak mahu menerima kesaksianmu tentang Aku.' <sup>19</sup>Saya berkata, 'Ya Tuhan, mereka tahu bahawa aku sudah masuk ke rumah ibadat untuk menangkap dan memukul orang yang percaya kepada-Mu. <sup>20</sup>Apabila saksi-Mu Stefanus<sup>u</sup> direjam, aku sendiri ada di situ dan menyetujui pembunuhan itu. Bahkan aku menjaga pakaian semua orang yang membunuh dia.' <sup>21</sup>Tetapi Tuhan berkata lagi, 'Pergilah, kerana Aku akan menyuruh engkau ke tempat yang jauh, kepada orang bukan Yahudi.'"

### V. Paulus Umum Kewarganegaraannya (ay. 22-30)

<sup>22</sup>Sehingga saat itu, orang ramai mendengarkan kata-kata Paulus.' Tetapi kemudian mereka mula berseru dengan kuat, "Hapuskan dia! Bunuh dia! Dia tidak layak hidup!" <sup>23</sup>Mereka berteriak-teriak sambil mengebaskan pakaian sehingga debu berterbangan<sup>w</sup> di udara. <sup>24</sup>Komandan pasukan Roma memerintahkan askar-askarnya membawa Paulus ke dalam kubu. Dia menyuruh mereka mencambuk<sup>x'</sup> Paulus untuk mengetahui alasan orang Yahudi berteriak sedemikian rupa terhadap dia. <sup>25</sup>Tetapi waktu Paulus telah diikat<sup>y</sup> untuk dicambuk, Paulus berkata kepada pegawai tentera yang berdiri di situ, "Bolehkah seorang warganegara Roma<sup>z</sup> dicambuk sebelum dia diadili?"

<sup>26</sup>Apabila pegawai tentera itu mendengar hal ini, dia pergi kepada komandan itu dan berkata, "Apa yang sudah tuan lakukan? Orang ini warganegara Roma!"

<sup>27</sup>Oleh itu komandan itu pergi kepada Paulus dan bertanya, "Katakanlah, adakah kamu warganegara Roma?"

"Ya," kata Paulus. <sup>28</sup>Komandan itu berkata pula, "Saya menjadi warganegara Roma dengan membayar wang yang banyak."<sup>a</sup>

Paulus menjawab, "Tetapi saya dilahirkan sebagai warganegara Roma." <sup>29</sup>Dengan segera askar-askar yang hendak menyoal Paulus berundur.

<sup>p</sup> Lihat Bab 9, nota c.

<sup>q</sup> Paulus tidak menyebut hal ini dalam penceritaannya yang pertama (9:1-22).

<sup>r</sup> Pengalaman melihat Kristus yang telah bangkit merupakan satu peristiwa yang mengubah hidup Paulus. Pengalaman inilah yang meyakinkan dia tentang kebenaran injil dan ia menjadi dasar kepada semua perkara yang pernah diajarnya.

<sup>s</sup> Baptisan tidak menanggalkan dosa kita secara jasmani tetapi ia adalah satu tanda luaran bagi rahmat dalaman, iaitu pengampunan dosa kita.

<sup>t</sup> Ini merujuk kepada lawatan yang diceritakan oleh Paulus dalam 9:26.

<sup>u</sup> Lihat 7:59-8:1.



### Teropong

<sup>v</sup> Semasa Paulus membela diri, orang ramai mendengar dengan tenang kerana dia banyak bercakap tentang harapan penyelamat orang Israel dan dia berbuat demikian mengikut konteks orang Yahudi. Walau bagaimanapun, apabila Paulus berkata dia diarahkan untuk meninggalkan Yerusalem dan pergi kepada orang-orang bukan Yahudi yang tidak ada kaitan dengan agama Yahudi, keberangan mereka tidak tertahan lagi. Bagi mereka, Paulus mengatakan bahawa orang-orang bukan Yahudi boleh dihampiri secara langsung dengan berita penyelamatan dari Allah tanpa perlu menjadi orang Yahudi terlebih dahulu. Menempatkan orang Yahudi dan orang bukan Yahudi pada kedudukan yang sama di hadapan Allah merupakan perkara yang tidak dapat dibayangkan bagi agama Yahudi. Itu merupakan perkara yang paling memurtadkan! Oleh itu, Paulus disuruh untuk berhenti berkata-kata dan orang ramai berteriak supaya dia dibunuh.

<sup>w</sup> Tiada sebab yang jelas mengapa hal ini dilakukan.

<sup>x</sup> Ini dilakukan bukan dengan batang kayu seperti di Filipi (16:22-24), tetapi dengan cemeti, alat seksaan yang kejam. Ia adalah perkara yang biasa dilakukan untuk mendapatkan maklumat dari seorang tahanan. Ia boleh digunakan untuk memaksa pengakuan dari hamba abdi atau orang asing tetapi bukan ke atas warganegara Roma.

Komandan itu pun takut apabila dia tahu bahawa Paulus warganegara Roma, dan kerana dia sudah merantai Paulus. <sup>30</sup>Tetapi komandan itu hendak mengetahui alasan sebenar yang menyebabkan orang Yahudi menuduh Paulus. Oleh itu, keesokan harinya komandan itu memanggil ketua-ketua imam dan semua anggota Majlis Agama<sup>b</sup> supaya berkumpul. Kemudian dia membuka rantai yang mengikat Paulus lalu menghadapkan Paulus kepada mereka semua.

### I. Paulus di Hadapan Majlis Agama (ay. 1-11)

**23** Paulus menatap anggota-anggota Majlis Agama<sup>a</sup> lalu berkata, “Saudara-saudara! Sehingga hari ini, hati nurani saya tidak menyalahkan saya tentang kehidupan saya di sisi Allah.” <sup>2</sup>Imam

Agung Ananias<sup>b</sup> menyuruh orang yang berdiri dekat Paulus menampar<sup>c</sup> mulut Paulus. <sup>3</sup>Paulus berkata kepadanya, “Allah pasti akan menampar tuan, yang seperti tembok berkapur putih.<sup>d</sup> Tuan duduk di situ menghakimi saya menurut Taurat, tetapi tuan sendiri melanggar Taurat apabila menyuruh orang menampar saya!”<sup>e</sup>

<sup>4</sup>Beberapa orang yang di sebelah Paulus berkata kepadanya, “Kamu menghina Imam Agung Allah!”

<sup>5</sup>Paulus menjawab, “Saudara-saudara, saya tidak tahu bahawa dia Imam Agung.<sup>f</sup> Memang di dalam Alkitab ada tertulis, ‘Janganlah hina pemimpin bangsa kamu.’”

<sup>6</sup>Paulus melihat bahawa sebahagian daripada Majlis Agama itu terdiri daripada orang Saduki<sup>g</sup> dan

Cemeti itu diperbuat daripada dua utas tali dari kulit binatang yang diikat pada pemegang kayu, dan secebis tulang atau besi diikat pada hujungnya. Sekiranya seorang itu tidak mati dengan seksaan cemeti (hal itu kerap berlaku), dia akan lumpuh seumur hidup. Inilah alat yang digunakan untuk menyeksa Yesus sebelum Dia disalibkan.

<sup>1</sup> Seseorang akan diikat pada sebatang tiang untuk dicambuk.

<sup>2</sup> Menurut undang-undang Roma, semua warganegara Roma dikecualikan daripada hukuman yang memalukan: dipukul dengan kayu, cemeti, disalibkan. Mereka juga dikecualikan daripada pemeriksaan di bawah seksaan. Dalam hal sedemikian, mereka harus dijatuhkan tuduhan yang sah dahulu kemudian mereka harus dibicarakan di hadapan mahkamah Roma.

<sup>a</sup> Terdapat tiga cara untuk mendapatkan kewarganegaraan Roma: (i) menerimanya sebagai kurniaan atas jasa kepada Roma, (ii) membelinya dengan harga yang tinggi. (iii) dilahirkan dalam keluarga yang telah menjadi warganegara Roma. Tiada siapa yang tahu bagaimana bapa atau moyang Paulus mendapat kewarganegaraan itu (*rujuk kepada ‘Waganegara Roma’, ms. 37*).

<sup>b</sup> Majlis Agama dihormati oleh gabenor Roma. Gabenor Roma harus memberi keizinan terlebih dahulu untuk menjatuhkan hukuman berat ke atas seseorang, contohnya hukuman mati.



#### Teropong

<sup>a</sup> Majlis Agama, sidang kehakiman Yahudi yang paling tinggi, mempunyai ahli seramai 70 sehingga 100 orang lelaki (71 adalah nombor yang sesuai). Mereka duduk dalam bentuk ladang, dan di belakang mereka terdapat tiga barisan orang yang terdiri murid kepada ‘orang berpendidikan’, dengan setiausaha mahkamah berdiri di hadapan (*rujuk kepada ‘Majlis Agama’, ms. 33*).

<sup>b</sup> Ini adalah Ananias anak lelaki Nebedaeus dan merupakan Imam Agung dari 47- 59 M. Dia ialah orang yang berbeza dengan Imam Agung Anas (6-15M), bapa mertua Kayafas, Imam Agung ketika Yesus masih hidup. Ananias terkenal dengan kekejaman dan kekerasannya. Sebagai seorang lelaki yang kasar, dia dibenci oleh orang Yahudi kerana polisinya yang menyokong Roma. Apabila pemberontakan terhadap kerajaan Roma berlaku, dia dibunuh oleh orangnya sendiri.

<sup>c</sup> Ini adalah kelakuan yang tidak seharusnya ada pada seseorang yang memegang jawatan rasmi tetapi kenyataan Paulus mungkin telah menyebabkan kemarahan Ananias semakin mendidih lalu bertindak seperti ini. Ananias terkenal dengan caranya yang kasar.

<sup>d</sup> Ini merupakan metafora bagi seseorang yang bertalam dua muka, yang mempunyai penampilan luaran yang baik tetapi penuh dengan dalaman yang najis seperti kuburan yang mengandungi mayat. Dalam Yehezkiel, nabi itu ditekam oleh Allah kerana mendirikan tembok yang diwarnakan putih untuk membuatnya tampak lebih kuat tetapi runtuh sebaik sahaja ditiup angin (*lihat Yeh 13:10-12*).

<sup>e</sup> Oleh kerana berang dengan penghinaan yang diterima, Paulus menuduh Ananias melanggar hukum Yahudi yang mempertahankan hak orang tertuduh dan menganggap mereka tidak bersalah sehingga dibuktikan. Paulus belum lagi dituduh melakukan kesalahan yang sah, apa lagi dibicarakan dan didapati bersalah. Dia menuduh Ananias bersikap talam dua muka dengan mengaku sebagai hakim yang menurut Hukum namun dia bertindak kasar semasa percakapan. Perkataan Paulus kelihatan seperti nubuatan, kerana Ananias menghabiskan sisa-sisa hidup seperti haiwan yang diburu dan nyawanya berakhir di tangan orang-orangnya sendiri.



sebahagian lagi orang Farisi.<sup>h</sup> Oleh itu dia berseru kepada Majlis Agama, “Saudara-saudara, saya orang Farisi, bapa saya pun orang Farisi. Saya diadili di sini kerana saya percaya bahawa orang mati akan dibangkitkan daripada kematian.”

<sup>7</sup>Sebaik sahaja Paulus berkata demikian,<sup>i</sup> orang Farisi dan orang Saduki mula bertengkar, lalu perhimpunan itu berpecah menjadi dua kelompok. <sup>8</sup>(Hal itu berlaku kerana orang Saduki tidak percaya akan kebangkitan orang mati, dan tidak percaya akan adanya malaikat atau roh. Tetapi orang Farisi percaya akan ketiga-tiganya.) <sup>9</sup>Lalu berlakulah pertengkaran yang sengit. Beberapa orang Farisi

yang menjadi guru Taurat berdiri dan membantah dengan keras, “Orang ini tidak bersalah sedikit pun! Barangkali memang ada roh atau malaikat yang berkata-kata kepadanya!”

<sup>10</sup>Pertengkaran itu menjadi begitu sengit sehingga komandan itu takut kalau-kalau Paulus akan diserbu oleh mereka. Dia menyuruh askar-askarnya mengambil Paulus dari tengah-tengah mereka dan membawa dia ke kubu.

<sup>11</sup>Pada malam itu, Tuhan berdiri di sisi Paulus dan berkata, “Tabahkanlah hatimu! Engkau sudah memberikan kesaksianmu tentang Aku di Yerusalem. Engkau harus memberikan kesaksian di Roma juga.”

<sup>f</sup> Beberapa sebab telah diusulkan tentang maksud Paulus dengan perkataan ini. Ada yang mengatakan dia mempunyai masalah penglihatan atau dia tidak dapat mengenali imam itu kerana dia tidak memakai pakaian khas seorang imam. Apa yang mungkin terjadi ialah Paulus menyindir dengan mengatakan bahawa dia tidak tahu orang yang memberi arahan sedemikian boleh menjadi seorang imam agung.

<sup>g</sup> (Rujuk kepada ‘Orang Saduki’, ms. 35) Mereka tidak mengakui kewujudan roh dan malaikat, bahkan tidak percaya dengan kebangkitan semula.

<sup>h</sup> (Rujuk kepada ‘Orang Farisi’, ms. 34) Paulus masih menganggap diri sendiri sebagai Farisi oleh kerana amalnya yang mengikut Hukum dan percaya kepada kebangkitan semula, walaupun dia tidak mengasingkan diri dari orang bukan Yahudi.

<sup>i</sup> Pengakuan Paulus telah membahagikan majlis itu kepada dua pihak, Saduki dan Farisi. Perbezaan pandangan politik dan teologi kedua-dua kumpulan ini sangat terkenal. Orang Saduki bekerjasama dengan Roma manakala orang Farisi adalah penentang senyap terhadap pemerintahan Roma. Orang Saduki sangat konservatif dalam kepercayaan tetapi orang Farisi lebih progresif, bersedia untuk mengubah Hukum mengikut arus zaman menurut tafsiran mereka.

Sebilangan orang Farisi menganggap bahawa perbicaraan Paulus adalah percubaan orang Saduki untuk menjatuhkan reputasi serta kepercayaan orang Farisi, lalu mereka mula bangkit menyokong Paulus. Walau bagaimanapun, orang Saduki terus menekankan tuduhan mereka, dan perdebatan itu tidak dapat dikawal lagi. Beberapa ahli sarjana berpendapat bahawa Paulus sengaja membiarkan dua pihak itu berbalah sesama mereka. Tetapi mungkin juga Paulus membangkitkan hal itu kerana bagi dia, ajaran Kristian yang paling penting adalah tentang kebangkitan semula.

<sup>j</sup> Kekerasan yang terjadi pada tempoh dua hari terakhir terutamanya perselisihan orang Yahudi mungkin telah menyebabkan Paulus untuk memikirkan masa hadapan, sama ada dia akan meninggalkan Yerusalem hidup-hidup atau tentang kemungkinan dia akan pergi ke Roma. Jadi dalam kebimbangannya, Yesus datang untuk mendorong dan mententeramkan dia dengan janji bahawa seperti dia telah bersaksi untuk Yesus di Yerusalem, dia juga harus bersaksi untuk Yesus di Roma. Penglihatan itu menjelaskan apa yang akan terjadi seterusnya disebabkan oleh rancangan ilahi. Tuhan akan membimbing perjalanan peristiwa sehingga Paulus berdiri di hadapan raja Roma.



Baca ayat 11 sekali lagi. Apakah yang anda boleh pelajari tentang Yesus dalam ayat ini?

Bagaimanakah anda tahu bahawa Yesus akan datang membantu ketika anda mengalami kesusahan atau ketidakpastian?



Jangan takut kerana Aku menyertai kamu; jangan cemas kerana Akulah Allah kamu. Aku akan menguatkan dan menolong kamu; Aku akan melindungi dan menyelamatkan kamu.  
(Yesaya 41:10)



## II. Pakatan untuk Membunuh Paulus (ay. 12-22)

<sup>12</sup>Pagi-pagi keesokan harinya, beberapa orang Yahudi<sup>k</sup> berkumpul untuk merancangkan suatu pakatan. Mereka bersumpah tidak akan makan atau minum sehingga mereka membunuh Paulus. <sup>13</sup>Lebih daripada empat puluh orang termasuk dalam pakatan itu. <sup>14</sup>Mereka pergi kepada ketua-ketua imam dan para pemimpin<sup>l</sup> masyarakat Yahudi, lalu berkata, “Kami sudah bersumpah tidak akan makan atau minum sehingga kami membunuh Paulus. <sup>15</sup>Oleh itu saudara-saudara dan anggota-anggota Majlis Agama hendaklah mengirim sepucuk surat kepada komandan Roma, untuk meminta dia membawa Paulus datang menghadap saudara semua, seolah-olah hendak memeriksa perkaranya lagi dengan lebih teliti. Kami akan bersiap-siap untuk membunuh dia sebelum dia sampai ke sini.”

<sup>16</sup>Tetapi anak lelaki saudara perempuan<sup>m</sup> Paulus mendengar berita tentang pakatan itu. Oleh itu dia masuk ke kubu dan memberitahu Paulus hal itu. <sup>17</sup>Kemudian Paulus memanggil seorang pegawai tentera dan berkata kepadanya, “Bawalah pemuda ini

kepada komandan; dia mahu memberitahukan sesuatu kepadanya.” <sup>18</sup>Pegawai tentera itu membawa pemuda itu kepada komandan dan berkata, “Paulus, orang tahanan itu, memanggil saya. Dia menyuruh saya membawa pemuda ini kepada tuan, kerana dia mahu memberitahukan sesuatu kepada tuan.”

<sup>19</sup>Komandan itu memegang tangan pemuda itu, lalu membawa dia ke samping dan bertanya, “Apa yang hendak kamu beritahu saya?”

<sup>20</sup>Pemuda itu menjawab, “Orang Yahudi telah bersepakat meminta tuan membawa Paulus menghadap Majlis Agama esok, seolah-olah Majlis Agama hendak memeriksa perkaranya lagi dengan lebih teliti. <sup>21</sup>Janganlah percaya kepada mereka, kerana lebih daripada empat puluh orang akan bersembunyi untuk menunggu dia. Mereka sudah bersumpah tidak akan makan atau minum sehingga mereka membunuh Paulus. Sekarang mereka sudah siap dan sedang menunggu jawapan tuan.”

<sup>22</sup>Komandan itu berkata, “Jangan beritahu sesiapa pun bahawa kamu sudah melaporkan hal ini kepada saya.” Lalu dia menyuruh pemuda itu pulang.



### Teropong

<sup>k</sup> Jelas sekali mereka ini adalah golongan fanatik, orang-orang yang bersedia untuk menggunakan kekerasan kepada sesiapa sahaja yang didapati menentang iman agama Yahudi. Keazaman pelampau agama ini dapat dilihat dalam ikrar mereka yang serius iaitu mereka akan berpuasa sehingga mereka berjaya mencapai tujuan.

<sup>l</sup> Pemimpin-pemimpin ini datang dari keluarga berpengaruh di Yerusalem, kebanyakannya ketua suku dan ketua keluarga dalam masyarakat. Seperti ketua imam, kebanyakan mereka adalah orang Saduki. Oleh kerana jurutulis dari golongan Farisi tidak disebut, besar kemungkinan kumpulan pelampau ini mengadu kepada golongan atasan yang akan memihak kepada mereka. Orang Farisi menyokong Paulus semenjak mesyuarat sebelum ini.

<sup>m</sup> Tiada maklumat yang diketahui tentang saudara perempuan dan anak buah Paulus (ini satu-satunya ayat yang merujuk kepada saudara-mara Paulus), atau bagaimana anak muda itu mengetahui rancangan pembunuhan tersebut.

**III. Paulus Dihantar kepada Feliks (ay. 23-35)**

<sup>23</sup>Kemudian komandan<sup>n</sup> itu memanggil dua orang pegawai tenteranya dan berkata, "Siapkan dua ratus orang askar, tujuh puluh orang askar berkuda,<sup>o</sup> dan dua ratus orang askar bertombak.<sup>p</sup> Mereka harus berangkat ke Kaisarea<sup>q</sup> pada pukul sembilan malam<sup>r</sup> ini juga. <sup>24</sup>Juga siapkan beberapa ekor kuda untuk Paulus, dan jagalah keselamatannya sehingga dia sampai kepada Gabenor Feliks."<sup>s</sup> <sup>25</sup>Lalu komandan itu menulis sepucuk surat yang berbunyi seperti berikut:<sup>t</sup>

<sup>26</sup>"Yang Terutama Gabenor Feliks. Salam daripada Klaudius Lisias.<sup>u</sup> <sup>27</sup>Orang Yahudi sudah menangkap orang ini dan hendak membunuh dia. Tetapi saya mendapati dia warganegara Roma.<sup>v</sup> Oleh

itu, saya dengan pasukan saya pergi menyelamatkan dia. <sup>28</sup>Saya mahu mengetahui alasan mereka menuduh dia, maka saya membawa dia kepada Majlis Agama mereka. <sup>29</sup>Saya mendapati tuduhan mereka bersangkutan dengan hukum mereka sendiri. Dia tidak melakukan apa-apa yang patut dihukum dengan hukuman mati ataupun hukuman penjara. <sup>30</sup>Apabila saya diberitahu bahawa orang Yahudi sudah berkomplot untuk membunuh dia, dengan segera saya menghantar dia kepada Tuan Gabenor. Saya menyuruh para pendakwanya mengemukakan tuduhan mereka terhadap dia kepada Tuan Gabenor."<sup>w</sup>

<sup>31</sup>Askar-askar itu menjalankan tugas mereka dan membawa Paulus ke Antipatris<sup>x</sup> pada malam itu juga.

**Teropong**

<sup>n</sup> Keseriusan komandan tersebut dalam melaksanakan amaran tentang rancangan pembunuhan Paulus menunjukkan bahawa dia tahu Ananias adalah jenis orang yang mampu untuk menyokong perbuatan seperti itu dan komandan itu juga sedar tentang perasaan orang Yahudi terhadap Paulus dapat menjayakan rancangan.

<sup>o</sup> Komandan itu mengarahkan 470 askar uuntuk melindungi Paulus. Mereka terdiri daripada askar bersenjata, askar berkuda dan askar biasa. Walaupun ia kelihatan seperti kawalan besar-besaran bagi seorang tahanan, askar yang berjalan kaki hanya akan mengiring Paulus dalam permulaan perjalanan, yang mungkin merupakan perjalanan yang paling berbahaya (*lihat ay. 32*).

<sup>p</sup> Perkataan Yunani untuk 'askar bertombak' adalah tidak jelas dan beberapa ahli sarjana mengusulkan bahawa ia juga bermaksud 'haiwan tunggangan dan haiwan pengangkut'. Oleh yang demikian, pengiring yang dihantar untuk mengawal seorang tahanan mungkin tidak seramai yang dijangkakan.

<sup>q</sup> Kaisarea merupakan pusat ketenteraan bagi pasukan Roma dan juga tempat kediaman pegawai-pegawai kerajaan Roma yang memerintah Samaria dan Yudea. *Lihat Bab 10, nota a.*

<sup>r</sup> Askar bersenjata bertolak pada waktu malam untuk mengelak daripada dilihat orang ramai.

<sup>s</sup> Feliks merupakan gabenor Roma bagi wilayah Yudea dari 52-59 M. Gelaran 'Yang Terutama' merupakan satu nama yang digunakan untuk pegawai yang berpangkat tinggi dalam kerajaan Roma (*rujuk kepada nota tentang 'Feliks', ms. 10 untuk maklumat lanjut*).

Dengan mengatakan bahawa komandan menulis surat 'yang berbunyi seperti berikut' (bermaksud 'seperti ini'), Lukas menyatakan bahawa kandungan seterusnya ialah

maksud umum surat tersebut. Dia tidak mungkin dapat membaca surat di antara komandan Roma dan gabenor Roma. Pengetahuannya tentang surat tersebut mungkin hanya dari penceritaan Paulus, yang mungkin telah mengetahui kandungan surat tersebut apabila gabenor menggunakan apa yang tertulis dalam surat untuk menyoal Paulus.

<sup>t</sup> Format yang standard bagi sepucuk surat pada masa itu bermula dengan perkataan salam atau kata-kata hormat yang akan menyatakan (i) nama pengirim, (ii) nama penerima dan (iii) ucapan salam. Ini adalah format yang digunakan dalam semua surat dalam PB, kecuali Ibrani dan 1 Yonahes.

<sup>u</sup> Nama seorang komandan dinyatakan buat pertama kali dalam Kisah Rasul-Rasul. Klaudius Lisius ternyata orang Yunani merdeka yang telah berusaha untuk mencapai kedudukannya melalui jawatan ketenteraan dan telah membayar sejumlah wang kepada pegawai kerajaan Raja Klaudius untuk mendapat kewarganegaraan Roma (22:25-29).

<sup>v</sup> Komandan menyelitkan perkara ini untuk mendapat perkenanan gabenor. Kenyataan ini tidak benar kerana dia tidak tahu kewarganegaraan Paulus sehingga di hampir mencambuk dia dengan cemeti untuk mendapatkan maklumat (22:25-29).

<sup>w</sup> Klaudius Lisias sudah menjangka bahawa perintah seperti itu akan diberikan oleh Feliks sebaik sahaja menerima surat itu.

<sup>x</sup> Oleh kerana mereka bertolak pada jam sembilan malam, pasukan askar pengiring itu telah jauh meninggalkan Yerusalem setelah pagi menjelang. Setelah perancang pembunuhan sudah jauh ketinggalan dan kemungkinan untuk meyerang hendap semakin tipis, askar biasa kembali ke Yerusalem dan askar berkuda mengiring Paulus ke Kaisarea, kira-kira 64 km (40 batu) jauhnya.





<sup>32</sup>Keesokan harinya askar yang berjalan kaki kembali ke kubu, tetapi askar yang berkuda meneruskan perjalanan dengan Paulus. <sup>33</sup>Apabila mereka tiba di Kaisarea, mereka menyampaikan surat itu kepada gabenor dan menyerahkan Paulus kepadanya. <sup>34</sup>Gabenor membaca surat itu lalu bertanya kepada Paulus dari mana asalnya.<sup>z</sup> Apabila gabenor mengetahui bahawa Paulus berasal dari Kilikia, <sup>35</sup>gabenor berkata, “Baiklah! Saya akan memeriksa perkara kamu apabila pendakwa-pendakwa kamu tiba.” Lalu gabenor memberikan perintah supaya Paulus ditahan di dalam istana<sup>a</sup> yang dahulu dibina oleh Raja Herodes.

### I. Paulus Didakwa oleh Orang Yahudi (ay. 1-9)

**24** Lima hari kemudian,<sup>a</sup> Imam Agung Ananias dan beberapa orang pemimpin masyarakat Yahudi serta seorang peguam bernama Tertulus<sup>b</sup> pergi ke Kaisarea. Mereka menghadap Gabenor Feliks dan mengemukakan tuduhan terhadap Paulus. <sup>2</sup>Apabila Paulus dipanggil menghadap, Tertulus menuduh Paulus seperti berikut,

“Tuan Yang Terutama! Oleh sebab pimpinan tuan yang bijaksana, kami terus-menerus mengalami kesejahteraan<sup>c</sup> di negeri ini. Banyak pembaharuan pun sudah dilaksanakan untuk kebaikan negeri kami. <sup>3</sup>Kami menghargai semuanya itu dan kami sangat berterima

<sup>y</sup> Antipatris telah dibina semula oleh Herodes Agung dan dinamakan sempena bapanya, Antipater. Ia merupakan penempatan ketenteraan di antara Samaria dan Yudea, kira-kira 30 batu (48 km) dari Yerusalem.

<sup>z</sup> Jika Paulus berasal dari wilayah yang berdekatan, Feliks mungkin menyerahkan dia kepada bidang kuasa gabenor yang lain.

<sup>a</sup> Bangunan ini dibina sebagai tempat kediaman diraja oleh Herodes Agung tetapi kini ia digunakan sebagai *praetorium* (khemah jeneral) Roma, seperti tempat perundingan hal-hal diraja dan tempat tinggal pegawai yang berurusan secara langsung dengan raja. *Praetoria-pretoria* (khemah-khemah jeneral) seperti itu ada di Roma, Efesus, Yerusalem, Kaisarea dan bahagian lain empayar tersebut.



#### Teropong

<sup>a</sup> Ini adalah lima hari setelah mereka bertolak dari Yerusalem. Masa ini cukup untuk membolehkan seorang penghantar pesanan pergi ke Yerusalem dari Kaisarea, bagi Majlis Agama untuk melantik peguam mereka dan pergi ke Kaisarea.

<sup>b</sup> Tertulus mungkin orang Roma tetapi dia juga mungkin orang Yahudi Helenistik yang fasih dengan peraturan mahkamah Roma.

<sup>c</sup> Tertulus memulakan kes pertuduhan dengan memuji-muji hakim seperti yang biasa dilakukan. Ramai orang Yahudi pasti terkejut dengan puji-pujiannya yang mengatakan ‘terus-menerus mengalami kesejahteraan’ dan ‘pembaharuan’ dalam pentadbiran Feliks. Mereka langsung tidak merasakan apa-apa kesyukuran kepada gabenor itu kerana dia kejahatannya yang selalu menampakkan kekejaman, ketamakan dan panas barannya. Secara umumnya, dia tidak mempunyai rekod yang baik. Dia telah dilucutkan jawatan oleh kerajaan pusat Roma dua tahun selepas itu kerana pemerintahan yang salah. Tetapi Tertulus tahu bagaimana untuk menyenangkan hati Feliks.

<sup>d</sup> Adalah menjadi satu kebiasaan untuk berjanji supaya bercakap secara ringkas, walaupun ia jarang ditepati.

<sup>e</sup> Terdapat tiga tuduhan yang dijatuhkan ke atas Paulus. Tertulus dengan jelas sengaja menampakkan seperti Paulus mempunyai niat untuk menentang kerajaan Roma dalam dua tuduhan yang pertama. Antara tuduhan-tuduhan Paulus adalah:

i) Mengganggu ketenteraman di kalangan orang Yahudi dan dengan itu menyebabkan konflik dalam empayar, satu kesalahan yang besar di mata Kaisar.

ii) Menjadi pemimpin orang-orang Nasaret, iaitu pemimpin suatu mazhab agama yang tidak mendapat kelulusan dari Roma. Ini bertentangan dengan undang-undang Roma.

iii) Cuba untuk menajiskan Rumah Tuhan. Tertulus cuba



kasih kepada tuan. <sup>4</sup>Supaya tidak membuang banyak masa tuan, saya memohon supaya tuan sudi mendengarkan pengaduan<sup>d</sup> kami yang ringkas<sup>e</sup> ini. <sup>5</sup>Kami dapati orang ini pengacau yang berbahaya. Dia menimbulkan kekacauan di kalangan orang Yahudi di seluruh dunia dan dia pemimpin kumpulan orang Nasaret.<sup>f</sup> <sup>6</sup>Dia cuba menajiskan Rumah Tuhan,<sup>g</sup> lalu kami menangkap dia. [Kami bercadang menghakimi dia menurut Taurat kami sendiri.] <sup>7</sup>Tetapi Komandan Lisias merampas dia daripada kami. <sup>8</sup>Jika tuan menyoal orang ini, tuan sendiri dapat mengetahui kebenaran segala tuduhan kami.” <sup>9</sup>Orang Yahudi di situ juga turut menuduh Paulus dan mengatakan bahawa semua yang dikatakan oleh Tertulus itu benar.

berdebat untuk mendapatkan hak menjatuhkan hukuman mati dalam pertuduhan yang ketiga.

Semasa pemerintahannya ke atas Yudea, Feliks telah berkali-kali menyalibkan pemimpin utama pasukan pemberontak dan membunuh ramai pengikut-pengikut mereka kerana mengganggu *Pax Romana*, kesejahteraan Roma. Niat Tertulus, sebagaimana Imam Agung dan pemimpin Yahudi bersamanya, adalah untuk menyamakan kesalahan Paulus seperti pemberontak itu, dengan harapan supaya isu sensitif itu dapat membangkitkan kelakuan Feliks seperti sebelumnya berdasarkan saksi yang telah ditampilkan. Seperti penghakiman Yesus di hadapan Pilatus, tuduhan yang dibuat oleh musuh Paulus lebih banyak berkisar tentang isu-isu politik, walaupun kebencian mereka terhadap Paulus sebenarnya berkaitan dengan keagamaan.

<sup>f</sup> Ini satu-satunya tempat dalam PB di mana ‘orang Nasaret’ digunakan untuk menggelar orang Kristian. Ia merupakan istilah yang diberikan kepada Yesus sendiri dan besar kemungkinan orang Yahudi Kristian digelar seperti pemimpin mereka.

<sup>g</sup> Kini tuduhan itu beralih menjadi ‘satu percubaan untuk’, berbanding dengan tuduhan asal orang Yahudi Asia yang mengatakan bahawa Paulus menajiskan Rumah Tuhan (lihat 21:28).

## II. Paulus Membela Diri di Hadapan Feliks (ay. 10-23)

<sup>10</sup>Gabenor itu memberikan isyarat kepada Paulus bahawa dia boleh bercakap. Oleh itu Paulus berkata,<sup>h</sup> “Saya tahu bahawa tuan telah menjadi hakim negeri ini selama bertahun-tahun. Oleh itu saya bersukacita kerana dapat membela diri di hadapan tuan.<sup>i</sup> <sup>11</sup>Tuan dapat mengetahui hal itu sendiri, bahawa tidak lebih daripada dua belas hari yang lalu, saya pergi ke Yerusalem untuk beribadat.<sup>j</sup> <sup>12</sup>Orang Yahudi tidak mendapati saya bertengkar dengan sesiapa pun ataupun menimbulkan rusuhan, baik di dalam Rumah Tuhan mahupun di rumah ibadat ataupun di tempat lain di kota.<sup>k</sup> <sup>13</sup>Mereka pun tidak dapat membuktikan tuduhan yang dikemukakan kepada tuan terhadap



### Teropong

<sup>h</sup> Pengenalan Paulus kurang berbunga-bunga berbanding dengan Tertulus. Walaupun dia bermula dengan kata-kata pujian, tetapi dia melakukannya secara ringkas dan jujur.

<sup>i</sup> Feliks sudah berhubung dengan bangsa Yahudi di Palestina sejak lebih sedekad lalu, bermula di Samaria kemudian sebagai gabenor kepada semua penduduk Yudea. Oleh itu, Paulus berkata bahawa dia bersukacita dapat membela diri di hadapan seseorang yang tahu akan situasi yang dibicarakan dan mengetahui kehidupan dalam konteks mereka.

<sup>j</sup> Paulus membidas setiap tuduhan yang dikenakan kepadanya satu per satu. Pertama, Paulus datang ke Yerusalem ‘tidak lebih daripada dua belas hari lalu’ bukan untuk tujuan politik tetapi untuk keagamaan. Dia mengatakan bahawa dengan masa yang singkat itu, adalah mustahil untuk merancang pemberontakan.

<sup>k</sup> Kedua, penuduhnya tidak dapat menyampaikan tuduhan yang bernas tentang Paulus menjadi ketua pemberontak, kerana dia berseorangan apabila mereka menangkap dia di dalam Rumah Tuhan. Tambahan lagi, mereka tidak dapat memberikan masa yang tepat bila dan mana dia melakukan kekacauan di kawasan kota.

<sup>l</sup> Ketiga, tuduhan tentang Paulus menajiskan Rumah Tuhan tidak dapat dibuktikan kerana ia sama sekali tidak berasas.

<sup>m</sup> Paulus mengatakan bahawa sebab utama mengapa Ananias dan pemimpin Yahudi menentanginya adalah kerana hal agama. Dia ‘menurut ajaran Yesus’, sekumpulan orang Yahudi yang bersetuju dengan doktrin asas kebangkitan semula dalam agama Yahudi. Walaupun cara penerimaannya terhadap ‘ajaran Yesus’ berlainan dengan Ananias dan pemimpin Yahudi, hati nuraninya terhadap hal itu jelas di hadapan Allah dan juga manusia.



saya.<sup>14</sup> Saya mengaku di hadapan tuan bahawa saya menyembah Allah yang disembah oleh nenek moyang kami menurut ajaran Yesus,<sup>m</sup> yang dianggap salah oleh mereka. Tetapi saya percaya juga kepada segala yang tertulis di dalam Taurat Musa dan Kitab Nabi-Nabi. <sup>15</sup> Seperti mereka, saya berharap kepada Allah bahawa semua orang akan dibangkitkan daripada kematian -- orang baik, mahupun orang jahat! <sup>16</sup> Oleh itu saya berusaha sebaik-baiknya supaya hati nurani saya sentiasa bersih di sisi Allah dan di hadapan manusia.

<sup>17</sup> Setelah beberapa tahun meninggalkan Yerusalem, saya kembali ke situ untuk membawa wang<sup>n</sup> sumbangan bagi bangsa saya dan untuk mempersembahkan korban kepada Allah. <sup>18</sup> Apabila saya sedang melakukan perkara itu, mereka melihat saya di Rumah Tuhan setelah saya selesai melakukan upacara penyucian diri. Tidak ada orang ramai menyertai saya, dan tidak ada kekacauan berlaku di situ pada waktu itu. <sup>19</sup> Tetapi beberapa orang Yahudi

dari daerah Asia ada di situ. Sebenarnya mereka yang harus menghadap tuan<sup>o</sup> dan mengajukan tuduhan mereka, jika ada tuduhan terhadap saya. <sup>20</sup> Atau biarlah semua orang ini memberitahukan kesalahan saya<sup>p</sup> yang didapati oleh mereka pada masa saya dibawa menghadap Majlis Agama. <sup>21</sup> Mereka mendapati satu perkara sahaja: Saya mengatakan hal ini di hadapan mereka, 'Hari ini saya diadili kerana saya percaya bahawa orang mati akan dibangkitkan daripada kematian.'"

<sup>22</sup> Kemudian Feliks, yang banyak pengetahuannya<sup>q</sup> tentang ajaran Yesus, mengakhiri pembicaraan itu. Feliks berkata, "Apabila Komandan Lisias datang, saya akan memutuskan perkara ini."<sup>r</sup> <sup>23</sup> Lalu gabenor memerintahkan pegawai tentera yang menjaga Paulus supaya mengawal dia tetapi memberi dia kebebasan<sup>s</sup> yang terhad, serta membenarkan sahabat-sahabat Paulus memberikan apa yang diperlukannya.

<sup>n</sup> Ini adalah satu-satunya masa Lukas menyebut tentang pemungutan sumbangan bagi orang-orang miskin di Yerusalem, jemaah yang sangat dikasihi oleh Paulus. Dalam surat Paulus kepada jemaah di Korintus dan Roma, dia telah membawa sejumlah wang yang dikumpul dari jemaah-jemaah untuk orang-orang percaya yang miskin di Yerusalem (Rom 15:26). Ia adalah sumbangan dari orang bukan Yahudi Kristian kepada saudara seiman orang Yahudi sebagai tanda penghargaan kerana berkat injil yang datang dari Yerusalem. Melalui surat ini, sudah jelas bahawa Paulus menghabiskan masa dan tenaga untuk memungut sumbangan dan adalah penting bagi saudara seiman di Yerusalem untuk mendapatkan sumbangan tersebut.

<sup>o</sup> Paulus bermaksud bahawa sekiranya orang Yahudi dari Asia yang memulakan kekacauan benar-benar ingin menuduhnya, mereka harus hadir untuk menyatakan tuduhan tersebut di hadapan gabenor. Undang-undang Roma mengenakan hukuman berat ke atas penuduh yang tidak hadir ketika perbicaraan dan penuduh yang tidak hadir biasanya bermaksud bahawa mereka menarik balik tuduhan yang telah dibuat. Ketidakhadiran mereka menandakan bahawa mereka tidak dapat membuktikan kesalahan Paulus sehingga menyebabkan dia terpaksa dihadapkan ke mahkamah.

<sup>p</sup> Majlis Agama juga tidak dapat mencari kesalahan ke atasnya, kecuali tentang kepercayaannya terhadap kebangkitan semula, kata Paulus. Oleh itu, Paulus menyatakan bahawa dia dibicarakan hanya atas dasar kepercayaannya terhadap kebangkitan semula dan bukan kerana kesalahan politik.

<sup>q</sup> Feliks telah memerintah Samaria dan Yudea selama enam tahun. Adalah mustahil baginya untuk tidak mendengar sebarang khabar tentang orang Kristian.

<sup>r</sup> Feliks sedar bahawa tuduhan orang Yahudi terhadap Paulus hanya berkaitan dengan hal keagamaan walaupun mereka berusaha untuk membuatnya seperti hal politik. Dia memilih untuk menangguh keputusan walaupun dia berkuasa untuk membebaskan Paulus. Walau bagaimanapun, dia juga tidak membuat keputusan yang berpihak kepada pemimpin atasan Yahudi. Ananias dan Paulus tahu bahawa Feliks sengaja tidak mahu membuat keputusan dengan segera. Dengan sebab yang tersendiri, kedua-dua mereka menantikan perlintakan gabenor wilayah baru (yang akan berlaku tidak lama lagi) sebelum meneruskan sebarang tindakan.

<sup>s</sup> Sebagai warganegara Roma, Paulus dibenarkan untuk mempunyai kebebasan terkawal. Dia boleh dilawat dan dijaga oleh rakan-rakannya.

**III. Paulus di Hadapan Feliks dan Drusila (ay. 24-27)**

<sup>24</sup>Beberapa hari kemudian, Gabenor Feliks datang dengan isterinya Drusila,<sup>1</sup> seorang Yahudi. Feliks menyuruh orang memanggil Paulus, kemudian Feliks mendengarkan Paulus berkata-kata tentang kepercayaan kepada Kristus Yesus. <sup>25</sup>Tetapi apabila Paulus melanjutkan ucapannya tentang apa yang baik, tentang hal mengawal diri, dan tentang hukuman pada Hari Kiamat, Feliks menjadi takut<sup>2</sup> lalu berkata, "Kamu

boleh pergi sekarang. Saya akan memanggil kamu lagi jika ada kesempatan."<sup>26</sup>Sementara itu Feliks juga berharap Paulus akan memberi dia wang.<sup>v</sup> Oleh itu dia seringkali memanggil Paulus dan bercakap dengan dia.

<sup>27</sup>Setelah dua tahun, Perkius Festus<sup>w</sup> menggantikan Feliks sebagai gabenor. Kerana Feliks ingin mengambil hati orang Yahudi, dia membiarkan Paulus tinggal di dalam penjara.<sup>x</sup>

**Teropong**

<sup>1</sup> Drusila merupakan salah satu daripada anak perempuan Herodes Aripa (kematianya dijelaskan oleh Lukas dalam 12:20-23) dan yang paling muda di antara tiga bersaudara. Saudara perempuannya yang dua lagi adalah Bernike dan Mariam. Bernike merupakan isteri kepada Agripa II yang akan muncul dalam Bab 25.

Drusila mengahwini Azizus, raja Emesa sewaktu dia berumur 14 tahun tetapi kemudian meninggalkan suaminya untuk Feliks. Feliks sangat terpesona dengan kecantikan Drusila sehingga dia mengupah seorang bomoh dari Siprus untuk mendapatkannya. Setahun selepas berkahwin dengan Azizus, Drusila meninggalkannya untuk menjadi isteri ketiga Feliks.

Hubungan suami isteri ini didasari dengan nafsu, ketamakan dan keinginan untuk menjadi terkenal.

<sup>u</sup> Selepas mendengar tentang kekudusan, pengawalan diri dan penghakiman, Feliks mula melihat kembali ketamakan dan sikap pentingkan dirinya lalu dia diselubungi dengan rasa takut apabila mendengar perkara itu. Drusila nampaknya tersinggung dengan apa yang didengarnya kerana Lukas tidak menyebut tentangnya mendengarkan Paulus lagi.

<sup>v</sup> Sikap tamakkan wang sogokan Feliks menyebabkan dia selalu memanggil Paulus dengan harapan dia akan mendapat wang untuk membebaskan Paulus. Dia nampaknya mengetahui bahawa Paulus bertanggungjawab ke atas hal kewangan tertentu. Paulus pernah mengatakan bahawa dia datang ke Yerusalem untuk membawa wang sumbangan yang diberikan kepada orang Yahudi Kristian di sana.

<sup>w</sup> Dua tahun kemudian, Festus menggantikan Feliks sebagai gabenor Yudea. Menurut Josephus, seorang sejarahwan Yahudi, kejatuhan Feliks disebabkan oleh perselisihan di antara orang Yahudi dan orang Siria di Kaisarea. Kekerasan yang digunakannya untuk meleraikan permusuhan itu menyebabkan ramai orang Yahudi terbunuh, dipenjarakan atau jatuh muflis. Satu rombongan orang Yahudi pergi ke Roma untuk melaporkan kejadian

yang berlaku di Kaisarea. Feliks kemudian dipanggil ke Roma dan digantikan oleh Festus pada 60 M.

<sup>x</sup> Mungkin Feliks tidak mahu membangkitkan lebih banyak kemarahan di kalangan orang Yahudi kerana dia akan menghadapi mereka di hadapan mahkamah Roma tidak lama lagi kerana peristiwa yang dijelaskan dalam nota w.



Apakah respon anda sekiranya Paulus bercakap kepada anda tentang kehidupan kudus sementara menunggu kedatangan Yesus semula?

Apakah bahagian dalam hidup anda yang anda perlu serahkan kepada Tuhan supaya Dia boleh membantu anda hidup menyenangkan Dia?



Apabila Tuhan menggesa kita untuk hidup dalam kekudusan, itu bukan kerana Dia ingin menyusahkan hidup kita. Dia tahu bahawa dengan berbuat demikian, kita akan menjadi lebih seperti Yesus dan akan mengalami hidup yang sebenar. Dan kerana Dia begitu mengasihi kita, Dia telah memberikan Roh-Nya untuk hidup di dalam kita dan menguatkan kita untuk hidup dalam kehidupan baru. Anda tidak dapat melakukannya dengan kekuatan sendiri tetapi Roh Allah yang bekerja dalam hidup anda membolehkan ia terjadi.





## I. Paulus Minta Diadili oleh Kaisar (ay. 1-12)

**25** Tiga hari setelah Gabenor Festus<sup>a</sup> tiba di daerah itu, dia pergi dari Kaisarea ke Yerusalem.<sup>b</sup> Di situ ketua-ketua imam<sup>c</sup> dan pemimpin orang Yahudi<sup>d</sup> mengemukakan tuduhan mereka terhadap Paulus. Mereka memohon pertolongan Festus supaya<sup>e</sup> menghantar Paulus ke Yerusalem,<sup>e</sup> kerana mereka sudah berkomplot untuk membunuh dia di perjalanan. Tetapi Festus menjawab, "Paulus ditahan di Kaisarea dan saya sendiri pun akan segera kembali ke sana. Biarlah pemimpin-pemimpin kamu pergi dengan saya ke Kaisarea, lalu mendakwa dia jika dia memang bersalah."<sup>f</sup>

<sup>6</sup>Festus tinggal di Yerusalem kira-kira lapan atau sepuluh hari lagi, lalu dia kembali ke Kaisarea. Keesokan harinya dia duduk sebagai hakim di mahkamah dan memberikan perintah supaya Paulus dibawa menghadap. <sup>7</sup>Apabila Paulus tiba, orang Yahudi yang datang dari Yerusalem berdiri di sekelilingnya dan mula mengemukakan tuduhan-tuduhan berat, yang tidak dapat dibuktikan oleh mereka. <sup>8</sup>Tetapi Paulus membela diri dengan berkata, "Saya tidak bersalah terhadap Taurat Musa, atau terhadap Rumah Tuhan,<sup>9</sup> ataupun terhadap Kaisar Roma."<sup>h</sup>

<sup>9</sup>Tetapi Festus hendak mengambil hati orang



### Teropong

- <sup>a</sup> Bagi orang Yahudi di Palestina, Porkius Festus merupakan pengganti Feliks yang dinanti-nantikan. Tidak ada maklumat yang diketahui tentang Festus sebelum dia menyandang jawatan gabenor Yudea. Pencalonannya bagi jawatan itu juga tidak diketahui dengan pasti seperti ketibaannya di Palestina, walaupun ia dijangka di sekitar 60 M. Dia terpaksa menyelesaikan semua masalah dan ketegangan yang disebabkan oleh pemerintahan Feliks. Pemerintahannya hanya bertahan selama dua tahun kerana dia meninggal dunia pada 62 M.
- <sup>b</sup> Situasi di Palestina harus diselesaikan dengan segera untuk menenangkan pihak berlainan di kalangan bangsa Yahudi. Oleh itu, tiga hari selepas ketibaannya di Kaisarea, Festus terpaksa berangkat ke Yerusalem untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin di sana.
- <sup>c</sup> Imam Agung di Yerusalem pada waktu pemerintahan Festus ialah Ismael, dilantik oleh Agripa II untuk menggantikan Ananias di akhir-akhir pemerintahan Feliks. Walaupun begitu, Ananias terus dengan pengaruhnya di Yerusalem sehingga kematiannya di tangan orang Yahudi sendiri pada 66 M. Mungkin kerana ini Lukas menulis 'ketua imam' dan bukan hanya Imam Agung yang ada bersama dengan pemimpin-pemimpin Yahudi ketika menghadap Festus di Yerusalem.
- <sup>d</sup> Frasa 'ketua-ketua imam dan pemimpin orang Yahudi' merujuk kepada Majlis Agama.
- <sup>e</sup> Mengharapkan gabenor baru yang tidak berpengalaman, pihak berkuasa Yahudi menggesa Festus supaya memindahkan kes Paulus untuk diadili di Yerusalem. Mereka berniat untuk menyerang-hendap dan membunuh Paulus dalam perjalanan nanti. Mereka juga berharap, jika serangan mereka gagal, Paulus boleh diadili di hadapan Majlis Agama kerana bidang kuasa tempatan. Mereka boleh menuduh Paulus menajiskan Rumah Tuhan, tuduhan yang boleh membawa kepada hukuman mati.

<sup>f</sup> Festus mengagalkan rancangan mereka dengan menjemput pemimpin-pemimpin Yahudi untuk kembali bersamanya ke Kaisarea dan membuat pertuduhan terhadap Paulus di sana. Nampaknya dia hanya mahu menguruskan hal itu apabila dia pergi ke Yerusalem untuk kali pertama dan mahu meneruskan sebarang kes yang berterusan di Kaisarea terutamanya kerana pesalah sudah berada di sana.

<sup>g</sup> Paulus tidak melanggar peraturan dengan membawa Trifomus ke dalam kawasan larangan.

<sup>h</sup> Paulus memberitahkan Pemerintahan Allah tetapi bukan sebagai penentang kepada kerajaan Roma. Dia selalu mengajar untuk menghormati undang-undang dan peraturan (lihat Rom 13:1-7) dan berdoa bagi penguasa awam.

<sup>i</sup> Festus tidak tahu apa yang harus dilakukan terhadap tuduhan orang Yahudi dan penafian Paulus. Namun Majlis Agama jelas sekali ingin memindahkan kes itu ke Yerusalem untuk diadili di sana. Sebagai gabenor Yudea yang baru, Festus melihat tiada sebab mengapa dia harus menolak cadangan orang Yahudi. Dia nampaknya tidak begitu menyedari apa niat di sebalik permintaan mereka dan berfikir bahawa ia baik dari segi politik untuk mendapatkan perkenanan mereka berdasarkan pertukaran tempat.

<sup>j</sup> Festus telah mengatakan bahawa penghakiman akan dilakukan di hadapannya. Oleh itu Paulus berkeras mengatakan bahawa dia sudah berada di hadapan mahkamah Roma. Dia ingin meneruskan perbicaraan di sana daripada harus menderita di dalam tangan orang Yahudi. Paulus tahu bahawa dia akan ditimpa masalah yang lebih besar sekiranya dia dibawa ke Yerusalem. Dia akan diserahkan kepada pihak Majlis Agama. Setelah Paulus tiba di Yerusalem nanti, pihak berkuasa Yahudi akan meminta Festus untuk menyerahkan Paulus kepada mereka untuk diadili dengan tuduhan menajiskan Rumah Tuhan.



Yahudi. Oleh itu dia bertanya kepada Paulus, "Mahukah kamu pergi ke Yerusalem<sup>l</sup> supaya saya boleh mengadili kamu di sana?"

<sup>10</sup>Paulus menjawab, "Saya berdiri di hadapan mahkamah Kaisar Roma,<sup>l</sup> dan di sinilah saya harus diadili. Tuan sendiri tahu bahawa saya tidak bersalah terhadap orang Yahudi. <sup>11</sup>Jika saya sudah melanggar hukum dan melakukan sesuatu yang patut dijatuhkan

hukuman mati, saya rela mati. Tetapi jika tuduhan mereka tidak benar, tidak seorang pun boleh menyerahkan saya kepada mereka. Saya minta diadili oleh Kaisar Roma!"<sup>k</sup>

<sup>12</sup>Setelah berunding dengan para penasihatnya,<sup>l</sup> Festus menjawab, "Kerana kamu minta diadili oleh Kaisar Roma, kamu harus pergi menghadap Kaisar."

<sup>k</sup> Sebagai waganegara Roma, dia boleh menolak untuk dihantar ke mahkamah tempatan. Sebaliknya, dia memohon kepada mahkamah Roma yang lebih tinggi. Tetapi oleh kerana dia tidak pasti apa yang akan dilakukan oleh Festus terhadap hal seperti itu, Paulus menyatakan haknya yang terakhir sebagai warganegara Roma; "Saya minta diadili oleh Kaisar Roma!" Dia sangat jelas bahawa dia boleh mengharapkan keadilan dan kebebasan dari Roma sahaja, bukan dari orang Yahudi.

Pada masa itu, undang-undang Roma melindungi warganegara Roma dengan hak merayu kepada Kaisar. Setiap warganegara Roma diberikan hak untuk diadili di hadapan Kaisar sendiri (atau wakilnya) di Roma. Ini adalah mahkamah perundangan yang tertinggi, dan memenangi kes seperti itu memberi makna yang lebih dari sekadar pembebasan bagi Paulus. Agama Kristian mungkin akan diakui sah oleh pihak kerajaan sebagai satu agama yang berlainan dari agama Yahudi.

Pada masa itu, Nero telah mengambil alih takhta pemerintahan. Mungkin agak pelik mengapa Paulus meminta untuk diadili oleh Kaisar Nero (54-68 M.), orang yang menganiaya Kristian di Roma, dan bukan menyerahkan kesnya kepada Festus sama ada di Kaisarea atau Yerusalem. Tetapi awal pemerintahan Kaisar Nero dilihat sebagai Zaman Keemasan. Hanya pada sekitar 60 M barulah sikap Nero berubah dan hubungannya dengan agama Kristian menjadi keruh semasa lima tahun terakhir hidupnya.

<sup>l</sup> Mereka adalah pegawai kerajaan dan peguam yang mahir dan telah menggubal rang undang-undang bagi gabenor Roma. Perbincangan Festus dengan para penasihatnya bukan tentang adakah mereka harus menghadap Kaisar. Sebaliknya, dia harus memastikan (i) sama ada tuduhan terhadap pesalah masih dalam bidang kuasanya (ii) sama ada ia adalah adil atau patut untuk membebaskan tertuduh dan pengadilan tidak perlu dilakukan. Oleh kerana tuduhan ke atas Paulus berkaitan dengan politik atau pemberontakan, yang boleh dijatuhkan hukuman mati menurut undang-undang Roma, dan juga menajiskan Rumah Tuhan di Yerusalem, juga boleh dikenakan hukuman mati dalam hukum orang Yahudi, Festus tidak ada pilihan tetapi mengakui kesukaran kes Paulus lalu

bersetuju dengan permintaan Paulus.

Pada tahap ini, Festus masih mempunyai hak untuk membebaskan Paulus selepas permintaan tersebut. Walau bagaimanapun, tiada gabenor baru yang ingin menentang pemimpin kepada orang yang akan diperintahnya dengan membebaskan orang yang sangat dibenci oleh mereka. Ia lebih kepada keputusan politik daripada keputusan undang-undang yang harus dilakukan oleh Festus, dan mungkin dia gembira kerana dapat melepaskan diri dari kes yang sulit ini. Kerana itu dia bersetuju dengan permintaan Paulus.



Lihat bagaimana Paulus membawa diri semasa pengadilan. Apakah pendapat anda tentang perasaan Paulus ketika ini?

Fikir kembali saat anda menghadapi ketegangan atau kebimbangan dalam hidup sebelum ini. Apakah pengajaran dari Paulus yang boleh membantu anda seandainya perkara itu berulang lagi, atau sekiranya anda menghadapi perkara itu pada masa akan datang?



## II. Paulus di Hadapan Raja Agripa dan Bernike (ay. 13-27)

<sup>13</sup>Beberapa lama kemudian, Raja Agripa<sup>m</sup> dan Puteri Bernike<sup>n</sup> datang ke Kaisarea untuk menyambut kedatangan<sup>o</sup> Gabenor Festus. <sup>14</sup>Setelah beberapa hari mereka di situ, Festus menerangkan perkara Paulus<sup>p</sup> kepada Raja Agripa. Festus berkata, "Di sini ada seorang tahanan yang ditinggalkan oleh Feliks. <sup>15</sup>Semasa patik di Yerusalem, ketua-ketua imam dan para pemimpin masyarakat Yahudi mengemukakan tuduhan terhadap dia dan memohon patik menjatuhkan hukuman kepadanya. <sup>16</sup>Tetapi patik memberitahu mereka bahawa bukan kebiasaan orang Roma menyerahkan seseorang, sebelum orang itu berhadapan dengan para pendakwanya dan

berpeluang membela diri. <sup>17</sup>Apabila mereka datang ke mari, pada keesokan harinya dengan tidak membuang masa lagi patik duduk sebagai hakim di mahkamah. Lalu patik memberikan perintah supaya orang itu dibawa menghadap. <sup>18</sup>Apabila para pendakwanya berdiri untuk mengemukakan tuduhan, mereka tidak mengajukan suatu kejahatan pun seperti yang patik sangka akan dilakukan mereka. <sup>19</sup>Mereka hanya berdebat dengan dia tentang agama mereka sendiri dan tentang seorang bernama Yesus. Orang itu sudah mati, tetapi Paulus berkeras mengatakan bahawa Dia hidup. <sup>20</sup>Patik tidak dapat mengambil keputusan tentang bagaimana patik boleh mendapatkan keterangan selanjutnya tentang perkara



### Teropong

<sup>m</sup> Ini adalah Herodes Agripa II (27-100 M). Bapanya mangkat ketika dia berumur 17 tahun pada 44 M (12:23). Oleh kerana terlalu muda untuk menduduki takhta bapanya, dia digantikan oleh gabenor Roma. Oleh sebab itu, Palestin menjadi wilayah Roma yang diperintah oleh seorang gabenor. Lapan tahun kemudian, keluasan pemerintahannya semakin menular. Akhirnya dia memerintah kawasan utara dan timur laut Laut Galilea, beberapa kota di Galilea dan beberapa kota di Perea. Dia mangkat sekitar 100 M. Dia adalah keturunan Herodes yang terakhir.

<sup>n</sup> Bernike merupakan puteri sulung Agripa I, setahun lebih muda dari abangnya Agripa II. Dia berumur 16 tahun ketika bapanya mangkat. Ketika dia berumur 13 tahun, dia mengahwini bapa saudaranya, Herodes Khalkis dan melahirkan dua orang putera. Apabila Herodes mangkat, dia tinggal bersama dengan abangnya, Agripa II. Untuk menghentikan khobar angin tentang hubungan sumbang muhrim dengan abangnya, dia mengahwini Polemon, Raja Kilikia. Tetapi dia meninggalkan suaminya dan kembali kepada Agripa. Dia menjadi gundik kepada Titus, putera Kaisar Vespasian tetapi tidak dipedulikan oleh Titus.

<sup>o</sup> Sebagai pemerintah kawasan bersekutu di utara, Herodes Agripa II datang mengalu-alukan Festus, gabenor baru Yudea. Adalah kebiasaan bagi pemerintah untuk melawat pemerintah baru apabila dia sudah ditabalkan. Mereka saling menyukai dan ia merupakan perkara baik (seperti Herodes Antipas dan Pilatus, Luk 23:6-12).

<sup>p</sup> Walaupun Agripa II tidak memerintah Yudea, dia telah dilantik oleh Kaisar Klaudius untuk menjadi 'penjaga Rumah Tuhan', dengan kuasa untuk melantik Imam Agung dan bertanggungjawab untuk mengekalkan harta benda serta hal-hal imam di Rumah Tuhan. Dia telah menunjukkan minat terhadap agama Yahudi dan diakui oleh orang Roma sebagai pihak berkuasa yang mengendalikan hal ehwal agama Yahudi. Oleh itu Festus mengemukakan kes Paulus apabila Agripa melawatnya.

<sup>q</sup> Perkara ini menarik perhatian Agripa sehingga dia bukan setakat memberikan naasih, bahkan dia benar-benar ingin mendengar penjelasan Paulus sendiri. Festus dengan senang hati mengaturkan pertemuan pada keesokan harinya.

<sup>r</sup> Lukas mungkin memaksudkan sebuah perarakan dengan perkataan 'upacara kebesaran' di sini.



itu. Oleh itu patik bertanya kepada Paulus sama ada dia mahu pergi ke Yerusalem untuk diadili di sana kerana tuduhan-tuduhan itu. <sup>21</sup>Tetapi Paulus mengajukan rayuan supaya dia diadili oleh Kaisar dan supaya tetap ditahan sehingga perkaranya diputuskan. Oleh itu patik memberikan perintah supaya dia ditahan terus, sehingga patik mendapat peluang untuk menghantar dia kepada Kaisar.”

<sup>22</sup>Agripa bertitah kepada Festus, “Beta pun ingin mendengar orang itu.”<sup>a</sup> “Esok tuanku akan mendengar dia,” jawab Festus.

<sup>23</sup>Esoknya Raja Agripa dan Puteri Bernike datang lalu disambut dengan upacara kebesaran.<sup>f</sup> Baginda berdua memasuki balai mahkamah<sup>g</sup> bersama-sama para panglima angkatan perang<sup>h</sup> dan orang terkemuka di kota itu. Dengan perintah Festus, Paulus dibawa menghadap. <sup>24</sup>Lalu Festus berkata, “Tuanku Raja Agripa dan para hadirin! Orang di hadapan

patik ini didakwa oleh semua orang Yahudi, baik yang di Yerusalem mahupun yang di sini. Mereka berteriak-teriak bahawa dia tidak layak hidup lebih lama lagi. <sup>25</sup>Tetapi patik tidak mendapatkan kesalahan apa pun yang dilakukannya, yang layak dihukum dengan hukuman mati. Kerana dia sudah mengajukan rayuan supaya diadili oleh Kaisar, patik sudah mengambil keputusan untuk menghantar dia kepada Kaisar. <sup>26</sup>Tetapi patik belum mempunyai keterangan yang pasti tentang dirinya, yang dapat patik tuliskan dalam surat kepada Kaisar.” Itulah sebabnya patik menghadapkan dia kepada semua yang hadir, terutama sekali kepada Tuanku<sup>v</sup> Raja Agripa! Dengan demikian, setelah pemeriksaan ini, ada sesuatu yang dapat patik tuliskan di dalam surat itu. <sup>27</sup>Menurut pendapat patik, tidaklah patut menghantar seorang tahanan tanpa menyatakan tuduhan yang jelas terhadap dia.”

<sup>s</sup> Ini bukan dewan hakim, kerana ini bukan mahkamah. Ia merupakan auditorium yang sesuai untuk menjalankan pertemuan tersebut bersama dengan raja, adiknya, gabenor Roma dan pemimpin-pemimpin Yahudi serta pegawai Roma yang terkemuka.

<sup>t</sup> Terdapat lima rejimen yang ditempatkan di Kaisarea. Jadi, besar kemungkinan lima orang komandan juga hadir di tempat itu.

<sup>u</sup> Festus dikehendaki menghantar laporan yang lengkap kepada Kaisar bagi setiap perbicaraan yang berlaku. Dia

mengharapkan pertolongan Agripa dalam hal ini. Ini bukan perbicaraan yang sah tetapi lebih kepada sesi pendengaran untuk memuaskan hati Agripa dan untuk memberikan penilaian terhadap hal tersebut kepada Festus.

<sup>v</sup> Oleh kerana Agripa arif tentang hal-hal Yahudi, dia mungkin lebih sensitif terhadap perbezaan di antara orang Farisi dan Saduki dan harapan mereka terhadap Penyelamat, dan juga perbezaan di antara agama Yahudi dan Kristian serta adat Yahudi yang berkaitan dengan masalah mereka.





## I. Paulus Membela Diri di Hadapan Raja Agripa (ay. 1-23)

**26** Raja Agripa bertitah<sup>a</sup> kepada Paulus, “Kamu dibenarkan bercakap untuk membela diri.” Paulus memberikan isyarat dengan mengangkat tangan<sup>b</sup> lalu menyampaikan pembelaannya seperti berikut,

<sup>2</sup>“Tuanku Raja Agripa! Hamba berasa bertuah kerana dibenarkan membela diri di hadapan tuanku daripada segala tuduhan orang Yahudi, <sup>3</sup>terutama sekali kerana tuanku sangat memahami adat istiadat dan masalah orang Yahudi.<sup>c</sup> Oleh itu, hamba memohon sudilah tuanku mendengarkan keterangan hamba dengan sabar.

<sup>4</sup>Semua orang Yahudi mengetahui cara hidup hamba sejak hamba masih muda. Mereka tahu bahawa sejak permulaan, hamba hidup di negeri hamba sendiri dan kemudian di Yerusaleem. <sup>5</sup>Sudah lama mereka mengenal hamba. Jika mereka mahu, mereka dapat memberikan kesaksian bahawa sejak permulaan hamba hidup sebagai orang Farisi, dan menurut semua peraturan agama kami dengan teliti. <sup>6</sup>Sekarang hamba berdiri di hadapan tuanku kerana hamba berharap akan janji yang dibuat oleh Allah kepada nenek moyang kami.<sup>d</sup> <sup>7</sup>Janji itu juga diharap-

harapkan oleh dua belas suku Israel, sehingga mereka beribadat kepada Allah siang dan malam. Tuanku, justeru kerana harapan itulah<sup>e</sup> hamba dituduh oleh orang Yahudi.<sup>f</sup> <sup>8</sup>Mengapa saudara-saudara orang Yahudi, tidak dapat percaya bahawa Allah membangkitkan orang mati?<sup>g</sup>

<sup>9</sup>Dahulu hamba sendiri pun berpendapat bahawa hamba harus melakukan semua yang terdaya untuk menentang Yesus orang Nasaret itu. <sup>10</sup>Itulah yang hamba lakukan di Yerusaleem. Dengan surat kuasa daripada ketua-ketua imam, hamba memenjarakan banyak orang di kalangan umat Allah. Hamba pun memberikan persetujuan apabila mereka dijatuhi hukuman mati. <sup>11</sup>Sering kali hamba menyiksa mereka di rumah ibadat, dan memaksa mereka supaya tidak lagi percaya kepada Yesus.<sup>h</sup> Hamba sangat marah terhadap mereka, sehingga hamba pergi ke kota-kota lain untuk menganiaya mereka.”

<sup>12</sup>“Itulah matlamat hamba ketika pergi ke Damsyik dengan membawa surat kuasa daripada ketua-ketua imam.<sup>i</sup> <sup>13</sup>Tuanku, pada masa hamba di tengah perjalanan, kira-kira pada tengah hari, hamba melihat cahaya yang lebih terang daripada matahari.<sup>j</sup> Cahaya itu datang dari langit dan menyinari sekeliling



### Teropong

<sup>a</sup> Agripa memberi keizinan kerana Festus membenarkannya untuk mengendalikannya sesi pendengaran kes itu.

<sup>b</sup> Walaupun Paulus dirantai (ay. 29), dia boleh memberi isyarat dengan tangan seperti yang biasa dilakukan oleh seorang pemidato.

<sup>c</sup> Agripa dianggap sebagai orang yang paling berwibawa tentang agama Yahudi dan perunding bagi orang Roma dalam hal-hal keagamaan. Inilah salah satu sebab mengapa Festus mahu Agripa mengadili Paulus.

<sup>d</sup> Ia merujuk kepada harapan bahawa Allah akan menggenapai nubuatan dalam PL. Ini termasuk nubuatan tentang kerajaan Allah, Penyelamat dan kebangkitan. Bagi Paulus, ia merujuk secara terperinci kepada kepercayaannya bahawa semua itu telah digenapi oleh Yesus.

<sup>e</sup> Lebih tepat lagi, harapan yang ada dalam fikiran Paulus adalah kebangkitan dari kematian yang akan membawa penyelamatan kepada umat Tuhan. Orang Yahudi mahu merasai pengalaman ini, yang dikatakan oleh mereka sebagai ‘zaman akan datang’, dengan pengabdian kepada Allah yang ditunjukkan dengan penyembahan berterusan, siang dan malam.

<sup>f</sup> Paulus bertanya mengapa dia dituduh hanya kerana ketaatannya terhadap agama Yahudi dan harapan agama tersebut.

<sup>g</sup> Isunya adalah kepercayaan Paulus terhadap kebangkitan semula. Dia mengambil risiko untuk menyinggung dengan

bertanya mengapa ia dianggap luar biasa jika Allah mampu untuk membangkitkan orang mati, walaupun isu yang sebenar adalah mengapa kebangkitan Yesus dianggap mustahil bagi Allah.

Walaupun pada mulanya dia bercakap kepada Agripa, tetapi pada waktu ini, Paulus pasti menunjukan kata-katanya kepada yang lain juga, yang sama seperti Festus yang tidak percaya terhadap hal kebangkitan. Agripa berada di pihak Saduki kerana dialah yang melantik mereka sebagai ketua imam. Oleh itu dia berkemungkinan akan menolak berita kebangkitan Yesus dan juga hal-hal kebangkitan.

<sup>h</sup> Perkataan asal yang digunakan ialah ‘khufur’, seperti mengutuk Kristus atau meninggalkan iman mereka. Dia cuba untuk memaksa mereka sama ada mengutuk Yesus atau mengaku di hadapan umum bahawa Yesus adalah Anak Allah. Pengakuan Yesus Anak Allah boleh dianggap sebagai khufur, satu kesalahan yang cukup besar untuk menyabitkan seseorang dengan hukuman mati.

<sup>i</sup> Ini kali ketiga Paulus menceritakan pengalamannya dan setiap kali ada perkara baru dari yang sebelumnya (19:1-19, 22:6-21). Isi utama ceritanya tetap sama tetapi penceritaan yang berbeza dilakukan untuk menekankan beberapa perkara mengikut konteks situasinya ketika itu.

<sup>j</sup> Kejadian ini berlaku pada waktu tengahari, ketika matahari bersinar terik; namun Paulus masih dapat merasakan bahawa dia diselubungi dengan cahaya dari syurga yang lebih terang dari cahaya matahari.

<sup>k</sup> Frasa ini diterjemahkan kepada ‘menandang melawan penggiring lembu’ dalam versi lain. Perkataan ‘penggiring’



hamba dan semua orang yang berjalan bersama dengan hamba. <sup>14</sup>Kami semua jatuh ke tanah. Lalu hamba mendengar suara berkata kepada hamba dalam bahasa Ibrani, 'Saulus, Saulus! Mengapa engkau menganiaya Aku? Jika engkau terus melawan, engkau hanya menyakitkan dirimu sendiri; engkau seperti seekor lembu yang menendang kayu penggiring yang tajam hujungnya.' <sup>15</sup>Lalu hamba bertanya, 'Siapakah tuan?' Tuhan menjawab, 'Aku Yesus yang engkau aniaya. <sup>16</sup>Bangunlah dan berdirilah! Aku sudah menampakkkan diri kepadamu dengan tujuan melantik engkau menjadi hamba-Ku. Engkau harus memberitahu orang lain apa yang engkau lihat hari ini tentang Aku dan tentang apa yang akan Aku tunjukkan kepadamu pada masa akan datang. <sup>17</sup>Aku akan menyelamatkan engkau daripada bangsa Israel dan daripada bangsa lain yang bukan Yahudi. Aku mengutus<sup>m</sup> engkau kepada mereka, <sup>18</sup>untuk membuka mata mereka, supaya mereka keluar dari kegelapan dan memasuki cahaya yang terang; supaya mereka dilepaskan daripada kuasa Iblis lalu dikuasai oleh Allah.<sup>n</sup> Oleh itu, dengan kepercayaan mereka kepada-Ku, dosa mereka akan diampunkan dan mereka akan menjadi umat yang dipilih oleh Allah.'"<sup>o</sup>

<sup>19</sup>"Tuanku Raja Agripa! Itulah sebabnya hamba sentiasa berusaha untuk mentaati penglihatan yang

hamba terima dari syurga. <sup>20</sup>Hamba memberitahu orang bahawa mereka harus bertaubat daripada dosa lalu datang kepada Allah, serta melakukan perkara-perkara yang membuktikan bahawa mereka sudah bertaubat. Hamba mengajarkan hal itu mula-mula di Damsyik dan di Yerusalem, kemudian di seluruh negeri orang Yahudi dan orang bukan Yahudi. <sup>21</sup>Kerana hal inilah orang Yahudi menangkap hamba sementara hamba di dalam Rumah Tuhan dan mereka cuba membunuh hamba. <sup>22</sup>Tetapi sehingga saat ini Allah telah menolong hamba, dan sekarang hamba berdiri di sini untuk memberikan kesaksian kepada semua orang, baik orang besar mahupun orang biasa. Apa yang hamba katakan sama dengan apa yang dikatakan oleh nabi-nabi dan Musa.<sup>p</sup> <sup>23</sup>Mereka mengatakan bahawa Penyelamat yang diutus oleh Allah harus mengalami penderitaan,<sup>q</sup> dan menjadi orang pertama yang bangkit daripada kematian. Dengan demikian Dia mengisytiharkan penyelamatan kepada orang Yahudi dan bukan Yahudi. Penyelamatan itu seperti cahaya bagi mereka."

## II. Festus dan Agripa Menjawab Paulus (ay. 24-32)

<sup>24</sup>Sementara Paulus membela diri, Festus berseru,<sup>r</sup> "Paulus, kamu gila! Ilmu kamu yang banyak itu sudah menyebabkan kamu gila!" <sup>25</sup>Tetapi Paulus

merujuk kepada sejenis alat yang digunakan untuk merangsang pergerakan lembu. Ini adalah peribahasa Yunani bagi usaha melawan yang sia-sia atau usaha untuk melawan takdir – di sini lembu itu hanya mencederakan diri sendiri jika ia melawan penggiring yang tajam hujungnya.

<sup>1</sup> Perintah untuk 'berdiri' atau 'bangun' merupakan permulaan kepada perintah Yesus kepada Paulus untuk 'pergi'. Perlantikan Paulus sebagai rasul dibentuk oleh Lukas untuk menyerupai panggilan nabi lain dalam PL seperti Yesaya, Yehezkiel dan lain-lain. Dalam setiap kes, perkataan 'mengutus' digunakan. Sebagaimana Allah 'mengutus' nabi-Nya untuk menyampaikan firman kepada umat-Nya, Kristus juga 'mengutus' rasul-rasul untuk mengajar dan memberitakan injil dalam nama-Nya. Ini termasuk Paulus yang telah 'diutus' untuk menjadi seorang rasul kepada orang-orang bukan Yahudi (ay.17).

<sup>m</sup> Frasa 'Aku mengutus engkau' boleh diterjemahkan kepada 'Aku menjadikan engkau rasul'. Yesus sedang memerintahkan Paulus, meletakkan kuasa ke atasnya untuk menjadi rasul kepada orang-orang bukan Yahudi.

<sup>n</sup> Bererti melepaskan diri dari kegelapan kuasa iblis dan juga masuk ke dalam kerajaan Allah yang dipenuhi dengan terang dan kuasa.

<sup>o</sup> Janji pengampunan adalah sebahagian dari ajaran injil sejak dari mula lagi. Begitu juga dengan menjadi ahli komuniti umat Tuhan.

<sup>p</sup> Frasa 'nabi-nabi dan Musa' ini merujuk kepada PL.

<sup>q</sup> Musa dan nabi-nabi lain meramalkan tiga peristiwa: Kristus atau Penyelamat akan mengalami kesengsaraan, Dia adalah orang pertama yang bangkit dari kematian dan Dia akan memberitakan terang kepada umat-Nya sendiri serta kepada orang-orang bukan Yahudi. Secara ringkas, Yesus yang dikatakan oleh Yesaya sebagai Hamba Allah Yang Sengsara telah menggenapi nubuatan ini –menderita lalu mati bagi dosa kita, ditinggikan dan diagungkan, dan menjadi terang kepada orang-orang bukan Yahudi.

Paulus terus-menerus bercakap tentang hal kebangkitan semasa perbicaraannya, bukan untuk mengapi-apikan orang Farisi dan Saduki tetapi ingin menunjukkan bahawa kebangkitan Yesus merupakan perkara paling utama dalam Injil. Oleh itu ajaran tentang penderitaan dan kebangkitan Yesus adalah tulang belakang kepada agama Kristian pada masa itu.



### Teropong

<sup>r</sup> Pada masa ini Festus menyampuk ucapan Paulus kerana tidak dapat menahan dirinya lagi. Tiada orang Roma yang waras boleh percaya dengan hal-hal orang yang bangkit dari kematian. Gabenor itu berfikir bahawa pendidikan Paulus tentang Kitab Suci telah menyebabkan dia tergilagilakan nubuatan dan kebangkitan. Kata-kata seperti itu dianggap tidak waras oleh masyarakat di sana.



menjawab, “Hamba tidak gila, Tuan Yang Terutama. Kata-kata yang hamba ucapkan itu benar dan keluar daripada fikiran yang waras. <sup>26</sup>Tuanku Raja Agripa, hamba berani berkata-kata di hadapan tuanku dengan terus terang,<sup>s</sup> kerana tuanku faham akan perkara-perkara itu. Hamba yakin bahawa tuanku mengetahui semuanya, kerana hal-hal itu tidak berlaku di tempat yang tersembunyi. <sup>27</sup>Tuanku Raja Agripa, hamba tahu bahawa tuanku percaya kepada apa yang dikatakan oleh nabi-nabi itu!”<sup>t</sup>

<sup>28</sup>Raja Agripa bertitah kepada Paulus, “Kamu fikir kamu boleh menjadikan beta seorang Kristian, dalam tempoh yang singkat ini?”<sup>u</sup>

<sup>29</sup>Paulus menjawab, “Dalam tempoh yang singkat ataupun dalam tempoh yang panjang, hamba berdoa kepada Allah supaya tuanku dan para hadirin yang mendengarkan hamba hari ini boleh menjadi seperti hamba -- tetapi tidak dirantai seperti hamba.”<sup>v</sup>

<sup>30</sup>Kemudian raja, gabenor, Puteri Bernike, dan semua orang yang lain berdiri.<sup>w</sup> <sup>31</sup>Setelah mereka ke luar, mereka bercakap sesama sendiri, “Orang ini tidak melakukan apa-apa, sehingga dia patut dihukum mati atau dipenjarakan.” <sup>32</sup>Lalu Raja Agripa berkata kepada Festus, “Sebenarnya orang ini dapat dibebaskan, jika dia tidak mengajukan rayuan supaya perkaranya diadili oleh Kaisar.”

<sup>s</sup> Paulus beralih kepada raja Agripa untuk mendapatkan sokongan. Pelayanan Yesus sangat terkenal di Palestina, dan Agripa pasti pernah mendengar tentangnya. Kematian dan kebangkitan Yesus tersebar luas dan Injil Kristian kini telah diberitakan selama tiga dekad. Sudah pasti raja mengetahui hal itu, kerana ia dilakukan secara terbuka. Paulus tahu bahawa raja itu pasti akan percaya kepada nabi-nabi dan menurut Paulus, kepercayaan seseorang itu yang akan membawanya kepada Kristus. Jadi pesalah kini menjadi peguamcara dan dia berkata-kata dengan berani dengan menyoal raja sekiranya dia percaya kepada nabi-nabi atau tidak.

<sup>t</sup> Raja Agripa kini berhadapan dengan dilema. Jika dia berkata ‘Ya’, Paulus akan memaksanya untuk menyetujui penganapan nubuatan-nubuatan dalam Yesus. Jika dia berkata ‘Tidak’, dia akan ditimpa masalah dengan orang-orang alim Yahudi, yang menerima mesej nabi sebagai firman Allah sendiri.

<sup>u</sup> Soalan Paulus yang berani memalukan Agripa. Dia harus mempertahankan reputasinya di hadapan Festus serta pegawai-pegawai lain. Sama ada dia pernah memikirkan kata-kata Paulus secara peribadi atau tidak, dia terlalu ego untuk mengaku diri sendiri terhadap apa yang dianggap gila oleh orang ramai. Jadi dia menyoal Paulus kembali.

<sup>v</sup> Paulus mungkin bercakap dengan begitu bersemangat di hadapan para pendengar sehingga dia sedar bahawa dia sedang bercakap tentang kebebasan rohani sedangkan dirinya sedang dirantai. Jadi dia menambah bahawa dia mengharapkan supaya mereka tidak akan dirantai sepertinya sekiranya mereka menerima Injil.

<sup>w</sup> Paulus telah mengahiri kata-katanya, dan komen terakhirnya membuat dewan itu mula menjadi huru-hara. Dengan itu Agripa menyuraikan sesi pendengaran lalu pergi bersama-sama dengan Festus dan Bernike ke ruang hadirin untuk membincangkan hal tersebut. Agripa mungkin sudah mendengar secukupnya dan mengarahkan Festus tentang apa yang harus ditulisnya dalam laporan yang akan dihantar ke Roma.

Mereka membuat kesimpulan bahawa Paulus tidak melakukan sebarang kesalahan yang melayakkan dia untuk menerima hukuman mati atau penjara. Agripa telah didengar mengatakan “Sebenarnya orang ini dapat dibebaskan, jika dia tidak mengajukan rayuan supaya perkaranya diadili oleh Kaisar.” Komen ini tidak bermaksud bahawa seorang gabenor tidak boleh membebaskan seorang tahanan selepas diadili oleh Kaisar. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, status Paulus bukan sahaja berkaitan dengan undang-undang tetapi juga politik. Gabenor perlu memikirkan hubungannya dengan orang-orang Yahudi yang diperintahnya.



Pada pendapat anda, mengapakah Raja Agripa mengelak untuk menjawab soalan Paulus?

Apakah persoalan atau masalah dalam hidup yang anda cuba hadapi dan selesaikan sekarang?

Apakah yang ingin Tuhan sampaikan kepada anda? Apakah respon anda terhadap Dia?



**Mahukah anda membawa pergumulan anda kepada Tuhan dalam doa saat ini? Ambil masa untuk berdiam dan mendengar apa yang Tuhan ingin sampaikan kepada anda. Ketahuilah bahawa Tuhan mengasihi anda dan Dia tidak mahu menyalahkan anda dalam semua kelemahan dan pergumulan yang anda sedang alami.**

**I. Paulus Belayar ke Roma (ay. 1-12)**

**27** Setelah diputuskan bahawa kami<sup>a</sup> harus belayar ke Italia, Paulus dan beberapa orang tahanan lain diserahkan kepada Yulius,<sup>b</sup> pegawai tentera daripada rejimen Roma<sup>c</sup> yang disebut “Rejimen Kaisar”.<sup>2</sup> Kami menaiki kapal yang datang dari Adramitium,<sup>d</sup> yang sudah siap untuk belayar ke pelabuhan-pelabuhan<sup>e</sup> di daerah Asia. Aristarkhus,<sup>f</sup> seorang Makedonia yang datang dari Tesalonika, juga bersama-sama kami. <sup>3</sup>Keesokan harinya kami tiba di Sidon.<sup>g</sup> Yulius memperlakukan Paulus dengan baik.<sup>h</sup> Dia membenarkan Paulus melawat sahabat-sahabatnya,

supaya mereka dapat memberikan apa yang diperlukan oleh Paulus. <sup>4</sup>Dari situ kami meneruskan pelayaran. Kerana angin berlawanan dengan arah kapal, kami belayar menyusur pulau Siprus<sup>i</sup> yang agak terlindung daripada angin. <sup>5</sup>Kami menyeberangi lautani<sup>j</sup> yang berhadapan dengan Kilikia<sup>k</sup> dan Pamfilia lalu tiba di Mira<sup>l</sup> di negeri Likia. <sup>6</sup>Di situ pegawai tentera itu mendapatkan kapal yang datang dari Aleksandria<sup>m</sup> dan akan belayar ke Italia. Oleh itu dia memindahkan kami ke kapal itu.

<sup>7</sup>Selama beberapa hari kami belayar dengan lambat sekali, dan dengan susah payah akhirnya kami tiba di kota Knidus.<sup>n</sup> Kerana angin terlalu kuat, kami

**Teropong**

<sup>a</sup> Penceritaan dengan kata ganti nama ‘kami’ bermula lagi. Perkataan itu terakhir ditulis di 21:18. Mungkin Lukas tinggal berdekatan ketika Paulus dipenjarakan di Kaisarea selama dua tahun dan sekarang dia kembali menyertai Paulus bersama dengan yang lain.

<sup>b</sup> Yulius adalah seorang kapten tentera (*lihat Bab 10, nota b*). Tidak ada maklumat lain yang diketahui tentangnya.

<sup>c</sup> Pasukan tentera Roma di tempatkan dalam nombor pasukan masing-masing, dan setiap rejimen mempunyai gelaran atau nama. Pengenalan sebagai ‘Agustan’, Imperial’ atau ‘Kaisar’ adalah perkara biasa.

<sup>d</sup> Mereka mungkin bertolak dari Kaisarea. Adramatium merupakan sebuah pelabuhan di pantai barat wilayah Asia, di tenggara Troas.

<sup>e</sup> Yulius bercadang untuk berpindah ke kapal lain yang menuju ke Roma di salah satu daripada perhentian ini.

<sup>f</sup> Lihat 19:29 dan 20:4 untuk maklumat lanjut tentang Aristarkus. Surat Paulus kepada jemaat di Kolose dan Filemon seperti menyatakan bahawa dia telah mengembara bersama dengan Paulus sehingga ke Roma dan tinggal bersama dengan Paulus ketika dia dipenjarakan di sana.

<sup>g</sup> Kapal itu mengangkut muatan di Sidon, sebuah pangkalan purba Fenisia yang terletak kira-kira 113 km (70 batu) di utara Kaisarea. Di sini, Paulus dibenarkan untuk melawat jemaah Kristian di kota. Orang Kristian di kota ini mungkin telah diinjili oleh orang Kristian Helenis yang diusir dari Yerusalem ketika penganiayaan Stefanus (11:19).

<sup>h</sup> Sebagai warganegara Roma yang telah dibicarakan di hadapan Kaisar, Paulus mempunyai keistimewaan yang lebih daripada tahanan yang lain. Ketua tentera dapat melihat kelainan Paulus sebagai orang berpendidikan melalui rakan-rakan yang melawatnya.

Ketua tentera Yulius mungkin telah diperintahkan oleh Festus untuk berlembut dengan Paulus, dan memang tidak diragui lagi Paulus telah memberikan gambaran yang baik kepadanya. Namun seorang askar harus selalu mengawasinya semasa lawatannya.

<sup>i</sup> Mereka berlindung dari pulau Siprus dengan belayar ke utara di kawasan timur pulau tersebut. Kemudian belayar ke arah barat di sepanjang persisiran utara. Ini kerana angin barat yang bertiup ketika musim bunga berhembus di kawasan timur Laut Tengah.

Dua setengah tahun sebelumnya Paulus dan rakannya pernah belayar dengan angin dari barat dari Patara ke Tirus dan melalui Siprus di bahagian selatan (*lihat 21:3*). Kini, mereka bergerak lebih perlahan kerana kapal mereka belayar melawan arah angin, dan mereka cuba untuk belayar di sepanjang pantai untuk berlindung dari angin tersebut.

<sup>j</sup> Untuk menyeberangi laut di antara Siprus dan Kilikia, kapal tersebut belayar ke arah barat ke Mira di Likia, di barat daya persisiran Asia Kecil. Ia dibantu oleh angin darat dan arus yang mengalir ke arah barat di sepanjang pantai. Perjalanan dari Sidon ke Mira biasanya mengambil masa selama 10-15 hari melalui persisiran ini.

<sup>k</sup> Kedua-dua Pamfilia dan Kilikia adalah wilayah yang berdekatan di sebelah persisiran selatan Asia Kecil.

<sup>l</sup> Mira adalah kota yang paling baik reka-bentuknya di Likia dengan bangunan awam yang menonjol, stadium yang besar dan makmur. Ia menjadi tempat persinggahan bagi kapal-kapal muatan gandum dari Mesir yang akan dihantar ke Roma. Sesuai dengan kemudahan itu, ia juga menjadi kota penyimpanan hasil tuaian gandum.

Kota Mira menjadi semakin penting kerana mempunyai daya pandu arah yang semakin baik. Kini, kapal-kapal semakin berani untuk belayar terus dari Aleksandria di Mesir hingga ke pelabuhan seperti di Mira di persisiran

tidak dapat meneruskan pelayaran ke jurusan itu. Oleh itu kami belayar ke selatan pulau Kreta melalui Tanjung Salmons<sup>8</sup> supaya terlindung daripada angin. <sup>8</sup>Dengan susah payah kami belayar menyusur pantai pulau itu, dan akhirnya kami tiba di suatu tempat bernama Pelabuhan Indah,<sup>9</sup> tidak berapa jauh dari kota Lasea.<sup>9</sup>

<sup>9</sup>Pada waktu itu Hari Pengampunan Dosa<sup>r</sup> orang Yahudi sudah lalu. Kami tinggal lama di situ sehingga bukan masanya lagi untuk belayar dengan aman.<sup>5</sup> Oleh itu Paulus menasihatkan mereka begini, <sup>10</sup>“Saudara-saudara, menurut pendapat saya, mulai

sekarang perjalanan kita sangat berbahaya. Bukan sahaja muatan dan kapal kita akan mengalami kerosakan besar, bahkan nyawa pun akan hilang.”

<sup>11</sup>Tetapi pegawai tentera itu lebih percaya kepada kapten kapal dan pemilik kapal<sup>l</sup> daripada kata-kata Paulus. <sup>12</sup>Pelabuhan di situ memang tidak baik bagi kapal untuk tinggal pada musim sejuk. Oleh itu kebanyakan anak kapal ingin belayar dan meninggalkan pelabuhan itu, serta berharap dapat sampai ke Feniks,<sup>o</sup> lalu tinggal di situ sepanjang musim sejuk. Feniks itu pelabuhan di Kreta yang menghadap barat daya dan barat laut.

selatan Asia Kecil, dan bukan lagi belayar dari satu tempat ke satu tempat seperti dahulu. Ia tidak termasuk dalam laluan Roma ke Mesir tetapi angin dari barat menyukarkan kapal untuk belayar secara langsung ke arah barat.

<sup>m</sup> Di sana, Yulius berkerjasama dengan pemilik kapal gandum yang lebih besar dari Aleksandria untuk membawa askar dan tahanan dalam perjalanan yang lebih jauh ke Italia.

Aleksandria diasaskan oleh Aleksander Agung dan merupakan ibu kota Roma bagi kawasan sebelah bawah Mesir. Pelabuhanya sesuai bagi tujuan perdagangan dan ketenteraan dan ia pelabuhan utama untuk hasil gandum di Roma. Aleksandria juga merupakan salah satu daripada kota budaya yang penting, universitinya (di bentuk sama seperti sekolah-sekolah di Atena) terkenal dengan ilmu matematik, ilmu angkasa, perubatan serta kesusasteraan. Perpustakaan di Aleksandria menjadi perpustakaan yang terbesar di dunia dengan jumlah kira-kira 400,000 hingga 900,000 buah buku dan skrol. Penduduk-penduduk Aleksandria terdiri daripada orang Yahudi, Yunani dan Mesir. Orang Yahudi menganggap kota ini sebagai kota mereka dan mereka semakin berkembang di sana.

<sup>n</sup> Setelah meninggalkan Mira, kapal tersebut bergerak perlahan di sekitar pulau Kos dan Rodes menuju ke pangkalan Knidus, di hujung barat daya Asia Kecil. Knidus merupakan pelabuhan yang terakhir sebelum meneruskan pelayaran ke arah barat yang merentasi Laut Aegean sebelum tiba di tanah Yunani. Pelayaran itu mungkin mengambil masa selama 10 hingga 15 hari.

<sup>o</sup> Pada masa ini, angin selatan bertiup di sepanjang Laut Aegean. Oleh itu kapal tersebut terpaksa belayar ke arah barat di sepanjang pesisiran Krete, sebuah pulau yang panjang di tenggara Greece. Mereka melalui Tanjung Salmon di hujung Krete, kapal itu memasuki sebuah teluk kecil yang dikenali sebagai Pelabuhan Indah.

<sup>p</sup> Pelabuhan Indah merupakan pelabuhan di pertengahan selatan pesisiran Krete.

<sup>q</sup> Lasea merupakan sebuah kota yang berjarak 8 km (5 batu).

<sup>r</sup> Pengemudian di bahagian Laut Tengah ini selalunya merbahaya selepas 14 September dan semakin dahsyat selepas 11 November. Kapal tersebut telah kehilangan masa yang genting setelah meninggalkan Mira, dan jelas sekali bahawa tidak ada harapan lagi untuk sampai ke Italia sebelum musim dingin.

<sup>s</sup> Hari Pengampunan Dosa, perayaan utama orang Yahudi yang jatuh pada hujung September atau Oktober sudah berlalu. Dalam pengiraan orang Yahudi, tarikh pelayaran yang sesuai adalah dari Pentakosta (Mei-Jun) sehingga Perayaan Pondok Daun yang disambut lima hari selepas hari Pengampunan Dosa. Oleh itu, Paulus memberi amaran tentang bahaya yang akan menimpa mereka sekiranya mereka meneruskan perjalanan.

<sup>t</sup> Akan tetapi, pemilik dan nakhoda kapal tidak mahu menghabiskan musim dingin di pelabuhan yang kecil dan terbuka seperti Pelabuhan Indah. Mereka berharap dapat melalui musim ini di tempat yang lebih besar dan selamat seperti pelabuhan Feniks, 65 km (40 batu) di barat Pelabuhan Indah. Walau bagaimanapun, kapal tersebut akan tededah kepada angin utara ketika berada di perantaraan pelabuhan tersebut sebelum dapat berlindung di pesisiran berdekatan dengan Feniks. Ketua tentera itu bersetuju dengan nakhoda dan pemilik kapal untuk menghabiskan tempoh musim dingin di Feniks.

<sup>u</sup> Feniks merupakan sebuah bandar utama yang berfungsi sebagai tempat persinggahan pada musim dingin, kerana pelabuhannya yang terlindung dari ribut.

**II. Badai di Laut (ay. 13-38)**

<sup>13</sup>Pada waktu itu angin selatan mula bertiup dengan lembut, dan anak kapal menyangka mereka boleh belayar lagi. Oleh itu mereka membongkar sauh lalu belayar menyusur pantai pulau Kreta. <sup>14</sup>Tetapi tidak lama kemudian angin yang sangat kuat, yang disebut angin Timur Laut,<sup>y</sup> membadai dari darat, <sup>15</sup>dan memukul kapal kami. Kerana kapal tidak dapat belayar melawan angin, kami membiarkan kapal mengikut angin. <sup>16</sup>Kami terlindung sedikit apabila kami melalui sebelah selatan pulau Kauda<sup>w</sup> yang kecil. Di situ dengan susah payah kami berjaya menyelamatkan sekoci kapal.<sup>x</sup> <sup>17</sup>Setelah mereka menaikkan sekoci itu ke kapal, mereka memperkuat kapal dengan menggunakan tali yang diikatkan melingkar kapal itu.

Kerana mereka takut terdampar di tebing pasir Sirtis,<sup>y</sup> mereka menurunkan layar dan membiarkan kapal mengikut angin. <sup>18</sup>Angin terus-menerus membadai, sehingga keesokan harinya muatan kapal mula dibuang<sup>z</sup> ke dalam laut. <sup>19</sup>Hari berikutnya anak kapal juga membuang sebahagian daripada alat-alat kapal. <sup>20</sup>Berhari-hari kami tidak dapat melihat matahari dan bintang, dan angin pun terus-menerus membadai. Akhirnya lenyaplah segala harapan kami untuk selamat.

<sup>21</sup>Setelah beberapa lama mereka tidak makan, Paulus berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata, "Saudara-saudara sepatutnya menurut nasihat saya dan tidak belayar dari Kreta, maka kita tidak akan mengalami kerosakan dan kerugian ini. <sup>22</sup>Tetapi sekarang janganlah khuatir, kerana tidak seorang pun

**Teropong**

<sup>v</sup> Anak-anak kapal menggelar angin ini sebagai 'Euroquilo' (timur laut). Ia merupakan badai yang membentuk seperti ribut kuat, yang bertiup dari timur laut. Mereka tidak dapat melawan badai tersebut. Ia memukul kapal menjauhi destinasi mereka.

<sup>w</sup> Setelah dipukul oleh angin sejauh 37 km (23 batu) sehingga tiba di sebuah pulau kecil bernama Kauda, kapal itu berjaya berada di bahagian pulau yang terlindung dari angin timur laut. Ia cukup untuk memberikan mereka waktu yang diperlukan bagi membuat persediaan menghadapi badai.

<sup>x</sup> Ini adalah kapal kecil yang diikat di belakang kapal. Ia menyukarkan pergerakan dan pengendalian kapal. Ia juga berbahaya sekiranya ia menghempas kapal apabila dipukul angin atau ombak, oleh itu kapal kecil ini terpaksa diturunkan ke laut. Anak-anak kapal menarik dingi (pelampung) yang dipenuhi dengan air, mengukuhkan kapal itu dengan tali untuk mengelaknya daripada terbelah dan melabuhkan sauh supaya kapal itu tidak melanggar pasir di persisiran Afrika.

<sup>y</sup> Ia merupakan kawasan pasir jerlus di persisiran Libia, sebuah negara di utara Afrika. Ia masih jauh, tetapi sebuah kapal boleh dihanyutkan sejauh itu apabila berada di tengah badai.

<sup>z</sup> Ini dilakukan untuk meringankan kapal tersebut. Walau bagaimanapun, mereka masih menyimpan beberapa guni gandum (lihat ay. 38).

<sup>aa</sup> Versi lain menterjemahkannya sebagai Laut Adria. Ini adalah laut di perantaraan Italia, Malta, Krete dan Greece. Pada zaman purbakala, Laut Adria berlanjutan sehingga ke selatan Sisilia dan Krete.

<sup>b</sup> Besar kemungkinan mereka mendengar bunyi gelombang besar, ombak yang menghempas pantai dan mengagak mereka berada di tepi pantai.

<sup>c</sup> Mereka mengukur kedalaman air dengan menurunkan tali yang diikat dengan batu.

<sup>d</sup> Untuk mengelak kapal daripada terlanggar batu di sepanjang persisiran dalam keadaan gelap, mereka melabuhkan empat sauh dan menunggu sehingga fajar menyingsing.

<sup>e</sup> Akan tetapi Paulus sedar akan perbuatan mereka. Dia tahu bahawa tiada anak kapal yang akan melabuhkan sauh dalam keadaan seperti itu. Seandainya anak-anak kapal itu meninggalkan kapal untuk menyelamatkan diri, penumpang yang lain tidak akan dapat melabuhkan kapal tersebut di tepi pantai pada keesokan harinya. Dia tahu bahawa melabuhkan kapal tanpa anak-anak kapal adalah sukar.

<sup>f</sup> Jadi, Paulus memberi amaran kepada Yulius bahawa semua akan hancur sekiranya anak-anak kapal meninggalkan kapal tersebut. Walaupun Yulius tidak mendengar nasihat Paulus sebelum ini, Yulius mendengar nasihat dalam hal ini dan mengarahkan askar-askarnya untuk memotong tali yang mengikat dingi dan membiarkannya jatuh.

<sup>g</sup> Ribut itu terlalu kuat sehingga sukar untuk menyediakan makanan. Kualiti kepimpinan Paulus sekali lagi bermanfaat di sini.

Setelah mengarahkan semua orang di atas kapal untuk makan, dia mengambil roti, mengucap syukur kepada Tuhan dan memakannya. Orang lain dalam kapal terdorong apabila melihat perbuatan Paulus lalu melakukan hal yang sama.



akan mati, hanya kapal ini tidak dapat diselamatkan. <sup>23</sup>Saya berkata demikian kerana semalam Allah yang memiliki saya dan yang saya sembah, menyuruh malaikat-Nya datang kepada saya. <sup>24</sup>Malaikat itu berkata, 'Janganlah takut, Paulus! Engkau akan menghadap Kaisar. Oleh sebab kebaikan hati Allah kepadamu, semua orang yang belayar denganmu akan selamat.' <sup>25</sup>Oleh itu tabahkanlah hati saudara-saudara. Saya percaya kepada Allah, bahawa segala-galanya akan berlaku seperti yang dikatakan-Nya kepada saya. <sup>26</sup>Tetapi kita akan terdampar di pantai suatu pulau."

<sup>27</sup>Pada malam yang keempat belas, kami terapung-apung di Laut Tengah.<sup>a</sup> Kira-kira tengah malam, anak kapal mengagak<sup>b</sup> kapal sedang mendekati darat. <sup>28</sup>Oleh itu mereka melempar batu duga<sup>c</sup> untuk mengukur dalamnya laut. Ternyata tempat itu sedalam kira-kira empat puluh meter. Tidak lama kemudian mereka mengukur lagi dan mendapati laut di tempat itu sedalam tiga puluh meter. <sup>29</sup>Mereka takut kapal akan terkandas pada batu karang. Oleh itu mereka menurunkan empat buah sauh<sup>d</sup> dari buritan kapal, lalu berdoa agar fajar segera menyingsing.

<sup>30</sup>Anak kapal cuba melarikan diri dari kapal. Mereka menurunkan sekoci ke laut lalu berpura-pura hendak menurunkan sauh dari bahagian depan kapal. <sup>31</sup>Tetapi Paulus berkata kepada pegawai tentera dan askar-askar di kapal itu, "Jika anak kapal tidak tinggal di kapal, saudara semua tidak boleh selamat."<sup>e</sup> <sup>32</sup>Oleh itu askar-askar mengerat tali<sup>f</sup> yang mengikat sekoci lalu membiarkan sekoci itu hanyut.

<sup>33</sup>Sebelum fajar menyingsing, Paulus memohon supaya mereka semua makan.<sup>g</sup> Paulus berkata, "Sudah empat belas hari saudara-saudara menunggu-nunggu dalam keadaan tegang, dan selama itu tidak makan apa-apa. <sup>34</sup>Oleh itu saya menggesa saudara-saudara supaya makan. Saudara semua memerlukan tenaga untuk menyelamatkan diri; saudara semua akan selamat dan tidak cedera." <sup>35</sup>Setelah itu Paulus mengambil roti, lalu mengucap syukur kepada Allah di hadapan mereka semua. Kemudian Paulus membahagi roti itu dan mula makan. <sup>36</sup>Semangat mereka pulih, lalu mereka pun makan. <sup>37</sup>Bilangan orang di kapal itu 276<sup>h</sup> orang. <sup>38</sup>Setelah semua orang makan dengan secukupnya, mereka membuang muatan gandum ke laut,<sup>i</sup> supaya kapal menjadi ringan.

<sup>h</sup> Sekarang barulah Lukas menyatakan jumlah orang yang berada di atas kapal itu. Mungkin kerana pengagihan makanan, mereka terpaksa mengira jumlah orang dan Lukas sendiri mungkin terlibat dalam pembahagian makanan.

<sup>i</sup> Setelah memakan makanan dan kembali bertenaga, mereka membuang lebihan muatan gandum yang mungkin disimpan untuk bekalan makanan ke dalam laut. Lebih mudah untuk melabuhkan kapal yang ringan.

Adakah anda tahu bahawa Tuuhan juga mengaggap anda berharga dan Dia juga turut mendengar seruan hati anda?


Mahukah anda membawa apa sahaja perkara dalam hati di hadapan Tuhan dan percaya bahawa Dia tahu jawapan bagi setiap seruan anda?



Pada pendapat anda, apakah perasaan yang dialami oleh Paulus dan rombongannya semasa ribut terjadi?



Bagaimanakah Tuhan menjawab seruan hati mereka?



**III. Kapal Terkandas (ay. 39-44)**

<sup>39</sup>Apabila hari sudah siang, anak kapal melihat pantai, tetapi mereka tidak mengenal teluk itu. Jika dapat mereka bercadang hendak mendarat di situ. <sup>40</sup>Oleh itu mereka memotong tali sauh dan membiarkan semua sauh tenggelam di laut. Mereka juga membuka tali<sup>i</sup> yang mengikat kemudi. Kemudian mereka menaikkan layar di haluan kapal supaya angin meniup kapal itu ke hadapan dan menuju ke pantai. <sup>41</sup>Tetapi kapal itu melanggar tebing pasir. Bahagian depan kapal itu terkandas lalu tidak dapat bergerak, sedangkan bahagian belakang kapal hancur dipukul

ombak yang kuat.

<sup>42</sup>Askar-askar di kapal bercadang membunuh semua orang tahanan,<sup>k</sup> supaya orang tahanan tidak dapat berenang ke darat lalu melarikan diri. <sup>43</sup>Tetapi pegawai tentera itu mahu menyelamatkan Paulus,<sup>l</sup> maka dia melarang mereka melakukan hal itu. Sebaliknya dia memerintahkan semua orang yang dapat berenang supaya terjun terlebih dahulu dan berenang ke pantai. <sup>44</sup>Yang lain menyusul dengan bergayut pada papan atau pecahan kapal itu. Dengan cara demikian kami semua selamat sampai ke darat.

**Teropong**

<sup>j</sup> Mereka melakukan hal ini untuk menurunkan buritan kapal supaya ia dapat dikemudi ke daratan. Kapal purbakala mempunyai pendayung kemudi di kedua-dua penghujung kapal.

<sup>k</sup> Peraturan ketenteraan Roma menegaskan bahawa sesiapa pengawal yang melepaskan tahanan akan berhadapan dengan hukuman yang sama dengan tahanan tersebut. Oleh itu, para askar ingin membunuh tahanan, kerana tidak mahu mereka melepaskan diri ketika berenang ke daratan.

<sup>l</sup> Walaupun begitu, Yulius ingin menyelamatkan Paulus lalu mencegah hal ini daripada berlaku dan mengarahkan semuanya berenang ke daratan atau berpaut pada sesuatu. Lalu Tuhan membawa mereka semua ke tepi pantai dengan selamat seperti yang dijanjikan-Nya kepada Paulus (ay. 24).

**Mari Fikir Sejenak**

- Tuhan menepati janji-Nya kepada Paulus.
- Apakah janji Tuhan kepada anda yang anda rasa belum ditunaikan?
- Apakah yang Tuhan ingin katakan kepada anda melalui ayat-ayat Alkitab ini?

**Ayat Hafalan**

*Allah bukan manusia, Dia tidak berdusta;  
Allah bukan insan, Dia tidak mengubah  
fikiran. Apa yang dijanjikan-Nya akan  
dipenuhi-Nya; apa yang difirmankan-  
Nya pasti dilakukan-Nya.  
(Bilangan 23:19)*





## I. Di Malta (ay. 1-10)

**28** Setelah kami mendarat dengan selamat, baru kami tahu bahawa pulau itu bernama Malta.<sup>a</sup>

<sup>2</sup>Penduduk pulau<sup>b</sup> itu sangat mesra dengan kami. Hujan mula turun dan udara pun sejuk. Oleh itu mereka menyalakan api dan menyambut kami semua. <sup>3</sup>Paulus mengumpulkan kayu dan ketika dia meletakkan kayu di atas api, seekor ular<sup>c</sup> keluar kerana bahang api itu lalu memagut tangan Paulus. <sup>4</sup>Apabila penduduk pulau itu melihat ular terjantai pada tangan Paulus, mereka bercakap sesama sendiri, “Orang ini tentu pembunuh, tetapi dewi yang bernama Keadilan<sup>d</sup> tidak membenarkan dia hidup, meskipun dia selamat daripada bahaya di laut.” <sup>5</sup>Tetapi Paulus mengibaskan ular daripada tangannya sehingga ular itu jatuh ke dalam api, dan Paulus tidak cedera.

<sup>6</sup>Mereka menjangka tangan Paulus akan bengkok, atau tiba-tiba dia akan rebah mati. Tetapi setelah menunggu beberapa lama dan tidak ada sesuatu yang luar biasa berlaku kepadanya, mereka berubah fikiran lalu berkata bahawa Paulus itu dewa.<sup>e</sup>

<sup>7</sup>Tidak jauh dari tempat itu terdapat tanah yang dimiliki oleh Publius,<sup>f</sup> gabenor<sup>g</sup> pulau itu. Dia menyambut kami dengan baik dan selama tiga hari kami menjadi tetamunya. <sup>8</sup>Pada masa itu bapanya sedang demam dan menderita cirit-birit.<sup>h</sup> Paulus masuk ke biliknya, lalu berdoa sambil meletakkan tangannya pada bapa yang sakit itu dan sembuhlah dia. <sup>9</sup>Kerana peristiwa itu, semua orang sakit di pulau itu datang kepada Paulus, dan mereka semua disembuhkan. <sup>10</sup>Mereka memberi kami banyak hadiah, dan apabila kami hendak belayar, mereka membawa bekalan ke kapal bagi perjalanan kami.



### Teropong

<sup>a</sup> Malta adalah sebuah pulau dan berada di bawah pemerintahan wilayah Sisilia. Ia terletak kira-kira 93 km (58 batu) di selatan Sisilia. Pada zaman Paulus, pulau itu terkenal kerana kamkuran serta reka bentuk bangunannya, dan penduduk asal bertutur dalam dialek Fenisia.

<sup>b</sup> Perkataan yang digunakan ialah ‘gasar’, perkataan yang bermaksud ‘orang yang bertutur dalam bahasa asing, yang tidak bertutur dalam bahasa Yunani’.

<sup>c</sup> Perkataan Yunani secara literal menyebutnya sebagai ‘ular tedung’. Ia mungkin terkenal di kalangan penduduk pulau sebagai ular berbisa. Oleh itu mereka menjangkakan Paulus akan mati kerana bisa ular tersebut.

<sup>d</sup> Mereka mungkin menganggapnya sebagai dewi Keadilan orang Yunani. Orang Malta mempunyai tuhan yang sama. Apabila Paulus dipagut oleh ular itu, penduduk pulau menyangka bahawa Paulus adalah seorang pembunuh yang terlepas dari dewi Keadilan kerana dia tidak mati semasa di laut.

<sup>e</sup> Hal ini sama seperti di Listra di mana orang ramai mula menyembah Paulus dan Barnabas (14:11-18). Di Listra, orang ramai itu sangat mudah berubah hati kerana mereka menggelar Paulus dan Barnabas sebagai dewa kemudian merejam mereka dengan batu. Di sini, Paulus digelar sebagai pembunuh kemudian sebagai dewa.

<sup>f</sup> Ini adalah nama Roma, dan besar kemungkinan dia adalah gabenor pulau tersebut.

<sup>g</sup> Dia adalah ‘orang terpenting’ di Malta, istilah teknikal bagi penguasa tinggi.

<sup>h</sup> Ini mungkin penyakit yang dikatakan oleh doktor sebagai ‘demam Malta’, disebabkan oleh mikro organisma yang terkandung dalam susu kambing Malta. Demam ini biasanya berterusan sehingga empat bulan dan kadang-kadang sehingga dua atau tiga tahun.

**II. Dari Malta ke Roma (ay. 11-16)**

<sup>11</sup>Tiga bulan kemudiannya kami belayar dari pulau itu dengan kapal dari Aleksandria yang menggunakan lambang "Dewa Kembar".<sup>i</sup> Kapal itu sudah berlabuh di pulau itu sepanjang musim sejuk. <sup>12</sup>Kami tiba di kota Sirakusa<sup>k</sup> dan tinggal di situ selama tiga hari. <sup>13</sup>Dari situ kami belayar lagi dan tiba di kota Regium.<sup>l</sup> Keesokan harinya angin mula bertiup dari selatan dan dalam dua hari kami tiba di kota Putioli.<sup>m</sup> <sup>14</sup>Di situ kami berjumpa dengan beberapa orang yang

percaya kepada Yesus, dan dengan jemputan mereka kami tinggal dengan mereka selama seminggu.<sup>n</sup> Lalu tibalah kami di Roma. <sup>15</sup>Pengikut Yesus di Roma mendengar khabar tentang kami. Mereka datang sampai ke Pasar Apius<sup>o</sup> dan ke Penginapan Tiga<sup>p</sup> untuk menyambut kami. Apabila Paulus berjumpa dengan mereka, dia bersyukur kepada Allah kerana hal itu menggalakkan dia.

<sup>16</sup>Apabila kami<sup>q</sup> tiba di Roma, Paulus dibenarkan tinggal seorang diri<sup>r</sup> dengan dikawal oleh seorang askar.

**Teropong**

<sup>i</sup> Mereka harus tinggal di sini sehingga waktu pelayaran tiba kira-kira pada hujung Febuari atau awal Mac.

<sup>j</sup> Seperti tempat penginapan, kapal dinamakan sesuai dengan ukiran kepala kapal tersebut seperti, bentuk yang diukir pada lekuk atau bahagian hadapan kapal. Kapal ini mempunyai ukiran Kastor dan Poluks, 'putera kembar Zeus', dewa pengemudian Yunani dan dewa pelindung anak-anak kapal.

<sup>k</sup> Sirakusa merupakan bandar utama di pulau Sisilia, terletak di persisiran timur.

<sup>l</sup> Regium merupakan sebuah pekan di persisiran Italia, berdekatan dengan kawasan barat daya tanjung.

<sup>m</sup> Putioli terletak hampir 322 km (200 batu) dari Regium. Ia merupakan pelabuhan utama Roma walaupun berjarak sejauh 121 km (72 batu). Penduduknya terdiri dari pada orang Yahudi dan Kristian.

Mereka melalui jalan darat pada akhir perjalanan. Selepas beberapa kilometer dari Putioli, mereka akan berada di laluan Apius yang menuju terus ke utara Roma. Ini adalah laluan yang paling tua, lurus dan sempurna dari semua laluan di Roma.

<sup>n</sup> Atas sebab-sebab tertentu, Yulius merasakan mereka harus tinggal di Putioli selama seminggu dan selama tempoh itu dia memberikan kebebasan kepada Paulus (walaupun mungkin diawasi oleh seorang askar) untuk mencari orang percaya di tempat itu dan bersekutu dengan mereka.

<sup>o</sup> Beberapa orang Kristian dari Roma datang untuk berjumpa dengannya dan mengiringnya ke Roma. Sebilangan dari mereka mengiring sehingga di Pasar Apius, salah satu daripada 'tempat perhentian' yang dibina selang 16 km (10 batu) sehingga 24 km (15 batu) di sepanjang sistem laluan Roma. Pasar tempatan banyak wujud di sekitar hentian-hentian ini.

<sup>p</sup> Yang lain hanya mampu sampai sehingga di Penginapan Tiga, tempat perhentian lain kira-kira 53 km (33 batu) dari

Roma. Istilah 'penginapan' atau 'motel' digunakan untuk apa sahaja jenis kedai. Paulus sangat bersyukur kepada Tuhan dengan rombongan yang menghantarnya sehingga Lukas menyebut hal ini secara terperinci.

<sup>q</sup> Dengan ayat ini (ay. 16), perkataan 'kami' berakhir dalam Kisah Rasul-Rasul. Melihat kepada salam Paulus dalam Kol 4:10-14 dan Fil 23-24 (berdasarkan tulisan Roma asal surat ini), Lukas dan Aristarkhus berada bersama dengan Paulus sepanjang penahanannya di Roma, sekali-sekali dilawat oleh sahabat seperti Epafras, Yohanes Markus, Demas dan Yesus (nama keluarganya Yustus).

<sup>r</sup> Dia tidak melakukan kesalahan berat dan bukan pesalah politik yang berbahaya. Jadi, dia dibenarkan untuk tinggal bersendirian di rumahnya sendiri, dan diawasi oleh seorang askar sepanjang masa. Belunggu yang dipakainya (ay. 20) mungkin dipakaikan di pergelangan tangannya. Namun di mata Lukas, Paulus memasuki Roma dengan jayanya. Dengan kedatangannya, Injil kini mula menebusi lingkaran para pegawai kerajaan di ibu kota dan empayar tersebut. Tuhan menggunakan penahanannya selama dua tahun di sana untuk menyebarkan berita Kerajaan Allah dan Tuhan Yesus Kristus di seluruh bandar itu.

**Mari Fikir Sejenak**

Fikirkan satu atau dua orang rakan Kristian yang lain dan fikirkan apa yang anda boleh lakukan untuk mendorong mereka. Tuliskan perkara itu di bawah dan pastikan anda membawanya sepanjang minggu ini.



### III. Paulus di Roma (ay. 17-31)

<sup>17</sup>Selepas tiga hari, Paulus memanggil pemimpin-pemimpin orang Yahudi tempatan. Sesudah mereka berkumpul, dia berkata kepada mereka, “Saudara-saudara orang Yahudi, saya tidak bersalah apa-apa terhadap bangsa kita atau melanggar adat resam yang kita terima daripada nenek moyang kita. Meskipun demikian saya ditangkap di Yerusalem dan diserahkan kepada bangsa Roma. <sup>18</sup>Setelah memeriksa perkara saya, orang Roma hendak membebaskan saya kerana mereka tidak mendapati saya melakukan kesalahan yang patut dihukum dengan hukuman mati. <sup>19</sup>Tetapi orang Yahudi menentang keputusan itu, dan saya terpaksa mengajukan rayuan supaya diadili oleh Kaisar Roma,

meskipun saya tidak mempunyai tuduhan terhadap bangsa saya sendiri. <sup>20</sup>Tulah sebabnya saya minta berjumpa dengan saudara-saudara supaya boleh bercakap dengan saudara semua. Sebenarnya saya dibelenggu<sup>s</sup> seperti ini, kerana Dia yang diharapkan oleh bangsa Israel.”

<sup>21</sup>Lalu mereka berkata kepadanya, “Kami belum menerima sepucuk surat pun dari Yudea tentang perkara saudara. Tiada seorang pun daripada mereka yang datang membawa khabar tentang saudara, atau bercakap buruk tentang saudara.<sup>1</sup>

<sup>22</sup>Tetapi kami ingin mendengar pendapat saudara, kerana kami tahu bahawa orang di serata tempat mencela kumpulan yang saudara anggotai.” <sup>23</sup>Oleh itu mereka dan Paulus menetapkan satu hari untuk bertemu. Pada hari itu banyak orang<sup>u</sup> datang ke



#### Teropong

<sup>s</sup> Paulus mungkin dibelenggu kepada pengawal Romanya.

<sup>t</sup> Besar kemungkinan orang Yahudi di Roma memilih untuk tidak mengendahkan hal ini. Setelah diusir dari Roma pada 49 atau 50 M kerana rusuhan tentang agama Kristian dalam masyarakat mereka (lihat 18:2), dan baru sahaja kembali ke kota mereka setelah kematian Klaudius pada 54 M, mereka tidak bersedia untuk terlibat dalam kes Paulus pada 61 M. Mereka ternyata mempunyai pendapat mereka sendiri mengenai hal itu.

Oleh itu, mereka berusaha untuk tidak campur tangan dalam hal Paulus dan agama Kristian. Tetapi mereka ada mengatakan bahawa mereka sanggup untuk mendengarkan pandangan Paulus tentang ‘mahab baru’ tersebut pada masa akan datang.

<sup>u</sup> Jadi mereka melakukan pertemuan yang kedua, dan lebih ramai orang yang datang ke rumah Paulus.

<sup>v</sup> Ini merujuk kepada kitab-kitab PL.

<sup>w</sup> Ayat ini dipetik dari Yes 6:9-10 yang menubuatkan penolakan orang Yahudi terhadap Yesus sebagai Mesias. Umat Allah diberitahu bahawa sebanyak manapun mereka mendengar dan melihat, mereka tidak akan pernah faham dan menerima apa yang dikatakan oleh Allah kepada mereka. Ini adalah hukuman ilahi ke atas mereka kerana mereka telah mengeraskan hati untuk menerima firman Allah. Mereka membenarkan diri sendiri menjadi buta dan pekak oleh kebimbangan tentang apa yang akan mereka dengar atau lihat dari firman Allah dan menerima kesembuhan dari-Nya.

Dia memetik nubuatan ini bukan hanya menerangkan kedegilan Israel tetapi juga untuk meletakkan dasar kepada perkara yang seterusnya, iaitu mesej ‘keselamatan dari Tuhan’ diberikan secara langsung kepada orang-orang bukan Yahudi yang menerimanya dengan hati terbuka kerana sikap keras hati orang Israel.

Ini adalah petikan yang biasa didengar oleh jemaah awal. Ia pernah dipetik oleh Yesus (Luk 8:10) dan Yohanes dalam injilnya juga.



tempat tinggal Paulus. Dari pagi hingga petang Paulus menjelaskan ajarannya tentang Pemerintahan Allah. Dia berusaha untuk meyakinkan mereka tentang Yesus dengan menggunakan ayat-ayat dari Taurat Musa dan Kitab Nabi-Nabi.<sup>24</sup> Ada orang yang percaya kepada apa yang dikatakan oleh Paulus, tetapi ada juga yang tidak percaya.<sup>25</sup> Dengan pendirian yang berlainan mereka meninggalkan tempat itu, kerana Paulus mengatakan hal ini kepada mereka, “Memang benar apa yang dikatakan oleh Roh Allah melalui Nabi Yesaya kepada nenek moyang saudara-saudara!”<sup>26</sup> Allah berfirman,<sup>w</sup>

‘Pergilah dan katakan hal ini kepada bangsa ini: Kamu akan mendengar dan mendengar, tetapi tidak faham; kamu akan melihat dan melihat, tetapi tidak nampak,

<sup>27</sup>kerana seolah-olah fikiran bangsa ini tumpul, telinga pekak, dan mata buta. Jika mereka tidak

demikian, tentu mata mereka akan melihat, telinga akan mendengar, dan fikiran boleh mengerti, sehingga mereka akan kembali kepada-Ku, dan Aku pun akan menyembuhkan mereka.”

<sup>28</sup>Akhirnya Paulus berkata, “Saudara-saudara harus tahu bahawa perkhabaran tentang penyelamatan yang dikurniakan oleh Allah, sekarang sudah dihabiskan kepada orang bukan Yahudi. Mereka akan menerimanya!”<sup>29</sup> [Setelah Paulus berkata demikian, orang Yahudi meninggalkan tempat itu sambil bertengkar sesama sendiri dengan sengit].

<sup>30</sup>Selama dua tahun<sup>x</sup> Paulus tinggal di Roma, di rumah yang disewanya sendiri. Dia menyambut sesiapa sahaja yang datang melawatnya.<sup>31</sup> Dengan kebebasan dan keberanian, Paulus mengkhabarkan ajaran tentang Pemerintahan Allah, dan memberikan ajaran tentang Tuhan Yesus Kristus.

<sup>x</sup> Lukas tidak menyatakan secara terperinci tempoh dua tahun yang dihabiskan oleh Paulus di Roma kerana dia bukan sedang menulis biografi Paulus. Tetapi ketika badai di laut, malaikat Tuhan telah meyakinkan Paulus bahawa dia akan berdiri di hadapan Kaisar (27:24). Oleh itu, Lukas ingin pembacanya mengetahui bahawa kes Paulus, apa pun keputusannya, telah dibicarakan di hadapan mahkamah tinggi.

Gambaran terakhir yang diberikan oleh Lukas adalah Paulus yang mengajar kepada orang-orang bukan Yahudi tentang mesej sama yang pernah diajarnya di sepanjang buku Kisah Rasul-Rasul dengan penuh keberanian dan tidak ragu-ragu. Tiada manusia yang dapat menghentikan penyebaran dan keunggulan Injil.

Dengan membiarkan bukunya seperti tidak berpenghujung, Lukas ingin menunjukkan bahawa penginjilan rasuli pada abad yang pertama bermula dari cerita yang akan berterusan sehingga Pemerintahan Allah berlaku (Kis 1:11).



Sekarang anda sudah berada di penghujung penjelajahan pelajaran Kisah Rasul-Rasul. Jika seseorang bertanya tentang isi kandungan buku Kisah Rasul-Rasul, apakah respon yang anda berikan?

Apakah beberapa perkara penting yang telah anda pelajari melalui penjelajahan anda dengan Kisah Rasul-Rasul?

## Senarai Rujukan

Alexander, David and Pat, eds. *The Lion Handbook to the Bible* (England: Lion Publishing, 1973)

Bromiley, Geoffrey W. et. al, eds. *The International Standard Bible Encyclopedia* (Grand Rapids: Eerdmans, 1988)

Bruce, F.F., *The Acts Of The Apostles* (London: The Tyndale Press, 1962)

Bruce, F.F., *The Book Of Acts Revised. The New International Commentary on the New Testament* (Grand Rapids: Eerdmans, 1988)

Douglas, J.D. et. al, eds. *New Bible Dictionary* (Leicester: Intervarsity-Press, 1982)

Gundry, Robert H., *A Survey Of The New Testament* (Carlisle: The Paternoster Press, 1994)

Marshall Rev. F., *Acts Of The Apostles* (London: Folkestone and Hastings).

Morgan G. Campbell, *Acts Of The Apostles* (London : Pickering & Inglis Ltd, 1965)

*NIV Bible Commentary* (Grand Rapids: Zondervan)

*NIV Bible Dictionary* (Grand Rapids: Zondervan)

Punton, Anne, *The World Jesus Knew* (Crowborough: Olive Press 1996)

Stott, John R.W., *The Message Of Acts. The Bible Speak Today* (Leicester: Inter-Varsity Press, 1990)

*The Greek-English New Testament* (Washington: the Iversen-Norman Associates, 1975)

*The NIV Study Bible Kenneth Barker*, gen. ed. (Grand Rapids: Zondervan, 1985)

---

